




# MELAKA

dan

# Arus Gerakan KEBANGSAAN MALAYSIA



Diselenggarakan oleh  
Abdul Latiff Abu Bakar



**MELAKA**  
dan  
**Arus Gerakan**  
**KEBANGSAAN**  
**MALAYSIA**

# MELAKA dan Arus Gerakan KEBANGSAAN MALAYSIA

*Diselenggarakan oleh*  
Abdul Latiff Abu Bakar

*(diterbitkan dengan kerja sama Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Melaka,  
dan Kerajaan Negeri Melaka)*



**Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia**



**Penerbit Universiti Malaya**

PERPUSTAKAAN NEGARA



1000331145

Diterbitkan bersama oleh  
Penerbit Universiti Malaya  
Lembah Pantai  
50603 Kuala Lumpur  
Malaysia.

Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia  
GRAHA PATRIOTISME  
No. 8, Kompleks Mutiara  
Lot 1056, Jalan Batu Berendam  
75350 Melaka.

Dengan kerja sama  
Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Melaka, dan  
Kerajaan Negeri Melaka

© Para penulis/pembentang 1996  
Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara sekalipun termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman, atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Penerbit.

Pengatur huruf: AMA  
Muka taip teks: Arrus BT  
Saiz taip teks: 10/14

Perpustakaan Negara Malaysia

Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Melaka dan arus gerakan kebangsaan Malaysia/diselenggarakan  
oleh Abdul Latiff Abu Bakar.

ISBN 967-9940-91-8 (kulit lembut)

967-9940-93-4 (kulit keras)

1. Nationalism-Malaysia-History. 2. Patriotism-Malaysia-History.

3. Patriotism-Melaka-History. 4. Melaka-History.

I. Abdul Latiff Abu Bakar.

320.540959509

Dicetak oleh Penerbit Universiti Malaya, Lembah Pantai, 50603 Kuala Lumpur,  
Malaysia. D

300.540959509

MEL

D 887780

21 NOV 1997  
Perpustakaan Negara  
Malaysia

# **MELAKA**

**BANDAR RAYA BERSEJARAH  
NEGERI BERBUDAYA**

**Perpaduan dan Patriotisme**  
**Warisan Kita**

# KANDUNGAN

## KATA ALU-ALUAN

vii

— YAB Datuk Seri Haji Mohd Zin Haji Ab. Ghani —

## MUKADIMAH

ix

— Haji Mohd. Jamil Mukmin —

## PENGENALAN: Konsep Patriotisme Dan Nasionalisme

I

— Abdul Latiff Abu Bakar —

## Wira Melayu Dalam Konteks Patriotisme Zaman Kesultanan Melaka

9

— Mohd. Yusoff Hashim —

## Kerja Sama Serantau Mengusir Penjajah Di Persekitaran Selat Melaka

31

— Yahaya Abu Bakar —

## Gerakan Penentangan Terhadap Kuasa Barat Di Melaka

51

— Abdullah Zakaria Ghazali —

**Pemikiran Abdullah Munshi Dan Ibrahim Munshi Tentang  
Orang Melayu**

83

— Zainal Abidin Borhan —

**Peranan Penulisan Dalam Gerakan Kebangsaan Di Malaysia**

99

— Abdul Latiff Abu Bakar —

**Gerakan Islah Islamiah: Kajian Terhadap Tiga Tokoh  
Pelopornya**

117

— Mohd. Sarim Haji Mustajab —

**Pengaruh Indonesia Dalam Aliran Kiri Gerakan Kebangsaan  
Melayu**

147

— Ahmat Adam —

**Gerakan Pertubuhan Kebangsaan Dalam Memperjuangkan  
Kemerdekaan**

171

— Abdul Aziz Mat Ton —

**Gerakan Kebangsaan Dan Proses Pembentukan Negara:  
Bangsa Malaysia**

195

— Mahadzir Mohd. Khir —

**Ketahanan Bangsa Dan Kelangsungan Negara: Malaysia  
Dalam Era Globalisasi**

215

— Mohamad Abu Bakar —

**Kepimpinan Melayu 1945–1957**

233

— Ramlah Adam —

# KATA ALU-ALUAN

MELAKA yang mendapat jolokan “Negeri Bersejarah” adalah di antara negeri yang terawal dan terpenting memainkan peranan dalam gerakan kebangsaan di Malaysia. Gerakan ini dapat dijejak sedari zaman keemasan dan kegemilangan Empayar Melayu Melaka lagi sehinggalah memasuki era pemerintahan bangsa asing iaitu Portugis, Belanda, British, Jepun, dan British semula. Pencerobohan dan kemasukan tanpa restu dan izin bangsa-bangsa ini telah mencetuskan elemen-elemen gerakan kebangsaan ataupun semangat patriotisme.

TARIKAN Melaka terletak pada kemakmuran dan kedudukannya yang strategik. Melaka menjadi rebutan sehingga mencetuskan perbalahan dan penaklukan dunia luar yang ingin memiliki Melaka. Jadi tidak hairanlah banyak peristiwa penting sejarah negara sebenarnya bermula di Melaka. Melaka pernah muncul sebagai Empayar Melayu yang terbesar di Nusantara. Sejarah penyebaran Islam secara besar-besaran di Nusantara juga bermula di Melaka. Negeri pertama dijajah Barat juga Melaka. Sejarah gerakan kebangsaan dan seterusnya perisytiharan kemerdekaan Malaysia juga bermula di negeri Melaka. Jadi bertepatan sekali slogan “Melaka di mana segalanya bermula”.

SECARA tabii, peradaban masyarakat berubah mengikut suasana dan masa. Ada peradaban yang telah menjadi sejarah, tidak kurang juga peradaban yang sedang dibina masa kini berdasarkan sejarah masa lalu. Apabila pemikir-pemikir masa kini seperti Francis Fukuyama dan Samuel Huntington hangat memperkatakan soal dan isu akan meletus suatu pertentangan sengit dalam peradaban masyarakat akan datang, mereka sebenarnya merujuk kepada sejarah yang lalu berhubung dengan



tamatnya “perang dingin” di kalangan kuasa-kuasa besar dunia, lantas mereka juga mempopularkan idea unggulnya yang disebut sebagai penghujung sejarah (*the end of history*). Sama ada keunggulan yang retorik atau semata-mata akan menjadi realiti, mereka sebenarnya merujuk pada keadaan dan peristiwa sejarah yang lepas. Mereka menyaksikan suasana dunia hari ini, semata-mata untuk meramalkan sesuatu yang akan terjadi di dalam sejarah peradaban masyarakat. Perkara ini yang sebenarnya pernah dikatakan oleh Imam Besar al-Ghazali bahawa corak masyarakat akan datang adalah ditentukan oleh keadaan golongan muda masa kini.

SEBAGAI sebahagian daripada warga dunia, kita telah pun melalui gelombang pertama, iaitu “gelombang pertanian”, kini kita sedang melalui gelombang kedua iaitu “gelombang perindustrian”, dan kini sama ada disedari atau tidak, kita sedang berhadapan dengan gelombang ketiga iaitu “gelombang teknologi maklumat”. Kehadiran gelombang ketiga ataupun teknologi maklumat ini tentulah sukar ditahan. Bagaimanapun, penerimaan gelombang ini menyebabkan kita terdedah pada anasir-anasir dan pembaharuan-pembaharuan global ini atau lebih dikenali dengan “era globalisasi”, kita wajib mengekalkan dan mempertahankan idea dan maruah, keunggulan dan ke-luhuran teras dan budaya sebagai warga dan bangsa Malaysia.

ADA bukti-bukti yang menegaskan bahawa peradaban-peradaban yang wujud di negara ini dibawa melalui proses sejarahnya. Suasana politik, keadaan ekonomi, sosial, kebudayaan, dan kemasyarakatan yang kita saksikan hari ini adalah hasil daripada aktiviti-aktiviti sejarah dan evolusi peradaban masyarakat yang berabad-abad ini. Maka tentunya, salah satu induk dan teras kebudayaan ini ialah sejarahnya. Tegasnya, pemikiran dan sikap kita harus bercorak global, tetapi akar dan wadahnya hendaklah bercorak negara kita. Seperti kata bijak pandai dan bestari Melayu lama “pohon dan puncak ke

angkasa sedangkan tunjang dan akarnya menerjah dan mencengkam ke bumi”.

KITA bersyukur, sementara ada negara di dunia ini yang cuba merubah, memutarbelitkan fakta sejarah atau memadamkan hakikat dan peri hal sejarahnya tetapi kerajaan dan masyarakat negara kita ini terus prihatin kepada sejarah. Sementara para sarjana dan sejarawan kita giat membongkar dan menyelidik pelbagai aspek dan dimensi sejarah negara ini, ada pemimpin-pemimpin negara kita membuktikan keprihatinan secara langsung dan memberi komitmen total kepada ilmuan sejarah. Penubuhan Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP) yang ditunjangi oleh kerajaan negeri Melaka membuktikan fakta ini. Saya berasa gembira kerana gagasan kerajaan negeri Melaka ini telah mendapat sokongan penuh daripada para sejarawan dan pencinta sejarah negara ini. Ini termasuklah jabatan-jabatan Sejarah dari Universiti-universiti tempatan dan juga Persatuan Sejarah Malaysia.

RAMAI cendekiawan dan juga ahli sejarah yang menyatakan bahawa sejarah teras tamadun bangsa. Kata-kata ini yang sebenarnya adalah dicipta daripada kajian dan juga pengalaman-pengalaman lampau bahawa sejarah adalah asas kepada pembinaan bangsa pada masa kini dan juga pada masa akan datang. Sejarah merupakan suatu proses evolusi peradaban masyarakat yang berkesinambungan sifatnya tetapi sentiasa mengalami perubahan dan bersaling kait di antara satu sama lain. Pemikiran terhadap proses evolusi ini adalah penting. Ia boleh menjadi rangka kerja (*frame work*) untuk kita merangka suatu proses tesis yang senantiasa mencari kebenaran dan ketulusan berasaskan fakta dan bukti sahih. Memahami tentang kebenaran sejarah masa silam boleh memupuk sifat jati diri, identiti masyarakat, dan semangat kewarganegaraan dalam usaha untuk membina keperibadian bangsa Malaysia. Menanamkan sikap toleransi dalam kehidupan bermasyarakat, semangat sivik yang tinggi, kerukunan dalam kehidupan

bermasyarakat, berfahaman kreatif hasil pengetahuan masa lalu dan seperti mana yang dialami peradaban masyarakat masa silam adalah tanggungjawab yang perlu diberi keutamaan.

KATA seorang negarawan Barat “sesuatu bangsa yang besar dan berrmaruah adalah bangsa yang tahu nilai, menghargai, menghayati, dan menyelami sejarahnya”, begitu juga kata-kata bijak pandai ini, “sejarah bangsa zaman lampau hendaklah dijadikan rujukan di dalam membina sejarah bangsa akan datang”. Seajar dengan falsafah dan juga kata-kata itu, seminar “Melaka Dalam Arus Gerakan Kebangsaan Malaysia” yang dianjurkan oleh Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP) dan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Melaka (PSMCM) ini adalah suatu kegiatan yang amat penting yang harus diberi sokongan oleh semua pihak. Diharapkan seminar ini dapat menepati matlamatnya untuk mewujudkan kesedaran tentang peranan dan proses gerakan kebangsaan di kalangan masyarakat Malaysia hari ini.

**YAB Datuk Seri Haji Mohd Zin Haji Ab. Ghani  
Ketua Menteri Melaka**

---

Teks ini dipetik daripada teks ucapan YAB Ketua Menteri Melaka di Majlis Perasmian Seminar Melaka Dalam Arus Gerakan Kebangsaan Malaysia, di Hotel Emperor Melaka, pada 16 Disember 1994.

# MUKADIMAH

SAYA bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan izinnya, buku, *Melaka dan Arus Gerakan Kebangsaan Malaysia* dapat diterbitkan. Buku yang pertama diterbitkan oleh Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP) ini mengandungi kumpulan 12 kertas kerja yang ditulis dan dibentangkan oleh tokoh-tokoh akademik dari universiti-universiti tempatan di seminar yang bertemakan “Melaka Dalam Arus Gerakan Kebangsaan Malaysia” pada 16–18 Disember 1994 di Melaka.

SEMINAR tersebut yang dianjurkan bersama oleh IKSEP dan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Melaka (PSMCM) dengan kerja sama Kerajaan Negeri Melaka adalah bertujuan untuk mewujudkan kesedaran tentang peranan dan proses gerakan kebangsaan di kalangan masyarakat Malaysia dengan memfokuskan Melaka sebagai negeri yang telah memainkan peranan mencetuskan gerakan kebangsaan itu.

FOKUS perbincangan ialah patriotisme dan nasionalisme dan bagaimana Melaka mengambil peranan penting dalam memupuk dan menyemarakkan proses gerakan tersebut. Umum mengetahui, nasionalisme adalah gerakan kesedaran yang menumpukan perhatian bagi menentukan nasib seseorang individu, bangsa, dan negara untuk mencapai kemerdekaan dan kesejahteraan hidup. Pada awal abad ke-20, nasionalisme menjadi gerakan terpenting di Asia Tenggara, diikuti dengan pencapaian kemerdekaan.

DI Tanah Melayu, orang Melayu memainkan peranan penting dalam memperjuangkan nasib bangsanya daripada penjajahan Portugis,

Belanda, Jepun, dan Inggeris yang akhirnya berjaya membebaskan diri sebagai sebuah negara yang merdeka pada tahun 1957. Pengertian nasionalisme lebih dihayati oleh orang Melayu kerana ia dikaitkan dengan perjuangan mempertahankan maruah bangsa dan negara. Patriotisme pula merupakan perasaan kesetiaan dan kecintaan kepada negara dan ia menjadi unsur terpenting dalam gerakan nasionalisme. Peranan patriotisme lebih tertumpu kepada perasaan taat setia dan jati diri kepada pemimpin-pemimpin negara.

SEORANG pujangga Islam yang terkenal, Mohammad Iqbal dari Pakistan pernah berkata:

Sepanjang aliran sejarah, dalam setiap tamadun, manusia tampil ke hadapan dengan penuh hasrat dan wawasan untuk membaiki nasib bangsanya dan manusia sejagat, hidup yang bererti dan kemudian mati, meninggalkan pengaruh yang abadi dan kian meluas dalam perkembangan peristiwa manusia. Ada kalanya masyarakat sedar di kalangan mereka wujud seorang tokoh yang mempunyai daya pengaruh untuk meninggikan mutu kehidupan beberapa generasi, dan tokoh ini disanjung di negaranya serta pada zamannya. Mereka sedar dia bukan hanya milik mereka, malah milik seluruh dunia.

TOKOH-TOKOH akademik yang membentangkan kertas-kertas kerja ini telah mengupas dan menyingkap persoalan atau isu patriotisme dan nasionalisme dari berbagai-bagai aspek dan sudut pandangan—pendidikan, kebudayaan, ekonomi, sosial, politik, dan sebagainya.

MASALAH kekurangan bahan-bahan bacaan khususnya yang membincangkan tentang patriotisme dan nasionalisme telah mencetuskan rasa tanggungjawab dan komitmen IKSEP untuk menghasilkan buku ini. Buku ini molek dijadikan bahan rujukan di peringkat institusi pengajian tinggi, sekolah menengah, dan masyarakat umum yang kita ketahui amat

berkurangan bahan bacaan tentang patriotisme dan nasionalisme dalam bahasa Melayu.

SAYA berharap tulisan-tulisan yang terkandung di dalam buku ini dapat memberi manfaat dan menambah ilham, ilmu, serta pengetahuan kepada pembaca semua. Kita harus maklum, sejarah bangsa zaman lampau hendaklah dijadikan rujukan dan renungan di dalam membina sejarah bangsa kini dan akan datang. Justeru itu, sejarah gerakan yang dipaparkan di dalam buku ini hendaklah dijadikan iktibar dalam kita membina masa depan Malaysia yang gemilang.

SAYA mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi kerja sama dalam menjayakan penerbitan buku ini khususnya Prof. Madya Dátuk Abdul Latiff bin Abu Bakar dari Pengajian Media, Universiti Malaya yang bertindak sebagai penyelenggara sehingga kertas-kertas kerja ini dapat dipersembahkan sedemikian rupa untuk tatapan umum. Setinggi-tinggi penghargaan juga saya rakamkan kepada penulis/pembentang, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Melaka, Kerajaan Negeri, Universiti Malaya, dan orang perseorangan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membantu dan menjayakan penerbitan buku ini. Akhir kata, sekalung budi kepada mereka.

Kuning emas masaknya padi  
mawar merah dalam jambangan  
terima kasih daun keladi  
budi tuan jadi kenangan

**Mohd Jamil Mukmin**  
**Pengurus Besar**  
**IKSEP**

# *PENGENALAN*

## *Konsep Patriotisme Dan Nasionalisme*

---

**ABDUL LATIFF ABU BAKAR**

NASIONALISME merupakan sentimen di kalangan penghuni sesuatu wilayah tertentu. Perasaan ini dapat dilihat apabila rakyat sesuatu wilayah itu menggunakan lambang-lambang tertentu seperti sempadan dan ibu kota bagi menentukan taraf negara bangsa, keperibadian kebangsaan, kewarganegaraan, bahasa kebangsaan, ekonomi, kebudayaan dan kesenian, bendera, lagu kebangsaan, dan lain-lain.<sup>1</sup>

SECARA nyata, nasionalisme ialah gerakan kesedaran yang menumpukan perhatian bagi menentukan nasib sendiri, bangsa, dan negara untuk mencapai kebebasan dan kesejahteraan serta memupuk keperibadian sejati. Ini berpunca daripada tekanan dan pengaruh asing atau penjajah sehingga anak negeri merasa lemah dan tertinggal dalam lapangan ekonomi, sosial, politik, dan kebudayaan.<sup>2</sup>

PADA awal abad ke-20, nasionalisme menjadi persoalan yang menonjol di Asia Tenggara. Pendidikan Barat telah memberi makna baru kepada hak asasi manusia, persamaan, kebebasan, dan kemerdekaan.

DI Tanah Melayu, orang Melayu memainkan peranan penting dalam memperjuangkan nasib bangsanya pada zaman penjajahan Inggeris. Pengertian “kebangsaan” dihayati oleh orang-orang Melayu kerana ia dikaitkan dengan perjuangan menegakkan maruah bangsa dan negara dalam menentang penjajah.

PATRIOTISME pula merupakan perasaan kesetiaan kepada negara dan ia menjadi unsur penting nasionalisme. Perasaan patriotik ini lebih tertumpu kepada taat setia terhadap Raja dan pemimpin negara. Pengkaji sejarah melihat semangat patriotisme di Malaysia bermula sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka dan menyemarak pada abad 17 hingga 20.

SEBAGAI sebuah negeri, Melaka mempunyai sistem politik yang kukuh sejak awal abad ke-15. Pemerintahan secara piramid telah meletakkan Raja sebagai ketua negara dan politik serta dibantu oleh Bendahara, Laksamana, Temenggung, dan Syah Bandar. Melaka pula mempunyai rakyat yang setia kepada Raja sebagai pemerintah dan raja yang berdaulat.

CIRI-CIRI patriotisme iaitu semangat taat setia kepada Raja dan pemerintah telah diamalkan oleh rakyat Melaka sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka bagi mewujudkan kedaulatan, kekuatan, kestabilan, dan peluasan empayar kerajaan. Rakyat Melaka sanggup berkorban demi mempertahankan negeri Melaka daripada diserang musuh dan bagaimana mereka patuh kepada perintah raja.

UNTUK melihat peranan dan perjuangan pahlawan-pahlawan Melayu menentang musuh dan sifat kesetiaan kepada Sultan,



artikel bertajuk “Wira Melayu Dalam Konteks Patriotisme Zaman Kesultanan Melaka” dibentangkan. Konsep wira Melayu ini menjadi asas kepada semangat patriotisme di kalangan pahlawan Melayu yang setia terhadap pemimpinnya. Ini dapat dilihat juga dalam artikel “Kerja Sama Serantau Mengusir Penjajah Di Persekitaran Selat Melaka”.

PENGALAMAN rakyat Melaka mempertahankan Melaka daripada serangan Portugis dan menentang Inggeris dalam Perang Naning (1930) ialah contoh cetusan semangat patriotisme rakyat Melaka mempertahankan kedaulatan Raja dan pemerintah Melayu di tanah airnya.

SEMANGAT ini diteruskan dengan lebih meluas di negeri-negeri lain apabila negeri-negeri Melayu yang lain wujud pada abad ke-18 seperti Perak, Pahang, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Kedah, Kelantan, dan Terengganu. Kedatangan penjajah Belanda dan Inggeris dalam abad 18 dan 19 turut menyemarakkan semangat patriotisme orang Melayu di negeri-negeri Melayu dalam peperangan menentang Inggeris seperti Perang Perak 1874, Perang Pahang 1895, dan lain-lain.

SEHUBUNGAN ini, pahlawan Melaka telah menjadi juara menentang penjajah Portugis, Belanda, dan Inggeris. Walaupun gagal menghapuskan kekuasaan penjajah di alam Melayu, rakyat Melaka dan rakyat di rantau ini tetap berjuang mempertahankan kedaulatan tanah airnya. Oleh itu, artikel bertajuk “Gerakan Penentangan Terhadap Kuasa Barat Di Melaka” dibentangkan untuk melihat peranan dan semangat patriotisme orang Melayu Melaka dan bagaimana ia menjadi teladan kepada negeri-negeri Melayu lain menentang penjajah.

ABDULLAH Munshi dan Ibrahim Munshi merupakan tokoh pengkritik masyarakat pada abad ke-19 juga turut memainkan peranan penting mengkritik masyarakat Melayu dengan harapan agar mereka berubah sikap demi mencapai kemajuan

orang Melayu. Idea pemikiran kedua-dua tokoh ini dapat dilihat dalam artikel yang bertajuk "Pemikiran Abdullah Munshi dan Ibrahim Munshi Tentang Orang Melayu".

PELUASAN kuasa Inggeris di Tanah Melayu pada awal abad ke-20 telah menggabungkan penyemarakan semangat patriotisme orang Melayu (di negeri-negeri bekas jajahan empayar Melaka) di bawah satu kekuatan baru yang dikenali sebagai semangat kebangsaan atau nasionalisme yang memperjuangkan kepentingan orang Melayu secara menyeluruh. Pada peringkat awal gerakan kebangsaan orang Melayu ini dicetuskan dalam majalah dan akhbar Melayu. Majalah *Al-Imam* (1906) telah mempelopori gerakan kebangsaan orang Melayu dengan menyiarkan rencana yang membela nasib orang Melayu secara menyeluruh.

BIDANG penulisan terutama akhbar, majalah, dan buku memainkan peranan penting untuk menyemarakkan api kebangsaan di kalangan orang Melayu. Bidang kewartawanan menunjangi golongan agama dengan mempelopori gerakan kebangsaan di Malaysia dan memainkan peranan penting memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu. Sehubungan ini, artikel bertajuk "Peranan Penulisan Dalam Gerakan Kebangsaan Di Malaysia" dibentangkan sebagai panduan. Semua pihak yang memperjuangkan kemerdekaan dan kepentingan orang Melayu telah menggunakan bidang penulisan sebagai senjata utama.

PENGARUH Islam turut memainkan peranan penting dalam gerakan kebangsaan di Malaysia. Rencana-rencana di akhbar dan majalah Melayu seperti *Al-Imam*, *Tunas*, *Pengasoh*, *Al-Hikmah*, *Saudara*, *Warta Malaya*, *Utusan Melayu* turut menyiarkan rencana yang berkaitan dengan Islam yang dihubungkan dengan pembangunan dan kemajuan orang Melayu.

SYED Sheikh Ahmad Al-Hadi, reformis daripada golongan Kaum Muda yang berasal dari Melaka turut memainkan

peranan penting dalam gerakan Islah Islamiah melalui *Al-Imam*, *Madrrasah*, penerbitan buku, ceramah, dan lain-lain. Oleh itu artikel yang bertajuk "Gerakan Islah Islamiah: Kajian Terhadap Tiga Tokoh Pelopornya" disediakan bagi memaparkan peri pentingnya peranan dan pengaruh Islam dalam gerakan kebangsaan di Malaysia.

PENGARUH luar terutamanya Timur Tengah, Indonesia, Filipina, India, dan China turut memainkan peranan penting mencambahkan gerakan kebangsaan Malaysia. Pengaruh ini turut menyemarakkan semangat rakyat, untuk bersatu dan mengkritik penjajahan melalui akhbar, majalah, dan persatuan-persatuan. Pengalaman negara ini yang pernah dijajah dan memperoleh kemerdekaan turut mempengaruhi gerakan kebangsaan Malaysia untuk berjuang mencapai kemerdekaan. Sehubungan ini, artikel bertajuk "Pengaruh Indonesia Dalam Aliran Kiri Gerakan Kebangsaan Melayu" disediakan bagi memaparkan peri pentingnya pengaruh luar terutama dari Timur Tengah dan Indonesia dalam usaha menentang penjajah.

KESEDARAN rakyat Malaysia menubuhkan persatuan-persatuan berunsur politik turut menyemarakkan api kemerdekaan tanah air menentang penjajah. Penubuhan Kesatuan Melayu Singapura pada tahun 1926 dan diikuti penubuhan cawangannya di Pulau Pinang dan Melaka pada tahun 1937 turut memberi kesedaran rakyat untuk menubuhkan persatuan di negeri-negeri lain seperti Persatuan Melayu Perak, Selangor, Pahang, Kelantan, Kesatuan Melayu Muda, UMNO, PKMM, dan lain-lain. Sehubungan itu, artikel bertajuk "Gerakan Pertubuhan Kebangsaan Dalam Memperjuangkan Kemerdekaan", turut dibentangkan.

SETELAH mencapai kemerdekaan, Malaysia yang berdiri sebagai sebuah negara yang bebas, mempunyai perlembagaan dan bendera lalu wujud sebuah negara bangsa Malaysia yang

kukuh. Dalam konteks ini, artikel berjudul “Gerakan Kebangsaan Dan Proses Pembentukan Negara: Bangsa Malaysia” dibentangkan untuk melihat sebuah negara merdeka yang bersatu padu. Bagi meneliti kedudukan Malaysia sebagai negara yang kukuh dan stabil di peringkat antarabangsa, artikel bertajuk “Ketahanan Bangsa dan Kelangsungan Negara: Malaysia Dalam Era Globalisasi” dibentangkan juga.

Untuk memerdekakan negara dan rakyat seluruhnya dari belunggu penjajah Inggeris, lahirlah tokoh-tokoh Melayu yang begitu lantang meniupkan semangat nasionalisme untuk menyedarkan orang Melayu akan hak mereka yang telah dirampas dan betapa mereka perlu menebus maruah dan negara yang telah tergadai. Meskipun ketiga-tiga tokoh ini, Dato' Onn Jaafar, Dr. Burhanuddin Al-Helmy, dan Ahmad Boestamam mempunyai pendekatan yang berbeza dalam menangani masalah orang Melayu khususnya dan negara amnya dalam usaha untuk memerdekakan negara namun visi mereka hanya satu, untuk mengembalikan yang hak dan menebus maruah orang Melayu yang tergadai di tangan orang Inggeris. Ikutilah semangat juang yang ketal oleh ketiga-tiga tokoh ini di dalam “Kepimpinan Melayu 1945-1947”.

## *Nota*

1. James P. Ongkili, "Perkembangan Nasionalisme," *JEBAT*, Jurnal Persatuan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bil. 1, 1971/72, 24-41.
2. Elie Kedourie, *National* (London: Hutchinson University Library, 1966), 73-74. Lihat juga Abdul Latiff Abu Bakar, *Puisi Kebangsaan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987).

*Wira Melayu  
Dalam  
Konteks  
Patriotisme  
Zaman  
Kesultanan  
Melaka*



---

**MOHD. YUSOFF HASHIM**

ARTIKEL ini menumpukan perhatian kepada era Kesultanan Melayu Melaka yang wujud selama kira-kira seratus tahun lebih, sehingga tahun 1511. Berbanding dengan beberapa tradisi agung Melayu di persekitaran Selat Melaka, tradisi dan era Melaka tidaklah begitu panjang, tetapi kesan dan makna yang diberi dan ditinggalkannya dalam ruang ketamadunan serta perspektif sejarah Melayu di rantau ini adalah besar dan unggul sifatnya.

ASPEK-ASPEK berikut perlu diambil kira apabila memperkatakan persoalan wira, dan unsur-unsur patriotik yang wujud dalam kesultanan Melayu ini.

1. Suasana, pemikiran, dan keadaan masyarakat pada masa itu tentu berbeza daripada suasana, pemikiran, dan keadaan masyarakat pada hari ini.
2. Usaha pengkaji pada masa kini untuk memahami keadaan-keadaan, etos, dan falsafah masyarakat masa lampau merupakan persoalan yang barangkali dasar sifatnya. Pengkaji tentu sukar untuk menempatkan diri dalam dua keadaan dan suasana masyarakat yang berbeza, yang dalam perubahan dan putaran sejarah; keadaan itu berlaku kerana keadaan dan kehendak hidup pada masa ini berbeza daripada keadaan dan hambatan hidup masyarakat Melayu yang wujud hampir lima ratus tahun terdahulu daripada kita.

Kerana kejahilan kita tentang keadaan dan pengetahuan tentang masyarakat masa silam itu, maka pelbagai andaian atau teka-teki yang diciptakan terhadap masyarakat tersebut mencetuskan semacam ketidakadilan dalam pertimbangan akademiknya. Akademia mencari sesuatu yang paling unggul, objektif, dan ampuh sifatnya.

3. Sumber tentang masyarakat tersebut, sama ada yang bercorak lisan atau tulisan dan tradisi pensejarahan Melayu serta rakaman orang-orang asing (China dan Portugis) mempunyai ciri-ciri tersendiri dan ia juga mempunyai kekuatan mahupun kelemahan.

BAGAIMANAPUN, hingga ke hari ini telah banyak diperkatakan tentang sejarah kesultanan ini: termasuk dalam bidang politik dan budaya berpolitik Melayu ketika itu, terangkumlah juga bidang-bidang sejarah yang lain. Ini termasuk undang-undang, ekonomi, dan kegiatan pelaut, adat-istiadat dan budaya pemikiran masyarakat, hubungan masyarakat setempat dengan kuasa luar dalam kerangka hubungan antarabangsa, persoalan tentang agama Islam dan anutannya di Melaka, serta peranan Melaka dalam mengukuhkan dan menyebarkan agama ini ke kepulauan Melayu. Selain itu peranan tokoh-tokoh Melaka dalam membina sebuah tradisi agung dalam ruang ketamadunan di rantau ini, termasuklah pemikir-pemikir politiknya,<sup>1</sup> tokoh

agamanya, dan pembesar-pembesar tempatan yang banyak menyumbang kepada pembinaan dan kecemerlangan kerajaannya, unsur-unsur intelektual yang menjadi teras kepada pembinaan sebuah tamadun Melayu dan sebagainya.<sup>2</sup>

ASPEK kesinambungan dan perubahan kesultanan atau kerajaan tersebut dalam perspektif sejarah dan pensejarahan negara ini dan rantau alam Melayu juga sering dibahaskan, hingga kini.<sup>3</sup> Bagaimanapun, dalam sekian ramai tokoh dan individu hebat yang telah ditampilkan daripada kerajaan tersebut, siapa yang benar-benar layak dipanggil wira dalam konteks patriotisme ini? Wira sering dikaitkan dengan konsep "patriot" (fellow countryman. Devoted to the welfare of one's country). "Patriotisme", kata nama yang diertikan ". . . love and loyal or zealous support of ones own country".<sup>4</sup>

## *Kerajaan Dan Budaya Politik Melayu*

TUN Sri Lanang dalam *Sejarah Melayu*, secara simbolik menamakan tiga unsur teras yang mendasari penubuhan kerajaan Melaka. Unsur-unsur itu ialah Raja/Sultan, para pembesar daripada pelbagai hierarki, dan rakyat yang menjadi wadah, menunjangi dua unsur terdahulu.<sup>5</sup>

TIGA unsur ini bertalian erat di antara satu sama lain. Kemuncak pertalian dan persepakatan inilah yang pada umumnya menyimpulkan suatu piagam politik dan konvensyen Melayu peri hal tertubuhnya sebuah kerajaan di alam Melayu ini, khususnya di Melaka pada abad ke-15 dan awal abad 16. Komponen-komponen dalam tiga unsur tersebut saling memerlukan. Siapa dan apakah komponen yang menaikkan martabat seorang raja atau Sultan sekiranya tidak ada rakyat, walau sekecil mana pun bilangan pengikut setia dan rakyat yang mendaulati baginda. Sebaliknya tentulah tidak akan wujud suatu sistem, peraturan atau organisasi sesuatu kerajaan atau



kesultanan, masyarakat yang teratur, tata cara hidup yang bernorma dan berbudaya, sekiranya ketiadaan raja atau sultan yang didaulati sebagai unsur tertinggi dalam tata atau hala cara berkerajaan dan pemerintahan. Sebagai pemimpin sebuah masyarakat yang besar dan dalam tradisi kepemimpinan Melayu-Islam ia perlu diiktiraf selaku khalifah di dunia, disebut *zulillahu fil-alam* atau *khalifatullahu fil-ardz*.

TENTUNYA apa yang dirakamkan oleh Tun Sri Lanang dalam teks *magnum opus*nya itu ialah petikan langsung dan rasionalisasi daripada kitab al-Quran, ayat 59, surah 4, *an-Nisa*.<sup>6</sup> Malah dalam konteks Melayunya, beliau mengukuhkan pendapatnya dengan penampilan beberapa analogi tempatan atau nukilan daripada tradisi Parsi, iaitu seorang raja Islam yang adil adalah umpama dua biji permata pada sebetuk cincin. Kedua-duanya saling melengkapi, saling memperindah apabila raja tersebut dideretkan dengan Nabi s.a.w., khusus dalam gagasan menegakkan keadilan pada perspektif dan dimensi kepemimpinan Islam.

APABILA merujuk tradisi peribumi, rakyat sesebuah kerajaan atau sesuatu kesultanan dianggap sebagai tanah. Hanya unsur tanah saja yang boleh menumbuhkan pohon. Dan apakala mengambil contoh tradisi kepemimpinan Parsi, raja diibaratkan pohon, rakyatnya diumpamakan akar. Hanya apakala ada akar, barulah pokoknya boleh bertumbuh dan tegap. Tanah yang segar, akar yang kuat, tentu dapat menghasilkan pohon yang subur dan mantap.

PERANTARAAN di antara sultan dengan rakyat adalah pembesar. Para pembesar daripada pelbagai hierarki melaksanakan fungsi-fungsi fizikal dalam melangsungkan kewibawaan dan kuasa pemerintahan seseorang raja ke atas seluruh rakyatnya. Tidak mungkin kesemua tanggungjawab itu dilakukan oleh raja. Maka memang patut hal-hal yang serba kompleks seperti itu dipertanggungjawabkan di kalangan pembesar-pembesar. *Hukum Kanun Melaka*, satu-satunya

undang-undang bertulis mengenai hal-ehwal pendaratan Melaka dengan jelas merakamkan salah satu bahagian muka-dimahnya peri hal tugas seorang raja sebaik sahaja menaiki takhta kerajaan:

Adapun pada segala raja-raja itu, pertama-tama menjadikan Bendahara, kedua menjadikan Temenggung, ketiga Penghulu Bendahari, keempat menjadikan Syahbandar. Maka terpeliharalah segala raja-raja itu dengan segala rakyatnya.<sup>7</sup>

DEMIKIANLAH, betapa raja dan pembesar saling perlu memerlukan, maka, bertepatan sekali ditamsilkan hubungan ini seperti api dengan kayu; masakan api boleh bernyala tanpa kayu?

MAKA tiga unsur inilah yang menjadi induk dalam falsafah pempolitikkan Melayu Selat Melaka dalam membentuk sebuah kerajaan dengan pelbagai kerencaman institusinya. Lantas, apakala dikaitkan secara langsung dengan kemestian hadirnya seorang pemimpin yang berwibawa, yang tertinggi dalam institusi kerajaan tersebut, yang memakai gelaran sultan, maka wujudlah sebuah institusi kesultanan. Institusi inilah yang menjadi tunggak kepada pengasasan, penubuhan, perkembangan, dan kelangsungan kerajaan Melaka dan waris-waris berikutnya.<sup>8</sup> Begitu penting institusi ini dalam menyumbang untuk mewujudkan sebuah kerajaan (*kingdom*) sehingga diungkapkan secara falsafah dalam budaya politik Melayu tradisional itu, "... negeri (kerajaan) alah, apabila rajanya mati".<sup>9</sup>

DENGAN demikian, faktor-faktor berikut menjadi pemangkin utama dalam menegas dan meneruskan kelangsungan institusi kesultanan dan menegakkan kerajaan Melaka dalam abad-abad yang dijangkau:

1. Hadirnya seorang raja/sultan yang didaulati. Baginda beragama Islam. Dalam melaksanakan hukum-hakam dan perundangan kerajaan maka syariat Islam diterapkan

bersama-sama undang-undang adat setempat. Teras kepada penegakan daulat ialah adil. Baginda menjadi pelindung kepada kesejahteraan rakyat dan kerajaan. Memangsa rakyat tanpa dosanya (melainkan dosa menderhaka kepada raja), alamat kerajaan akan binasa.<sup>10</sup> Ketinggian daulat ditandai dengan taat setia rakyat yang tidak berbelah bagi dan kemakmuran seluruh kerajaan. Dagang dan santeri keluar-masuk negeri tanpa henti.

2. Pembesar dan para menteri yang bertugas dan menjulang titah perintah Sultan dengan setianya. Bidalan sering menyebut, bahawa kerja/titah raja dijunjung, kerja sendiri dikelek. Ini adalah idealismenya.
3. Orang kebanyakan, baik yang berada di Melaka induk sendiri, ataupun menduduki kawasan takluk dan pegangan Melaka serta menjadi rakyat ke bawah Duli Yang Maha Mulia. Secara idealnya, mereka dilindungi; sebaliknya mereka adalah penegak daulat raja. Hubungan fizikal mereka dengan raja adalah renggang. Tetapi penaup kerenggangan ini ialah kepercayaan dan pendudukan terhadap daulat secara spiritual, peranan, dan fungsi pembesar ke atas mereka.
4. Hadirnya kerja sama, saling topang-menopang, sokong-menyokong, sama ada secara langsung atau tidak langsung di antara ketiga-tiga pihak di atas. Teras kepada fenomena yang menjadi konvensi masyarakat ini ialah pegangan dan kepatuhan kepada wadah (perjanjian) yang dimaktubkan di antara Sang Sapurba Taram Seri Tri Buana (pihak pemerintah) dengan Demang Selebar Daun (pihak yang diperintah). Ini adalah kepercayaan leluhur politik temurun yang diterapkan di dalam teks *Sejarah Melayu* apabila teks ini dirawikan oleh Tun Sri Lanang.

SECARA histori dalam budaya berpolitik, menjurus ke arah terbinanya sebuah kerajaan, bilamana tunggak berkerajaan itu ialah institusi kesultannya, maka unsur yang amat mendasari kedua-dua aspek ini ialah pemegangan dan penguasaan politik.

Kedaulatan dan usaha-usaha pembinaannya bukan setakat muncul daripada sokongan dan pengiktirafan kalangan pembesar, menteri, dan rakyat, malah mudah didukung pula dengan muluk-muluk mitos dan kepercayaan temurun peri hal asal-usulnya, keturunannya, suku-sakatnya, peribadinya yang ideal belaka, lalu disusur-salurkan daripada zuriat raja Iskandar Zulkarnain yang agung itu. Memang terdapat kaitan antara seseorang individu raja/Sultan dengan kosmos atau anasir alam. Atau dalam konvensi kesusasteraan yang diraja sifatnya, hal-hal seperti ini memang sengaja ditonjolkan dan barangkali diada-adakan oleh pengarangnya, justeru untuk memancarkan hal-hal keghaiban kalangan pemerintah ini, atau sebaliknya mencipta dan memberikan suatu sifat kekudusan leluhur yang istimewa coraknya kepada si pemerintah tersebut.<sup>11</sup>

## *Daulat Dan Derhaka*

KEDUA-DUA istilah ini merupakan kunci konseptual dalam budaya dan perpolitikan Melayu Melaka. Daulat dalam konteks pada masa itu mempunyai pengertian yang tersendiri dan khusus. Ia mempunyai "status politik yang terunggul untuk menjelaskan peri hal aspek-aspek kuasa dan kewibawaan pemerintah dalam melaksanakan pemerintahan/pentadbiran kerajaan". Ia mempunyai unsur-unsur fizikal dan spiritual. Fizikal dimaksudkan sebagai keberkesanan dalam melaksanakan kuasa, manakala wibawa pula yang dapat dirasai secara lahiriah, yakni daripada satu pihak yang memegang kuasa dan wibawa ke atas pihak lain yang dikuasai dan diwibawai. Sementara spiritual pula berkait rapat dengan pelbagai aura dan muluk-muluk keghaiban yang dihubungkan dengan seseorang raja/sultan yang memerintah, sama ada ia dirakamkan secara lisan atau batiniyah mengenai asal-usul dan salasilah baginda, kebolehan istimewanya (sama ada secara pencapaian peribadi atau faktor keturunan atau secara tabiinya memang

begitu, baginda dianugerahi sifat-sifat keistimewaan oleh Allah), dan lain-lain.

INI bererti daulat dikaitkan secara langsung dengan keperibadian raja yang memerintah dan setakat mana penerimaan rakyat terhadap baginda. Sekiranya penerimaan dan sokongan tersebut adalah total, maka daulat baginda dipandang tinggi. Ketinggian daulat juga kerap diukur secara umum daripada pelaksanaan kuasa dan wibawa yang cukup berkesan, apabila para pembesar kerajaan, menteri, dan pegawai yang dipertanggungjawabkan menjadi mekanisme kepada pelaksanaan tersebut. Pengakuan eksplisit dan lisan mengenai pemilikan daulat dilafazkan dengan kalimat "daulat tuanku". Apabila kuasa dan wibawa dapat dilaksanakan dengan berkesan, maka berikutnya reaksi rantai akan berlaku. Proses dan organisasi pentadbiran seluruh jentera kerajaan kelak dapat berjalan dengan licin dan lancar. Kegiatan bermasyarakat dapat disusun dan dilakukan tanpa banyak masalah dan kerenah. Pokoknya ialah keadilan, baik bagi raja/sultan yang menduduki takhta kerajaan (memerintah) mahupun di kalangan individu yang dipertanggungjawabkan tugas dan wibawa. Secara idealnya, selain adil, raja-raja Melaka dipersyaratkan dengan empat faktor utama sekurang-kurangnya untuk menegakkan daulat sebagai pemerintah. Ini dirakamkan dengan jelas dalam undang-undang:

Adapun syarat segala raja-raja itu atas empat perkara: pertama ampun (*merciful*), kedua murah (*generous*), ketiga perkasa (*courageous*), keempat melakukan hukumnya dengan kaharnya (*to give his verdict decisively*). Itulah sifat segala raja-raja itu pada zaman dahulu kala, turun-temurun, datang sekarang. Inilah kanun namanya.<sup>12</sup>

MAKA dalam politik pemerintahan serta organisasi berkerajaan daulatlah yang kelihatan menjadi pemangkinnya. Individu yang secara konsistennya menegak dan mempertahankan daulat ini ialah Bendahara Melaka, hatta walaupun mengorbankan

kepentingan dan jiwa raganya sendiri, demi daulat, waemah kadangkala pihak raja yang didaulati itu tidak adil.

DAULAT juga dijelaskan secara lahiriah dengan penampilan dan penggunaan lambang-lambang budaya. Sama ada ia warisan totok peribumi, ataupun ada pengaruh asing yang menyerap ke dalamnya; di antara lambang-lambang tersebut termasuklah pengucapan bahasa (dalam dan luar); penggunaan warna (biasanya kuning, hitam dan putih); alat-alat kebesaran diraja (termasuklah kehadiran/penggunaan nobat, senjata, payung, ketur dan kendi, kipas dan persalinan); keistimewaan-keistimewaan tertentu yang dinikmati raja (perhiasan diri dan istana, pakaian, kenaikan menerima sembah dan menghadap nobat, dan seterusnya). Dalam aspek-aspek tertentu, hal-ehwal keagamaan dan peribadatan juga menjadi faktor istimewa dalam penampilan dan penegasan daulat.

BERTENTANGAN dengan daulat ialah derhaka. Tiada kesalahan jenayah dan dosa politik yang terbesar dalam sistem berkerajaan, selain derhaka. Dengan mempunyai falsafahnya sendiri, derhaka secara umum dimaksudkan sebagai menentang raja atau pemegang kuasa yang didaulatkan. Ia mengambil bentuk penafian titah/perintah raja, mencetuskan huru-hara dalam negeri, membunuh tanpa kebenaran raja, memalsukan cap mohor diraja. Hukuman derhaka juga muncul dalam dua bentuk, secara kepercayaan temurun yang dikaitkan dengan kutukan daripada Allah taala, “. . . dibalikkan Allah bumbung rumahnya ke bawah, kaki tiangnya ke atas.”<sup>13</sup> Kalimat gerun yang menjadi ungkapan masyarakat ialah sama ada ditimpa daulat baginda atau ditimpa tulah, akibatnya merana sepanjang hayat. Pada abad ke-18 masyarakat Melayu amat takut dengan kalimat ditimpa bisa kawi, akibat menderhaka. Penderhakaan dianggap paling hina dalam masyarakat, kerana meruntuh dan memporak-perandakan sistem, mengancam, dan merobah nilai secara mendadak, kebiadaban budaya akhirnya menghuru-harakan kerajaan. Nilai dan peradaban bangsa runtuh. Maka

seringlah disebut, pantang Melayu menderhaka. Usaha bertubi-tubi mengelakkan daripada berlakunya gejala sosial dan politik inilah Melaka kekal dalam ketahanan peradabannya selama seabad lebih.

MAKA itu, daulat berkait erat dengan keamanan, kesejahteraan, dan kerukunan bermasyarakat. Sedangkan derhaka ketika itu membayangkan suatu *sharp distinction* yang bertentangan dengan daulat. Perbuatan derhaka kerap dikaitkan, dan dihubungkan dengan suasana yang kecoh, ruwet, huru-hara, menggugat kerukunan bermasyarakat. Kehidupan barangkali menjadi tidak teratur, akhirnya punah.<sup>14</sup> Runtuh daulat, hancurlah institusi masyarakat. Kekuasaan politik pula harus ditopang dengan satu lagi kekuasaan ekonomi.

## *Selat Melaka Dan Politik-politik Melayu Pra-Melaka*

SEJARAH telah membuktikan bahawa sejak abad pertama Masihi lagi Selat Melaka menjadi laluan perairan yang cukup bermakna bagi para pedagang sebelah Timur dan Barat.<sup>15</sup> Kedudukan geografi dan suasana alam semula jadinya menyebabkan persekitaran Selat Melaka menghasilkan potensi-potensi ekonomi dan peluang untuk membina dan menegakkan sesuatu politik tempatan. Tiupan angin musim juga menjadi salah satu faktor teras yang membantu ke arah terbentuknya potensi-potensi ini. Apakala manusia berupaya menggembeleng tenaga fikir dan menggerakkan daya inteleknnya, maka potensi-potensi yang sedia ada memang terbuka dan mudah untuk dieksploitasi.

PERIODE pra-abad ke-15 menyaksikan pertumbuhan dan kemunculan beberapa kuasa politik tempatan yang bertahan dan saling bertopang dengan kuasa dan peluang-peluang ekonomi. Salah satu yang jelas ialah kemunculan Langkasuka.

Dan mulai abad ke-6 sehinggalah abad ke-11 Masehi kawasan Selat Melaka dikuasai dan didominasi oleh kuasa Srivijaya. Kuasa Srivijaya yang muncul ketika zaman gemilangnya sebagai sebuah empayar Melayu awal yang terunggul di rantau ini dalam bidang politik, tentunya telah meraih segala peluang ekonomi yang terdapat di persekitaran kawasan tersebut. Dengan adanya sebuah kuasa politik di peringkat pusat yang berwibawa di bahagian tenggara Sumatera, penguasa politik ini, ketika tahap kemuncaknya berjaya menunduk dan mengawal sekurang-kurangnya 14 bandar pelabuhan yang boleh menghasilkan pelbagai potensi ekonomi. Potensi ini muncul dalam bentuk hasil percukaian daripada perairan di persekitaran Selat, juga hasil urus niaga daripada pelbagai sumber pertanian, perhutanan, dan galian yang terdapat di bahagian pesisir dan pedalaman timur dan barat Selat Melaka.

ZAMAN pra-Islam Srivijaya mempunyai ciri-ciri peradabannya tersendiri: Bukti-bukti sejarah boleh ditampilkan untuk mengatakan bahawa penguasa-penguasa politik pusat meraih dan menegakkan unsur apa yang disebut daulat itu dengan kaedah dan cara yang tersendiri juga. Penempelan watak-watak bairawa dan Hindu-Buddha banyak dijumpai pada inskripsi raja-raja Srivijaya yang telah mangkat. Salah satu watak yang terkenal ialah Avalokitsvara. Ini juga suatu usaha untuk mewujudkan semacam doktrin kesakralan di kalangan raja-raja berkenaan, semata-mata untuk menunjukkan sifat-sifat kelainan dan keistimewaannya daripada anggota dan golongan masyarakat biasa.<sup>16</sup> Srivijaya dilaporkan oleh tokoh pengkelana China, I-Tsing sebagai pusat pendidikan dan pengajaran Buddhisme.

SELAIN keadaan dan potensi yang diberikan suasana dan kemudahan-kemudahan tempatan, pasang surut kekuasaan ekonomi juga ditentukan oleh faktor luaran. Dasar perdagangan luar China nampaknya mempengaruhi faktor luaran ini. Apabila kerajaan China melaksanakan dasar dan sistem ufti ke atas



kerajaan-kerajaan dan bandar-bandar pelabuhan di Alam Melayu ini maka didapati ada kalangan mereka yang menjadi kaya-raya dan tiba-tiba menjadi amat berpengaruh. Pasang surut seperti ini dialami oleh Srivijaya sendiri.

KEKUASAAN politik dan ekonomi tidak akan lengkap tanpa kekuasaan dan kekuatan militer. Terbukti juga bahawa pengaruh politik dan sumber ekonomi digunakan sebaik-baiknya untuk mengumpul, menggembleng, dan menggerakkan sumber tenaga manusia untuk gerombolan dan kumpulan ketenteraan di pihak laut. Pihak yang paling unggul didapati menguasai dan membolot sektor ini ialah pelbagai suku Orang Laut. Tenaga militer mereka digunakan bukan secara percuma. Ada habuannya. Malah mereka disebut memberikan kerja sama erat dengan kalangan pemegang kuasa pusat, bukan saja untuk matlamat ekonomi, malah untuk menundukkan kuasa-kuasa tempatan serantau dan matlamat akhirnya, menjaga dan mengekalkan keamanan. Kekuasaan Srivijaya menjadi unggul atas tenaga dan faktor maritimnya.

## *Era Dan Tradisi Melaka*

TRADISI Islam di Melaka telah pun didahului dengan tradisi yang serupa di Pasai. Kesultanan yang berdaulat dan kerajaan yang kuat di bahagian utara Sumatera itu diperkukuh dengan topangan faktor ekonomi yang dipancarkan menerusi kehadiran begitu ramai pedagang asing Islam. Manakala *Hikayat Raja-raja Pasai* begitu jelas menerangkan perihal istana dan institusi kesultannya, pengembara Marco Polo pula membayangkan tentang ketinggian dan kemurnian sebuah peradaban Melayu di situ serta kekosmopolitan masyarakatnya.<sup>17</sup> Begitu istimewa dan kukuhnya kedudukan politik Pasai sehingga taraf Melaka disamakan dengan Pasai, selain Aru.<sup>18</sup>

MELAKA pada abad 15 dan 16 tidak akan lupa dengan sumbangan besar yang diberikan oleh Parameswara, menteri-menteri kanannya dan Orang-orang Laut yang pada asalnya mengusulkan agar baginda bertapak dan mendirikan sebuah kerajaan di situ. Kedudukan Melaka yang begitu strategik dan istimewa hasil anugerah alam semula jadinya, menyebabkan peluang untuk mengeksploitasi segala potensi yang terdapat di sekitarnya terbuka luas. Soal meraih daulat dan proses membina pendaulatan ke atas baginda tidak timbul, kerana faktor salasilah dan peribadi berdarah putih yang mengalir di tubuh baginda cukup menjelaskan bahawa baginda adalah kalangan kerabat dan putera dari Palembang, saki-baki dan warisan Srivijaya yang pada penghujung abad ke-14 telah didominasi oleh Jawa. Penubuhan sebuah kerajaan dan kesultanan (selepas Islam) di muara sungai Melaka itu menjadi petanda kewajaran awal bahawa sejarah akan berulang kembali. Kegemilangan Srivijaya akan berulang di Melaka, walaupun dalam konteks dan corak yang agak berbeza, terutama dari segi anutan agama dan peranan tokoh-tokoh yang berlainan, tetapi dari jurai keturunan dan salasilah yang sama.

BAGAIMANAPUN, kaedah pengeksplotasian yang nampaknya amat terancang dari segala aspek keadaan semula jadi, suasana dan pelbagai faktor persekitaran yang paling terkini dan sesuai untuk tujuan dan matlamat tersebut, faktor luaran yang membukakan peluang ke arah pengeksplotasian di persekitaran Selat Melaka ini, nampaknya semacam ulangan kembali kepada proses tersebut sepertimana yang pernah dilakukan oleh penguasa-penguasa Srivijaya terdahulu. Antara aspek-aspek yang perlu ditampikan ialah:

1. Kaedah membina dan mempertahankan kedaulatan raja yang memerintah. Hanya yang berbeza ialah unsur Islam dan pra-Islamnya. Unsur kesakrakan peribuminya masih diteruskan.
2. Pengemblengan tenaga Orang Laut yang masih mentaati ketuanan daripada jurai keturunan kerabat Palembang/

Srivijaya. Di Melaka kegiatan mereka menjadi sebuah institusi yang diketuai oleh seorang Laksamana.

3. Pembentukan dan pengekalan tradisi maritim Melayu dalam aspek ekonomi, ketenteraan, perkapalan, dan perdagangan. Pelaksanaan dasar perdagangan ufti oleh Dinasti Ming pada abad ke-15 di China.
4. Usaha gigih menakluk kawasan-kawasan pesisir untuk mengawal seluruh laluan perairan Melaka yang menjanjikan pulangan dan hasil ekonomi serta sumber daripada tenaga manusia yang amat menguntungkan.
5. Kemunculan bandar pelabuhan yang terbuka kepada dunia luar.
6. Hubungan dagang dan politik di pihak sebelah timur dan barat Selat Melaka.
7. Pembentukan sebuah pelabuhan entrepot dengan pelbagai fungsinya yang menjanjikan keuntungan.

DARI sebuah petempatan kecil yang belum bernama, hanya dalam sedekad atau dua awal abad ke-15 itu, Melaka berkembang menjadi sebuah empayar dengan mempunyai kawasan pengaruh politik yang luas. Kedaulatannya sentiasa dilindungi dan dipertahankan bagi memberi jalan pembinaan dan kewujudan kerajaan yang kuat dan ditakuti. Tonggak kedaulatan ialah raja dan kesultannya. Di situlah sebuah peradaban Melayu memancarkan kegemilangannya. Aspek-aspek peradaban ini dapat dilihat dan dibuktikan daripada perkara-perkara berikut.

TERTUBUHNYA beberapa kesultanan dan kerajaan yang memancarkan tradisi agung seperti Pasai, Brunei, Palembang, Patani, Johor-Riau, dan seterusnya, itu sendiri sebenarnya menandakan kemunculan dan ketahanan suatu peradaban di dalam sebuah rantau budaya. Betapakah pula tradisi Melaka yang bertahan seabad lebih, kemudian meneruskan kesinambungannya di Johor. Kesemuanya harus dirujuk kepada pengemblengan daya intelek dan tenaga fikir anggota masyarakat yang mengambil peluang dengan keadaan persekitaran semula

jadi, kepercayaan, pengaruh luar, ciptaan para bijak pandai tempatannya, penerusan nilai-nilai murni warisan leluhur nenek moyang, dan lain-lain.

INSTITUSI kesultanan yang serba rencam nampaknya mendasari pola-pola budaya dalam peradaban itu sendiri. Antara aspek yang menyangkut dengan institusi ini ialah sistem perajaannya, aura, dan pelbagai mitos yang dihubungkan dengan sistem ini, budaya material yang disabitkan dengannya, adat-istiadat yang serba canggih termasuk perlakuan, peralatan, lambang-lambang peristiadatan yang dilaksana dan dihormati oleh semua anggota masyarakat dan yang paling unggul ialah nilai pendaulatan yang diterima sebagai konvensi daripada sistem ini.

ASPEK ini kian kukuh dan dapat memberikan makna yang tersendiri dalam sistem bermasyarakat dan budaya politik Melayu ketika itu apakala Melaka berkembang (sama ada secara sukarela atau paksaan) menjadi kuasa penakluk di rantau ini. Di zaman kemuncaknya malah kesultanan Melaka menjadi sumber daulat pula untuk mendaulatkan pelbagai kerajaan dan kesultanan tempatan yang dikuasainya, seperti Siak, Aru, Rokan, Inderagiri, Kedah, Pahang, Terengganu, Beruas, dan sebagainya.<sup>19</sup> Dengan pengamalan adat dan sistem Temenggung yang dipusakainya, warisan ini diteruskan oleh kesultanan Melayu lain pada abad-abad selepasnya. Sebagai sebuah kuasa tunggal yang berpusat di Melaka induk, sistem kesultanan ini begitu kukuh kedudukannya, apakala meninggalkan Melaka selepas 1511, ia memberikan kesan dan dimensi persejarahan pada alam Melayu ini.

INSTITUSI kesultanan disokong pula oleh sistem adat dan undang-undang tersendiri, menyebabkan organisasi masyarakat menjadi tersusun dan normatif coraknya. Tome Pires, seorang Portugis yang berada di Melaka pada dekad yang paling hampir dengan tahun pengunduran raja-raja Melaka melaporkan:

And through this custom the land lived in an orderly way and they carried on their business. And that was done thus orderly, so that they did not favour the merchants from the ships, nor did he go away displeased; for the law and the prices of merchandise in Malacca are all known . . .<sup>20</sup>

TENTUNYA para saudagar (pelabur?) tidak akan mendatangi untuk mencari untung di negeri yang kucar-kacir sistemnya. Tentulah juga ada para pelaksana dan penanggungjawab yang diamanahkan untuk melaksana, mengawal perjalanan, dan selok-belok pentadbiran di bawah sebuah kerajaan yang berdaulat kerana kehadiran sultannya. Entah dari mana asalnya, para pelaksana peringkat tertinggi dalam pemerintahan/pentadbiran yang menjadi tunggak kerajaan Melaka dan dipanggil menteri menggunakan konsep empat lipatan. Empat lipatan yang pertama dikenali sebagai Bendahara, kemudian diikuti Penghulu Bendahari, Temenggung, dan Laksamana. Masing-masing mempunyai portfolionya tersendiri, seperti menjadi ketua segala menteri, menjadi ketua hakim dalam tafahuz-mentafahuz sesuatu kes jenayah dan awam, pemegang khazanah/perbendaharaan kerajaan, mengetuai seluruh organisasi ketenteraan, menjaga keamanan dalam negeri, mengetuai angkatan tentera Melaka di laut, mengawal hal-ehwal per-saudagaran/perdagangan dan sistem urus niaga, mengawal kelancaran adat-istiadat di pihak istana, menyelia seluruh institusi perhambaan, dan seterusnya.

SEBAGAI masyarakat yang amat menghormati sistem dan tata-susila berkerajaan, Melaka juga didapati tegas dengan protokolnya, seperti kaedah menyambut utusan kerajaan luar berbeza mengikut taraf. Utusan dari Pasai contohnya disambut dengan penuh istiadat (bergajah, bunyi-bunyian, memayungkan mereka yang membawa warkah). Sedangkan utusan dari Inderagiri setakat berpayung sahaja. Peradaban tambah gemilang dengan terserapnya nilai Islam ke dalam kehidupan, kepercayaan dan akidah, syariat dan muamalat dalam

kehidupan harian, dan lain-lain, merujuk kepada *Hukum Kanun Melaka* dan *Undang-undang Laut Melaka*, sumber-sumber undang-undangnya berteraskan hukum adat Melayu dan tempatan serta undang-undang Islam dari mazhab Syafie. Kadangkala begitu tegas undang-undangnya dilaksanakan sehingga hukum hudud dikuat kuasa, atau sekurang-kurangnya dirakamkan di dalam manual undang-undangnya. Kesalahan mencuri dipotong tangan. Kesalahan berzina dihukum sula. Ketua hal-ehwal agama Islam dan penanggungjawab yang mengeluarkan fatwa ialah kadi. Agama Islam amat dihormati. Kitab agama (seperti *ad-Darul-Manzum*) diberikan penghargaan yang begitu tinggi.

## *Iltizam, Wira, Dan Pertanggungjawaban*

PENEGAKAN dan usaha gigih mempertahankan daulat pihak yang memerintah nampaknya mendasari sistem berkerajaan dan masyarakat. Sistem-sistem ini terganggu dan mungkin runtuh sekiranya daulat dicabar atau dinafikan. Bukan sahaja di Melaka pada abad 15 dan 16, malah ia berterusan hingga ke Johor-Riau. Fikirkan saja, betapa seluruh empayar Melayu warisan dari Melaka ini berkecai pada tahun 1718 selepas penafian daulat ini dicetuskan oleh seorang Orang Kaya Menteri Melayu Johor pada tahun 1699, di Kota Tinggi, akibat pembunuhan Sultan Mahmud II. Daulat juga yang menjadi semacam pemangkin untuk membina sebuah tamadun Melayu dengan keunggulan dan kerencaman sistem-sistem masyarakatnya dalam bidang politik, undang-undang, ekonomi, kebudayaan, kesusasteraan, agama, falsafah, dan sebagainya.

DI Melaka, penagak dan pelindung daulat ialah Bendahara, khususnya Tun Perak. Beliau disokong oleh pembesar-pembesar utama yang lain, termasuk Temenggung dan Laksamana, khususnya Hang Tuah. Dengan sikap dan sifat pertanggungjawaban yang tulen untuk mempertahankan kesultanan yang

ditopangnya, maka iltizam dan pengabdian mereka menjaga dan mengekalkan keamanan di darat dan di laut Melaka, demi untuk keharmonian bermasyarakat, dan tiada tolak ansur. Soal melaksanakan tugas sesuai dengan jawatan yang disandangnya, suatu hal. Tetapi soal pertanggungjawaban dan kejujuran adalah soal yang paling dasar. Maka kewiraan dan unsur-unsur patriotik patut dirujuk dalam konteks masa dan semangat zaman serta suasana masyarakat. Ia berlegar di sekitar usaha untuk “menegakkan daulat pemerintah, mengukuh kerajaan, dan membina sebuah tamadun Melayu”. Ketahanannya bukan sehingga setakat tahun 1511, malah berlanjutan berabad-abad selepas itu, hingga kini.

KASIH dan setia yang tidak berbelah bagi kepada negeri bukan diukur pada kekuatan fizikal (kuat, pahlawan, gagah berani berperang, dan sebagainya) saja, malah, dirujuk juga pada keupayaan dan penggemblengan daya intelek yang tinggi untuk membina strategi kuasa dan menegakkan tamadun, sepertimana yang ditunjukkan oleh Tun Perak. Dalam konteks kesinambungan dan perubahan, kasih dan taat setia ini diarahkan pula kepada negara dengan mempertahankan kedaulatan dan maruah bangsa, kini.

KESIMPULANNYA, wira dalam kesultanan Melaka perlu dirujuk kepada keupayaan dan kesediaan untuk menegak dan mempertahankan nilai-nilai di atas, seperti, menegak daulat raja, mempertahankan keamanan dan kemakmuran negeri, membela keadilan masyarakat, membina wawasan untuk menggemilangkan bangsa, membela dan mempertahankan tamadun bangsa, secara fizikal, mental/intelektual dan semangat.

## Nota

1. Rujuk Wang Gungwu, "The First Three Rulers of Malacca," dalam *Community and Nations* (Kuala Lumpur: Heinemann, 1981), 97-107.
2. Muhammad Yusoff Hashim, *Kesultanan Melayu Melaka* (Kuala Lumpur, 1988).
3. Sebuah penulisan terkini mengenainya oleh L. F. R. Thomas, "The Malay Sultanate of Malacca," dalam A. Reid, (ed.), *Southeast Asia in the Early Modern Era: Trade, Power and Belief* (Ithaca, 1993), 69-90. Diperkatakan juga oleh Mohd Taib Osman, "The Malay Sultanate: Past and Present Functions With Reference to Brunei Darussalam" dan oleh Shamsul Amri Baharuddin, "Tamadun Kesultanan Melayu: Satu Analisis Konseptual." Kedua-dua kertas kerja ini dibentangkan pada Seminar Antarabangsa Kesultanan Melayu Brunei di Nusantara, Universiti Brunei Darussalam, 13-17 November 1994 yang lalu.
4. *Websters New Twentieth Century Dictionary* (USA, 1983), 1314.
5. Sekurang-kurangnya tiga prinsip utama yang ditampilkan oleh Tun Sri Lanang berhubung dengan seorang raja dan kerajaannya, iaitu:

Kedudukannya dalam budaya perpolitikan Melayu:

Adalah raja yang adil itu dengan Nabi s.a.w. umpama dua buah permata pada sebetuk cincin; lagipun raja itu umpama ganti Allah di dalam dunia, kerana ia *zulillahu fil-alam*, apabila berbuat kebaktian kepada raja, seperti berbuat kebaktian kepada Allah s.w.t. yakni, berbuat kebaikan kamu akan Allah dan rasulNya dan akan raja . . .

(*Sejarah Melayu*, 1961:190)

Kedudukan dan hubungan raja dengan para pembesarnya:

Dan lagi tiada sentosa kerajaannya, kerana raja-raja itu umpama api, akan segala menteri itu umpama kayu; jikalau tiada kayu, dimanakah api itu bernyala?

(Ibid, 1961:170)



Kedudukan dan hubungan raja dengan rakyatnya:

Seperti kata Parsi “ar-rayat juna ba-khasanat sultan khasad” yakni, rakyat itu umpama akar, yang raja itu umpama pohon, jikalau tiada akar nescaya pohon tidak akan dapat berdiri. Demikianlah lagi raja itu dengan segala rakyatnya . . . Dan segala anak Melayu, bagaimana besar dosanya, jangan kamu bunuh, melainkan dosanya derhaka; kerana segala anak Melayu itu tanahmu, seperti kata Arab, “al-abdu tinat ul-maulahu,” ertinya, yang hamba itu tanah (kepada) tuannya.

(Ibid, 1961:170–171, 186)

6. Ayat suci ini diterjemahkan dengan bunyi berikut:

Hai orang-orang yang beriman, taatlah kepada Allah dan taatlah kepada Rasul dan kepada orang-orang yang berkuasa dari kalangan kamu. Maka sekiranya kamu berbantahan akan satu-satu perkara, hendaklah kamu kembalikan dia kepada Allah dan Rasul, jika kamu beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu sebaik-baik dan sebagai takwil.

(A. Hassan, *Al-Furqan*, Kelantan, 1975:170)

7. Liaw Yock Fang, (ed.), *Hukum Kanun Melaka (The Laws of Melaka)* (Hague, 1976), 62, (fasal 0.1).

8. Di dalam teks *Sejarah Melayu*, sering disebut begini apakala seseorang kerabat dilantik menjadi raja/Sultan, . . . maka raja Abdullah kerajaan, . . . maka raja Hussinlah kerajaan, bergelar Sultan Alauddin Riayat Shah, dan seterusnya. Rujuk W. G. Shellabear, (ed.), *Sejarah Melayu* (Singapore: Malayan Publishing House, 1961), (passim).

9. Ibid, 287.

10. Ibid, 186.

11. C. C. Berg, “The Javanese Picture of the Past,” dalam Soedjatmoko, et al., *An Introduction to Indonesian Historiography* (Ithaca, 1965), 87–118.

12. Liaw Yock Fang (ed.), *Hukum Kanun Melaka*, 66, (Fasal 1.3).

13. W. G. Shellabear, (ed.), *Sejarah Melayu*, 24.

14. Contoh bersejarah yang mungkin dapat dikaitkan dengan hal ini ialah perihal mangkatnya Sultan Mahmud Shah II, keturunan raja-raja di Johor akibat dibunuh oleh pembesar Orang Kaya Megat

Sri Rama. Pembunuhan itu dianggap suatu penderhakaan yang tiada taranya dalam sejarah Melayu di Selat Melaka. Selepas pembunuhan itu kerajaan Johor-Riau kucar-kacir kerana berebutkan takhta di kalangan pembesar Johor yang diketuai oleh Bendahara Abdul Jalil dan Raja Kechil dari Siak. Berikutnya muncul pula orang Bugis. Akhirnya empayar Melayu ini runtuh, mulai tahun 1718. Rujuk L. Y. Andaya, *The Kingdom of Johor* (1975), 78–84; Muhammad Yusoff Hashim, (ed.), *Hikayat Siak* (1992), 112–113.

15. Paul Wheatley, *The Golden Khersonese* (Kuala Lumpur, 1961); O. W. Wolters, *Early Indonesian Commerce: A Study of the Origin of Srivijaya* (1967).

16. O. W. Wolters, *The Fall of Srivijaya in Malay History* (New York, 1970); O. W. Wolters, "Studying Srivijaya," dalam *JMBRAS*, LII, ii 1979; Nik Hassan Shuhaimi bin Ab. Rahman, "The Bukit Seguntang Buddha," dalam *JMBRAS*, LII, ii, 1979; G. Coedes dan L. C. Damais, "Srivijaya: History, Religion and Language of an Early Malay Polity," dalam *JMBRAS*, Monograf No. 20, 1992.

17. A. H. Hill, (ed.), "Hikayat Raja-raja Pasai. A Revised Romanised Version of Raffles MS. 67," dalam *JMBRAS*, XXXIII, ii, 1960.

18. W. G. Shellabear, (ed.), *Sejarah Melayu*, 232–235.

19. Muhammad Yusoff Hashim, *Kesultanan Melayu Melaka*, 177.

20. Armando Cortesao, (ed. dan pent.), *The Suma Oriental of Tome Pires* (London: The Hakluyt Society, 1944), 274.

*Kerja Sama  
Serantau  
Mengusir  
Penjajah Di  
Persekitaran  
Selat Melaka*

2

---

**YAHAYA ABU BAKAR**

TATKALA membicarakan mengenai keadaan keselamatan mahupun iklim perdagangan di persekitaran Selat Melaka, lebih-lebih lagi sesudah tahun 1511, seorang sarjana terkenal mencatatkan bahawa:

They (the Portuguese) had fundamentally disrupted the organization of the Asian trade system. There was no longer a Malay state to police the Straits of Malacca and make them safe for commercial traffic. Instead there was a dispersal of trading community to several ports and bitter warfare in the Straits. After a century of success, Malacca was turned almost overnight into a name with a proud past, but little future.<sup>1</sup>

PENGAMATAN sedemikian sesungguhnya bukan sahaja relevan untuk abad ke-16, malah bagi tempoh yang lebih lama sesudah itu.

Demikianlah peri penting dan besar ertinya sejarah Kesultanan Melaka selaku wadah pembentukan peradaban dan pentas dialog pelbagai manusia dan latar belakang budaya dan agama di Alam Melayu. Kejatuhan Melaka kepada “Benggali Putih” rupanya bukan sahaja diratapi oleh pemerintah, pembesar, pedagang, ulama, dan golongan yang bersimpati dengannya, malah oleh kuasa luar termasuk China. Melalui gerak diplomasi Sultan Mahmud dan Nacem Mudaliar, utusan Portugis ke China yang dikepalai oleh Tom Pires, dirantai dan dikurung oleh pihak berkuasa sana atas kesalahan menawan sebuah negeri sahabat.

SULTAN Mahmud kehilangan Melaka, bukan takhta kerajaan atau teras kekuasaannya. Maruahnya tercabar, tetapi baginda masih ditaati dan berwibawa ke atas sebilangan besar tanah jajahan/naungannya baik di Tanah Melayu mahupun di Sumatera dan Riau-Lingga. Baginda menghabiskan hayatnya untuk mengkotak-katik dan merebut kembali Melaka, bersama pejuang-pejuang seperti Hang Nadim, Tun Seri Udana, dan lain-lain. Sekurang-kurangnya dua kali baginda melancarkan serangan ke atas Melaka; berteraskan ciri kesetiakawanan dan kerja sama serantau. Kisah hidup dan peri perjuangannya menentang penjajah, terakam abadi di dalam lipatan sumber-sumber tempatan mahupun bahan Portugis.<sup>2</sup> Di dalam sepucuk warkah bertarikh 1 Januari 1524 yang ditulis oleh Kapitan Jorge de Albuquerque, kemerbahayaan berkali-kali yang ditimbulkan oleh Sultan Mahmud terhadap Portugis menjadi isu utama.<sup>3</sup> Hanya sesudah tahun 1526, bilamana setelah empat kali serangan sengit, Bentan ditewaskan. Selama itu, perdagangan dan keselamatan Portugis cukup terancam, sehingga timbul ura-ura di pihak mereka untuk meninggalkan sahaja Melaka yang ternyata membebankan.

MEMANG benar, tradisi kepimpinan Melayu beraja sebagaimana yang dibincangkan oleh Andaya,<sup>4</sup> membenarkan kelangsungan kekuasaan, sekalipun ibu kota kerajaan berpindah-

randah. Namun zaman keemasan yang bersinggah-sana selama lebih seabad, berteraskan perdagangan kelautan yang menguntungkan, menerima padah yang bukan sedikit. Berlalu suatu zaman P. Wheatly,<sup>5</sup> menggelarnya sebagai “a century of Melaka,” dari haribaan penglihatan masyarakat serantau mahupun arena antarabangsa. Kerajaan Johor, penyambung tradisi Kesultanan Melaka terpaksa berhempas pulas mengharungi arus pasang surut dan onak duri untuk tempoh yang panjang. Ibu kota kerajaan terpaksa berpindah-randah, manakala pemerintah dan negeri menjadi sasaran serangan bertubi-tubi baik dari Portugis, Aceh, dan sebagainya. Keupayaannya untuk bertahan sebagai sebuah entiti, menjadikan sejarah Johor cukup unik dalam arah lalu sejarah Malaysia. Maka bertitik tolakan pahit getir dan senario sedemikianlah, keresahan penguasa-penguasa peribumi mahupun reaksi mereka terhadap kuasa penjajah harus dipaparkan.

TRADISI penentangan terhadap kuasa penjajah yang ditunjukkan oleh Sultan Mahmud, Raja Ahmad, Pateh Kadir, Pateh Unus, Hang Nadim, Bendahara Paduka Raja, Sang Naya, dan lain-lain diteruskan oleh pemimpin-pemimpin Melayu Nusantara untuk mengusir kuasa Portugis dan Belanda di rantau ini, khususnya dalam abad-abad yang dibicarakan. Usikan *conquistadores* Portugis dan pengganti mereka, ruparupanya cukup meruntun hati budi Melayu untuk tampil menyapu arang yang terconteng di muka, sambil cuba mengisi kelohongan yang ditinggalkan oleh Kesultanan Melaka (1400–1511). Sebagaimana yang bakal ditunjukkan nanti sejarah menyaksikan betapa reaksi peribumi dijemakan melalui pelbagai sebab, kesempatan bentuk dan kaedah, melawan arus penjajahan, di samping usaha mencari identiti untuk memenuhi impian tersendiri.

MUNCUL ibu kota-ibu kota kerajaan, pelabuhan-pelabuhan perdagangan mahupun pusat-pusat budaya ilmu yang baru berselerak di sana sini, misalnya di Johor, Aceh, Pattani,

Brunei, dan lain-lain.<sup>6</sup> Serangan bertubi-tubi juga dilancarkan ke atas Melaka untuk mengusir penjajah lalu lintas perdagangan dan perkapalan, hatta monopoli Portugis dan Belanda di Selat Melaka turut dicabar. Bermula dari tahun 1511 hingga setidaknya tahun 1784, Selat Melaka yang menjadi urat nadi utama menghubungkan rantau Timur dan Barat lebih banyak menyaksikan ketegangan dan pertempuran antarabangsa, dari erti keselamatan, kesejahteraan, dan kemakmuran.<sup>7</sup>

PIHAK Portugis mahupun Belanda sesungguhnya merupakan kuasa-kuasa pinggir yang tidak dapat menunjangi sejarah Tanah Melayu. Keterbatasan mereka cukup ketara baik dari segi keupayaan, kewilayahan, perdagangan, tenaga manusia mahupun kesan-kesan sosio-budaya dan agama. Sepanjang pendudukan mereka di Melaka, mereka dirundung pelbagai ancaman dan permasalahan sama ada dari dalam mahupun luar petempatan mereka. Tahun-tahun 1513, 1537, 1539, 1547, 1551, 1568, 1573, 1574, 1575, 1587, 1606, 1615, 1627, 1629, 1636, dan 1641 merupakan *annos horribilis* yang sukar dilupakan oleh para pentadbir, *soldados*, periwayat sezaman (*oscronistas*) dan mubaligh Katolik di Melaka.<sup>8</sup> Tempoh-tempoh tersebut, memperlihatkan penentangan tegas yang dilakukan oleh penguasa-penguasa peribumi baik dari Johor, Aceh, Japara, atau Pattani, dan kemudiannya Belanda ke atas pendudukan Portugis di Melaka. Penentangan ini dizahirkan sama ada secara bersendirian atau persekongkolan beberapa kuasa, lebih-lebih lagi berteraskan ikatan serumpun dan kepentingan bersama.

BANYAK nyawa terkorban dan harta benda musnah. Kebuluran, kesengsaraan hidup, inflasi, dan kekurangan bekalan perubatan sering dilaporkan oleh pihak berkuasa gereja. Berikutan itu, isu pertahanan dan keupayaan angkatan tentera sering menjadi perkara yang terpaksa diberi perhatian wajar. Biaya pertahanan kian meningkat, manakala keuntungan perdagangan tersalur ke kantung para pentadbir. Jumlah

kakitangan pentadbir *soldados* amat terbatas, yakni daripada purata 200 orang sehinggalah serendah-rendahnya 28 orang. Lebih malang lagi, harapan untuk mendapatkan bantuan dari Goa, India mahupun Portugal dalam saat-saat genting, sering ditentukan dengan kelewatan atau tidak kunjung tiba, sementara kadar kematian dan kejadian lari dari tugas tidak pernah reda.<sup>9</sup>

KEGENTINGAN pertahanan Melaka dalam tahun-tahun 1550-an menjadi ketara pada tahun-tahun berikutnya. Maklumat yang dikemukakan daripada Jorge de Lemos bertajuk, *Historian Dos Cercos De Malacca, etc.*, cukup jelas menegaskan hakikat ini.<sup>10</sup> Sebagaimana kita sedia maklum, dalam tempoh akhir abad ke-16 dan dekad-dekad awal abad ke-17 pihak Portugis di Melaka bukan sahaja diancam oleh penguasa-penguasa peribumi tempatan seperti Aceh, Johor, dan Japara, malah oleh pihak VOC. Beberapa langkah keselamatan terpaksa diambil untuk memperteguhkan pertahanan Melaka, namun ia tetap diserang, misalnya dalam tahun 1606, 1629, 1636, dan sebagainya. Kerja sama Johor, Naning, Rembau dengan VOC berputik pada dekad awal abad ke-17 di Melaka iaitu pada tahun 1641. Portugis dialahkan tetapi VOC bertapak di Melaka untuk suatu jangka masa yang agak lama.<sup>11</sup>

SEBAGAIMANA pihak Portugis, pihak Belanda juga tidak bebas dari ancaman dan penentangan penguasa-penguasa peribumi tempatan. Polisi pengepungan, monopoli ketat, kekerasan, dan juga perjanjian-perjanjian yang dimeterai oleh Belanda ke atas negeri Melayu seperti Aceh, Perak, Kedah, Johor, dan lain-lain, kerap kali ibarat duri dalam daging kepada penguasa-penguasa peribumi. Seawal-awal tahun 1642, tercetus siri penentangan yang berlanjutan (beberapa dekad) terhadap Belanda di Naning dan Rembau. Mereka juga terpaksa menghadapi persaingan dengan saudagar Keling, di samping penyeludupan atau serangan daripada golongan Minangkabau.

Dalam tahun 1651 misalnya, perwakilan dagang VOC di Perak dibunuh, manakala di Kedah dipenjarakan oleh penguasa tempatan. Dalam tahun 1656, tercetus perkhabaran bahawa, wujud suatu pakatan serantau diketuai oleh Johor, dengan Palembang, Indragiri, Aceh, dan Mataram yang berniat membinasakan VOC di Melaka. Ancaman Minangkabau menjelma lagi dalam tahun 1678, diikuti dalam tahun 1710 bilamana terbit desas-desus bahawa sebilangan orang Islam berniat membunuh kesemua orang Belanda.

POLISI Belanda sebagaimana juga Portugis di Melaka, kadangkadangkang agak sukar difahami sejauh mengenai negeri-negeri Melayu. Di suatu sudut VOC tidak berminat dan menentang campur tangan dalam hal-ehwal peribumi tempatan, apa lagi kempen ketenteraman yang melibatkan kos yang tinggi. Di suatu sudut lain, pentadbir-pentadbir Kompeni Wolanda seperti Van Vliet dan yang bersefahaman dengannya, berpandangan bahawa, keupayaan ketenteraan, serangan, kekerasan, kepungan, ugutan, dan sebagainya perlu dilakukan untuk menjamin keuntungan. "The fruits of Melaka can only be properly enjoyed . . . if all these people are driven from the sea forever".<sup>12</sup> Dengan demikian, sepanjang tempoh mereka berada di Melaka, pihak Belanda seperti yang disimpulkan oleh Barbara Andaya, "for a hundred and fifty years Melaka was the mediator of policies which made the VOC appear to Malay Kings as alternatively their ally and their enemy, their protector and their oppressor."<sup>13</sup> Kemuncak dari siri penentangan tempatan terhadap VOC di Melaka ialah melalui serangan Bugis yang diketuai oleh Raja Ali Haji dalam tahun 1784.

BERPANDUKAN latar belakang dan ungkapan fakta di atas, maka benarlah tanggapan bahawa kesan pendudukan Portugis mahupun Belanda sebenarnya agak tipis dalam sejarah Tanah Melayu. Mereka cukup terbeban dengan pelbagai ragam permasalahan berbentuk dalaman mahupun luaran. Jika abad ke-16 lebih merupakan abad Aceh, Johor, dan negeri-negeri



lain dalam sejarah Tanah Melayu, maka abad-abad seterusnya pula lebih menyaksikan keterampilan peranan Johor, Minangkabau, Siak, dan Bugis di pentas Selat Melaka. Kedua, pihak (Portugis dan Belanda) hanyalah lapisan-lapisan tambahan baik di bidang politik dan perekonomian perdagangan di Alam Melayu. Skop, arah hala, dan asas-asas utama perdagangan tempatan (kecuali monopoli berteraskan kekuatan senjata) juga tidak menyaksikan banyak perubahan, berikutan kehadiran mereka. Benarlah seperti yang disimpulkan oleh Tregonning bahawa:

Indeed it was not until the late nineteenth century that the Malay Peninsula was affected internally by the Europeans. Until then it was the influence of other Asians: Indians, Achinese, Minangkabau, Chinese and Bugis in particular, that was more significant.<sup>14</sup>

DENGAN demikian, sejarah persekitaran Selat Melaka dalam jangka masa tersebut cukup menarik dibincangkan dari pelbagai sudut. Ini termasuklah penetapan pengaruh kekuasaan, perdagangan kelautan, pertelagahan dan diplomasi, serta tidak ketinggalan kerja sama serantau ataupun reaksi peribumi menentang penjajah di rantau ini. Kajian tersebut selayaknya dilihat biar dari sudut ruang lingkup mahupun dari aspek jangka masa. Namun kesuntukan ruang dan kesempatan, menyebabkan tulisan berikut hanya akan lebih tertumpu kepada gerakan menentang Portugis dan Belanda di Tanah Melayu.

## *Perdagangan Dan Penentangan Terhadap Penjajah*

TERLEBIH dahulu, perlu ditegaskan di sini bahawa perdagangan, pertelagahan, diplomasi, mahupun kerja sama serantau bukanlah sesuatu yang baru dan wujud dengan pembabitan kedatangan kuasa-kuasa barat di Alam Melayu.

Sejarah Kesultanan Melaka, malah lebih awal dari itu, memperlihatkan bahawa asas-asas berkenaan telah pun mendasari rantau ini sejak zaman-berzaman. Perdagangan mahupun kaedah pengendalian diplomasi Melaka negeri serumpun di Alam Melayu bersendikan agama Islam, bahasa Melayu, tulisan Jawi, perkahwinan diraja, pengiriman perutusan dan salam, serta kepentingan bersama memang cukup nyata di rantau ini.

LAUTAN rupa-rupanya bukanlah pemisah, ia laksana ia jejambat yang menghubungkan penduduk di dalam lingkungan Alam Melayu. Latar belakang bahasa, budaya, dan agama yang serupa adalah tali temali yang memperteguhkan ukhwah dan ikatan serumpun<sup>15</sup> di kalangan mereka. Selain mengamalkan diplomasi dan kerja sama serantau, hubungan diplomatik dan ekonomi juga dijalin dengan kuasa-kuasa luar seperti China, Ryukyu, India, dan Arab-Farsi. Unsur-unsur itulah sebenarnya yang menggerakkan dan merancakkan pertumbuhan perdagangan Melaka, selaku emporium ternama dan pentas dialog yang terbilang. Pihak Portugis mahupun Belanda cukup menyedari hakikat ini, dan sedaya-upaya cuba menghidupkan kembali perdagangan mahupun diplomasi yang diamalkan terdahulu. Sudah tentu mereka terpaksa melakukan beberapa perubahan mengikut selera, pertimbangan, keadaan, dan ketentuan semasa.

SEKALIPUN perdagangan Melaka mencatatkan keuntungan beberapa kali sebelum dan sesudah tahun 1641, namun pola perdagangan bersifat menjurus seperti yang pada zaman Kesultanan telah berubah kepada ciri berselerak sesudah tahun 1511. Berlalu juga keadaan bila mana perdagangan dikendalikan atas unsur "peaceful oceanic navigation based on the principles of accepted convention",<sup>16</sup> sebaliknya ciri-ciri perbalahan dan pertelagahan merupakan "the order of the day". Dalam hal ini, kehadiran kuasa-kuasa Baratlah yang lebih menyumbangkan ke arah pertelagahan tidak putus-putus di Selat Melaka pada abad-abad 16 hingga abad 18.

TIMBUL beberapa persoalan seperti apakah punca akan sebab-musabab berlaku penentangan terhadap kuasa-kuasa penjajah di Tanah Melayu pada tahun-tahun 1511–1795. Bagaimana pula peribumi melahir dan menyalurkan tentangan itu. Persoalan-persoalan sedemikian sebenarnya sekaligus dapat dikaitkan dengan konsepsi kuasa, kuat, dan keabsahan pelbagai pihak yang berada di persekitaran Selat Melaka. Pihak Portugis mahupun Belanda sebagaimana tersedia maklum, mendasarkan hak pegangan mereka ke atas Melaka melalui penaklukan, bersendikan kekuatan senjata. Dengan menakluk Melaka, kedua-duanya beranggapan bahawa ia mempunyai hak, kekuasaan, dan keberuntungan yang mutlak ke atas Melaka dan tanah jajahannya. Sudah barang tentu pendekatan sebegini bercanggah dengan amalan dan tradisi kefahaman serta realiti politik peribumi.

SISTEM politik Melayu adalah berteraskan diri raja sebagai unsur utama dalam sesebuah kerajaan. Manakala kekuasaan, keabsahan dan kesalahan politik pula ditunjangi oleh unsur-unsur jurai keturunan serta doktrin (daulat, derhaka, tulah, dan sebagainya). Mana-mana kuasa yang tidak memiliki ciri-ciri sedemikian, sudah pasti tidak dapat dianggap mempunyai ciri-ciri ketuanan yang dapat dipertahankan untuk jangka waktu yang panjang. Lagipun, pihak Portugis mahupun Belanda sejak awal-awal lagi sebagaimana yang terungkap di dalam *Sejarah Melayu* (mengenai orang Portugis) dilihat sebagai sebuah kuasa luar yang berlainan dari segi latar belakang budaya, agama, dan batas geografi serta bertujuan jahat untuk memporak-peranda dan merodakkan ketuanan Melayu. Peri laku, perbuatan, dan polisi-polisi yang mereka amalkan selama berada di Melaka tidak disenangi dan jelas sekali mempamerkan belang mereka. Tidaklah menghairankan, kenapa mereka tidak diterima dan begitu ditentang secara berdepan oleh kuasa-kuasa tempatan.

MALAH di bidang ketenteraan dan kekuatan persenjataan yang menjadi teras penting kekuasaan mereka pun, pihak Portugis

dan Belanda tidak dapat mempertahankan sepenuhnya keunggulan itu. Teknik persenjataan dan kaedah peperangan Barat segera dihidu oleh penguasa-penguasa peribumi. Kajian yang pernah penulis lakukan khususnya mengenai Aceh<sup>17</sup> menunjukkan bahawa, pemerintah-pemerintahnya menggunakan pelbagai bentuk senjata, termasuk kapal-kapal perang yang dipersenjatai dengan meriam guna untuk membanteras pihak Portugis di Melaka. Selain itu, Aceh juga dibantu oleh askar upahan dari Turki yang menggunakan senjata-senjata yang sebanding jika tidak lebih dari pihak Portugis.

JUSTERU kerana itu, sumber-sumber Portugis kerap menyebut tentang peri bahaya angkatan perang Aceh. Maklumat yang dipaparkan oleh Thomaz mahupun MacGregor,<sup>18</sup> menunjukkan bahawa pada tahun-tahun 1540-an, angkatan perang Aceh sering mengganggu lalu lintas perdagangan dan perkapalan Portugis dari Melaka ke India, Pegu, Arakan, dan sebaliknya. Keaktifan Aceh sekali lagi terserlah bilamana di antara tahun-tahun 1564–1585, ia menguasai perairan selatan Selat Melaka, dan menjadikan Johor sebagai pusat perlindungan. Kegusaran Portugis terhadap Aceh dan cita-cita menghancurkannya mungkin terpaksa dipendam sebagai impian yang tidak terlaksana, tetapi Johor yang turut mengancam dan menyerang Melaka pada masa-masa lampau diserang mereka. Ini menyebabkan kemusnahan ibu kota Johor Lama pada tahun 1587.

NAMUN seperkara yang jelas terserlah ialah keupayaan dan keunggulan senjata Barat bukanlah suatu kategori mutlak yang tidak dicabar di Alam Melayu. Sejarah merakamkan betapa hanya kombinasi di antara disiplin, kesatuan tujuan, kenekatan, teknik peperangan, nasib memberi kelebihan kepada penakluk-penakluk. Sebagaimana pertahanan Portugis sering diselamatkan oleh "the timely arrival of help from Goa", Van Braam juga sampai kena pada ketikanya sewaktu Raja Ali Haji melancarkan serangan ke atas Belanda di Melaka. Kemujuran

dan kebetulan itu menyelamatkan Melaka dari dibaham oleh angkatan perang Bugis.<sup>19</sup>

DALAM pada itu, penentangan peribumi terhadap kuasa-kuasa penjajah di perairan Selat Melaka juga dipandu oleh sebab-sebab perekonomian dan perdagangan. Tradisi perdagangan kelautan sesungguhnya telah lama menjiwai penduduk dan pemerintah rantau ini. Perdagangan telah menjanjikan dan menyajikan kemewahan, kemakmuran, dan mendapat tempat yang istimewa ditinjau dari sudut serantau mahupun di peringkat antarabangsa. Kekayaan dan kemakmuran tersebut turut berperanan dalam menegapkan serta mengukuhkan kekuasaan politik penguasa-penguasa peribumi. Dengan demikian, perdagangan kelautan adalah suatu ciri utama dalam usaha memahami khazanah peradaban Melayu. Sebarang usaha ke arah mengganggu, apalagi merampas kedudukan ini, sebagaimana yang terjadi dan diamalkan oleh pihak Portugis dan Belanda, sudah tentu merintis ke arah penentangan di pihak peribumi.

SEBAGAIMANA sempadan daratan bukan menjadi pertimbangan utama atau penghalang kepada komunikasi dan mobiliti antara manusia di Alam Melayu, lautan juga adalah penyatu dan bukannya pemecah atau pembahagi di antara mereka. Ekoran dari itu, prinsip-prinsip Mare Clausum, monopoli tegas, sistem cartezas, percukaian yang membebankan dilihat sebagai usikan-usikan fundamental yang tidak boleh ditolak ansur.

JUSTERU kerana itu, serangan, kepungan penyeludupan, mahupun pelanunan adalah di antara pelbagai bentuk reaksi peribumi terhadap apa yang disebut sebagai dominasi Barat. Kapal-kapal Portugis mahupun Belanda yang diketahui besar dari segi saiznya kerap kali terbukti sukar untuk mencegah kelajuan perahu-perahu, lancaras, sampan, tongkang, dan sebagainya dari kegiatan-kegiatan seumpama itu. Bahaya

serangan mengejut cukup ditakuti khususnya oleh pihak Portugis. Sementelahan lagi, lautan luas tidak mungkin dapat dikawal oleh kakitangan yang diketahui mempunyai keupayaan yang terhad. Keadaan ini diburukkan lagi dengan wujudnya persekitaran seperti muara-muara sungai terpencil, paya bakau, dan seumpamanya. Oleh kerana pihak Portugis dan lebih-lebih lagi Belanda terkenal dengan paksaan dan pembelian dengan harga yang murah, sebaliknya menjual dengan harga yang tinggi, menyebabkan penyeludupan menjadi-jadi.

JUSTERU kerana itu, suatu lagi bentuk cabaran atau penentangan terhadap pengaruh ekonomi penjajah ialah gejala timbulnya pusat-pusat perdagangan yang baru di persekitaran Selat Melaka. Telah disebutkan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu betapa Aceh, Johor, Pattani, Brunei, dan lain-lain muncul selaku emporium perdagangan yang penting sesudah tahun 1511. Penguasaan ekonomi Aceh misalnya cukup dirasai oleh pihak Portugis, lebih-lebih lagi kerana Aceh menguasai daerah pedalaman yang luas di Sumatera. Peluasan kekuasaan di Tanah Melayu sama ada di penghujung abad ke-16 atau dekad-dekad awal abad seterusnya, turut membantut cita-cita Portugis untuk menggunakan Tanjung Harapan selaku satu-satunya jalan laut ke Eropah.

SEBAGAIMANA yang disarankan oleh Boxer, perniagaan lada hitam dari Sumatera (Aceh) ke India dan Laut Merah melalui Nicobar dan Maldives, tergendala beberapa ketika sahaja akibat penaklukan Melaka oleh Portugis. Bilamana ramai orang Islam menumpukan perhatian ke Aceh babitan tekanan dan kekejaman Portugis, perdagangan itu telah kembali berkembang khususnya pada tahun-tahun 1530 dan 1540-an.<sup>20</sup> Malah sebagaimana yang disarankan oleh Van Leur, pada tahun-tahun 1530-an, hanya 80 tan rempah-ratus berjaya dihantar ke Eropah melalui Tanjung Pengharapan, manakala 1,280 tan komoditi tersebut dieksport melalui India, Asia Barat, dan Mediterranean.<sup>21</sup>

LETAK duduk Aceh yang strategik selaku pintu gerbang ke Selat Melaka, dan kebolehannya menggunakan pantai barat Sumatera dan Selat Sunda selaku laluan alternatifnya, menjadikan perkembangannya sebagai sebuah kuasa dagang yang tidak mudah dicabar. Johor, sekalipun terhimpit dengan pelbagai masalah, turut mampu menyelitkan peranan perekonomian dagangnya. Maklumat-maklumat dari pada Roelofs,<sup>22</sup> cukup jelas memperlihatkan betapa pedagang-pedagang Johor aktif di Tanah Melayu (termasuk Pattani) malah ke pesisir Jawa dan Sulawesi.

PELABUHAN-PELABUHAN di Johor tidak sahaja didatangi oleh saudagar China, dan Gujerat, malah oleh pihak Portugis, Inggeris, Armenia, Arab, Denmark, dan Belanda kemudiannya. Polisi percukaian Johor yang agak rendah, di samping kemudahan perniagaan yang diberikan, merupakan antara daya penarik perdagangan dewasa itu. Dengan demikian, pada akhir abad ke-17, Johor terbit selaku pusat kekuasaan dan perekonomian yang cukup berketerampilan. Walhal penduduk Melaka dianggarkan sekitar 10,000 orang, Johor-Riau memiliki rakyat lebih lima kali daripada jumlah itu. Sebagaimana yang dibincangkan oleh Andaya, antara barangan yang diperniagakan di Johor termasuklah "gold, eaglewood, kelembak, pedro porco, birdnest, ivory, camphor, tin, rattan, wax, pepper, salt, rice, copper, spianter, white Chinese silk, porcelain, iron, Chinese pans, cloth, red cloth, Japanese gold thread, and opium".<sup>23</sup>

SEKALIPUN tempoh gerhana dalam sejarah Johor kembali menjelma pembabitan peristiwa Sultan Mahmud Mangkat Di Julang pada tahun 1699, kemelut tercetus sehingga membawa kepada keterampilan Raja Kechil Siak, diikuti oleh kemaraan Bugis, Johor-Riau masih merupakan empayar yang penting. Pengalaman jatuh bangun, tradisi kepimpinan, minat, dan kemampuan berdagang adalah di antara beberapa faktor yang akhirnya mengemudi Johor-Riau selaku pentas baru dalam peradaban dan ketamadunan tanah air.

SUATU lagi dimensi penentangan terhadap penjajah sebenarnya perlu dikaitkan dengan sentimen keagamaan. Pihak Portugis mahupun Belanda di Selat Melaka sering dilihat sebagai kuasa luar yang mengancam pertumbuhan dan perkembangan Islam di Alam Melayu. Sentimen anti-Islam ini sebenarnya bukan sahaja cukup ketara di kalangan orang Portugis, tetapi tulisan barbara Andaya mengenai Belanda di Melaka turut memaparkan keadaan sedemikian. Kesultanan Melaka yang suatu masa dahulu menjadi pusat peradaban dan ketamadunan Melayu-Islam di rantau ini, sudah tentu mempunyai erti kepentingan yang cukup mendalam di hati dan sanubari warga Alam Melayu.

POLISI-POLISI penindasan, melalui *pureza de sanque, racas contaminadas*, diskriminasi keagamaan, dan pemusnahan tempat-tempat peribadatan sebagaimana yang dilakukan oleh pihak Portugis cukup diketahui dan tidak disenangi oleh kaum peribumi. Pihak Belanda yang dikatakan kurang menitik-beratkan soal keagamaan juga sebenarnya tidak bebas dari permasalahan ini. Jika tidak masakan terjadi insiden apabila dalam tahun 1710 pada hari Ashura, beberapa orang Gujerat ditangkap dan dipenjarakan atas tuduhan ingin merusuh dan mengusir VOC di Melaka. Malah jauh lebih awal dari itu pun, VOC sedar bahawa ia “was ringed by an alien, hostile people, bloodthirsty and cruel, forever ready to respond to the Islamic cry of Jihad, or holy war, in order to drive out the Christians”.<sup>24</sup>

JIKA inilah yang melambangkan tanggapan dan isi hati pihak penjajah, maka tugas mengusir mereka tentulah menjadi kewajipan dan visi suci penguasa peribumi. Inilah yang mereka lakukan. Kepada yang gugur di medan juang, mereka dianggap mati syahid dalam memenuhi tugas keagamaan. Seiringan dengan itu, timbullah pula khabar yang dikaitkan dengan kekebalan pejuang-pejuang Melayu. Raja Ibrahim Rembau disifatkan sedemikian pada tahun 1678. Ia dan pengikut-pengikutnya ingin berjihad menentang Belanda di Melaka. Untuk kesekian kalinya, Belanda tambah yakin bahawa orang



Melayu khususnya Laksamana Johor (1695) “adalah seteru orang Kristian”.

BERIKUTAN munculnya pusat-pusat peradaban dan ketamadunan Melayu Islam yang baru di rantau ini, misalnya di Aceh, Johor, Brunei, dan Pattani, landasan perjuangan menentang penjajah berpandukan sentimen keagamaan menjadi cukup nyata. Penelitian yang dilakukan oleh Profesor Ibrahim Alfian terhadap Aceh misalnya, menunjukkan landasan keagamaan sebagai syariat utama dalam menentukan kemakmuran, kesejahteraan, mahupun keselamatan negara dari ancaman dalaman ataupun luaran, cukup diberi perhatian. Ini tentunya bersesuaian dengan kedudukannya sebagai “serambi Mekah” dan tempat himpunan ilmuwan, cendekiawan, dan ulama Islam yang terbilang. Dengan demikian Kanun Syarak kerajaan Aceh Darussalam menggariskan dua puluh tugas utama rakyat. Selain dari diwajibkan bertani, berladang, berniaga, menuntut ilmu, (termasuk ilmu kebal), kerja tangan mahupun kesenian, ilmu-ilmu keperwiraan, bertukang besi dan senjata menjadi teras utama pendidikan.<sup>25</sup>

SESUNGGUHNYA tradisi penentangan terhadap penjajah berteraskan kerja sama serantau sebagaimana yang dilakukan oleh Sultan Mahmud dan pemerintah Johor yang lain termasuk Sultan Alauddin telah diteruskan oleh pemimpin peribumi yang lain. Memang terdapat contoh yang dapat dikemukakan dalam hal ini. Namun kesuntukan ruang, hanya memungkinkan beberapa contoh sahaja diketengahkan di sini. Suatu contoh yang jelas menyatakan keadaan ini ialah pakatan dalam bulan Jun 1551 yang melibatkan Sultan Johor, pemerintah-pemerintah Perak, Pahang, Bruas, dan Permaisuri Japara melibatkan lebih 200 kapal dan 5,000 pejuang menentang pihak Portugis di Melaka.

TIGA belas tahun kemudian, Aceh juga melaksanakan kaedah yang sama, malah kali ini melibatkan bantuan Turki untuk mengusir *conquistadores*. Sebagaimana pakatan serantau menjadi

perjuangan menentang Portugis, Belanda juga menyaksikan keadaan yang serupa. Telah disebutkan terdahulu, bahawa dalam tahun 1656 misalnya, pihak VOC dimaklumkan mengenai pakatan antara Johor, Palembang, Indragiri, Aceh, dan Mataram untuk membinasakan kompeni di Melaka. Pakatan serantau yang telah lama menunjangi Alam Melayu, sekali lagi dijelmakan bilamana Raja Ali Haji berjaya mengemblengkan tenaga orang Bugis sama ada di Johor-Riau atau sekutunya di Perak dan Selangor mengepung Melaka dari pelbagai penjuru. Sekalipun Belanda tidak berjaya diusir, perkembangan sesudah tahun 1784, seperti pembukaan Pulau Pinang dan kemaraan kepentingan British, serta peperangan di Eropah memaksa VOC menyerahkan Melaka.

SEBAGAIMANA peribumi menunjukkan sebab dan kaedah dalam usaha mengusir penjajah-penjajah di persekitaran Selat Melaka termasuk melalui kerja sama serantau, perbalahan sesama sendiri juga cukup ketara. Perbalahan ini misalnya sering terjadi antara Aceh dengan Johor dan sekutu-sekutunya di perairan Selat Melaka. Perbalahan dan serangan-serangan sesama sendiri sebagaimana kita sedia maklum telah memaksa peribumi untuk bersepakat pula dengan pihak penjajah. Demikian rumit dan uniknya dimensi pertelagahan di rantau ini, di tengah arus mencari identiti bersendikan perdagangan kelautan dan despora ketamadunan Melayu Islam.

## *Kesimpulan*

PERDAGANGAN, pertelagahan, diplomasi, dan kerja sama serantau merupakan tema-tema yang cukup ketara sepanjang tahun-tahun 1511–1784. Kejatuhan Melaka ke tangan Portugis dan kemudiannya Belanda telah mewujudkan suasana pergolakan yang ditandai oleh pelbagai bentuk reaksi peribumi menentang penjajah. Penentangan-penentangan itu yang dijelmakan melalui kerja sama serantau, turut merangkumi

dimensi-dimensi politik kedaulatan, ketuanan, perekonomian, dan tidak kurang penting ialah sudut keagamaan. Sepanjang pendudukan mereka di Melaka, pihak Portugis mahupun Belanda tidak henti-henti dihujani dengan pelbagai masalah luaran dan dalaman, khususnya daripada penguasa-penguasa peribumi. Dengan sedemikian, Portugis mahupun Belanda, bukanlah kuasa-kuasa yang dianggap dapat menerajui rantau ini. Sebagaimana ikatan serumpun dan pakatan serantau pernah dan boleh diwujudkan, malangnya pertelagahan sesama sendiri juga turut terjadi. Semoga pengalaman pahit getir masa lampau akan menjadi pengajaran kepada kita.

## Nota

1. M. C. Ricklefs, *A History of Modern Indonesia* (London: Macmillan Asian Histories Series, 1981), 22.
2. F. R. R. Thomaz, "Os Portugueses Em Malacca, 1511-1580," Vol. I & II, Faculdade de Letras, Universidade de Lisboa, 1964, Capitulo III. Juga M. J. Pintado (tr.), *Portuguese Documents On Malacca* (Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 1993).
3. Lihat ANTT: CC Parte 10, Maco 30, No. 78. Juga, Yahaya Abu Bakar, "Sumber Portugis Mengenai Melaka T. M. 1511-1641: Suatu Tinjauan Mengenai Politik, Pentadbiran Dan Perbalahan Kuasa Di Selat Melaka," dalam Omar Farouk Bajunid (ed.) *Esei-Esei Budaya Dan Sejarah Melaka*, Siri Minggu Kesenian Asrama Zaaba (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1989).
4. L. Y. Andaya, *The Kingdom of Johor 1641-1728: The Economic and Political Developments* (Kuala Lumpur: East Asian Historical Monographs, OUP, 1975), 20-21.
5. P. Wheatly, *Impression of the Malay Peninsula in Ancient Times* (Singapore: Eastern University Press, 1964), 119-176.
6. Yahaya Abu Bakar, "Merentasi Samudra Sutera Dan Rempah Ratus: Melaka dan Brunei Selaku Pentas Dialog dan Pertembungan Di Alam Melayu (Abad ke-XV dan ke-XVI Masehi)," Seminar Antarabangsa Kesultanan Melayu Brunei Di Nusantara, pada 13-17 November 1994. Mengenai Pattani, lihat W. A. Bougas, *The Kingdom of Pattani, etc.* (ATMA, UKM, 1994).
7. A. P. Rubin, *International Personality of the Malay Peninsula: A Study of International Law of the Imperialism* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1974).
8. Yahaya Abu Bakar, "Sumber Portugis Mengenai Melaka T. M. 1511-1641: Suatu Tinjauan Mengenai Politik, Pentadbiran dan Perbalahan Kuasa di Selat Melaka."
9. I. A. MacGregor, "Notes to the Portuguese in Malaya," *JMBRAS*, Vol. XXVIII, pt. 2, May 1955, 5-47. Juga, D. R. Sar Desai, "The Portuguese Administration in Malacca 1511-1641," *JSEAH*, Vol. 10, 1969, 501-512.

## KERJA SAMA SERANTAU MENGUSIR PENJAJAH DI SELAT MELAKA

10. Jorge de Lemos, *Historia Dos Cercos De Malaca . . . Os Achens & Iaos Puserao af Fortaleza de Malaca Sendo Tristao Vaz da Viega capitao della* (Biblioteca Nacional Lisboa, 1982).

11. Nik Hassan Shuhaimi dan Yahaya Bakar, "Melaka as a Historic City," *JEBAT* Bil. 15, 1987, 105-109.

12. B. W. Andaya, "Melaka under the Dutch 1641-1795," dalam K. S. Sandhu & P. Wheatly, *Malaka, Transformation of A Malay Capital, etc.*, Vol. I & I (Petaling Jaya: OUP, 1983), 214.

13. *Ibid.*

14. K. G. Tregonning, *A History of Modern Malaya* (Singapore: Eastern University Press, 1964), 46.

15. Yahaya Abu Bakar "Melaka Sebagai Pusat Islam Abad ke-XV," *SARI*, Jurnal IBKMM, Jilid I, No. 1, Januari 1983, 31-55.

16. K. N. Chandhuri, *Trade and Civilization in the Indian Ocean* (Cambridge: Cambridge University Press, 1985), bab 2 awalan.

17. Yahaya Abu Bakar, "Impian Tidak Terlaksana: Kes Aceh dan Orang Portugis di Melaka (1511-1641 Masehi)," dalam Nik Hassan Shuhaimi, et al., *Sumbangsih Kumpulan Esei Sejarah* (Bangi: Jabatan Sejarah, UKM 1988), 60-75.

18. F. R. R. Thomaz, "Os Portuguese . . .", 125-126. Juga I. A. MacGregor, "A Sea Fight Singapore in the 1570's," *JMBRAS*, Vol. XXIX, pt. 3, 1956, 6.

19. Nik Hassan Shuhaimi and Yahaya Abu Bakar, "Melaka as a Historic City," 114.

20. C. R. Boxer, "A Note on the Portuguese Reactions to the Revival of the Red Sea Spice Trade and the Rise Atjeh, 1540-1600," *JSEAH*, Vol. 10, No. 3, 1969, 416.

21. J. C. Van Leur, *Indonesian Trade and Society*, 2nd Edition (Bandung: Sumur, 1960), 162. Juga Yahaya Abu Bakar, "Impian Tidak Terlaksana . . .", 64-65.

22. M. A. P. Meilink Roelofs, *Asian Trade and European Influences, A.D. 1500-1630, etc.* (The Hague Martinus Hijhoff, 1962), 141-142.

23. Lihat, L. Y. Andaya, *The Kingdom of Johor*, 38.

24. B. W. Andaya, "Melaka under the Dutch," 221.

25. Lihat, T. Ibrahim Alfian, "Kejayaan Kesultanan Aceh Darussalam," International Seminar on Brunei Malay Sultanate in Nusantara, 13-17 November 1994, 9.

*Gerakan  
Penentangan  
Terhadap  
Kuasa Barat  
Di Melaka*

3

---

**ABDULLAH ZAKARIA GHAZALI**

DALAM sejarah Malaysia, Melaka menjadi perintis menentang kuasa Barat. Kuasa Barat yang pertama ditentang Melaka ialah Portugis; kemudiannya Belanda dan British. Segala yang berlalu tidak sewajarnya dibiarkan berlepas begitu sahaja, terutamanya yang boleh diambil sebagai teladan. Tidak ada hari ini, tanpa hari sebelumnya. Begitulah juga dengan perjuangan bangsa Melayu menentang kuasa Barat. Asas perjuangan telah dibina oleh mereka yang terdahulu. Walau apa jua bentuk landasan digunakan bagi mempertahankan negara dan bangsa serta memerdekakan tanah air, perjuangan mereka wajar disanjung.

PERJUANGAN bangsa Melayu menuntut kemerdekaan dan berhasil pada 31 Ogos 1957, bermula dari liku-liku perjuangan sebelumnya. Dalam liku-liku perjuangan inilah gerakan menentang Portugis,

Belanda, dan British di Melaka menjadi ingatan dan kenangan serta inspirasi perjuangan bangsa Melayu menentang penjajah, mempertahankan maruah dan kedaulatan.

## *Menentang Portugis Dan Belanda*

KEAGUNGAN Kesultanan Melaka hancur setelah dikalahkan oleh Portugis pada tahun 1511. Kekalahan ini sewajarnya menjadi teladan kepada bangsa Melayu. Persengketaan, cemburu, dan iri hati serta kezaliman pemerintah telah memberi laluan yang mudah kepada musuh, iaitu Portugis menawan Melaka. Melaka yang diasaskan oleh Parameswara terus makmur dan maju di bawah pemerintahan Sultan Mahmud dan Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir. Kemajuan Melaka ini menyebabkan nama Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir menjadi sebutan saudagar. Kini Bendahara Tun Mutahir menjadi kaya dan banyak menyimpan emas.<sup>1</sup>

KEAGUNGAN Melaka sebagai pusat perdagangan termasyhur di Kepulauan Melayu telah mencuit hati Portugis untuk sama berdagang di Melaka. Pada tahun 1509 angkatan Portugis yang terdiri daripada lima buah kapal di bawah pimpinan Diogo Lopes de Sequeira berkhunjung ke Melaka. Mereka membawa hadiah dan surat daripada Raja Emanuel Portugal. Hadiah dan surat diserahkan kepada Bendahara Tun Mutahir. Saudagar Islam mulai cemas dengan kehadiran rombongan Portugis ini. Mereka bimbang perniagaan nanti akan dikuasai oleh Portugis. Dengan itu mereka mempengaruhi Bendahara Tun Mutahir menghalau orang Portugis ini.

HASUTAN saudagar Islam ini telah membawa kepada tindakan Bendahara Tun Mutahir menangkap beberapa orang Portugis dan pegawainya, Rui De Araujo. Ketua rombongan Portugis, Diogo Lopes de Sequiera memohon Bendahara Tun Mutahir melepaskan orangnya. Setelah gagal, Diogo Lopes de Sequiera



meninggalkan pelabuhan Melaka pulang ke Portugal.<sup>2</sup> Kemudiannya Bendahara Tun Mutahir menerima pandangan seorang saudagar India di Melaka, Nina Chatu, membawa keluar orang Portugis dari penjara dan ditahan di sebuah rumah di Melaka. Mulai dari sini Nina Chatu rapat dengan orang Portugis.<sup>3</sup>

BENDAHARA Tun Mutahir kemudiannya dibunuh oleh Sultan Mahmud akibat fitnah Syah Bandar Melaka Raja Mendaliar. Beliau dikatakan seorang yang sangat kaya di Melaka pada ketika itu. Peristiwa ini berpunca daripada persaingan Raja Mendaliar dengan saudagar bernama Nina Sura Dewana. Justeru bimbangkan Raja Mendaliar memberi hadiah kepada Bendahara Tun Mutahir, pada suatu malam membawa sebahara emas (satu bahara bersamaan 400 paun) kepada Bendahara Tun Mutahir. Hadiah tersebut diambil oleh Bendahara Tun Mutahir. Peristiwa ini diketahui oleh Kitul. Kitul mempunyai hubungan saudara dengan Nina Sura Dewana. Beliau mengambil kesempatan ini kerana berhutang 10 kati emas dengan Raja Mendaliar, lalu menemui Raja Mendaliar pada malam hari.

DALAM pertemuan ini, Kitul membuat fitnah yang Nina Sura Dewana membawa 10 kati emas kepada Bendahara Tun Mutahir meminta Raja Mendaliar dibunuh. Setelah mendapat berita ini Raja Mendaliar mengoyakkan surat hutang Kitul. Pada malam yang sama Raja Mendaliar membawa satu bahara emas, permata yang baik serta kain yang indah menemui Laksamana Khoja Hasan. Laksamana Khoja Hasan sangat rapat dengan Sultan Mahmud. Raja Mendaliar berjaya mempengaruhi Laksamana Khoja Hasan supaya melaporkan kepada Sultan Mahmud yang Bendahara Tun Mutahir bersiap sedia hendak menderhaka kepada baginda Sultan.

FITNAH Raja Mendaliar ini disampaikan oleh Laksamana Khoja Hasan kepada Sultan Mahmud. Setelah menerima laporan daripada orang yang dipercayai, Sultan Mahmud

mengeluarkan titah kepada Tun Sura Diraja dan Tun Indera Segara membunuh Bendahara Tun Mutahir. Dengan itu Tun Sura Diraja dan Tun Indera Segara menjalankan hukuman bunuh ke atas Bendahara Tun Mutahir, Seri Nara Diraja, Tun Hasan Temenggung dan menantu Bendahara Tun Mutahir, Tun Ali suami Tun Fatimah.

DALAM pada itu datang Sang Sura membawa titah supaya jangsan menghapuskan semua keturunan Bendahara Tun Mutahir. Dengan itu Tun Hamzah yang mengalami kecederaan akibat diserang oleh seorang Benggali diselamatkan. Beliau kemudiannya dikasihi oleh Sultan Mahmud. Manakala Tun Fatimah diambil baginda sebagai isteri. Paduka Tuan anak Bendahara Paduka Raja Tun Perak yang sangat tua dilantik sebagai Bendahara Melaka.<sup>4</sup> Sejarah Melaka membuktikan perpecahan sesama sendiri akan membawa kerugian kepada bangsa itu.

DALAM keadaan Melaka yang tidak aman ini angkatan Portugis mengambil kesempatan menyerang Melaka. Raja Emanuel menghantar angkatan menyerang Melaka di bawah pimpinan Diogo Mendes de Vasconcelos. Setelah tiba di Goa, Alfonso de Albuquerque tidak membenarkan angkatan ini mara ke Melaka. Berlaku pertelingkahan di antara kedua pemimpin yang akhirnya Diogo Mendes de Vasconcelos dipenjarakan dan Alfonso de Albuquerque mengambil alih tugas menyerang Melaka.<sup>5</sup> Ketika berada di Goa ini, Alfonso de Albuquerque mendapat surat Rui de Araujo yang diseludup melalui saudagar India. Surat ini menyatakan beberapa orang Portugis berjaya melarikan diri dan berlindung di Pidi dan meminta Alfonso menyerang dan menakluk Melaka.

ALFONSO de Albuquerque bersama angkatan besar ke Pidi menemui orang Portugis, bekas tawanan Melaka. Dari sini beliau berangkat ke Melaka. Beliau menuntut Sultan Mahmud menyerahkan tawanan dan membayar ganti rugi. Sultan

Mahmud pula mendesak supaya perjanjian perdamaian dimeteraikan terlebih dahulu. Setelah gagal mencapai persetujuan, Alfonso de Albuquerque melancarkan serangan ke atas Melaka. Sementara itu beliau mendapat maklumat yang sangat bermakna daripada Rui de Araujo mengenai pertahanan dan kekuatan Melaka dengan bantuan Nina Chatu.

KEHADIRAN angkatan Portugis dihadang oleh angkatan Melaka. Sultan Ahmad yang diserahkan kuasa oleh ayahandanya, Sultan Mahmud memimpin angkatan menentang kemaraan tentera Portugis. Baginda menaiki gajah bernama Jinakji, Tun Udani di kepala gajah dan Tun Ali Hati di buntut gajah bersama guru tauhid baginda, Makhdum menuju ke jambatan berjaya mengundurkan angkatan Portugis. Semangat perjuangan angkatan Melaka ditingkatkan lagi dengan membaca *Hikayat Muhammad Hanafiah*. Kemudian angkatan Portugis melancarkan lagi serangan. Dalam peperangan berikutnya Sultan Ahmad mengalami kecederaan di tangan. Namun baginda meneruskan perjuangan dengan dibantu oleh angkatan Melaka. Walaupun berjuang mempertahankan Melaka, mereka gagal.

PADA 24 Ogos 1511, angkatan Portugis di bawah Alfonso de Albuquerque melancarkan gerakan, membunuh sesiapa yang menghalang atau menentang kemaraan mereka. Nina Chatu dan rumahnya tidak dipengapakan oleh Portugis. Setelah tidak berdaya lagi, Sultan Mahmud bersama keluarga, pembesar, dan rakyat tertentu mengundurkan diri. Sultan Ahmad berundur di Bertam dan Sultan Mahmud di Batu Hampar. Kemudiannya kedua-dua tempat ini diserang oleh Portugis. Mereka berundur ke Pagoh, Hulu Muar dan mendirikan kota di Bentayan. Tidak lama kemudian Portugis melancarkan serangan di Pagoh, Sultan Mahmud berundur lagi melalui Penarikan ke Pahang dan seterusnya ke Bintan. Sultan Ahmad mendirikan kerajaan di Kopak, Bintan. Kemudiannya peri laku Sultan Ahmad yang tidak disenangi oleh Sultan Mahmud. Akhirnya Sultan

Mahmud menitahkan Sultan Ahmad dibunuh. Jenazah baginda dimakamkan di Bukit Batu.<sup>6</sup>

MULAI Ogos 1511 Kesultanan Melayu tidak lagi memerintah Melaka. Teraju pemerintahan dikendalikan oleh Portugis. Alfonso de Albuquerque mengekalkan Nina Chatu sebagai Syah Bandar bagi orang India Selatan dan melantiknya sebagai Bendahara. Utimuti Raja dikekalkan sebagai Syahbandar untuk orang Jawa, sehinggalah beliau dibunuh oleh Portugis kerana berpakat dengan Sultan Mahmud menyerang Portugis di Melaka. Selain itu Alfonso de Albuquerque melantik Rui de Brito Patalim sebagai Kapten Kota Melaka dan Prez de Andrade sebagai Kapten Laut. Pada awal tahun 1515 Sultan Mahmud mengepung pelabuhan Melaka; Pateh Kadir bersama kira-kira 6,000 orang bergabung dengan Sultan Mahmud dalam gerakan ini.<sup>7</sup>

SULTAN Mahmud bersama angkatan tenteranya beberapa kali melancarkan serangan ke atas Portugis di Melaka. Ketika bersemayam di Bintan, 1516–1519 Sultan Mahmud menghantar pasukan mengawal Kuala Muar bagi menyekat barangan masuk ke Melaka. Pada tahun 1519 baginda bersama angkatan berangkat ke Muar membina kubu di Pagoh untuk melancarkan serangan ke atas Melaka. Persiapan ini diketahui oleh Portugis, lantas angkatan Portugis melancarkan serangan ke atas Muar. Angkatan Portugis dikalahkan. Akibat sekatan bekalan, Portugis terpaksa ke Burma untuk membeli barang makanan.

PADA tahun 1520 angkatan Portugis telah melancarkan serangan ke atas Pagoh. Sultan Mahmud dikalahkan, berundur semula ke Bintan. Ketika berada di Bintan, pada tahun 1521 Sultan Mahmud menghantar satu angkatan untuk menyerang Melaka. Angkatan Sultan Mahmud berjaya memasuki Melaka, tetapi gagal menawan Melaka dan terpaksa pulang ke Bintan. Pada tahun 1521, 1523, dan 1524 angkatan Portugis menyerang Sultan Mahmud di Bintan, tetapi mereka dikalahkan oleh pasukan Sultan Mahmud. Portugis berpendapat, "selagi

Sultan Mahmud berkerajaan, kedudukan Portugis di Melaka tidak akan tenteram”.

DENGAN itu pada tahun 1526, angkatan yang besar terdiri daripada 25 buah kapal, 550 orang Portugis dan 600 orang Melayu menyerang Bengkalis, Pulau Bulang, dan Bintan.<sup>8</sup> Setelah Sultan Mahmud mendapat berita yang tentera Portugis melanggar jajahan Melaka, Bengkalis; baginda menitahkan Temenggung Seri Udana bertahan di Kota Kara. Tetapi Temenggung Seri Udana tidak datang menghadap kerana sibuk menentukan harta yang dipinjam orang. Pada ketika itu beliau sangat miskin. Begitu juga apabila angkatan Portugis menyerang Bulang, setelah dijemput menghadap oleh Sultan Mahmud, beliau memberikan alasan yang sama. Setelah selesai membuat senarai hartanya yang ada, Temenggung Seri Udana berangkat ke Kota Kara. Dalam perjalanan beliau bertemu utusan Sultan Mahmud yang datang menjemputnya. Beliau tidak menghadap Sultan Mahmud, sebaliknya menyerahkan surat kepada utusan Sultan Mahmud untuk disembahkan kepada baginda.

PADA ketika ini angkatan Portugis sudah berada di Kuala. Antara lain dalam surat tersebut Temenggung Seri Udana mencatatkan hartanya yang ada: “. . . talam tiada berbibir lagi pasuk satu, dan bokor pecah alas ternang Pahang sumbing satu, dan pinggan retak China satu, dan mangkut retak satu, dan piring karang satu, periuk tembaga satu putus bibirnya, dan belanga Keling tembaga satu dan budak tiga orang. . . .” Tetapi apa yang lebih menarik ialah semangat perjuangan Temenggung Seri Udana. Walaupun miskin dan tidak mendapat kurnia daripada Sultan Mahmud, tetapi masih setia kepada negara dan rajanya. Beliau menyatakan di dalam suratnya tidak menghadap Sultan Mahmud sebaliknya terus ke Kota Kara; dan “. . . jikalau Kota Kara alah, patik (Temenggung Seri Udana) itu matilah.” Dengan bantuan Sang Aria, Sang Jaya, Sang Lela dan angkatan tentera, Temenggung Seri Udana bertempur dengan pasukan Portugis. Walaupun pasukan yang

bertahan di Kota Kara mati dan melarikan diri, Temenggung Seri Udana, Sang Aria, Sang Jaya, dan Sang Lela terus mengamuk menentang pasukan Portugis. Mereka semua terkorban dalam pertempuran tersebut. Dengan itu Kota Kara ditawan Portugis.

SULTAN Mahmud bersama panglima berangkat ingin bertempur dengan pasukan Portugis. Baginda bertindak demikian kerana mengikut adat raja-raja, “. . . negeri alah rajanya mati.” Tetapi para pembesar yang ada menghalang dan menasihati baginda supaya berundur. Pasukan Portugis meneruskan serangan ke atas Kopak dan membakarnya. Kemudiannya angkatan Portugis pulang ke Melaka.<sup>9</sup> Sultan Mahmud berundur ke Kampar berlindung di bekas istana Sultan Munawir, adinda baginda. Baginda mangkat di sini pada tahun 1528.

SULTAN Mahmud digantikan oleh Raja Ali, putera baginda dengan Tun Fatimah. Raja Ali mengasaskan Kesultanan Johor dan memakai gelaran Sultan Alauddin Riayat Shah II. Kerajaan Johor yang menggantikan kerajaan Melaka, menghadapi cabaran Portugis dan Aceh. Portugis melancarkan serangan pada tahun 1535, 1536, dan 1587 ke atas Johor. Aceh pula melancarkan serangan pada tahun 1564, 1570, 1582, 1613, 1615, 1618, dan 1623.<sup>10</sup> Kerajaan Johor meneruskan perjuangan menentang Portugis di Melaka.

PADA tahun 1639, Laksamana Johor Tun Abdul Jamil menandatangani perjanjian dengan Philips Lucasz, pegawai Belanda di Patani yang Johor akan membantu Belanda menyerang Portugis di Melaka. Belanda pula mengaku akan membina kubu dan membekalkan meriam kepada Johor serta melindungi Johor daripada serangan Portugis dan Aceh. Pengepungan ke atas Melaka bermula pada 2 Ogos 1640. Seramai 1000 hingga 2000 tentera Johor di bawah pimpinan Seri Bija Diraja, anak Laksamana Tun Abdul Jamil membantu Belanda dalam gerakan ini.

AKHIRNYA Belanda berjaya mengalahkan Portugis dan menduduki Melaka pada 14 Januari 1641. Sokongan dan bantuan Johor ini dirakamkan oleh Gabenor Jeneral Antonio van Diemen dalam suratnya bertarikh 23 Disember 1643 kepada Heeren XVII di Holland. Antara lain beliau menyatakan angkatan Johor memberi sumbangan besar terhadap penaklukan Melaka dan tanpa bantuan mereka pasukan Belanda tidak mungkin dapat menawan Melaka.<sup>11</sup>

SETELAH kira-kira 130 tahun berada di bawah penjajah Portugis, Melaka dijajahi pula oleh Belanda. Belanda cuba menjadikan Melaka pusat perdagangan di Selat Melaka. Namun usaha ini tidak berjaya. Mulai tahun 1641 pelabuhan Johor muncul sebagai pusat perdagangan dan meneruskan tradisi keagungan kesultanan Melaka. Belanda memberi kebenaran kepada Johor untuk mengendalikan perdagangan sendiri di Selat Melaka. Pada ketika ini Aceh tidaklah sekuat semasa di bawah pemerintahan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam. Kelemahan Aceh di bawah pemerintahan Sultan Tajul Alam Safiatuddin Shah mulai 1641, tidak lagi mencabar Johor.

BELANDA kini berikhtiar untuk menguasai perdagangan bijih timah di Selat Melaka. Mereka mencuba memonopoli bijih timah Perak, tetapi tidak dibenarkan oleh Sultan Muzaffar Shah II. Dengan itu Belanda menghantar wakilnya ke Aceh pada tahun 1650 memaksa Sultan Tajul Alam Safiatuddin Shah memeterai perjanjian, hanya Aceh dan Belanda sahaja yang boleh membeli bijih timah di Perak. Selepas itu Sultan Tajul Alam Safiatuddin Shah menghantar wakil baginda mengiringi wakil Belanda ke Perak menghadap Sultan Muzaffar Shah II membuat perjanjian dengan Perak. Pada 15 Ogos 1650, Sultan Muzaffar Shah menandatangani perjanjian dengan Belanda membenarkan Belanda membina gudang di Kuala Perak. Gudang ini tidak lama didirikan kerana, pada tahun 1651, Perak melancarkan serangan ke atas gudang ini dan membunuh semua orang Belanda.<sup>12</sup>

KEDUDUKAN Belanda di Melaka juga mendapat tentangan daripada penduduk Naning. Akhirnya pada tahun 1643, angkatan Belanda yang terdiri daripada 200 orang melancarkan serangan ke atas Naning. Suatu perjanjian ditandatangani di antara Belanda dengan Penghulu Naning pada tahun 1643.<sup>13</sup> Di antara syaratnya, Penghulu diwajibkan menghantar satu persepuluh hasil tahunan Naning kepada Belanda di Melaka. Selain itu Naning juga dikehendaki menghantar 72 ekor ayam dan sejumlah kerbau. Tetapi Belanda tidak memaksa Naning menghantar hasil tersebut. Malah Belanda pernah meminta Naning menghantar 400 gantang padi sahaja ke Melaka.<sup>14</sup> Belanda tidak melakukan kekerasan kerana kos yang akan diambil untuk memaksa Naning membayar satu persepuluh tidak dapat menampung perbelanjaan peperangan.

GERAKAN menentang Belanda di Melaka lebih ketara dilancarkan oleh Sultan Ibrahim Selangor dan Yamtuan Muda Johor Raja Haji pada tahun 1784. Sultan Ibrahim mendapat persetujuan Penghulu Rembau dan Pedas untuk melancarkan serangan ke atas Belanda di Melaka. Mereka berkubu di Batang Tiga, Melaka. Sementara itu Raja Haji dan angkatan Johor dari Bintan berkubu di Teluk Ketapang. Dalam pertempuran yang berlaku, Yamtuan Muda Raja Haji mangkat di Teluk Ketapang Melaka. Setelah Raja Haji mangkat pasukan Johor pulang ke Riau; manakala Sultan Ibrahim pulang ke Selangor. Pasukan Belanda melancarkan serangan ke atas Selangor dan menduduki Kuala Selangor pada tahun 1784.<sup>15</sup> Sultan Ibrahim berlindung di Pahang. Kemudiannya pada tahun 1785, dengan bantuan Pahang, Sultan Ibrahim melancarkan serangan mengejut ke atas Belanda di Kuala Selangor dan berjaya mendudukinya. Persaingan Sultan Ibrahim dengan Belanda berakhir apabila mereka mengikat persetiaan pada tahun 1786.<sup>16</sup>

PADA tahun 1795 pentadbiran Melaka berpindah tangan kepada British melalui Surat-surat Kew. Selama berkuasa 1795–1818, perselisihan seringkali berlaku di antara Naning dengan



British. Pada tahun 1818 Belanda kembali semula berkuasa di Melaka. Kemudiannya pada tahun 1824, termaktub perjanjian Inggeris-Belanda di London. Di antara lain, Belanda menyerahkan Melaka kepada British; British pula menyerahkan Bangkahu di Sumatera kepada Belanda.

## *Gerakan Menentang British*

GERAKAN menentang British di Melaka dilancarkan oleh Penghulu Dol Said Naning. Dol Said menjadi penghulu Naning ketika British mengorak langkah melebarkan sayap pengaruhnya di Tanah Melayu. Pada tahun 1786 tanpa mempedulikan syarat yang dikemukakan oleh Sultan Abdullah Kedah, British melalui Francis Light menduduki Pulau Pinang secara haram.<sup>17</sup> Kemudiannya British mentadbir Melaka 1795–1818, yang diserahkan Belanda buat sementara melalui Surat Kew. Ketika menduduki Melaka, British mengakui bahawa Naning adalah sebahagian daripada Melaka. Dalam usaha mengabsahkan pengakuannya ini British, diwakili oleh Leftenan Kolonel Aldwell Taylor menandatangani perjanjian dengan Naning, yang diwakili oleh Penghulu Dol Said dan Empat Suku pada tahun 1801.

PERJANJIAN ini tidak langsung menyebut yang Naning sebahagian daripada Melaka. Tetapi Naning bersetuju dengan amalan yang dilakukan oleh penghulu sebelum ini menghantar satu persepuluh daripada hasil tahunan Naning ke Melaka sebagai tanda persahabatan. Tidak puas dengan ini, pada tahun 1807, Residen Konsularnya Kolonel Farquhar dengan megah mengisytiharkan yang Naning sebahagian daripada Melaka; segala kes jenayah yang berlaku di Naning hendaklah diselesaikan di Melaka. Perisytiharan ini mencemar perjalanan hukum adat, Adat Perpatih di Naning. Keangkuhan British ini menyebabkan kegentingan hubungan antara Naning-Melaka. Pada tahun 1818, Belanda kembali semula ke Melaka dan mereka tidak mengganggu perjalanan pentadbiran Naning.

KEBEBASAN Naning hanya berterusan sehingga tahun 1825. Pada tahun ini, berkuat kuasa Perjanjian London di antara British dengan Belanda pada 17 Mac 1824, British bertapak semula di Melaka. Sebelum ini British telah berjaya memperdayakan Sultan Husin Johor dan Temenggung Abdul Rahman untuk bertapak di Singapura, mulai 1819. Kini British telah bertapak di tiga buah negeri Melayu, Pulau Pinang, Singapura, dan Melaka. British seterusnya mengukuhkan lagi kedudukan dengan membentuk pentadbiran Negeri Selat pada tahun 1826, dengan Gabenor sebagai Ketua Pentadbir berpusat di Pulau Pinang. Pada tahun 1828, pusat pentadbiran Negeri Selat dipindahkan ke Singapura. Pembentukan Negeri-negeri Selat menamatkan panggilan negeri Melayu ke atas Melaka, Pulau Pinang, dan Singapura. Negeri-negeri ini tidak lagi dikenali sebagai negeri Melayu, sebaliknya Negeri Selat. Sehingga sampai kini masih ada yang merujuk negeri-negeri Melayu ini sebagai Negeri Selat.

KINI pentadbiran Melaka menuntut kembali Naning sebahagian daripada Melaka dan diwajibkan mematuhi undang-undang yang dilaksanakan di Melaka. Segala kes jenayah wajib dibicarakan di Melaka dan menghantar satu persepuluh hasil tahunan ke Melaka. Tuntutan ini menyinggung Penghulu Dol Said. Beliau menyifatkan British sengaja hendak memutuskan hubungan British-Naning. Walaupun mendapat amaran daripada pemerintah British Negeri Selat, Penghulu Dol Said cekat dengan semangat perjuangannya. Dia terus menyatakan kemerdekaan Naning. Segala hantaran termasuk satu persepuluh hasil tahunan Naning ke Melaka sebagaimana dilakukan pada masa pentadbiran Belanda di Melaka dahulu adalah sebagai tanda persahabatan. Dakwaan Penghulu Dol Said ini tidak diterima oleh Gabenor Robert Fullerton. Dia menghantar W. T. Lewis yang bertugas sebagai Penguasa Tanah Melaka menyiasat duduk perkara Naning pada tahun 1828. Dengan berdasarkan lawatannya ke Naning dan menemu bual beberapa orang tua di Naning, W. T. Lewis menyimpulkan yang Naning

adalah sebahagian daripada Melaka. Malah dia menyarankan British melancarkan serangan ke atas Naning. Selain itu British juga menghantar Thomas Church ke Naning, memberi amaran kepada Penghulu Dol Said mematuhi arahan dari Melaka. Jika ingkar Penghulu akan dilucutkan jawatan. Juga sepasukan sepoi dihantar ke Naning untuk mengawasi siasatan dan bancian. Segala tindakan British ini mencabar Naning. Walaupun diberi tawaran istimewa, dan kalau ingkar Penghulu Dol Said akan dilucutkan jawatan, namun Penghulu Dol Said langsung tidak mengendahkan amaran ini.

MALAH pada tahun 1828, beliau menyelesaikan kes jenayah di Naning. Tindakannya ini diberi amaran oleh British. Begitu juga Penghulu Dol Said tidak pernah mematuhi jemputan atau arahan Gabenor Robert Fullerton untuk menemuinya di Melaka. Penghulu Dol Said bertindak demikian kerana beliau berpendirian bahawa Naning sebuah negeri bebas dan tidak perlu mematuhi arahan British.

KEENGGANAN Penghulu Dol Said ini dipandang berat oleh Gabenor Robert Fullerton. Beliau menganggap Penghulu Dol Said mengingkari arahannya. Dengan itu beliau mencadangkan agar dalam Majlis Mesyuarat yang bersidang di Pulau Pinang Inggeris menakluki Naning. Cadangan ini dibantah oleh Setiausaha Negeri Selat, Sir John Anderson dan Residen Konsul Melaka, Sir Samuel Garling. Majlis tidak merestui hasrat Gabenor Robert Fullerton. Pembatalan menyerang Naning ini disifatkan oleh Penghulu Dol Said dan penduduk Naning yang British tidak berani melancarkan serangan ke atas Naning.

WALAUPUN begitu Gabenor Robert Fullerton terus menuntut kekuasaan Melaka ke atas Naning. Apabila Surin melaporkan pengikut Penghulu Dol Said merosakkan dusun buah-buahannya di Pancur, Melaka pada bulan Oktober 1831, Gabenor Robert Fullerton mengambil kesempatan ini memberi amaran kepada Penghulu Dol Said. Residen Konsul Melaka,

Sir Samuel Garling menyalahkan Penghulu Dol Said dan menuntut bayaran ganti rugi kepada Surin. Penghulu Dol Said, dalam jawapannya menyatakan yang dusun tersebut kepunyaan beliau yang dipusakai daripada nenek moyangnya dahulu. Dengan itu beliau tidak sepatutnya membayar sebarang ganti rugi kepada Surin.

KEGENTINGAN hubungan Naning-British berterusan sehingga Gabenor Robert Fullerton digantikan oleh gabenor baru Robert Ibbetson pada tahun 1831. Kini Penghulu Dol Said berhadapan dengan Robert Ibbetson pula. Robert Ibbetson menyifatkan segala tindakan Penghulu Dol Said selama ini menentang pentadbiran Kompeni. Selain itu dia sependapat dengan Robert Fullerton, bahawa Naning adalah sebahagian daripada Melaka dan diwajibkan membayar hasil tahunan satu persepuluh ke Melaka. Sudah pasti sikap dan tindakan Robert Ibbetson ini menyemarakkan lagi semangat perjuangan Penghulu Dol Said.

SETELAH menyedari Robert Ibbetson akan bertindak ke atas Naning, Penghulu Dol Said mengumpulkan pengikut dan penyokongnya bersiap sedia bagi menghadapi tindakan British. Sementara itu British dengan angkuh yakin mereka dengan mudah dapat menguasai Naning. Mereka memandang rendah keupayaan Penghulu Dol Said. British menelah Penghulu Dol Said yang miskin tidak mungkin berupaya mengadakan sebuah pasukan yang besar untuk menangkis kemaraan mereka. Setelah mendapat jawapan daripada pihak berkuasa di London supaya mengambil tindakan yang sesuai; Gabenor Robert Ibbetson mengambil keputusan menghantar pasukan tentera menawan Naning.

SATU pasukan yang terdiri daripada 150 orang<sup>18</sup> di bawah Kapten Wyllie diarahkan bersiap sedia untuk menyerang Naning. Kapten Wyllie dibantu oleh Leftenan Milnes, Leftenan Begbie, dan Dr. Smith. Pasukan ini diarahkan menawan Tabuh,

iaitu kediaman dan pusat pentadbiran Penghulu Dol Said serta memberi amaran dan mengancam pembesar yang enggan mematuhi arahan British di Melaka.<sup>19</sup>

SEMENTARA itu Penghulu Dol Said menghubungi negeri jiran, Seri Menanti, Rembau, dan Sungai Ujong untuk mendapatkan bantuan. Dalam usaha mendapatkan bantuan Rembau, Penghulu Dol Said mengingati Yamtuan Ali supaya menghantar bantuan panglima mempertahankan Naning daripada serangan British. Sekiranya Naning diduduki oleh British, Rembau juga akan menerima nasib yang sama. Atas kebimbangan inilah Yamtuan Ali menghantar 500 orang di bawah pimpinan menantunya Syed Saban ke Naning. Yamtuan Ali juga menghantar Penghulu Remai dan Recat mengetuai angkatan Rembau membantu Penghulu Dol Said. Di samping itu Dato' Kelana Sungai Ujong, Penghulu Gemeneh, Penghulu Linggi, dan Pembesar Seri Menanti turut sama membantu Penghulu Dol Said.<sup>20</sup> Bantuan ini jelas menggambarkan semangat kesatuan di kalangan bangsa Melayu untuk mempertahankan tanah air daripada diceroboh bangsa asing.

DALAM usaha mengatasi kemaraan pasukan British, Penghulu Dol Said mengarahkan panglimanya bersiap sedia menunggu di jalan-jalan yang mungkin dilalui oleh pasukan British yang bersenjata. Mereka diarahkan melancarkan serangan sebaik sahaja angkatan British melintasi kawasan kawalan masing-masing.<sup>21</sup> Pasukan British berlepas dari Melaka menuju ke Sungai Petai pada pukul 4.00 pagi, Sabtu 6 Ogos 1831. Sungai Petai dipilih kerana kedudukannya strategik berhampiran dengan Naning dan mudah berhubung dan menghantar bekalan.<sup>22</sup> Semangat perjuangan yang berkobar di jiwa Penghulu Dol Said dan para pejuang, menyebabkan mereka menyerang angkatan British yang bergerak dari Melaka ke Sungai Petai. Pengikut Penghulu Dol Said menggunakan serangan hendap serta melarikan diri setelah serangan dilancarkan. Selain itu jalan yang mungkin dilalui oleh pasukan British dihalang

dengan menumbangkan pokok kayu. Pasukan British terpaksa membersihkan jalan terlebih dahulu sebelum meneruskan kemaraan mereka. Sementara mereka sibuk membersihkan jalan ini Penghulu Dol Said melancarkan serangan ke atas pasukan British. Akibat serangan dan rintangan ini, pasukan British tiba di Sungai Petai pada pukul 1.00 tengah hari, 6 Ogos 1831, setelah mengambil masa berjalan kira-kira 9 jam.<sup>23</sup>

PADA 7 Ogos 1831, angkatan British meneruskan perjalanan ke Tabuh, Naning. Ketika tiba di suatu tempat bernama Kelemak, kira-kira 30–40 orang Melayu melancarkan serangan hendap ke atas pasukan British. Tetapi angkatan British berjaya tiba di Alor Gajah. Pasukan British pernah mengambil masa 7 jam 45 minit berjalan sejauh satu perempat batu. Serangan pasukan orang Melayu ini berjaya memutuskan hubungan Melaka dengan Sungai Petai. Pasukan British terus mara dan menghadapi serangan hendap pasukan orang Melayu. Kesukaran berjalan dan serangan orang Melayu melambatkan pergerakan pasukan British. Walaupun begitu pasukan British ini berjaya tiba di Melekek, kira-kira 5 kilometer dari Tabuh.<sup>24</sup> Orang Melayu terus melancarkan serangan hendap sepanjang kemaraan pasukan British. Serangan demi serangan yang dilancarkan oleh orang Melayu ini sekadar melambatkan pergerakan pasukan British. Kelambatan pergerakan ini bermakna pasukan British memerlukan bekalan makanan dan peluru yang cukup untuk menampung tentera mereka. Pasukan bantuan serta bekalan makanan dan peluru dihantar dari Melaka. Tetapi pasukan ini tidak tiba di Sungai Petai kerana yang dibawa mereka telah diserang dalam perjalanan. Orang salah yang di-datangkan dari Singapura membawa bekalan tersebut lari menyelamatkan diri.<sup>25</sup> Ketiadaan bantuan bekalan ini menyukarkan kedudukan pasukan British yang berada di Melekek.

ORANG Melayu terus-menerus melancarkan serangan ke atas pasukan British yang berhenti di Melekek. Serangan ini menyebabkan pasukan British di Melekek tidak boleh

berhubung dengan markas mereka di Sungai Petai. Manakala markas Sungai Petai telah pun lama terputus hubungan dengan Melaka. Menyedari masalah yang mereka menghadapi, pihak berkuasa Melaka mengeluarkan arahan agar misi menawan Naning dibatalkan. Padahal kedudukan mereka hanya 8 kilometer dari Tabuh.

SEBAIK sahaja Kapten Wyllie mengundurkan diri, pasukan orang Melayu menggunakan peluang ini menyerang musuh. Pasukan Kapten Wyllie diserang hendap. Namun mereka berjaya tiba di Melekek. Orang Melayu terus melancarkan serangan ke atas pasukan British yang berehat di Melekek. Angkatan ini akhirnya tiba di Sungai Petai. Pada 11 Ogos 1831, pasukan orang Melayu melancarkan pula serangan ke atas pasukan British di Sungai Petai pada waktu malam. Pasukan penyelamat dihantar ke Sungai Petai. Sebahagian daripada pasukan British bersama Kapten Wyllie berundur ke Melaka pada pukul 3.00 pagi dan tiba di Melaka pada 16 Ogos 1831.<sup>26</sup>

SEMENTARA itu pasukan British yang berada di Sungai Petai menunggu pasukan bantuan untuk berundur ke Melaka. Pasukan British ini terus diserang hendap oleh pasukan Penghulu Dol Said.<sup>27</sup> Satu pasukan melebihi 100 orang dan dibantu oleh 120 orang salah di bawah pimpinan Kapten Hibgame dihantar ke Sungai Petai untuk membantu pengunduran. Pasukan ini bertolak dari Melaka pada 20 Ogos 1831 dan tiba di Sungai Petai pada hari yang sama. Pada 22 Ogos 1831, sebahagian lagi pasukan British berundur ke Melaka.<sup>28</sup>

KEMUDIAN satu pasukan bantuan lagi dihantar ke Sungai Petai untuk membantu pengunduran. Pasukan ini terdiri daripada 60 orang sepoi dan 50 orang salah di bawah pimpinan Leftenan Herlock. Mereka bertolak pada 23 Ogos 1831 dan tiba di Sungai Petai pada 24 Ogos 1831, pukul 8.00 pagi.<sup>29</sup> Pada 24 Ogos 1831, pasukan British di Sungai Petai menerima

arahan berundur. Dengan itu pada pukul 8.00 malam, 24 Ogos 1831 pasukan ini secara rahsia berundur ke Melaka. Pasukan orang Melayu terus melancarkan serangan hendap. Tetapi pasukan ini berjaya tiba di Melaka pada 25 Ogos 1831, pukul 6.00 pagi. Kini semua tentera British berada di Melaka setelah gagal dalam matlamat mereka menawan Tabuh. Kemaraan pasukan British pada 6 Ogos 1831 berakhir dengan kekalahan dan berundur ke Melaka pada 24 Ogos 1831.

KEJAYAAN Penghulu Dol Said ini wajar diberi sanjungan. Pasukannya berjaya menumpaskan kuasa gergasi dunia pada ketika itu. Sebelum ini dalam perang yang berlangsung pada tahun 1824–1826, British berjaya mengalahkan Burma dan menguasai Hilir Burma. Kejayaan Penghulu Dol Said ini, selain daripada taktik peperangan, juga kerana sokongan dan bantuan yang diberikan oleh negeri Melayu jiran kepadanya. Di sinilah betapa bermakna kata-kata “bersatu teguh bercerai roboh”. Kekalahan British dalam perang 1831 dengan Naning ini memberi tamparan hebat kepada maruah dan status sebagai kuasa ulung dunia pada ketika itu. Apatah lagi mereka menganggap Naning adalah sebuah negeri kecil Melayu, di pedalaman Melaka. Oleh sebab itulah tanpa mengendahkan kebenaran dakwaan Penghulu Dol Said yang Naning bukan sebahagian daripada Melaka, mereka mengambil keputusan sekali lagi untuk melancarkan serangan ke atas Naning. Pihak British sebenarnya membuat penyelidikan ke atas rekod Belanda yang ada di Melaka dan mendapati dakwaan Penghulu Dol Said, Naning bukan sebahagian daripada Melaka adalah benar. Nampaknya bagi British kejatuhan maruah dan status lebih penting daripada kebenaran, kerana itulah mereka memutuskan melancarkan serangan kali kedua.

BRITISH menyedari kekalahan mereka dalam perang Naning 1831, di antara lain disebabkan bantuan dari negeri jiran; seperti Rembau. Dengan itu British membuat persiapan menjalin perjanjian dengan Rembau. Matlamat perjanjian ini



memastikan Yamtuan Ali berkecuali dalam perang Naning dengan British.<sup>30</sup> Gabenor R. Ibbetson bertemu Yamtuan Ali di Sempang menandatangani perjanjian pada 20 Januari 1832.<sup>31</sup> Di antara lain Yamtuan Ali akan mengundurkan tenteranya dari Naning dan membantu British.<sup>32</sup> Di samping itu R. Ibbetson menghantar surat ugutan kepada Yang Dipertuan Seri Menanti, Datuk Kelana Sungai Ujong dan Penghulu Johol, menyatakan British akan menyerang Naning yang dianggap menderhaka kepada British dan tidak akan menyerang mereka sekiranya tidak membantu Naning.<sup>33</sup>

KINI British berjaya mengurangkan penyokong Naning dan memecahkan perpaduan di kalangan kaum Melayu. Ketiadaan sokongan Rembau ini memang menjejaskan kekuatan Penghulu Dol Said. Namun begitu Naning tidak begitu mudah menyerah kalah. Mereka terus berjuang. Pasukan British kali ini lebih besar daripada dahulu. Kalau dahulu di bawah pimpinan seorang Kapten kini di bawah pimpinan Leftenan Kolonel Herbert. R. Ibbetson yakin pasukan kali ini akan menjalankan tugas dengan baik.<sup>34</sup> Kelengkapan mereka juga lebih daripada pasukan dahulu. Dengan matlamat yang sama seperti gerakan mereka pada tahun 1831, angkatan yang mara pada tahun 1832 ini ditugaskan untuk menangkap Penghulu Dol Said dan menawan Naning.

WALAUPUN tanpa bantuan Rembau, Penghulu Dol Said dan orang Naning menghadapi kemaraan pasukan British dengan semangat perjuangan yang tinggi. Serangan hendap dan lari masih dilakukan oleh mereka. Begitu juga menghalang kelancaran gerakan pasukan British dengan menumbangkan pokok kayu menghalang jalan yang mungkin dilalui oleh pasukan British. Selain itu mereka juga menanam ranjau.

DALAM bulan Januari 1832 British menyediakan satu angkatan yang lebih besar terdiri antara 1,200 hingga 1,400 orang di bawah Leftenan Kolonel Herbert.<sup>35</sup> Selain itu pasukan

ini dibantu oleh Kapten J. S. Wyllie (Briged Mejar), Leftenan J. H. Bell (Penguasa Jurutera), Kapten F. Bond (Pemerintah Pasukan Meriam), Leftenan Milnes (Pegawai Bekalan Makanan), dan Mejar P. Farquharson. Pasukan ini bergerak ke Naning pada 7 Februari 1832.<sup>36</sup> Kemaraan pasukan British diserang oleh angkatan Penghulu Dol Said.<sup>37</sup> Penghulu Dol Said dalam gerakannya ini mendapat sokongan daripada Endika, Petah Melayu, Pendekar Tambi, Mohamad, dan Had (Ahat).

SEMENTARA itu perisytiharan diedarkan, mereka yang berjaya menangkap hidup atau mati Penghulu Dol Said pihak British akan menghadahkan sebanyak \$1,000.00 dan \$200.00 tiap-tiap seorang kepada pembesar Endika, Petah Melayu, Pendekar Tambi, Mohamad, dan Had.<sup>38</sup> Perisytiharan ini diarahkan supaya diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dan seterusnya disebarkan kepada penduduk Naning.<sup>39</sup>

DALAM kempen ini pihak British menghadapi pelbagai halangan dan kemalangan. Misalnya pada 8 Mac 1832 tiga orang daripada angkatannya mengalami kecederaan kerana ditimpa pokok kayu. Kemudiannya dua orang lagi tercedera pada 9 Mac 1832.<sup>40</sup> Pengikut-pengikut Penghulu Dol Said menggunakan perangkap ranjau untuk menghalang kemaraan tentera British. Di samping itu mereka juga menjalankan serangan hendap. Kerana ranjau beberapa orang tentera British mengalami kecederaan.<sup>41</sup> Manakala dalam pertempuran pula, seorang terkorban terkena tembakan dijantung dan lima orang tercedera di pihak British.<sup>42</sup>

DALAM masa perjalanan ke Sungai Petai, pasukan Kompeni di bawah perintah Kapten Justice dan Leftenan Poole berjaya menawan enam buah kubu.<sup>43</sup> Pasukan Kompeni seterusnya berjaya menangkap anak Petah Melayu. Kemudiannya dihantar ke Melaka untuk dipenjarakan. Ketika mara ke Naning, iaitu sehingga 29 Mac 1832, pihak Kompeni telah berjaya memusnahkan 23 kubu; dan seorang daripada pasukan

kompeni terbunuh dan beberapa orang cedera.<sup>44</sup> Pada 20 Mac 1832 tentera Kompeni berjaya lagi memusnahkan kubu pertahanan orang-orang Melayu. Pada 15 April 1832 angkatan Kompeni tiba di Alor Gajah. Dalam perjalanan ke Alor Gajah ini mereka diserang oleh orang-orang Melayu.<sup>45</sup> Leftenan Harding terbunuh dan dihantar ke Melaka.<sup>46</sup>

PADA 5 Mei 1832 orang Melayu menyerang angkatan Kompeni. Dalam serangan ini Ensign Walker dari lima rejimen terbunuh. Leftenan Kolonel Herbert mengalami pelagai kesukaran dalam perjalanan ke Taboh. Disebabkan melalui hutan, paya, dan sawah Kompeni mengambil masa beberapa bulan untuk sampai ke Taboh. Kesukaran ini juga disebabkan mereka sering diserang oleh orang Melayu. Tambahan pula angkata orang Melayu pada masa ini melebihi 1,000 orang. Tetapi orang Melayu tidak mempunyai senjata yang lebih berkesan, kerana dari jumlah itu hanya separuh sahaja yang mempunyai senapang asak (*musket*).

DALAM gerakan ini British mendapat bantuan Rembau yang dipimpin oleh Sayid Shaban. Pada 3 Mei 1832 Sayid Shaban bersama-sama pengikutnya menyerang dan memusnahkan kubu di Pangkalan Naning. Di samping itu Sayid Shahban dan pengikutnya membakar rumah-rumah kepunyaan orang-orang Melayu Naning. Sebanyak 19 buah rumah telah dibakar oleh Sayid Shaban. Dan di samping itu berjaya menangkap dua orang pengikut Penghulu Dol Said.<sup>47</sup> Sayid Shaban seterusnya menyerang kubu di Bukit Seboosa (Bukit Busuk); tetapi kubu ini akhirnya dimusnahkan oleh tentera di bawah Kapten Justice, Leftenan Minto, dan Poole.<sup>48</sup> Tentera-tentera Kompeni dan Sayid Shaban menerima tentangan daripada orang-orang Melayu di Bukit Seboosa. Pertempuran ini mengakibatkan beberapa orang daripada angkatan Kompeni mengalami kecederaan. Ketika bertahan di Bukit Seboosa Datuk Malalu atau Malalu Sultan yang memihak kepada Kompeni datang menemui pasukan Kompeni, dan mengatakan bahawa beliau

tidak boleh bergerak cergas kerana keluarganya masih ada di Taboh.<sup>49</sup> Sebenarnya Datuk Malalu bimbang keselamatan keluarganya. Kerana beliau menjangka kemungkinan Penghulu Dol Said akan mengambil tindakan ke atas keluarganya di Taboh sekiranya beliau bergerak secara terbuka menyokong pihak British.

PERSIAPAN seterusnya dibuat untuk menyerang Taboh, ibu negeri Naning. Tentera di bawah Kapten Justice, Leftenan Minto, Leftenan Begbie, Leftenan Bell, Kapten Sinnock, Leftenan Kolonel Herbert, Kapten Wyllie, dan Kapten Bond bergerak ke Taboh. Serangan dibuat ke atas kubu Naning. Dalam pertempuran ini dua orang sepoi tercedera kerana terkena tembakan dan tiga orang lagi tercedera akibat terpijak ranjau. Pihak Penghulu Dol Said juga mengalami kecederaan. Pihak Kompeni mengalami kesukaran untuk menawan Taboh. Keadaan ini lebih ketara lagi kerana adanya serangan yang dibuat oleh Datuk Membangun dan Dua Suku Sebang. Tetapi serangan ini berakhir apabila Datuk Membangun dan Dua Suku Sebang ditangkap oleh Leftenan Milnes. Manakala Pendekar Tambi berjaya menyelamatkan diri.

PIHAK Kompeni kemudiannya mendapat berita mengatakan bahawa Sultan Pahang dan Kelantan menyebelahi Penghulu Dol Said dan sanggup menghantar bekalan senjata dan panglima untuk mengatasi kemaraan angkatan Kompeni.<sup>50</sup> Berita ini membimbangkan Kompeni. Seorang pengintip dihantar dan pulang melaporkan Sultan Kelantan dan Terengganu menafikan perkara itu.<sup>51</sup>

GERAKAN menawan Naning diteruskan. Pihak British meminta Datuk Kelana Sungai Ujong, Datuk Penghulu Johol, dan Temenggung Muar menyekat anak buah masing-masing daripada membantu Penghulu Dol Said. Di samping itu British akan mengawal sungai Linggi, Muar, dan Kesang. Langkah ini diambil kerana pihak British mendapat tahu bahawa bekalan

senjata dan bantuan-bantuan dihantar kepada Penghulu Dol Said melalui jalan ini.<sup>52</sup> Oleh kerana tidak dapat bertahan lagi, Penghulu Dol Said bersama keluarga dan alat-alat kebesaran Naning berundur ke Chondong, Rembau dan kemudiannya berlindung di Gunung Pasir berhampiran Seri Menanti. Segala harta beliau dirampas oleh Kompeni.<sup>53</sup> Manakala Empat Suku melarikan diri ke Sebang; seterusnya bersembunyi di negeri-negeri jiran. Dua orang menteri, Melana Hakim dan Gampar menyelamatkan diri di Miko. Tentera Kompeni kemudiannya berjaya menduduki Taboh pada 15 Jun 1832.<sup>54</sup> Di Taboh angkatan Kompeni menemui kembali dua meriam tembaga yang mereka tertinggal dalam perang tahun 1831 dahulu.<sup>55</sup>

KEKALAHAN Naning pada 15 Jun 1832 menyebabkan ia menjadi takluk Melaka.<sup>56</sup> Sayid Shaban dihadiahkan wang sebanyak \$500.00 dan sepucuk pistol bernilai \$60.00 serta dilantik menjadi Yamtuan Muda Rembau.<sup>57</sup> Residen Konsul Melaka Samuel Garling menghantar wang sejumlah \$250.00 kepada Sayid Syaban untuk dibahagikan kepada pengikut-pengikutnya kerana jasa mereka berkhidmat membantu tentera Kompeni. Pihak British meletakkan tentera Madras di Naning untuk mengawal keselamatan dan keamanan.

DUA Kompeni sepoi diletakkan di Naning itu untuk menjaga keamanan dan menjamin penduduk daripada dipengaruhi oleh Penghulu Dol Said.<sup>58</sup> Tujuh orang yang ditangkap British, Akhir Loman, Soman Panglima Besar, Haji Kadir, Sadin, Udin, Siah, dan Kemat dihantar ke Calcutta untuk dibicarakan.<sup>59</sup> Sementara itu tawaran hadiah penangkapan Penghulu Dol Said dinaikkan daripada \$1000.00 kepada \$2000.00.<sup>60</sup> Naning diletakkan di bawah pentadbiran J. B. Westerhout. Dikatakan Westerhout mempunyai pengaruh di kalangan orang-orang Melayu.<sup>61</sup>

PENGHULU Dol Said dan Empat Suku tidak akan lagi dilantik sebagai pemerintah Naning. Dalam bulan Oktober 1832

Ibbetson melawat Naning dan seiringan ini beliau melantik lima belas orang Penghulu bagi mukim-mukim tertentu.<sup>62</sup> Di antara susunan Penghulu-penghulu yang dilantik seperti Rajah 1 di bawah ini.

Rajah 1  
Senarai Penghulu Naning

Nama Tempat	Nama Penghulu	Suku
Ikan Lemak	Bilal Manja	Batu Belang
Pikau	Mamat	Batu Belang
Melekek	Maulana Sultan	Batu Belang
Taboh	Safar	Semelenggang
Lendu	Kiman	Tiga Batu
Ayer Pa' Abas	Dol	Anak Melaka
Berisu	Alaudin	Anak Melaka
Sungai Siput	Laut	Semelenggang
Penghulu Padang Sebang	Kuroh	Tiga Nenek
Tanjung Rimau	Lengkar	Tiga Batu
Pulau	Talib	Mungkar
Kemuning	Udin	Semelenggang
Batang Melaka	Kujal	Mungkal
Tebong	Dul Kunchi	Biduanda

Sumber: Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, *Hikayat Abdullah* Jilid 2 (Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara, 1966), 357; Shahba, *Pesaka Naning*, 35.

PENGHULU yang dilantik ini akan menjaga keamanan dan kemakmuran dalam mukim masing-masing. Sekiranya terdapat kes serius atau berat, maka ia hendaklah dibawa ke Melaka dan bukan lagi kepada Penghulu atau Empat Suku. Penghulu-penghulu ini juga ditugaskan membantu kerajaan memungut hasil dalam kawasan masing-masing. Mereka tidak mendapat bayaran sebaliknya tanah dan hasil keluarannya dikecualikan daripada cukai.<sup>63</sup>

PENGHULU yang menyokong Dol Said dilucutkan jawatan oleh Ibbetson. Mereka ialah Datuk Membangun dari Suku Tiga Batu, Andika Maharaja dari Suku Anak Melaka, Raja Nangkaya dari Suku Semelenggang, dan akhirnya Orang Kaya Kecil dari Suku Mungka.<sup>64</sup> Pada 27 Oktober 1832 Naning dimasukkan ke dalam peraturan Negeri-negeri Selat dan di bawah pentadbiran Westerhout.<sup>65</sup> Dalam bulan November 1832 Westerhout dilantik oleh R. Ibbetson dan Samuel Garling menjadi pemerintah Naning.<sup>66</sup> Undang-undang tanah yang sebelum ini dijalankan di Melaka kini dikuatkuasakan di Naning.<sup>67</sup>

PENGHULU Dol Said kemudiannya datang menyerah diri dari Seri Menanti pada 4 Februari 1833 kepada J. B. Westerhout. Westerhout seterusnya membawa Penghulu Dol Said ke Melaka menemui Samuel Garling. Penghulu Dol Said masih dihormati oleh keseluruhan penduduk Naning. S. G. Bonham mengesyorkan agar Penghulu Said ditempatkan di Melaka untuk menjamin keselamatan umum.<sup>68</sup> Semasa berada di Melaka Penghulu Dol Said diberikan pencen dan sebuah rumah. Tetapi Penghulu Dol Said merasa tidak puas hati dengan pemberian pencen. Pihak British menaikkan pencen beliau daripada 30 rupi kepada 100 rupi sebulan selagi beliau masih hidup dan tidak menentang British atau cuba melarikan diri. Semasa berada di Melaka Penghulu Dol Said menjadi dukun, dan beliau dihormati oleh penduduk di situ.<sup>69</sup> Penghulu Dol Said meninggal dunia dalam bulan Ogos 1849. Perang Naning ini berjalan selama seratus lima belas hari dan menelan belanja sebanyak 100,000 paun.

## *Penilaian*

MULAI penjajahan Portugis, diikuti oleh Belanda dan British, penduduk Melaka mencetuskan tentangan. Semangat perjuangan yang dirintis oleh Melaka melalui tentangan terhadap Portugis, Belanda, dan British menjadikan Melaka

negeri terawal menentang kuasa penjajah. Walaupun dalam sejarah perjuangan orang Melayu Melaka mencatat beberapa kemenangan dalam pertempuran dengan kuasa Barat, kejayaan Penghulu Dol Said menentang British pada tahun 1831 sangat bermakna. Sebuah negeri Melayu yang dianggap kecil oleh Kompeni Hindia Timur berjaya mengalahkan British, pada ketika itu sebuah kuasa terkuat di dunia.

SATU iktibar yang sangat penting, kuasa asing akan mengambil peluang melaksanakan rancangan mereka apabila peluang terbuka. Oleh itu penyatuan dan kerja sama seperti yang pernah ditunjukkan dalam kejayaan Naning mengalahkan British pada tahun 1831 perlu dijadikan teladan. Perpecahan dan tanpa kerja sama adalah di antara yang akan menggagalkan perjuangan mempertahankan maruah atau kedaulatan sepertimana yang tergambar dalam kekalahan Naning dalam peperangannya dengan British pada tahun 1832.



*Nota*

1. Buyong Adil, *Sejarah Melaka* (Kuala Lumpur: DBP, 1973), 59–60.
2. M. J. Pintado (collected, translated and annotated), *Portuguese Documents on Malacca*, Vol. 1 (Kuala Lumpur: Arkib Negara, 1993), 49–53.
3. Luis Filipe F. Reis Thomaz, *Nina Chatu and the Portuguese Trade in Malacca* (Bandar Melaka: Luso Malaysian Books, 1991), 24. Buku ini diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris oleh M. J. Pintado; Buyong Adil, *Sejarah Melaka*, 65–66.
4. W. G. Shallabear (diusahakan), *Sejarah Melayu* (Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1995), 192–196.
5. Luis Filipe F. Reis Thomaz, *Nina Chatu and the Portuguese Trade in Malacca*, 25.
6. Pertempuran ini digambarkan di dalam *Sejarah Melayu*. Sila lihat W. G. Shallabear (diusahakan), *Sejarah Melayu*, 202–205.
7. Jonathan Cave, *Naning in Melaka: History, The Custom, Tribe & Clans, The War, Independence* Monograph No. 16 (Petaling Jaya: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 1990), 11. Luis Filipe F. Reis Thomaz, *Nina Chatu and the Portuguese Trade in Malacca*, 27.
8. Buyong Adil, *Sejarah Melaka*, 83–87.
9. W. G. Shallabear (diusahakan), *Sejarah Melayu*, 211–213.
10. L. Y. Andaya, *The Kingdom of Johor 1641–1728: Economic and Political Developments* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975), 23.
11. Ibid, 26–27.
12. Barbara Watson Andaya, *Perak: The Abode of Grace: A Study of an Eighteenth Century Malay State* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1979), 45–46. R. O. Winstedt & R. J. Wilkinson, *A History of Perak* (Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 1974), 28.
13. T. Braddell, "Notes on Naning, with a Brief Notice of the Naning War," *Journal of the India Archipelago and East Asia (JIAEA)*, New Series, Vol. 1, 1986, 194–195.

14. Colonial Office (CO). 273/1, "Chapter VIII: Malacca Naning War," 410. L. A. Mills, *British Malaya 1824-1867* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1966), 116. R. J. Wilkinson (ed.), *Papers on Malay Subjects* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971), 301. Haji Mubin Sheppard, "The Tomb of Dato Abdul Said Dato Naning," *Malaysia in History*, Vol. X, No. 1, 1967, 33-34.

15. Mengenai perjuangan ini sila lihat Virginia Matheson (ed.), *Thufat Al-Nafis* (Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1982), 205-213. Lee Kam Hing dan Mohd. Yusoff Hashim, "Peperangan Selangor-Belanda: Sebab dan Akibat Dalam Sejarah Selangor." Adnan Hj. Nawang dan Mohd. Fadzil Othman (ed.), *Selangor: Sejarah dan Proses Pembangunannya* (Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Universiti Malaya dan Muzium Sultan Alam Shah Selangor D.E., 1992), 56-79.

16. Mohd. Yusoff Hashim, "Sultan Ibrahim Ibu Raja Lumu (Sultan Salehuddin) di Dalam Sejarah Selangor Abad Ke-18 dan Ke-19." Adnan Hj. Nawang dan Mohd. Fadzil Othman (ed.), *Selangor: Sejarah dan Proses Pembangunannya*, 125. Buyong Adil, *Sejarah Melayu*, 27-28.

17. Sultan Abdullah Kedah mengemukakan enam syarat kepada Francis Light sekiranya Syarikat Hindia Timur ingin memajak Pulau Pinang. Dua daripadanya, Artikel 1 dan 6 tidak diterima oleh British. Artikel 1, semua musuh yang datang dari laut yang akan menyerang Sultan Kedah adalah juga musuh kompeni. Syarikat hendaklah mengatasi angkatan ini atas kos syarikat sendiri. Artikel 2 pula, sekiranya musuh menyerang Kedah dari darat, Sultan Kedah akan meminta bantuan tentang senjata dan peluru. Segala perbelanjaan akan ditanggung oleh kerajaan Kedah. R. Bonney, *Kedah 1771-1821: The Search for Security and Independence* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1974), 60, 73-74.

18. Straits Settlements Records (SSR). UI. (Governor's Letters to Resident Councillors (GLTRC)., R. Ibbetson kepada Samuel Garling, Timbalan Residen Konsul Melaka, 13 Ogos 1831.

19. *Singapore Chronicle*, 11 Ogos Khamis 1831.

20. Abdullah Zakaria Ghazali, "Perang Naning 1831," *Jurnal Sejarah Melaka*, Bil. 9, 1985, 39.

21. *Singapore Chronicle*, 9 Februari Khamis 1832.

## GERAKAN PENENTANGAN TERHADAP KUASA BARAT DI MELAKA

22. SSR. UI. GLTRC., R. Ibbetson kepada Samuel Garling, Timbalan Residen Konsul Melaka, 13 Ogos 1831.

23. SSR. UI. Governor's Letters to Bengal (GLTB.), R. Ibbetson kepada George Sivinton, Ketua Setiausaha Pemerintah Fort William, 19 Ogos 1831. P. J. Begbie, *The Malayan Peninsula* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1967), 169.

24. SSR. UI. GLTB., R. Ibbetson kepada George Sivinton, Ketua Setiausaha Pemerintah Fort William, 19 Ogos 1831. T. J. Newbold, *British Settlements in the Straits of Malacca*, Vol. 1 (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971), 227-228.

25. *Singapore Chronicle*, 8 September 1831. SSR. U.I. GLTB., R. Ibbetson kepada George Sivinton, Ketua Setiausaha Pemerintah Fort William, 19 Ogos 1831.

26. *Singapore Chronicle*, Khamis, 8 September 1831.

27. SSR. UI. GLTB., R. Ibbetson kepada George Sivinton, Ketua Setiausaha Pemerintah Fort William, 19 Ogos 1831.

28. *Singapore Chronicle*, Khamis, 2 September 1831. P. J. Begbie, *The Malayan Peninsula*, 185.

29. *Singapore Chronicle*, 8 September 1831.

30. SSR. UI. GLTB., R. Ibbetson kepada George Sivinton, Ketua Setiausaha Pemerintah Fort William, 19 Ogos 1831.

31. SSR. UI. GLTB., R. Ibbetson kepada George Sivinton, Ketua Setiausaha Pemerintah Fort William, 28 Januari 1832. SR. UI. GLTRC., R. Ibbetson kepada Timbalan Residen Melaka, 23 Januari 1832. CO. Blagden, "MDNW," Gabenor Ibbetson kepada Yang di-Pertuan Raja Ali, Datuk Penghulu Lela Maharaja dan Empat Suku Rembau, 12 Januari 1832.

32. L. A. Mills, *British Malaya 1824-1867*, 126.

33. CO. Blagden, "MDNW," Gabenor Ibbetson kepada Yang di-Pertuan Seri Menanti, Datuk Kelana Putera Sungai Ujong dan Penghulu Johor, 7 Syaaban 1247 (11 atau 12 Januari 1832).

34. SSR. RI. GLTB., R. Ibbetson kepada George Sivinton, Ketua Setiausaha Pemerintah Fort William, 6 Februari 1832.

35. T. J. Newbold, *British Settlements in the Straits of Malacca*, Vol. 1, 228.

36. L. A. Mills, *British Malaya 1824-1867*, 127.

37. P. J. Begbie, *The Malayan Peninsula*, 202, 204.
38. Surat Peribadi. Documents Relating to Dol Said (the Naning War 1832). "Pelekat," 9 Februari 1832. CO. 273/1, "Chapter VIII: Malacca-Naning War," 414. Juga Lihat CO. Blagden, MDNW, "Government Proclamation," 9 Februari 1832, "Pelekat," SSR. UI. GLTRT., R. Ibbetson kepada Timbalan Residen Melaka, 10 Februari 1832. P. J. Begbie, *The Malayan Peninsula*, 204-205.
39. SSR. UI. GLTRC., R. Ibbetson kepada Timbalan Residen Melaka, 10 Februari 1832.
40. P. J. Begbie, *The Malayan Peninsula*, 217.
41. *Ibid.*, 216-217.
42. *Ibid.*, 222.
43. SSR. UI. GLTRC., R. Ibbetson kepada Timbalan Residen Melaka, 19 Mac 1832.
44. SSR. UI. GLTRC., R. Ibbetson kepada Timbalan Residen Melaka, 29 Mac 1832.
45. SSR. UI. GLTRC., R. Ibbetson kepada Timbalan Residen Melaka, 5 April 1832.
46. P. J. Begbie, *The Malayan Peninsula*, 209.
47. SSR. UI. GLTB., R. Ibbetson kepada George Sivinton, Ketua Setiausaha Pemerintah Fort William, 7 Mei 1832.
48. P. J. Begbie, *The Malayan Peninsula*, 236.
49. *Ibid.*, 240-241.
50. *Singapore Chronicle*, Khamis 23 Februari 1832.
51. *Singapore Chronicle*, Khamis 24 Mei 1832.
52. CO. Blagden, "MDNW," Samuel Garling, Residen Konsular Melaka kepada Raja Ali Rembau, Datuk Penghulu Johol dan Temenggung Muar, 29 Mei 1832. Juga lihat SSR. UI. GLTRC., R. Ibbetson kepada Residen Konsular Melaka, 4 Mei 1832 dan 20 Mei 1832.
53. Shahba, *Pesaka Naning* (Kuala Pilah: The Sentosa Store, 1951), 32. T. J. Newbold, *British Settlements in the Straits of Malacca*, Vol. 1, 229-230.
54. CO. 273/1, "Chapter VIII: Malacca-Naning War," 414.
55. SSR. RI. GLTRC., R. Ibbetson kepada George Sivinton, Ketua Setiausaha Pemerintah Fort William, 22 Jun 1832. *Singapore Chroni-*

cle, Khamis 28 Jun 1832, melaporkan bahawa pasukan kompeni menawan Taboh tanpa sebarang tentangan. Ini nampaknya bertentangan dengan apa yang tercatat di dalam surat Ibbetson.

56. Tharumaratnam, Chelliah, "War in Negeri Sembilan, 1874-1875," Latihan ilmiah, Universiti Malaya, Singapura, 1955, 6. Lihat juga Rtn. P.P.K.T. Joseph, "The British Period," Illustrated Historical Guide to Melaka (Melaka: The Rotary Club of Malacca, 1973), 75.

57. SSR. RI. GLTB., R. Ibbetson kepada George Sivinton, Ketua Setiausaha Pemerintah Fort William, 30 Mei 1832; 15 Disember 1832. Tharumaratnam, Chelliah, "War in Negeri Sembilan, 1874-1875," 6.

58. SSR. U.3. GLTRC, R Ibbetson kepada Residen Konsular Melaka, 13 Oktober 1832.

59. SSR. R.2. GLTB., R. Ibbetson kepada George Sivinton, Ketua Setiausaha Pemerintah Fort William, 22 September 1832.

60. Surat Peribadi. Documents Relating to Dol Said (the Naning War 1832). "Pelekat," 24 Julai 1832. SSR. UI. GLTRC., R. Ibbetson kepada Residen Konsular Melaka, 17 Julai 1832.

61. SSR. R.2. GLTB., R. Ibbetson kepada George Sivinton, Ketua Setiausaha Pemerintah Fort William, 15 Disember 1832.

62. T. Braddell, "Notes on Naning, with a Brief Notice of the Naning War," 218.

63. T. J. Newbold, *British Settlements in the Straits of Malacca*, Vol. 1, 232.

64. Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, *Hikayat Abdullah*, Jilid 2, 357.

65. T. J. Newbold, *British Settlements in the Straits of Malacca*, Vol. 1, 233.

66. Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, *Hikayat Abdullah*, Jilid 2, 358.

67. T. Braddell, "Notes on Naning, with a Brief Notice of the Naning War," 218.

68. SSR. R.2. GLTB., S. G. Boham kepada G. Macsoveen, Setiausaha Kerajaan Fort William, 28 Februari 1832. Lihat juga SSR. R.2. GLTB, T. Church kepada G. Macsoveen, Setiausaha Kerajaan Fort William, 28 April 1834.

69. SSR. R.2. GLTB., S. G. Boham kepada G. Macsoveen, Setiausaha Kerajaan Fort William, 20 November 1834. Haji Mubin Sheppard, 35.

*Pemikiran  
Abdullah Munshi  
Dan  
Ibrahim Munshi  
Tentang  
Orang Melayu*

---

4

**ZAINAL ABIDIN BORHAN**

SEJARAH ialah jambatan atau titian, atau siratan yang menghubungkan masa lalu dengan masa kini dan mengarah ke masa depan. Dalam konteks ini, sejarah bukan sekadar rentetan peristiwa, rakaman, atau deskripsi sesuatu fenomena sosial tetapi ia adalah suatu usaha untuk kita mengenal diri sendiri, mengenal siapa kita pada suatu titik dan dari titik-titik itulah dapat diketahui segala potensi dan kemampuan diri kita. Sesungguhnya sejarah mempunyai peranan dan segala kemampuan untuk mengangkat martabat, harkat, dan darjat kemanusiaan itu. Sejarah juga memberi bukti bagaimana kemanusiaan itu diporak-perandakan oleh manusia sendiri.

DOKUMEN sejarah seperti *Hikayat Abdullah*, *Kisah Pelayaran Abdullah*, *Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munshi* ialah beberapa ekspresi

lanjutan daripada pelbagai teks Melayu terdahulu. Keseluruhan teks tersebut mengungkapkannya kesinambungan masa lalu untuk kita kini membina wawasan masa depan. Dari teks-teks Melayu kita mampu mencari kesatuan pemikiran, mencari titik persamaan agar bersatu padu membina masa depan yang cemerlang, mencari titik kelainan, dan perbezaan agar kita tidak saling menghancurkan.

TEKS-TEKS tersebut mampu digunakan untuk mencari bahan Melayu, mencari aspek-aspek progresif dan dinamik Melayu, dan mencari kekuatan Melayu. Teks-teks sejarah adalah hasil budaya yang mengungkapkan proses pembudayaan sesuatu zaman. Pengungkapan dan kelemahan tradisi budaya tidak wajar dilihat sebagai tunggul-tunggul kayu mati tetapi dilihat sebagai benda-benda hidup, memiliki nyawa, dan semangat untuk diungkap kembali, diubah suai sebagai semangat zaman, sebagai pendorong dan motivasi untuk membina generasi baru.

TEKS-TEKS Melayu sebagai hasil sejarah dan budaya tidak sahaja dimuziumkan, diarkibkan, atau disimpan di cucur-cucur atap, tetapi perlu diterbitkan kembali, dijadikan bahan bacaan generasi baru untuk mereka mengenal diri mereka.

MENELITI dokumen sejarah bukan sekadar memenuhi tuntutan akademik, tetapi perlu digunakan untuk mengamati psikologi, peri laku, sumber nilai, mengenal pasti irama gejala batik manusia masa lalu yang digunakan untuk mewarnai, membentuk wadah manusia agar dapat ditautkan agenda baru Melayu demi mengangkat martabat Melayu.

## *Abdullah Munshi*

Masyarakat Melayu yang dirakamkan oleh Abdullah Munshi ialah masyarakat Melayu abad ke-19. Masyarakat Melayu ini



memiliki dan meneruskan satu struktur sosial yang berpiramid, berhierarki, dan bersentrik raja. Struktur sosial seperti ini menuntut segala ketaatsetiaan yang tidak berbelah bagi dari rakyat sehingga kerja raja dijunjung, kerja sendiri dikelek. Walaupun secara idealnya hubungan sosial dalam struktur tersebut bersifat resiprokal, seperti terkandung di dalam kontrak sosial Sang Saperba dengan Demang Lebar Daun, namun secara praktis amalan yang resiprokal tidak berlaku.

ABDULLAH Munshi secara khusus dalam *Kisah Pelayaran Abdullah* mengkritik Raja Melayu iaitu pemimpin Melayu pada masa itu. Kritikan Abdullah Munshi terhadap kepimpinan Melayu bertitik tolak kepada amalan negatif mereka (raja dan pembesar Melayu) dan ketidakpekaan dan kesungguhan raja Melayu bertindak sebagai pemimpin. Dalam struktur sosial yang bersentrik raja, segala kebijaksanaan, kepandaian, keintelektualan, dan keprihatinan terhadap rakyat perlu dimiliki oleh seorang raja. Hancur dan majunya sesebuah negeri dipertanggungjawabkan kepada rajanya.

SEGALA kritikan Abdullah Munshi terhadap masyarakat dan budaya Melayu pada masa itu sebenarnya kritikan kepada kepimpinan dan daya kepimpinan pada masa itu.

BEBERAPA persoalan yang bertitik tolak kepada fenomena, fakta sosial, serta realiti sosial pada masa itu merupakan bahan pemerian dan kritikan Abdullah Munshi. Di antaranya Abdullah Munshi mengkritik:

1. Adat Melayu.
2. Peri laku dan tindakan raja-raja Melayu serta anak-anak raja, dan pembesar Melayu.
3. Kemiskinan Melayu.
4. Pelajaran dan ilmu.

ABDULLAH Munshi mengkritik adat berbelanja di Pahang:

. . . darihal belanja negeri itu 16 tampang seringgit, dengan tiada boleh dipecah-pecah dengan tiga suku dan setengahnya dan sesukunya . . . maka saya bertanya kepada putera Bendahara yang bernama Tengku Sulaiman, “tiadakah boleh Tengku diubah-ubah adat belanja negeri Pahang itu? Maka tertawa ia, serta kabarnya, “berapa kali sudah ayah saya hendak mengubah adat ini; maka harimau pun ganas menangkap orang, dan buaya pun ganas disungai, sebab itulah tiada jadi diubahkan adat itu, kerana dari asal negeri ini demikianlah belanjanya.”

(*Kisah Pelayaran Abdullah*, 1961:13)

ABDULLAH Munshi juga merakamkan adat berhutang dan hukuman adat, salang, dan sula terhadap mereka yang melakukan kesalahan besar:

“Tiadakah boleh diubah-ubah adat atau barang pekerjaan yang tiada baik ini? maka jawab-nya, “Ada-lah sekalian adat dan pekerjaan ini, semuanya daripada adat purbakala; jikalau barang siapa mengubah atau memechahkan itu, nescaya ditimpa daulat marhum yang tua-tua.”

(*Kisah Pelayaran Abdullah*, 1961:18)

ABDULLAH Munshi mengkritik adat yang tidak boleh diubah, kepada Abdullah Munshi orang Melayu bodoh dan tidak berilmu, jika orang Melayu tidak mengubah adat dan kekal dalam kebodohan, mereka akan seperti katak di bawah tempurung, kerana pada sangka katak, tempurung itu langit (*Kisah Pelayaran Abdullah*, 1961:18).

KRITIKAN Abdullah Munshi terhadap adat dan hukum negeri Melayu seperti dikisahkan dalam *Kisah Pelayaran Abdullah* sebenarnya kepada saya ialah kritikan kepada pemimpin Melayu pada masa itu yang tidak bersikap dinamik dan progresif. Kepimpinan Melayu pada masa itu lebih mementingkan kedudukan sosial dan politik mereka daripada mengambil berat masalah rakyat, mengekalkan adat, dan

berpegang kepada kedaulatan raja, mengukuhkan kedudukan sosial dan politik mereka.

DUA gambaran yang dipetik itu ialah lambang pemikiran pada masa itu kerana keyakinan mengubah adat akan menimbulkan perubahan pada hukum alam, maka itu adat wajar dikekalkan. Lantaran itu mengikut Abdullah Munshi, anak-anak raja dan pembesar tidak perlu diberi ilmu pengetahuan dan tidak disosialisasikan dengan sistem nilai yang baik. Anak-anak raja dibiarkan berlaga ayam, menghisap madat, berjudi, sambil dikelilingi dan dilindungi hamba raja (hamba raja atau budak raja atau orang huluran ialah bekas pesalah yang meminta maaf kepada raja akan kesalahan yang pernah dilakukan dan mereka menghambakan diri kepada raja).

ANAK-ANAK raja bagi Abdullah Munshi ialah bakal pemimpin dan jika dibiarkan dengan proses sosialisasi seperti itu, mereka akan memusnahkan negeri kerana memiliki nilai-nilai yang tidak bermoral. Dalam *Hikayat Abdullah*, Abdullah Munshi mengkritik Sultan Hussin dan isterinya kerana menolak tawaran Raffles yang mahu supaya anak Sultan belajar di India kerana Raffles mahu agar anak Sultan menjadi anak raja yang pandai (*Hikayat Abdullah*, 1960:215–216).

ABDULLAH Munshi yakin bahawa kemakmuran sesebuah negeri berpunca daripada raja yang baik dan adil. Katanya:

Adapun raja adil dan hukum yang baik itu adalah seperti sephohon kayu yang berbuah sentiasa; maka segala burung yang liar dari dalam hutan pun sekalian berhimpunlah ke situ, sebab ia boleh mendapat kehidupannya itu; lagipun ada tempat ia melindungi dirinya dari seterunya . . . bermula yang masuk neraka itu, segala raja-raja yang zalim ia di atas rakyatnya . . . yang bermula-mula masuk syurga itu segala raja-raja yang adil . . . apabila seorang dijadikan Allah ia raja, bukan sebab hendak memuaskan nafsunya dan berbini sepuluh atau dua puluh atau mencari harta dan membunuh orang dengan aniayanya, melainkan sebab

disuruh Allah memelihara manusia . . . patutlah segala raja-raja itu menaruh kitab *Tajus Salatin* (ertinya mahkota segala raja-raja) . . . mencari orang yang tahu dan belajar kepadanya . . . menerima segala nasihat orang yang alim supaya boleh . . . diketahui hal segala raja yang adil dan yang zalim. . . . Kecuali hal raja Melayu kebanyakan yang tiada tahu membaca surat, . . . tiada suka belajar melainkan duduk dengan huru-hara dunia sahaja.

(*Kisah Pelayaran Abdullah*, 1961:87-88)

PERI laku raja telah diperikan kepada Abdullah Munshi oleh “lima enam orang-orang berkampung”.

. . . yang sehari-hari mengerjakan pekerjaan raja; dan makan minum saya dan anak bini saya tiada diberinya, di atas saya sendiri juga. Dan lagi, baik perahu atau tanam-tanaman, dan hidup-hidupan saya sekelian, jikalau dikehendaki raja diambilnya sahaja dengan tiada berharga . . . kalau ada berharta dan anak perempuan yang baik-baik jikalau berkenan raja diambilnya juga; tiada boleh ditahankan kehendak raja. Dan jikalau ditahankan atau tiada diberi, disuruhnya tikam mati-mati sahaja. Demikianlah hak saya semuanya duduk dalam negeri Melayu seperti duduk dalam neraka.

(*Kisah Pelayaran Abdullah*, 1961:86)

ABDULLAH Munshi mengkritik isteri para pembesar Melayu:

. . . kalau sudah menjadi isteri orang besar-besar itu maka bertambah-tambah congkaknya dan malasnya dan tingkah lakunya pun makin tinggi dan tutur katanya pun sekeliannya membesar-besarkan dirinya . . . menjadi kehinaan pada sangkanya kalau bekerja panjang pendek, atau berusaha barang-barang apa yang memberatkan tubuh, melainkan duduk sahaja dengan tidur baring sahaja serta memakai dan bersanggul licin-licin, duduk memerintahkan hamba-hambanya; ia tahu nasi tersaji dilututnya.

(*Hikayat Abdullah*, 1963:82)

DALAM *Kisah Pelayaran Abdullah*, Abdullah Munshi mendapati bahawa kemiskinan orang Melayu cukup ketara sekali di Pahang, Terengganu, dan Kelantan. Tanah-tanah di Pahang tidak dikerjakan.

. . . adalah tanah Pahang itu saya lihat terlalu sayang hati sebab terbuang menjadi hutan rimba sebab malas dan lalai dalam negeri itu.

(*Kisah Pelayaran Abdullah*, 1961:11)

DI Terengganu, Abdullah Munshi menulis:

. . . saya lihat hal orang-orang dalam negeri itu miskin belaka dengan kelakuan malas dan lalai sepanjang hari . . . maka perempuan-perempuan mereka itu bekerja dan berkedai dan menjaja dan membuat segala pekerjaan akan mencari kehidupan; tetapi laki-lakinya semuanya malas. . . .

(*Kisah Pelayaran Abdullah*, 1961:33)

BAGI Abdullah Munshi, kemiskinan berlaku bukan kerana tanah tidak subur tetapi kerana masalah pucuk pimpinan negeri. Peri laku raja-raja dan pembesar yang merampas hasil kerja rakyat memamatkan minat mereka untuk bekerja keras.

Maka pada sangka saya inilah sebabnya jadi miskin negeri Pahang itu, maka sekalian orang yang duduk dalam negeri itu sentiasa dengan ketakutan akan aniaya dan loba raja-raja dan orang besar-besar.

(*Kisah Pelayaran Abdullah*, 1961:23)

. . . Adalah segala perkara ini jadi sebab aniaya rajanya dan tiada betul perintahnya. Maka pecahlah hati segala rakyat. Maka adalah pada fikiran mereka baiklah aku miskin demikian, tiada susah, dapat pagi, makan pagi, dapat petang, makan petang, . . . kalau ada berharta atau berumah baik atau berladang dan berkebun besar nescaya dicarikan raja sesuatu jalan, diambilnya

dan dipinjamnya atau dimintanya . . . jikalau tiada diberi, dirampasnya, dan kalau melawan habis sekalian anak-anak buah dibunuhnya dan didendanya itulah sebabnya negeri Terengganu itu tiada ramai dan segalanya orang dagang takut pun masuk, dan segala saudagar pun tiada.

(*Kisah Pelayaran Abdullah*, 1961:34)

ABDULLAH Munshi menasihati peri pentingnya ilmu:

. . . adapun ilmu dan kepandaian itu menjadi tangga kepada pangkat, kekayaan dan kekayaan itu membawa kepada kebesaran. . . . Segala yang dijadikan Allah ada harga . . . ilmu tiada bernilai oleh manusia akan harganya . . . harta dunia dan kekayaan dan kebesaran itu durjana adanya seperti perempuan jalang, yang berpindah-pindahlah ia kepada barang siapa yang dikehendaknya . . . tetapi ilmu bukan demikian, dan lagi bercahaya warna mukanya, iaitu sebaik-baik taulan orang yang berbudi adanya . . . iaitu kejadian yang amat ajaib dijadikan Allah...maka sebab itulah kata arif. Apabila engkau dapat wang, belikan emas, maka jualkan emas itu, belikan intan, maka jualkan intan itu, belikan manikam, jualkan pula manikam itu, belikan ilmu.

(*Hikayat Abdullah*, 1963:17)

ABDULLAH Munshi (*Hikayat Abdullah* 1960:40–42) menyebut tentang kedatangan seorang Arab dari Yaman, seorang ahli pengajian al-Quran, Sheikh ini pandai membaca al-Quran sehingga tercengang orang Melayu Melaka mendengarnya. Orang Melayu Melaka memberi tumpuan kepada pelajaran al-Quran dan Abdullah Munshi mencarikan juga adat orang Melayu menghantar anak kepada guru mengaji al-Quran (*Hikayat Abdullah*, 1960:22).

ORANG Melayu Melaka berusaha untuk belajar ilmu agama. Abdullah Munshi menulis (*Hikayat Abdullah*, 1960:42) bahawa orang Melaka belajar agama daripada Sayyid Sheikh bin Alwi

Bafaqih, seorang alim besar dalam bahasa Melayu juga Arab. Seramai 60 orang belajar dengan Arasimi, menggunakan kitab usul, *Ummu' l-Ibrahim*, kitab fiqh, dan beberapa hikayat yang mendatangkan akal fikir yang baik.

ORANG Melayu Melaka berusaha mendapatkan ilmu khususnya ilmu agama, tetapi Abdullah Munshi mengkritik akan kebodohan mereka kerana tidak belajar bahasa sendiri.

Apakah gunanya dipelajari, kerana iaitu bahasa cuba lagipun dalam dunia sahaja berguna; terlebih baik bahasa Arab, berguna dunia akhirat.

(*Hikayat Abdullah*, 1963:43)

MASYARAKAT Melayu di mana jua di dalam dunia, kata Abdullah Munshi (*Kisah Pelayaran Abdullah*, 1961:14) tidak belajar bahasa mereka sendiri melainkan mengaji al-Quran. Tetapi dari pengajian itu mereka tidak memahami ertinya. Bahasa Melayu lisan orang Melayu cukup bagus tetapi mereka tidak berusaha untuk mempelajari bahasa sendiri. Bagi Abdullah Munshi, mempelajari bahasa sendiri bukan sahaja memajukan bahasa tersebut tetapi juga untuk memastikan supaya nama Melayu tidak hilang di dunia (*Kisah Pelayaran Abdullah*, 1961:16). Bahasa adalah wahana pembangunan falsafah dan intelektualiti kerana bahasa memiliki konsep dan idea-idea.

KEPANDAIAN berbahasa memberikan kemuliaan kepada seseorang, dan kemuliaan itu diperolehi daripada kemampuan dan kekuatan intelektual dan falsafah untuk membangunkan budaya dan moral masyarakat. Abdullah Munshi mahu agar raja dan pembesar sentiasa berusaha untuk memelihara bahasa dan berusaha mengajar keluarga dan rakyat sekaliannya (*Kisah Pelayaran Abdullah*, 1961:16). Dengan perkataan lain, raja dan pembesar perlu memainkan peranan dalam memberikan pendidikan ilmu pengetahuan kepada rakyat mereka. Dengan

ketidakmampuan raja dan pembesar bertindak demikian, mereka bertanggungjawab terhadap menghilangkan nama Melayu di dunia.

ABDULLAH Munshi juga mencemooh orang yang berlagak pandai dan memberikan penekanan bahawa kepandaian sahaja tidak memadai tanpa kekayaan:

. . . belalang telah menjadi lang, pijat-pijat telah menjadi kura, cacing telah menjadi ular naga, mengaku diri pandai, cakupnya berlebih-lebihan supaya dipercayai orang akan dia pandai, tetapi capak angin sahaja.

(*Hikayat Abdullah*, 1960:xi)

. . . maka jikalau hina dan bodoh sekalipun, asal ada harta nescaya ialah pandai dan termulia, maka jikalau pandai dan mulia tetapi tidak bahasa, nescaya terhina juga.

(*Hikayat Abdullah*, 1960:xi)

## *Muhammad Ibrahim Munshi*

*KISAH Pelayaran Muhammad Ibrahim Munshi* yang diselenggarakan oleh Muhammad Fadzil Othman (1980) adalah tentang negeri-negeri yang dilawati oleh Ibrahim Munshi seperti Johor, Melaka, Selangor, Perak, Pulau Pinang, dan tempat tinggalnya, Singapura.

BERDASARKAN teks tersebut fokus perbincaraan ialah apa yang telah dirakamkan oleh Ibrahim Munshi tentang orang Melayu Melaka. Ibrahim Munshi telah memudiki Sungai Melaka bersama-sama anggota kerabat di Melaka untuk bermain-main di ulu Sungai Melaka. Dalam perjalanan menyusuri sungai Melaka, telah dilihatnya sawah yang luas-luas dan dusun yang besar-besar dan orang Melayu rajin bercucuk tanam (*Kisah*



*Pelayaran Muhammad Ibrahim Munshi* 1980:38–42). Orang Melayu di Ulu Melaka rajin-rajin bukan seperti Melayu di tempat lain dengan malas, pemalu, serta besar hati (hlm. 39).

Maka sekalian Melayu dalam Melaka itu hidup dengan makan usaha tangannya dan bertitik peluh bertanam-tanam dan berkebun dan berdusun dan bersawah dan bertanam segala jenis ubi keladi, sayur-sayur dan sirih dan tebu pisang dan sebagainya. Maka setiap harilah masing-masing ini berulang ke pasar Melaka membawa segala tanam-tanamannya itu, dijual.

(*Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munshi*, 1980:39)

IBRAHIM Munshi membandingkan orang Melayu Melaka dengan orang Cina Singapura yang berkebun sayur dan berdusun di Singapura. Beliau menyebut bahawa segala pekerjaan seperti ini dilakukan oleh orang Melayu Melaka. Orang Melayu di Ulu Melaka tidak membesarkan diri dan tidak menunjuk-nunjuk harta mereka. Setiap orang lelaki ada bidang pekerjaan mereka dan begitu juga orang perempuan.

IBRAHIM Munshi menulis tentang pekerjaan lelaki:

. . . menebang, mengerat, memintal, memikul, memanjat, mengembala kerbau lembu, mengangkat yang berat-berat, menyangkul, menggali, menebas, membajak, menyikat, menukang, menambat, menimbus, membanting padi, menjual, membeli, mengandar, bertanam-tanam, berbicara, berikhtiar, meraih, mengambil upah, memasak gula dan sebagainya.

(*Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munshi*, 1980:40)

IBRAHIM Munshi menulis tentang pekerjaan orang perempuan Melayu di Melaka:

. . . menabur benih, menyemai, mengubah, menganyam, menumbuk, menuai, menyagu, membela anak, memasak, menjahit, menekat, memungut, memetik, menampi, mengayak,

menggelek, menjunjung, memotong, mengikat, meraut, menyimpai dan sebagainya.

(*Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munshi*, 1980:40)

PEKERJAAN anak-anak pula:

. . . sentiasa menanggung suruhan ibu bapanya dan membantu-bantu pekerjaan ibu bapanya, mengerjakan pekerjaan yang ringan-ringan . . . disuruh mengaji al-Quran dan berjaja.

(Ibid., 40)

TETAPI dari segi pendidikan, beliau melahirkan rasa dukacita seperti berikut:

tetapi adalah kesusahan dan ajaib hatiku memikirkan tiada hendak mereka itu mengajar atau keraskan anak-anak itu belajar ilmu tulis-menulis dan membaca surat-surat bangsanya sendiri Melayu dan belajar ilmu kira-kira dan sebagainya supaya terang hatinya dan tajam akalunya serta tinggi hematnya.

(Ibid., 40)

SEPERTI Abdullah Munshi, Ibrahim Munshi juga menyedari bahawa orang Melayu masih meneruskan pekerjaan tradisi datuk nenek mereka. Mereka tidak mahu mengubah tradisi. Kepentingan ilmu tidak ditekankan kepada anak-anak. Ibrahim Munshi membandingkan orang Melayu di ulu lebih hina daripada orang Melayu di bandar. Konsep “orang ulu” ialah konsep hina, namun Ibrahim Munshi menyedari “orang ulu” ini lebih mulia daripada Melayu di kebanyakan negeri lain kerana mereka rajin bekerja.

## *Kesimpulan*

KETIGA-TIGA teks yang dirujuk telah mengemukakan bahawa dari satu titik masa lalu hingga kini, orang Melayu berterusan menghadapi dilema dalam diri mereka. Dilema yang diungkapkan oleh kedua-dua pengarang khususnya Abdullah Munshi bertitik tolak daripada peri laku, tindakan, dan daya kepimpinan raja-raja dan pembesar Melayu.

RAJA-RAJA Melayu melindungi diri mereka di sebalik konsep daulat yang dimitoskan, dimistiskan, dan dimagiskan yang menuntut ketaatsetiaan mutlak rakyat; keingkaran adalah derhaka. Abdul Rahman Haji Ismail (1985:32-57) mempersoalkan kekuasaan mutlak raja dan kesetiaan mutlak rakyat. Kepada beliau, yang mutlak dan berdaulat ialah institusi raja Melayu, tetapi tidak batang tubuh diri raja itu. Kepatuhan dan ketaatsetiaan rakyat adalah bersyarat, bukan membabi-buta. Raja yang mampu memberi kemakmuran, kemajuan, dan kesejahteraan rakyat ialah raja yang berdaulat.

APA yang dipaparkan oleh Abdullah Munshi dan Ibrahim Munshi ialah tentang cara hidup dan nasib bangsa Melayu pada masa itu disebabkan sinar cahaya kedaulatan raja sudah malap dan pudar pada waktu itu. Kepudaran dan kemalapan itu dapat kita lihat dalam lambang-lambang perpecahan, peperangan antara raja, rakyat hidup derita, susah mencari makan, bukan hidup yang sejahtera tetapi hidup yang penuh kacau-bilau dan porak-peranda. Raja sebagai bayangan Tuhan di alam ini atau Khalifah Tuhan ialah pembawa sinar kesejahteraan dan kemakmuran. Raja adil raja disembah, raja zalim raja disanggah.

BAHAN pokok dalam persoalan hubungan vertikal-resiprokal raja-rakyat atau pemimpin-rakyat ialah perkara utama yang difokuskan oleh Abdullah Munshi. Dalam konteks semasa dan akan datang, kesejahteraan hidup Melayu amnya dan Malay-

sia khasnya bertitik tolak dari struktur hubungan antara pemimpin dan rakyat.

ABDULLAH Munshi berpendapat adat Melayu perlu diubah. Ini mungkin ada kebenarannya tetapi disedari atau tidak, ramai di antara kita yang masih beranggapan bahawa adat ialah suatu yang statik. Adat sebenarnya dinamis. Dinamisme adat terletak pada kemampuan dan kebijaksanaan manusia melestarikannya. Adat yang tidak berubah, iaitu tetap dan kekal ialah hukum alam atau dalam kategori adat dikenal sebagai adat sebenar adat. Hukum adat itu sendiri jelas berpaksikan keadilan, seperti kata adat, "biar mati anak, jangan mati adat". Adat di sini bermaksud hukum/hukuman; siapa sahaja yang bersalah, hatta anak sendiri perlu dihukum, bukannya adat (hukum) yang diubah atau dimatikan. Istiadat dan kelaziman boleh berubah kerana adat ini memenuhi tuntutan lahiriah manusia.

ORIENTASI, idea, falsafah, dan pandangan dunia adat terkandung dengan jelasnya dalam segala metafora, kiasan, perbilangan, pepatah-pepiti adat, peribahasa, dan sebagainya. Seluruh isi bahan ini ialah ilmu abadi Melayu. Abdullah Munshi sendiri banyak mengungkapkan bahan ini dalam karyanya. Bahan ini dapat menjadi pendorong dan motivasi kita dalam bertindak menghadapi peredaran zaman. Kita perlu menyedari bahawa metafora ini ada yang sesuai dan penting, dan ada yang perlu diubah atau dibuang dalam konteks penggunaannya sesuai dengan isu-isu semasa.

JIKA diterjemah seluruh pemikiran kedua-dua pengarang serta pengarang-pengarang lain seperti Za'ba dan Syed Sheikh Al-Hadi, pengarang-pengarang *Revolusi Mental* hingga ke *Malay Dilemma*, mereka menuntut satu manusia Melayu, seperti kata peribahasa Melayu, empat sudah bersimpul satu iaitu Melayu yang berilmu, berakal, mahir, dan berusia. Seperti kata perbilangan adat Naning, seorang menantu ialah, "dada bidang kulitnya tahan, mulut bacar masnya padan, hati berani senjata

tajam”, atau seperti kata Bugis-Makasar, seorang Bugis itu perlu memiliki tiga hujung, “anunya, lidahnya, kerisnya”, seperti kata orang sekarang bahawa di antara persediaan yang perlu dilakukan ialah persoalan pembangunan sumber manusia.

*Peranan  
Penulisan  
Dalam  
Gerakan  
Kebangsaan  
Di  
Malaysia*

5

---

**ABDUL LATIFF ABU BAKAR**

UMUMNYA para pengkaji sejarah Malaysia meletakkan permulaan gerakan kebangsaan Malaysia pada tahun 1906 iaitu apabila wujudnya majalah *al-Imam* di Singapura yang dipelopori oleh golongan agama seperti Sheikh Tahir Jalaluddin, Abas Muhammad Taha, dan Syed Sheikh Ahmad Al-Hadi.

PADA awal abad dua puluh bidang kewartawanan Melayu yang menerbitkan akhbar dan majalah Melayu memainkan peranan penting menyemarakkan semangat orang Melayu agar rajin bekerja, bersatu, dan berusaha memajukan nasib bangsa Melayu. Golongan agama yang berfahaman kaum muda dan golongan guru menggunakan akhbar, majalah dan buku sebagai alat menyedarkan orang Melayu memperoleh kejayaan dalam segala bidang. Bentuk-bentuk penulisan yang digunakan

untuk pembelaan nasib orang Melayu ialah rencana, puisi, cerpen, dan novel.

PADA peringkat permulaan gerakan kebangsaan pada 1906 hingga 1926, bidang penulisan hanya tertumpu pada persoalan masyarakat semasa dalam bidang sosial dan ekonomi. Penerbitan akhbar dan majalah seperti *al-Imam*, *Tunas*, *al-Ikhwan*, *Utusan Melayu*, *al-Hikmah*, *Pengasas*, *Saudara*, *Idaran Zaman*, dan lain-lain lebih mengemukakan persoalan ekonomi, kemiskinan, pendidikan, Islah Islamiah dan lain-lain. Pada peringkat kedua dan ketiga gerakan kebangsaan di Malaysia lebih tertumpu pada masalah sosioekonomi dan politik orang Melayu (1926–1941).

BIDANG penulisan memainkan peranan yang penting dalam gerakan kebangsaan orang-orang Melayu. Rencana-rencana di dalam majalah dan akhbar Melayu seperti *al-Imam* (mula terbit 1906), *al-Ikhwan* (1926), *Saudara* (1928), *Majlis* (1931), *Malaya* (1928), *Warta Malaya* (1930), dan *Utusan Melayu* (1939) turut memberi kesedaran dan memperjuangkan nasib orang-orang Melayu.

Di samping rencana dan puisi Melayu tradisional seperti syair, pantun, gurindam, seloka, dan lain-lain, puisi Melayu moden seperti sajak yang bertemakan semangat kebangsaan turut tersiar di dalam akhbar dan majalah ini. Puisi ini dijadikan alat untuk menyampaikan sesuatu pandangan, fikiran, dan gagasan penyair. Puisi tradisional pula mendapat perhatian sebelum 1941.

HARUN Mohd. Amin merupakan antara pemuka puisi yang bertemakan kebangsaan. Dari tahun 1929 hingga 1939 beliau telah menghasilkan tidak kurang daripada lapan buah puisi yang bertema demikian. Puisi-puisi itu ialah “Mesti Ingat” (*Jasa*, 13 Julai 1929), “Semenanjung” (*Jasa*, 11 September 1929), “Tenaga Kaumku” (*Jasa*, 10 Oktober 1929), “Seloka Harapan”

(*Temasik*, 1 Mei 1930), "Rayuan Bangsamu" (*Temasik*, 10 Ogos 1930), "Oh Bangsaku" (*al-Ikhwan*, 16 November 1930), "Mempertahankan Hak Kita" (*Warta Ahad*, 19 April 1936), dan "Perwira Melayu" (*Warta Jenaka*, 8 Jun 1939).

A. Samad Ahmad yang menggunakan nama samaran Anum turut memberi sumbangan penting dalam perkembangan puisi kebangsaan. Beliau yang bertugas sebagai wartawan akhbar *Majlis* pada tahun 1940 telah diberi tanggungjawab mengendalikannya sudut Pujangga. Di samping menulis puisi, Anum turut menyiarkan puisi yang bertemakan kebangsaan yang ditulis oleh Rajawali, Bayu (Ahmad Boestamam), Mohamad Hashim Bahalddin, Roslaini (Abdullah Hussein), Teruna Kelang, Pujangga Baru, dan lain-lain.

ANUM ialah antara penulis puisi yang agak produktif. Dalam tempoh lima bulan, beliau telah menghasilkan sekurang-kurangnya enam buah puisi kebangsaan yang disiarkan dalam akhbar *Majlis*. Puisi-puisi itu ialah "Encik Onn" (2 Mac 1940), "Tarf Melayu Selepas Perang" (6 Mac 1940), "Kapal Tiada Nakhoda" (8 Mac 1940), "Serunai Pujangga" (23 Mac 1940), "Kami Sedar" (14 Mac 1940), dan "Hari Kejatuhan Kita" (10 Julai 1949).

ANEHNYA puisi-puisi yang membawa persoalan cintakan tanah air tidak banyak dihasilkan. Di antara puisi yang mempunyai tema ini ialah "Timang-timangan Bagi Semenanjung Tanah Melayu" (tanpa nama yang tersiar di dalam majalah *Malaya* pimpinan Mohd. Yunus keluaran Mei 1926 yang cukup jelas menggambarkan perasaan penulis terhadap tanah airnya yang tercinta.

Alangkah permai dipandang mata  
Negeri Semenanjung bumi yang rata  
bukit berbarisan laksana kota  
molek dan gerun bersama serta.



Pantai menganjur kanan dan kiri  
ombak memecah membanting diri  
alunan deras sema selari  
*kepala belayar pergi dan mari.*

PUISI yang bertajuk "Tanahairku" (tanpa nama) tersiar dalam *Al-Hikmah*, 27 Ogos 1936 turut mengemukakan persoalan cinta kepada tanah air.

Ayuhai negeri tanahairku  
kaulah tempat tumpah darahku  
daripada tumbuhanmu berhidup diriku  
kepadamu juga kembali aku.

Engkaulah ibu, bapa pun engkau  
tempat perhimpunan kaum dan suku  
kayu batu bukit dan buku  
mengandungi keindahan indahnyalaku  
*oh engkaulah tanah airku.*

PUISI-PUISI yang membawa persoalan tentang keadaan dan nasib bangsa Melayu yang ketinggalan di belakang dalam segala bidang baik ekonomi, pendidikan, sosial, dan kehidupan seluruhnya mendapat perhatian penyair-penyair seperti A. Samad Ahmad, Ibrahim Hj. Yaakob, Haron Mohd. Amin, Ahmad Ismail, dan lain-lain. Seorang penyair lain, Khadam Petani dengan puisinya bertajuk "Mutu Kebangsaan", (*al-Hikmah*, 23 April 1936) telah mendedahkan keadaan dan nasib orang-orang Melayu di tanah airnya sendiri.

Kalau dipandang alatan bandar  
berdukalah hati hendak dikhabar  
oleh tersangat kita membiar  
begitu keadaannya belum tersedar.

Padahalnya kuasa kita membuat  
sebarang rekaan ringan dan berat

hanya dinantikan tidak dibuat  
kemudian harus juga melarat.

Sayangnya tuan bukan kepalang  
adat istiadat kita yang terang  
habis ditinggal serta dibuang  
*akhirnya kelak menumpang orang.*

BEGITU juga puisi yang ditulis oleh Ibrahim Hj. Yaakob yang bertajuk "Tanahairku" yang tersiar dalam *Warta Negeri*, 3 Februari 1930:

Ayuhai Semenanjung tanahairku  
tempatku besar didiknya ibu  
Ilahi ra'bi-bi tolonglah bangsaku  
tinggal di belakang memakan debu.

Ayuhai Semenanjung tanahairku  
tempatku duduk setiap hari  
bangsaku miskin sudahlah tentu  
keadaannya lemah tidak berdiri.

Ayuhai Semenanjung tanahairku  
tempat bermain di dalam puri  
tidakkah belas amboi bangsaku  
*melihat harta terlepas di jari.*

PUISI-PUISI yang membawa persoalan tentang bencana orang asing dan penjajah Inggeris turut mendapat perhatian para penyair sebelum 1941. Harun Mohd. Amin dalam puisinya bertajuk "Mempertahankan Hak Kita" (*Warta Jenaka*, 19 April 1936), telah mengingatkan orang Melayu tentang bahayanya orang asing di Tanah Melayu. Beliau tidak berpuas hati dengan sikap tauke-tauke dan wakil-wakil Cina dalam majlis-majlis mesyuarat yang mendakwa bahawa mereka yang telah banyak berjasa dan memberi kemakmuran kepada Tanah Melayu. Mereka menuntut persamaan hak seperti kerakyataan, tanah,

dan kemudahan lain dengan alasan mereka telah membantu penjajah Inggeris memajukan negeri ini. Di samping itu Harun beranggapan bahawa orang Cina gembira kerana orang Melayu ketinggalan dalam segala lapangan akibat kedatangan orang asing di Tanah Melayu. Ini jelas apabila Harun menggambarkan sikap orang Cina terhadap orang Melayu dalam sajak-sajaknya itu:

Aku senang aku kaya  
orang Melayu habis kudaya!  
habis kuhalau masuk ke paya  
aku bersenang di jalanraya.

Hartanya habis dapat kutipu  
undurlah ia ke gunung menumpu  
habislah semuanya dapat kusapu  
menggeleparlah Melayu seperti kena palu.

Demikianlah perasaan si Tongsan itu  
memandang kita rendahnya tentu  
dikira Melayu semuanya batu  
tiada bersuara walau dilutu.

Dengan sebab itu mereka bersuara  
kepada pemerintah ia berkira  
meminta kekuasaan menjadi perwira  
*kecurangan pemerintah ia nan mara.*

DALAM bidang prosa, terutama rencana, cerpen, dan novel turut memainkan peranan penting dalam usaha menyemarakkan api kebangsaan di kalangan orang Melayu. Di antara golongan yang telah mengukir namanya dan menggunakan bidang penulisan dalam gerakan kebangsaannya ialah golongan agama seperti Syed Sheikh Ahmad Al-Hadi, Abas Mohd. Taha, golongan guru, seperti Yusof Ahmad dan golongan wartawan seperti Abdul Rahim Kajai, Ibrahim Yaacob, Ishak Hj. Muhammad, Onn Jaafar, dan lain-lain.

ABDUL Rahim Kajai merupakan wartawan Melayu yang popular dalam tahun 30-an. Beliau bertugas sebagai ketua pengarang akhbar yang popular seperti *Majlis*, *Warta Malaya*, dan *Utusan Melayu*, telah menggunakan ruangan rencana pengarang sebagai medan mengkritik penjajah Inggeris, orang asing dan membela nasib orang Melayu untuk mencapai kemajuan.<sup>1</sup>

PADA tahun 1926, Kesatuan Melayu Singapura (KMS) diasaskan. KMS ialah pergerakan semi-politik Melayu pertama dan dipimpin oleh Mohd. Yunus Abdullah. Di antara tujuan penting KMS ialah untuk menggalakkan ahli-ahlinya bergerak aktif dalam urusan-urusan pentadbiran, memperjuangkan kemajuan dan kepentingan orang Melayu dalam lapangan politik dan pelajaran, membuat permohonan kepada Inggeris berhubung dengan hak kebebasan orang Melayu dan mengambil berat tentang pelajaran tinggi serta teknik di kalangan orang Melayu.

KMS yang wujud di Singapura telah mendapat perhatian penduduk di Tanah Melayu. Kewartawanan Melayu telah memainkan peranan penting dengan memberi kesedaran kepada pembaca-pembaca tentang perlu diwujudkan persatuan politik di negeri-negeri Melayu seperti KMS. Wartawan dan penulis ini tidaklah bertujuan untuk menghindarkan penjajah Inggeris; mereka ingin menjadikan persatuan-persatuan tersebut sebagai salah satu saluran bagi membela nasib orang Melayu dalam hubungan dengan pihak Inggeris. Persatuan-persatuan tersebut hendaklah menyusun satu perlembagaan mengikut undang-undang negeri serta mentaati kerajaan Inggeris dan raja-raja Melayu.

DI antara akhbar dan majalah Melayu yang turut membincangkan pergerakan politik orang Melayu ialah *Idaran Zaman*, *Saudara*, *Warta Malaya*, *Majlis*, *Majalah Malaya*, dan lain-lain. *Idaran Zaman* (Pulau Pinang) melalui rencananya yang

bertajuk "Persatuan Melayu" (11 September 1926) bersetuju dengan penubuhan KMS dan ia turut memberi perangsang kepada orang Melayu supaya mewujudkan persatuan politik seperti KMS di seluruh Tanah Melayu dan mengadakan perjumpaan persatuan-persatuan Melayu. Dengan penuh harapan, *Idaran Zaman* yang dipimpin oleh Mohd. Yunus bin Abdul Hamid, menyeru:

Mudah-mudahan kita harap pada segenap penjuru tanah semenanjung ini akan terambanglah cawangan persekutuan Melayu itu bagi pihak jawatankuasanya di Singapura itu moleklah jika diadakan suatu perhimpunan ramai dengan menjemput sekalian ketua-ketua dan wakil-wakil kumpulan Melayu dari segenap negeri di Semenanjung ini bagi mengetahui persetujuannya masing-masing guna meluaskan masuk kebajikan.

Bertambah moleklah jika perhimpunan ramai itu boleh diadakan di Kuala Lumpur atau pada salah satu tempat yang terletak pada bahagian pertengahan daripada negeri semenanjung ini supaya memudahkan bagi wakil-wakil atau utusan-utusan yang akan hadir kepadanya. Mudah-mudahan . . .

AKHBAR *Saudara* yang diterbitkan di Pulau Pinang (1928) telah mengambil berat tentang penubuhan persatuan-persatuan Melayu yang bercorak politik di samping membincangkan hal-hal agama mengikut fahaman pembaharuan Islam (kaum muda). Ketika Abdul Rahim Kajai bertugas sebagai penolong Pengarang *Saudara* (Mac 1930), beliau menyeru orang Melayu supaya bersatu memperbaiki pergerakan bangsa dan tanah air yang dipimpin oleh orang Melayu. Pergerakan ini untuk mengelakkan orang Melayu jatuh secara beransur-ansur. Bagi Kajai, cita-cita politik tidak akan tercapai melainkan perjuangan melalui pergerakan kesatuan. Kesatuan pula tidak akan berhasil melainkan dengan sikap kerja sama. Oleh itu, kesatuan boleh dianggap tubuh yang satu manakala sikap kerja sama ialah jiwanya. Untuk mencapai cita-cita ini, orang Melayu hendaklah menghapuskan segala faktor yang boleh mendatangkan

perpecahan, menghapuskan kesatuan, dan menghilangkan timbang rasa serta maruah kebangsaan di tanah airnya.

PADA tahun 1931, *Saudara* telah mencadangkan supaya diadakan kongres di kalangan orang Melayu di seluruh Tanah Melayu. Tiap-tiap negeri hendaklah menghantar wakil-wakil di perhimpunan besar kongres Melayu dan orang Melayu hendaklah mengemukakan masalah yang dihadapi dan seterusnya mewujudkan Persekutuan Melayu. Kajai, bagi pihak akhbar *Saudara* mencadangkan supaya Kongres Melayu diadakan di Johor Bahru kerana ia kawasan moden. Persekutuan Melayu yang dicadangkan oleh akhbar *Saudara* adalah berhaluan kanan iaitu mengikut undang-undang negeri dan patuh kepada raja-raja Melayu dan kerajaan Inggeris. Di samping itu, Persekutuan Melayu ini cuba membantu kerajaan Inggeris memajukan orang Melayu dan cuba mengatasi kemajuan bangsa asing di Tanah Melayu. Oleh itu orang Melayu diharap agar dapat bergerak sendiri dalam Persekutuan Melayu yang hendak ditubuhkan itu.

CADANGAN Kajai untuk mengadakan Kongres Melayu dan dihadiri oleh wakil-wakil seluruh Tanah Melayu telah mendapat sokongan dari akhbar dan majalah seperti *Warta Malaya*, *Majlis*, dan *Malaya*. Mohd. Yunus bin Abdul Hamid melalui rencananya yang bertajuk "Kongres bagi Umat Melayu Dalam Negeri" dalam majalah *Malaya*, keluaran April 1931 telah menyokong cadangan *Saudara*. Di antaranya beliau berkata:

Kita fikir ini bukanlah suatu hal yang ganjil akan tetapi itulah hal yang patut dan mesti kejadian. Teristimewa di dalam masa sekarang ini yang boleh dikatakan kedudukan dan keadaan orang Melayu di dalam negerinya ini amnya seumpama telur di hujung tanduk; serba payah! . . . Inilah yang kita bersetuju akan mendengar dan melihat orang-orang Melayu mengadakan suatu kongresnya bagi merundingkan hal-hal tersebut dan beberapa hal lagi dengan pemimpin pembesar-pembesar dan ketua-ketuanya berhimpun kepada salah satu negeri di Semenanjung ini seberapa segera.

ISHAK Hj. Muhammad merupakan golongan wartawan yang giat menulis rencana, cerpen, dan novel yang mengemukakan persoalan semasa dan kepincangan masyarakat seperti ketidakadilan penjajah Inggeris, golongan pembesar, dan birokrat yang tidak bertanggungjawab membela nasib orang Melayu, kesan negatif kedatangan orang asing dan sebagainya. Ishak berjaya mengetengahkan persoalan semasa dan kepincangan masyarakat dan membuat pembelaan nasib orang Melayu melalui cerpen dan dua buah novelnya, *Anak Mat Lela Gila* dan *Putera Gunung Tahan*.<sup>2</sup>

DI antara wartawan Melayu yang prolifik dan menggunakan bidang kewartawanan dan persatuan untuk mengkritik penjajah dan membangkitkan kesedaran orang Melayu ialah Ibrahim Haji Yaakob (IBHY). Beliau yang pernah menjadi wartawan akhbar *Majlis* dan *Warta Melayu* dan memimpin Kesatuan Melayu Muda pada tahun 1938 telah menggunakan bidang kewartawanan untuk gerakan kebangsaannya.<sup>3</sup>

DASAR kerajaan Inggeris yang melantik wakil-wakil Melayu daripada golongan aristokrat tidak dipersetujui oleh IBHY. Dasar ini adalah semata-mata untuk kepentingan kerajaan Inggeris. Ini menyebabkan IBHY berharap agar kerajaan memilih wakil-wakil Melayu di dalam Majlis itu yang terdiri daripada . . . ahli bukan berjawatan yang sebenar-benarnya orang kebanyakan iaitu orang yang tidak bersangkut-paut dengan jawatan kerajaan. Sekiranya kerajaan ingin memilih wakil-wakil tersebut, IBHY mencadangkan agar memilih orang-orang yang berperasaan dan mengerti kemahuan dan kehendak rakyat Melayu.<sup>4</sup>

BAGI IBHY, pemilihan wakil-wakil Melayu dalam majlis harus secara demokrasi. Dengan cara ini nasib orang Melayu dapat dibela dengan kerelaan dan kepuasan hati orang Melayu. Ini menyebabkan IBHY mengemukakan beberapa soalan tentang pemilihan wakil-wakil itu, iaitu:

1. Adakah ahli-ahli mesyuarat itu dipilih dengan menggunakan persetujuan undi rakyat umum?
2. Adakah sebenar-benarnya ahli mesyuarat itu orang yang tidak bersangkut-paut dengan jawatan kerajaan?
3. Adakah sebenar-benarnya ahli mesyuarat itu daripada orang kebanyakan?<sup>5</sup>

BAGI IBHY terdapat dua faktor utama yang menyebabkan kejatuhan dan kemunduran orang-orang Melayu dalam segala bidang, iaitu:

1. Pelajaran dalam Bahasa Melayu tidak mencukupi.
2. Ekonomi orang Melayu tersangat buruk.

OLEH yang demikian, kejatuhan dan kemunduran orang Melayu ini hendaklah dibela oleh wakil-wakil Melayu dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan terutamanya:

(i) hendaklah meluaskan jalan pencarian hidup mereka itu supaya orang-orang Melayu itu menjadi satu bangsa yang kaya, (ii) hendaklah meluaskan pelajaran mereka itu supaya orang Melayu menjadi satu bangsa yang pandai dan taat kepada kerajaan biarlah orang-orang Melayu itu tahu hal ehwal dunia dan mengerti pergerakan siasat dunia yang luas ini.<sup>6</sup>

IBHY dengan tegas mengkritik sikap sesetengah wakil Melayu dalam majlis yang duduk diam sahaja. Sikap mereka ini tidak mendatangkan faedah kepada orang Melayu sebaliknya untuk faedah dirinya sahaja. Ini dapat dilihat apabila IBHY dengan berani menyifatkan wakil-wakil tersebut sebagai:

... lupa akan tanggungannya kepada umum hanyalah mengeluarkan fikiran untuk faedah diri sahaja. Saya sebagai seorang Melayu memang berasa malu di atas pekerti wakil-wakil Melayu sebegitu lupa akan nasib orang-orang ramai atau khas kepada pemakan-pemakan gaji. Yang demikian tidaklah hairan kita sekarang orang Melayu tinggal membawa nasibnya hina



dan daif. Suara-suara umum Melayu tidak ada harga sedikit pun kebanyakannya wakil-wakil Melayu tidak gemar mengutip fikiran orangnya sama ada dari surat-surat khabar atau surat rayuan yang sampai kepada mereka itu.<sup>7</sup>

SEKIRANYA wakil-wakil Melayu ini tidak dapat memperjuangkan untuk kepentingan bangsanya, IBHY mencadangkan supaya tugas wakil-wakil Melayu diserahkan kepada rakyat Melayu daripada golongan biasa. Seperti kata IBHY:

... sekiranya jika mustahak dihormati suara-suara rakyat itu rasanya haruslah diberi peluang kepada orang Melayu dalam hal menjaga tanah air supaya mereka itu boleh menerangkan fikiran dan kemusykilannya.<sup>8</sup>

IBHY turut mengambil perhatian terhadap kepentingan dan kemajuan orang Melayu dalam bidang ekonomi, pelajaran, dan agama. Bagi beliau, kemunduran orang Melayu dalam bidang ini bukan disebabkan mereka malas, tetapi kerana dasar pemerintahan Inggeris yang mementingkan kemajuan ekonomi yang mendatangkan keuntungan yang lumayan. Bagi menjayakan ekonomi kapitalismenya maka ramai buruh dari China dan India dibawa masuk ke Tanah Melayu tanpa memikirkan nasib orang Melayu.

GERAKAN kebangsaan di Malaysia lebih bersemarak lagi selepas pendudukan Jepun di Tanah Melayu pada tahun 1945. Pada peringkat ini orang Melayu bergerak lebih padu, agresif, berkeyakinan, dan secara terang berjuang menuntut kemerdekaan. Akhbar dan majalah Melayu seperti *Utusan Melayu*, *Majlis*, *Warta Negara*, *Suluh Malaya*, dan *Pelita Malaya* memainkan peranan penting mengkritik dasar Inggeris dan menuntut kemerdekaan.

INI jelas apabila kerajaan Inggeris mengisytiharkan pelaksanaan rancangan Malayan Union 1946, akhbar dan majalah menjadi saluran untuk meniupkan serta membangkitkan semangat

Melayu dan kebangsaan menentang penjajah dan menyeru rakyat bersatu melalui parti-parti Melayu.

AKHBAR *Utusan Melayu* menjadi saluran yang penting menuntut kemerdekaan dengan menyiarkan rencana-rencana tentang kemerdekaan dari segi ekonomi, pelajaran, politik, dan lain-lain.

SELEPAS pendudukan Jepun, penyair-penyair dengan berani mengkritik kerajaan Inggeris terutama rancangan penubuhan Malayan Union pada tahun 1946. Selari dengan pertumbuhan gerakan kebangsaan, penyair-penyair ini tidak berdiam diri malah menggunakan puisi sebagai alat komunikasi bagi mencurahkan hatinya terhadap semangat cinta, berjuang, dan membela nasib agama, bangsa, dan negara.<sup>9</sup>

AKHBAR dan majalah yang memainkan peranan penting dalam menyiarkan puisi-puisi bertema kebangsaan ini ialah *Majlis*, *Majalah Guru*, *Mastika*, *Hiburan*, *Kencana*, *Medan Masyarakat*, *Utusan Zaman*, *Suara Merdeka*, dan lain-lain. Penyair-penyair yang muncul pada peringkat permulaan ialah mereka yang sudah mencipta nama dalam menghasilkan puisi-puisi semasa atau sebelum pendudukan Jepun seperti Abdul Samad Ahmad (Anum), Embong Yahya (Ngumba), Masuri S. N., Ahmady Asmara, Ahmad Boestamam, dan lain-lain. Di samping itu, terdapat penyair-penyair baru seperti Tongkat Warrant, Zulkifli Muhammad, Burhan Md Yaman, A. Samad Said, Mariam Ghani, Siti Aishah, dan lain-lain.

PUISI “Memperingat Semangat Berperistiwa” karya Anum (*Majlis*, 12 Jun 1946) memperingati pembentukan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu yang dikenali sebagai Perkembar (kemudiannya UMNO).

PENYAIR puisi “Memperingat Semangat Berperistiwa” merakamkan penghargaan kerana penubuhan UMNO:

Peringatilah dia  
Wahai putera-puteri harapan bangsa!  
Catatkanlah dengan tinta emas  
Ke dalam buku sejarah  
Untuk pujaanmu silang masa.

Saat yang tak luput dari kenangan  
Saat kita menanam cita-cita dengan angan-angan  
Saat kita menyusun barisan  
Berjuang menuju kemenangan dan kebahagiaan  
masa, oh masa! tibalah kami kiranya  
Agar memenuhi impian pujangga  
Meningkat setangga demi setangga

Melayu berparlimen  
Melayu berkerajaan  
*Melayu raya—Melayu merdeka!*

DALAM puisi seperti "Hiduplah Melayu" karya Saidin Ahmad (*Majlis*, 13 Jun 1946) dan dalam "Malayan Union Jikalau Datang" karya Hashim Gera (*Majlis*, 2 Julai 1940) jelas membayangkan perasaan mereka yang memperjuangkan nasib bangsa Melayu dengan menentang rancangan Malayan Union yang dianggap sebagai pengkhianatan kepada orang Melayu. Ini jelas seperti yang dinyatakan oleh penulis puisi tersebut:

Hidupkanlah nama dan bangsa  
yang bersusah sepanjang masa  
dapatkanlah sampai merasa  
wajiblah membantah sentiasa  
pada Malayan Union yang dusta.

Lawanlah bersungguh-sungguh hati  
hapuskanlah yang telah terjadi  
marilah kita bersatu  
*lawanlah sepanjang waktu.*

KEMERDEKAAN yang dicapai oleh Indonesia (1945) dan Filipina (1946) turut memberangsangkan para pejuang dan penyair kebangsaan. Pernyataan ini dapat dilihat dalam puisi "Filipina Merdeka" karya Roslan (*Majlis*, 10 Julai 1946). Di antaranya penyair berkata:

Betapa nan lagi lebih gembira  
putera-puteri yang kesatria  
yang berada di tanah Filipina  
hidup mengecap tanah merdeka.

Oh rakyat Melayu  
ingin hidup di alam bahagia  
ambillah teladan dari Filipina  
rakyatnya bersatu hidup sempurna.

PUISI "Penderitaan Kita" (*Medan Masyarakat*, Mac 1947) karya Zulkifli Muhammad adalah contoh puisi yang mengemukakan persoalan nasib bangsa. Dalam puisi ini penyair menggambarkan keadaan nasib orang Melayu yang bernaung di bawah pemerintahan Inggeris. Pemerintah Inggeris yang disifatkan sebagai penipu rakyat dan penjajah keji bertanggungjawab memecah-belahkan masyarakat Melayu. Puisi Zulkifli menyebut:

Berkurun-kurun penjajah memijak nusa  
merampas merebut kekayaan negara kehormatan bangsa  
kita tertindas jatuh gugur terlentang tertiarap  
kucar-kacir hina-dina terayap-rayap

Kemegahan dipuja hilang lenyap hapus pupus  
darah diminum tulang dihisap hingga kurus  
nusa luas riang ria kaya makmur  
rosak terhempas susah pecah hancur lebur  
Bercerai-cerai rakyat murba merata ceruk  
pecah-pecahkan kemudian perintah cita-cita busuk  
asas penjajah menipu rakyat mendaya murba  
*menjadikan bangsa gah mulia budak hamba.*

UMNO di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman (1951) menggunakan slogan Merdeka dalam usaha membebaskan Tanah Melayu daripada cengkaman Inggeris. Parti politik yang mewakili bangsa-bangsa utama di negara ini iaitu UMNO (Melayu), MCA (Cina), dan MIC (India) telah bergabung mewujudkan Perikatan untuk memperjuangkan kemerdekaan melalui rundingan.

KALI ini para penyair lebih berani mengemukakan hasratnya untuk membela nasib agama, bangsa, dan negara dan dengan lantang menuntut kemerdekaan. Umpamanya dalam puisi “Berjuang” (*Majalah Guru*, April 1954), karya Mahmud Joh, penyair dengan penuh semangat menyeru orang Melayu bersatu dan berjuang menuntut kemerdekaan:

Jangan ragu-ragu dalam berjuang  
buangkan semangat bosan  
kita tidak sanggup lagi dikongkong  
kita tidak ingin lagi dijajah  
kita ingin dan sanggup bebas MERDEKA  
berilah kami kebebasan!  
berilah kami KEMERDEKAAN  
*kami tetap memperjuangkan*

BEGITU juga dalam puisi “Ke arah Kemerdekaan” (*Suara UMNO*, 1 April 1954), karya Affrini Adham, penyair menyeru rakyat Tanah Melayu agar tidak bosan dan bekerja keras dalam menuntut kemerdekaan dari tangan penjajah Inggeris. Di antaranya beliau mengingatkan:

Antara satu lagi cara perhitungan baru yang belum selesai  
pekikan Merdeka sudah tak dapat disumbat lagi  
antara suatu lagi caranya perjuangan berhabis-habisan  
pengertian demokrasi telah benar mendarah daging  
seluruhnya bukanlah asing buat kita lagi  
dalam tindakan mengakhiri tujuan

dalam perbuatan mengembalikan kesejahteraan  
peralihan dan perdamaian  
kesatuan cita-cita kebangsaan  
kebangkitan dan kemerdekaan

PEMIMPIN-PEMIMPIN negara yang memainkan peranan penting dalam gerakan kebangsaan turut mendapat perhatian penyair-penyair. Tokoh-tokoh seperti Dato' Onn Jaafar, Dr. Burhanuddin al-Helmi, Ibrahim Haji Yaacob dan Tunku Abdul rahman diharapkan jasa dan bakti mereka untuk memimpin negara ini. Ahmady Asmara dalam puisinya "Oh Pemimpin" (*Majlis*, 18 Jun 1946) menyifatkan Dato' Onn sebagai pemimpin Melayu yang dapat menyatukan orang Melayu melalui politik (UMNO). Oleh itu beliau berharap Dato' Onn meneruskan usahanya memimpin orang Melayu seperti ungkapannya:

Pimpinlah kami dengan gagah  
sampai kembali nama yang gagah  
bilakah dengan cekang  
bumiputera ada di belakang

Ambillah gerakan penganjur bestari  
membela bangsa di seluruh negeri  
bagaimana pemimpin di dalam dunia  
*bekerja ke jurusan bahagia.*

## *Nota*

1. Abdul Latiff Abu Bakar, *Abdul Rahim Kajai: Wartawan dan Sasterawan Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985).
2. Abdul Latiff Abu Bakar, *Ishak Haji Muhammad: Penulis dan Ahli Politik* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1977).
3. Abdul Latiff Abu Bakar, "Ibrahim Haji Yaakob: Kegelisahan dan Impian Seorang Pejuang Melayu," dalam *Imej dan Cita-cita* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982).
4. Agastja, "Wakil Melayu dalam Federal Council" *Warta Ahad*, 29 Mac 1936, 5.
5. Ibid.
6. Silawatan, "Wakil-wakil Melayu," *Majlis*, 18 Jun 1937, 10.
7. Silawatan, "Wakil-wakil Melayu dalam Masyarakat," *Majlis*, 11 Jun 1936, 1.
8. Silawatan, "Adakah Negeri Bersekutu Demokrasi," *Majlis*, 30 Julai 1937, 3.
9. Abdul Latiff Abu Bakar, *Puisi Kebangsaan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987).

*Gerakan  
Islah  
Islamiah:  
Kajian  
Terhadap  
Tiga Tokoh  
Pelopornya*

6

---

**MOHD. SARIM HAJI MUSTAJAB**

SEHINGGA kini para cendekiawan dan sejarawan yang mengkaji tentang sejarah Islam dan kebangkitan arus nasionalisme di kalangan orang-orang Melayu sepakat bersetuju bahawa semangat nasionalisme di kalangan orang-orang Melayu di rantau ini khususnya di Malaya tercetus ekoran dari kegiatan golongan intelek Melayu berpendidikan agama. Kelahiran majalah *Al-Imam* pada tahun 1906 dan tercetusnya perselisihan pendapat di antara ulama Kaum Muda dan Kaum Tua menjadikan senario agama di Tanah Melayu begitu kompleks sekali. Berkaitan dengan hal ini juga umum bersetuju bahawa Gerakan Islah Islam yang bertiup di Alam Melayu pada zaman sebelum perang, diilhami oleh gerakan pembaharuan atau fundamentalisme yang berlaku di Mesir, dipelopori oleh tiga orang tokoh pembaharu Islam seperti Syed Jamaluddin Al-Afghani, Syeikh Muhammad Abduh, dan



Muhammad Rashid Ridha. Percambahan idea yang muncul ekoran dari buah fikiran tokoh-tokoh ini menambah rancakkan lagi suasana dan iklim beragama umat Islam di Asia Barat.

SEBAGAIMANA juga dengan keadaan di Asia Barat, alam Melayu turut merasai tempias gagasan Islah tersebut dan tokoh-tokoh yang menjadi pelopor penyebaran idea Islah itu terdiri daripada tiga orang intelek Melayu berpendidikan agama yang secara kebetulan berada di Singapura. Gabungan tenaga daripada tiga orang ulama iaitu Syeikh Tahir Jalaluddin, Haji Abbas bin Mohd Taha, dan Syed Syeikh Al-Hadi menjadikan jeritan Islah yang dilaung-laungkan itu dapat berkembang jauh. Walaupun terdapat perbezaan dari segi latar belakang pendidikan, pengalaman, dan pendedahan di antara ketiga-tiga orang tokoh ini, ternyata terdapat satu persamaan rasa dan komitmen mereka khususnya dalam memperkatakan soal pembaharuan di dalam Islam. Memandangkan peri pentingnya peranan ketiga-tiga tokoh ini dalam merealisasikan gagasan baik di Tanah Melayu ataupun di Nusantara, maka artikel ini akan melihat secara terperinci latar belakang serta kegiatan ketiga-tiga tokoh ini.

DI antara ketiga-tiga tokoh ini, Syeikh Tahir Jalaluddin boleh dianggap paling terkemuka. Kegigihan beliau dalam menyuarakan gagasan Islah ini terjelma ekoran dari perhubungan beliau secara langsung dengan tokoh-tokoh Islah di Mesir seperti Syeikh Muhammad Abduh dan Muhammad Rashid Ridha. Beliau jugalah yang telah memperkenalkan Hj. Abbas Mohd Taha dan Syed Syeikh Al-Hadi kepada tulisan-tulisan serta perjuangan Muhammad Abduh dan Rashid Ridha. Walaupun dari segi pendidikan, Syeikh Tahir Jalaluddin lebih kukuh kedudukannya, ternyata di antara Hj. Abbas Taha dan Syed Syeikh al-Hadi semangat Islah Islam mereka itu tidak banyak berbeza. Terdapat persamaan rasa dan komitmen apabila soal Islah diperkatakan. Sebagaimana dengan Syeikh Tahir, Hj. Abbas, dan Syed Syeikh Al-Hadi banyak mengabdikan diri

mereka dalam bidang penulisan dan penerbitan, baik dalam bentuk buku, akhbar, mahupun majalah. Melalui media cetak fikiran dan pandangan mereka dapat berkembang jauh. Dan dalam melaksanakan tugas menyebarkan, mendidik, serta mengkritik masyarakat Melayu serta pemimpin agama yang terlalu leka dengan persoalan bidaah, taklid buta, serta kelalaian dalam menyempurnakan tanggungjawab mereka terhadap agama dan bangsa, ketiga-tiga tokoh ini telah dicap dengan pelbagai label seperti “kaum sesat”, “Wahabi”, “Kaum Muda”, “Kaum Al-Manar”, dan sebagainya. Tidak kurang pula dalam proses mempertahankan pendirian mereka, tokoh-tokoh ini sering kali diheret ke dalam perbahasan atau perdebatan masalah agama yang muncul ketika itu. Yang jelasnyalah ialah penglibatan pelopor-pelopor gerakan Islah ini dalam majlis-majlis muzakarah tersebut sedikit sebanyak memberi kesan kepada gerakan dan arus nasionalisme yang mula bertiup kencang di Tanah Melayu.

### *Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin Al-Falaki*

KEGIATAN Islah yang begitu hebat berlaku di Mesir turut mempengaruhi Syeikh Tahir Jalaluddin, seorang penuntut Jawi yang datang ke Al-Azhar waktu itu untuk meneruskan pengajian agamanya. Konsep Islah yang diperjuangkan oleh Syed Jamaluddin al-Afghani dan Muhammad Abduh di Mesir itu menarik minatnya untuk mendalami pengetahuannya dalam bidang itu. Beliau juga digelar sebagai Syeikh Tahir Jalaluddin al-Azhar.<sup>1</sup> semata-mata untuk menghubungkan beliau dengan institusi pendidikan yang dipelajarinya.

LAHIR di Kota Tua, Ampek Angkek, Bukit Tinggi, Minangkabau di Sumatera Barat pada tahun 1869, beliau menjadi yatim tatkala umurnya dua tahun. Ayahnya Tuan Ahmad Jalaluddin seorang guru agama, ketika terjadi perjuangan

menentang adat Jahiliyah di Minangkabau.<sup>2</sup> Begitu juga ibunya, Tuanku Nan Rancak, meninggal sewaktu umurnya lapan tahun. Setelah beberapa waktu tinggal bersama emak saudaranya, pada tahun 1297, beliau kemudian dihantar ke Mekah untuk mempelajari ilmu agama Islam dan di sinilah beliau tinggal bersama-sama saudara sepupunya Syeikh Ahmad Khatib yang menjadi pemimpin Mazhab Imam Syafie di masjidil Haram.<sup>3</sup> Syeikh Ahmad Khatib<sup>4</sup> adalah seorang guru yang ditauliahkan untuk mengajar masyarakat Jawi di Mekah.

SELAMA dua puluh tahun menuntut ilmu agama di Mekah, Syeikh Tahir Jalaluddin berkesempatan bertugas sebagai seorang Syeikh Haji atau *Pilgrim Broker* dan juga sebagai Mutawif atau *Pilgrim Guide* bagi orang-orang Jawi yang hendak menunaikan ibadat Haji, terutama mereka yang datang dari daerah Medan, Deli, Langkat, Serdang (Sumatera Timur), Batu Bhara, Lesahan, dan Minangkabau.<sup>5</sup> Tatkala menghantar pulang orang-orang Haji itu beliau berkesempatan membawa turun kitab-kitab agama dari Mekah untuk dijual di Pulau Pinang. Pernah dalam tahun-tahun sebelum beliau melanjutkan pelajarannya ke Al-Azhar, beliau telah berkahwin dengan dua orang gadis Minangkabau, bagaimanapun perkahwinan itu singkat usianya.<sup>6</sup> Pada tahun 1893 Syeikh Tahir melanjutkan pelajarannya ke Mesir dalam bidang ilmu falak. Selama empat tahun di Mesir fikirannya mula terbuka untuk memahami konsep Islah Syed Jamaluddin al-Afghani dan Muhammad Abduh.

BELIAU juga sempat bersahabat dengan pengikut Abduh yang terkenal iaitu Muhammad Rashid Ridha, yang menerbitkan majalah *Al-Manar*.<sup>7</sup> Tamat pengajiannya di Al-Azhar, Syed Tahir kembali ke Mekah dan selama dua tahun mengajar guru-guru agama di bandar suci itu tentang ilmu falak.<sup>8</sup> Pada waktu inilah dipercayai beliau mengambil kesempatan mengajar dan menyemai fahaman pemodenan Islam ataupun konsep Islah Islam, kepada penuntut-penuntut Jawi yang datang menadiah kitab di Mekah dan ini dengan sendirinya memberi kesan

kepada perjuangannya untuk menggerakkan Islah Islam di Nusantara, khususnya di Tanah Melayu.<sup>9</sup>

DIKATAKAN bahawa beliau datang ke Tanah Melayu pada tahun 1899.<sup>10</sup> Semasa berada di Tanah Melayu, beliau kerap kali belayar berulang-alik ke Mekah dan Mesir sama ada membawa bakal-bakal haji ataupun untuk menguruskan perniagaannya di Singapura serta juga di Pulau-pulau Riau dan Sumatera Timur.<sup>11</sup> Pada mulanya kedatangan beliau ke Perak untuk menghadiri perbincaraan di Taiping tetapi lepas itu beliau terus menetap dan berkahwin di Kuala Kangsar, Perak pada 28 September 1899.<sup>12</sup> Pada tahun berikutnya kerana kealimannya dan juga disebabkan keahliannya dalam ilmu falak, beliau akhirnya dilantik oleh Sultan Perak untuk menjadi Pemeriksa Kiblat Masjid<sup>13</sup> di negeri itu dan diberi kuasa mengarah Penghulu, Kadi, dan Naib Kadi di Perak supaya menurut aturan Kiblat yang telah ditetapkannya. Di samping itu pula pada tahun 1902 beliau mencuba nasibnya dalam lapangan perniagaan, bersama-sama dua orang teman Haji Abdul Jame dan Haji Yusof bin Syeikh Batu Mandi, beliau mem-buka kedai kain di bandar Taiping. Setahun lepas itu kedai itu terpaksa ditutup kerana rugi dan pecah kongsi.<sup>14</sup> Kealiman Syeikh Tahir dalam ilmu agama menyebabkan Sultan Perak berkenan melantik beliau menjadi Ahli Mesyuarat Orang Besar-besar dan Ulama Perak.<sup>15</sup>

KECENDERUNGANNYA untuk belayar menarik beliau sekali lagi ke Singapura untuk meneruskan pekerjaan lamanya sebagai *Pilgrim Broker*. Semasa di Singapura beliau berkesempatan menghubungi beberapa orang kaya di Kota Singa itu untuk menerbitkan majalah *Al-Imam*. Begitu juga hubungan rapat yang sering dilakukan antara Singapura dan Mesir berke-mungkinan besar memberi peluang kepadanya untuk men-dalami pengetahuan tentang fahaman Islah Abduh serta juga memberi kesempatan kepadanya mengadakan hubungan dengan Rashid Ridha.<sup>16</sup>

PENGALAMANNYA di Johor dikatakan paling lama. Pada tahun 1907 beliau dijemput ke Johor untuk mengajar beberapa orang hakim Johor mengenai perundangan Islam.<sup>17</sup> Di antara hakim-hakim yang mendapat petunjuk termasuk Engku Omar Ahmad; Engku Che Ismail Ahmad, dan Engku Abdul Rahman serta beberapa orang Hakim Johor, beliau dipilih oleh Sultan Perak untuk mengiringi baginda sebagai imam raja.<sup>18</sup> Pada tahun 1914 beliau bertugas semula di Johor sebagai guru agama di Sekolah Uqama Johor Bahru dan menjadi pemeriksa pelajaran Agama untuk daerah Muar dan Batu Pahat.<sup>19</sup> Dalam jangka masa antara 1918–1920 beliau dipanggil oleh temannya Syed Syeikh Al-Hadi untuk menjadi guru di Madrasah al-Masyhur Pulau Pinang bersama-sama seorang tokoh Islah, Syeikh Abdullah Maghribi.<sup>20</sup>

PEMBERHENTIAN Syed Syeikh Al-Hadi sebagai Mudir Madrasah itu membuka hatinya untuk berkhidmat semula di Johor, kali ini ke Muar untuk menjadi guru agama di Sekolah Arab Parit Jamil<sup>21</sup> dan tatkala melawat Sumatera pada bulan Julai 1928 beliau pernah ditangkap dan dipenjarakan oleh Belanda di Bukit Tinggi selama enam bulan kerana disyaki menghasut penduduk daerah itu supaya menentang Belanda.<sup>22</sup> Bagaimanapun enam bulan selepas itu beliau dibebaskan sebab tidak ada bukti beliau terlibat. Pembebasan itu membawa beliau semula ke Johor dan kali ini diberi jawatan sebagai guru ilmu falak di Jabatan Agama Johor.<sup>23</sup> Pada masa inilah beliau telah dihubungi oleh beberapa orang tokoh pendidik Muhammadiyah seperti Yunus Abdul Hamid supaya beliau datang ke Medan dan memberikan pandangannya mengenai Sekolah Muhammadiyah di negeri itu.<sup>24</sup> Di samping itu beliau juga pernah memegang jawatan pengarang akhbar *Saudara* sehingga 1934 selepas kematian teman karibnya Syed Syeikh Al-Hadi.<sup>25</sup>

SEPANJANG hidupnya Syeikh Tahir telah mengabdikan dirinya untuk menyebarkan cita-cita Islah Islam di kalangan umat Islam, bukan sahaja di Tanah Melayu, malah juga di Nusantara.

Kepercayaannya kepada kemurnian cita-cita Islah yang didukung oleh al-Afghani, Abduh, dan Ridha di Mesir, mengilhamkan beliau untuk menerbitkan *Al-Imam*. Kemunduran masyarakat Islam yang dilihat rata-rata di Nusantara meyakinkan beliau bahawa jalan penyelesaian untuk mengatasi masalah itu ialah dengan cara mengemukakan pandangan Islah terhadap agama Islam yang dirasakan menjadi punca segala kekeliruan dan kelemahan itu.<sup>26</sup> Beliau merasa bahawa umat Islam di rantau ini memerlukan pimpinan sebagaimana juga dengan saudara Islam mereka di Asia Barat. Dengan cara ini, beliau yakin kelemahan dan kemunduran itu dapat diatasi. Begitu juga dalam segala aspek tindak-tanduk, beliau senantiasa membuka fikirannya untuk menerima dan menganalisis masalah yang dihadapi oleh masyarakat Islam dengan cara rasional berdasarkan lunas-lunas ajaran Islam yang murni.<sup>27</sup> Sebaliknya pula Syeikh Tahir juga tidak takut-takut mempertahankan Islam dari dipengaruhi dan diracuni oleh pandangan-pandangan agama yang dikatakan bertentangan dengan ajaran al-Quran dan Hadith serta juga pandangan-pandangan agama yang menyeleweng dari amalan ahli sunnah waljamaah.<sup>28</sup>

UMUMNYA dapat dikatakan bahawa sebahagian besar daripada konsep Islah yang dikemukakan kepada masyarakat, tersiar melalui majalah dan akhbar Islah yang terbit waktu itu. Salah satu dari yang penting ialah majalah *Al-Imam*, bila mana beliau sendiri pernah menjadi pengarangnya.<sup>29</sup> Di dalam sebuah rencana yang diterbitkan oleh majalah itu beliau cuba menganalisis faktor-faktor yang menyebabkan kelemahan masyarakat Islam. Beliau melihat bahawa salah satu faktor penting menjadi punca kejatuhan umat Islam di sebelah Timur ini ialah kerana mereka tidak mematuhi ajaran Islam sebenarnya.<sup>30</sup> Sebilangan besar umat Islam dilihatnya mengamalkan perkara yang terang-terang ditegah oleh Islam di samping memperkecil-kecilkan perkara yang disuruh oleh agama. Dilihat juga bahawa kelemahan itu berpunca dari penyalahgunaan konsep “kada dan kadar”,<sup>31</sup> terutama mereka yang menggelar

diri guru agama. Penyalahafsiran inilah juga dianggap sebagai punca yang menjumudkan keinginan individu Islam itu untuk menjalankan aktiviti memperbaiki hidupnya.

Di dalam rencana mengenai kada dan kadar yang diketengahkan itu beliau menerangkan bahawa kejayaan manusia di dalam dunia sebenarnya berpunca dari usaha dan ikhtiarnya dan tidak ada kaitan sama sekali dengan faktor kada dan kadar.<sup>32</sup> Sikap seorang Islam yang baik itu, yang kerap ditekankannya ialah tidak menyerah secara pasif kepada apa yang datang dan beranggapan apa yang terjadi kepada mereka itu sebenarnya kudrat kuasa Tuhan semata-mata. Malah ditegaskan seorang itu hendaklah senantiasa menjalankan kegiatan sebagaimana yang dikehendaki oleh Tuhan.<sup>33</sup> Manusia sebenarnya bertanggungjawab kepada segala perbuatannya dan juga kepada segala perkara yang memberi kepentingan kepada masyarakat. Jika kegagalan yang dihadapi maka itu adalah kesalahan dirinya sendiri yang tidak boleh dielak. Untuk menguatkan hujahnya, beliau memetik ayat dari al-Quran yang bererti Tuhan tidak mengubah nasib manusia tetapi manusia sendiri yang mengubahnya.<sup>34</sup>

SETERUSNYA dijelaskan, Islam tidak mengajar bahawa semua perkara yang berlaku kepada manusia adalah perintah mutlak daripada Tuhan. Ditekankan seseorang Islam itu seharusnya dapat menentukan dan membezakan di antara kepercayaan kepada paksaan (Jabr) dengan kepercayaan kepada konsep kada. Di antara dua konsep itu beliau menerangkan bahawa kepercayaan kepada kada dan kadar itu sebenarnya tulen.<sup>35</sup> Dengan kada dan kadar diertikan bahawa segala perkara yang berlaku dalam dunia ini sebenarnya berlaku atas faktor sebab dan akibat dan Tuhan dalam proses ini cuma menjadi tenaga penggerakannya sahaja. Keputusan manusia sebenarnya penting dalam hal ini. Sebagai individu, manusia bebas melakukan sesuatu dan Tuhan memberikan mereka pemikiran serta rasul untuk memimpin dan memberi petunjuk, bagaimana sesuatu itu patut dilaksanakan. Kepercayaan kepada kada dan kadar

ini sebenarnya adalah satu hakikat kepercayaan bahawa sekiranya manusia bertindak dengan cara yang benar dan betul maka Tuhan senantiasa bersamanya. Dalam hal ini manusia seharusnya jangan bersikap pasif malah sebaliknya kepercayaan itu seharusnya menggerakkan manusia untuk menjalankan kegiatan yang boleh memajukan hidup mereka.

SELAIN daripada *Al-Imam* terdapat beberapa buah akhbar dan majalah lagi yang banyak menyiarkan rencana Islahnya. Antaranya ialah *Al-Ikhwan*, *Semangat Islam*, *Saudara*, dan sedikit dalam *Bumiputera*, kesemuanya diterbitkan di Pulau Pinang. Manakala di Kelantan pula sebilangan besar rencananya turut tersiar di dalam majalah *Pengasuh*. Hubungan persahabatan mesra yang terjalin antara Syeikh Tahir dengan Pengarang *Pengasuh* iaitu Haji Muhammad Said, memungkinkan penerbitan rencananya di dalam majalah itu. Malah boleh dikatakan Haji Muhammad Said kerap berhubung dengan Syeikh Tahir untuk mendapatkan pandangan beliau jika terdapat beberapa masalah agama yang dihadapinya.<sup>36</sup>

KETEGASAN Syeikh Tahir dalam mengemukakan cita-cita Islahnya tidak terhenti setakat itu malah selepas *Al-Imam* diberhentikan penerbitannya beliau menulis pula di dalam *Al-Ikhwan* sebuah lagi majalah Islah yang diterbitkan oleh Syed Syeikh Al-Hadi di Pulau Pinang pada tahun 1926.<sup>37</sup> Rencananya yang bertajuk “Membetulkan Perjalanan U gama atau Peraturan Perjalanan kaum Islam”, disiarkan secara bersiri di dalam *Al-Ikhwan*. Keradikalan dan keberanian beliau sebagaimana yang dimanifestasikan di dalam rencana itu akhirnya menimbulkan suasana pertentangan di antara beliau dengan beberapa orang ulama yang bertugas di Institusi pentadbiran agama yang terdapat di Tanah Melayu waktu itu.

SELAIN memperkatakan soal agama di dalam tulisannya Syeikh Tahir juga turut memperkatakan tentang soal pendidikan atau pelajaran untuk orang-orang Melayu. Beliau



berpendapat bahawa salah satu cara untuk mengatasi kelemahan orang Melayu ialah dengan cara meninggikan lagi mutu ilmu pengetahuan mereka. Pandangan beliau mengenai peri pentingnya pendidikan disuarakan di dalam satu rencana yang ditulisnya dalam akhbar *Saudara* (21 Mac 1934), beliau mengatakan:

. . . bahawasanya hidup sesuatu umat yang sunyi daripada pelajaran adalah ia seperti keadaan gambar yang bergerak yang ditunjukkan dalam wayang gambar, ditengok akan dia berjalan pergi mari mundur mara, berkerut kening masam muka, menangis meratap senyum gelak-gelak suka ria tetapi gambar itu tiadalah ia kenal keadaan dirinya ada. Apatah lagi akan gerak gerinya diam tetapnya maka yang demikian ialah perumpamaan hidup sesuatu bangsa atau umat yang tiada baginya pelajaran sama sekali. . . .

Dalam konteks ilmu pengetahuan inipun beliau menegaskan bahawa pelajaran yang dimaksudkan:

Bukanlah kita jumlahkan daripada pelajaran-pelajaran yang dikatakan (menuntut ilmu Allah) sebagaimana di pondok-pondok dan surau atau di serambi-serambi mesjid itu tapi yang kita maksudkan iaitu pelajaran-pelajaran yang sebenar-sebenarnya Islam menuntut dan memahami hukum-hakam dan pengetahuan-pengetahuan adab dan ketukangan, kepandaian di dalam perusahaan perniagaan dan pergaulan hidup serta ubat-ubatan jua sebagaimana yang dapat dikenali daripada tawarikh-tawarikh dan kitab-kitab pengetahuan Islam ini semenjak kezhahirannya di dalam pimpinan yang dibenarkan dan disukai oleh tuntutan agama yang sebetul-sebetulnya dahulu dan sekarang.

PANDANGAN Syeikh Tahir tentang pendidikan ini, amat jauh sekali berbeza dengan pandangan ulama yang menjalankan pentadbiran agama baik di pejabat agama mahupun di Majlis Agama Islam Negeri. Sudut pandangan yang progresif ini membezakan beliau daripada ulama lain dewasa itu.

## *Haji Abbas Bin Mohd. Taha*

PADA bulan Mac 1908 tatkala pengurusan matbaah *Al-Imam* bertukar tangan, Haji Abbas Taha ditugaskan untuk mengendalikan majalah itu sebagai pengarang,<sup>38</sup> malah sebelum pertukaran itu pun beliau pernah bertugas sebagai penolong pengarang, membantu Syeikh Tahir Jalaluddin ketika ulama itu belayar ke luar negara. Dapat dikatakan persahabatannya dengan beberapa orang tokoh Islah di Matbaah itu membuka fikirannya untuk terus berjihad menyebarkan cita-cita Islah di kalangan umat Islam di Tanah Melayu. Penerbitan akhbar *Neracha*<sup>39</sup> pada tahun 1910 dan turuti pula dengan kemunculan majalah *Tunas Melayu*<sup>40</sup> pada tahun 1913 meletakkan beliau sebagai seorang ulama dan tokoh Islah yang berjaya menyambung semangat Islah Islam yang diasaskan oleh *Al-Imam*.

TIDAK banyak yang ditemui berkenaan latar belakang hidupnya. Beliau dikatakan lahir di Tanjung Pagar, Singapura pada tahun 1885 dan sejak kecil lagi dihantar oleh ayahnya menuntut ilmu agama di Mekah al-Mukarramah sehingga tahun 1905 apabila beliau kembali semula ke Singapura.<sup>41</sup> Sebelum bertugas sebagai pengarang *Al-Imam* beliau pernah bekerja sebagai guru agama. Selain dari itu beliau juga turut menyandang jawatan Imam Masjid, Tanjung Pagar.<sup>42</sup> Keaktifannya menyuarakan konsep Islah Islam ini menarik perhatian masyarakat Islam ketika itu sehingga apabila *Al-Imam* memberhentikan penerbitannya beliau dilantik menjadi Kadi bagi kawasan Tanjung Pagar, Singapura.<sup>43</sup>

KEMUNCULAN akhbar *Neracha* mendapat sambutan masyarakat Islam bukan sahaja di Singapura malah akhbar itu turut dibaca pembaca-pembaca di Negeri-negeri Melayu serta juga oleh umat Islam di Mekah.<sup>44</sup> Begitu juga halnya dengan *Tunas Melayu*, penerbitannya disambut oleh masyarakat Melayu sebagai majalah yang pertama sekali memuatkan blok gambar untuk hiasan halamannya. Dipercayai melalui kedua-dua pe-

nerbitan ini, beliau berjaya memperhebatkan pelaksanaan cita-cita Islahnya. Mengenai kecenderungan Haji Abbas Taha, seorang penulis mengatakan:

Like Syed Syeikh, he a stouchn advocate of modernism in Islam. He was a prolific writer. In his editorials, Tuan Haji Abbas frequently emphasised that Islam was a dynamic religion and was not opposed to progress. He urged the necessity of reform and the adjustment of the Malays to modern needs. . . . To Tuan Haji Abbas the salvation of the Malays lay in Islam. He attributed their backwardness to the fact that they had been neglecting the teaching of their religion.<sup>45</sup>

KESEDARANNYA kepada kedudukan pelajaran anak-anak Melayu yang begitu jauh ketinggalan ke belakang mendorong beliau untuk menulis sebuah buku bertajuk *Kitab Sempurnaan Pelajaran*, terbit pada tahun 1906 oleh Matbaah *Al-Imam*.<sup>46</sup> Dibanding dengan Syeikh Tahir, beliau tidak banyak menghasilkan karya-karya yang bercorak agama, bagaimanapun, pandangan Islahnya senantiasia dikemukakan melalui akhbar dan majalah yang banyak terdapat waktu itu.<sup>47</sup> Kekeliruan yang selalu timbul di kalangan pemimpin-pemimpin Islam, terutama mengenai sesuatu fatwa mengilhamkan beliau untuk mencadangkan penubuhan sebuah Persekutuan ulama Kaum Semenanjung pada tahun 1936.<sup>48</sup> Penubuhan Persekutuan itu dirasakan boleh menolong mengatasi masalah agama umat Islam istimewa mengenai perkara-perkara yang sering diperselisihkan oleh ulama yang digelar pada masa itu sebagai Kaum Muda dan Kaum Tua. Bagaimanapun rancangan itu terpaksa diabaikan setelah timbul tentangan dari golongan yang tidak bersetuju dengan rancangan tersebut.<sup>49</sup> Pada tahun 1937 sewaktu memegang jawatan kuasa Kadi Besar, Singapura, beliau telah diminta oleh ulama Haji Wan Musa, bekas mufti Kelantan, supaya datang ke Kota Bharu untuk turut serta dalam perbahasan mengenai masalah Jilatan Anjing yang akan diadakan di bandar itu. Kesanggupan Haji Abbas Taha untuk

mempertahankan konsep Talfiq di dalam bertaklid yang dikemukakan oleh Hj. Wan Musa itu meyakinkan kita tentang kepercayaannya terhadap konsep keislaman agama. Hasil daripada perdebatan yang diadakan di Kota Bharu beliau bersama-sama Haji Wan Musa telah menerbitkan sebuah risalah bertajuk, *Risalah Penting pada Masalah Jilatan Anjing di atas Empat Mazhab*, diterbitkan di Singapura pada tahun 1937.<sup>50</sup> Sebahagian besar daripada isi buku itu menyentuh pendapat-pendapat yang dikemukakan oleh ulama-ulama daripada empat Mazhab.

UMUMNYA dapat dikatakan, sebagai seorang ulama Islah Haji Abbas Taha telah membuktikan keberaniannya melawan apa saja gejala yang dilihatnya sebagai menyalahi ajaran al-Quran dan Hadis. Malah rencana-rencana yang ditulisnya di dalam *Neracha* membuktikan betapa beliau tidak sanggup bertolak ansur dengan perkara-perkara yang boleh menjatuhkan keutuhan agama Islam.

## *Syed Syeikh Al-Hadi*

MEMANG sudah ada beberapa penulisan mengenai tokoh ini.<sup>51</sup> Kepentingannya dalam konteks ini terletak kepada fungsi yang dipegangnya untuk menyebarkan dan mempergiatkan cita-cita Islah Islam. Di samping Syeikh Tahir Jalaluddin beliau boleh dikatakan tokoh Islah yang paling vokal menyuarakan kritiknya bukan saja kepada pemimin-pemimpin agama, malah kritiknya turut ditujukan kepada pemimpin masyarakat Melayu yang lalai dan alpa dalam menyempurnakan tugas mereka kepada masyarakat.<sup>52</sup> Lahir di kampung Hulu, Melaka, lebih kurang pada tahun 1862, dari keturunan Arab-Melayu, sejak kecil lagi beliau dihantar ke Sekolah Melayu Negeri-negeri Selat dan kemudian beberapa tahun, dihantar pula belajar ilmu agama di Kuala Terengganu.<sup>53</sup>

KETIKA umurnya meningkat empat belas tahun, Syed Syeikh dibawa oleh ayahnya ke Pulau Penyengat di Riau di sinilah beliau dijadikan anak angkat Raja Ali Kelana iaitu saudara kepada Sultan Riau. Riau yang sejak awal abad ke-19 terkenal sebagai pusat kegiatan agama Islam, memberi peluang kepadanya untuk memperdalam lagi pengetahuan agamanya.<sup>54</sup> Dikatakan melalui seorang ulama, Tuan Haji Hussein beliau berkesempatan mempertajamkan pengetahuan agamanya.<sup>55</sup> Di Riau selain bertugas menjaga rumah wakaf yang diperuntukkan kepada pelawat yang datang ke negeri itu, Syed Syeikh Al-Hadi berkesempatan membuka sebuah Persekutuan Rashidiyah,<sup>56</sup> iaitu sebuah kelab yang menggalakkan minat membaca di kalangan ahlinya. Hubungan rapat dengan keluarga diraja Riau memberi peluang kepadanya melawat Mesir dan Mekah al-Mukarramah.<sup>57</sup> Besar kemungkinan pada waktu itu beliau berkesempatan menemui Syeikh Tahir Jalaluddin yang tatkala itu menjalankan aktiviti sebagai Pilgrim Broker dan Mutawif Haji. Tidak jelas sejauh mana Syed Syeikh berjaya memperdalam konsep Islah yang diperjuangkan oleh Muhammad Abduh ataupun berkesempatan mempelajari cita-cita Islah daripada pemimpin itu, bagaimanapun seorang penulis yang pernah hidup sezaman dengannya dan menjadi teman karib mencatatkan.<sup>58</sup>

Ialah seorang daripada mereka dari Tanah Melayu yang telah dapat bertemu dengan Al-Ustaz al-Hakim al-Syeikh Mohd. Abduh al-Masri, tatkala lawatannya ke sana dan ia seorang daripada yang sangat menghargakan ajaran-ajarannya dan fikiran-fikiran beliau dan guru beliau Syed Jamaluddin al-Afghani yang telah mengubah muka fikiran alam Islam semenjak empat puluh tahun dahulu.

TIDAK dapat dinafikan, di Asia Barat inilah beliau berkesempatan memperdalam pengetahuannya tentang cita-cita Islah itu. Pada tahun 1901 Syed Syeikh ditugaskan oleh Raja Ali Kelana, untuk menguruskan perusahaan kilang batu-bata di Pulau Bantam yang dinamakan Bantam Bricks Works.<sup>59</sup> Tatkala

berkhidmat di Singapura beliau berkesempatan mengemukakan pandangan Islahnya melalui majalah *Al-Imam* majalah Islah yang pertama kali diterbitkan di Pulau itu. Kejatuhan masyarakat Islam yang dilihat sekelilingnya sewaktu berada di Singapura membuka fikirannya untuk menulis agar dengan cara itu masyarakat akan sedar tentang kelemahan-kelemahannya.

WALAUPUN beliau bukan seorang yang berkaliiber alim seperti Syeikh Tahir Jalaluddin tetapi kecekapannya untuk menulis secara berkesan memberi peluang kepadanya untuk memuatkan rencana-rencana Islah di dalam majalah itu. Rencana bersiri yang ditulisnya di dalam *Al-Imam* bertajuk “Pemeliharaan dan Pelajaran”<sup>60</sup> berjaya dicetak semula dan dibukukan. Begitu juga “Tarikh Al-Islam” rencana yang muncul secara bersiri akhirnya diterbitkan semula di dalam majalah *Al-Ikhwān* pada tahun 1926.<sup>61</sup> Selain menerbitkan rencana-rencana agama beliau turut menterjemahkan rencana Muhammad Abduh seperti “Puji Yang Sebenar Makanan Nyawa Manusia” dan Syeikh Muhammad Abduh, “Ral-Syarif Kemuliaan dan Kehormatan”. Kedua-dua rencana turut diulang cetak di dalam *Al-Ikhwān* serta juga dimuatkan di dalam buku yang dieditkan iaitu *Hadiah Kebangsaan*.<sup>62</sup> Besar kemungkinan kecenderungan menterjemah ini juga yang mengilhamkan beliau untuk terus menterjemah siri cerita mata-mata gelap yang digelar *Cerita Rokambul*.<sup>63</sup>

KESEDARAN Islah Syed Syeikh begitu jelas kelihatan dalam rencana yang ditulisnya di dalam *Al-Imam* bertajuk “Menuntut Ketinggian Akan Anak-anak Negeri”.<sup>64</sup> Rencana ini berjaya mencakup faktor-faktor yang menjadi punca kelemahan dan kejatuhan umat Islam. Amalan khurafat umat Islam dan sikap statis pemimpin agama dan sekular waktu itu, dikritiknya sebagai punca menimbulkan keadaan kejatuhan masyarakat Melayu.

KEALPAAN pemimpin masyarakat dalam memberi pimpinan kepada anak negeri, dilihatnya sebagai faktor yang melemahkan keinginan umat Islam untuk bangun dan bertanding dengan

bangsa Cina yang berhijrah di tanah air mereka. Pembesar-pembesar dan raja-raja Melayu dikritik sebagai golongan yang suka kepada keseronokan, menindas orang miskin dengan cara menghabiskan harta benda mereka serta menghabiskan sebilangan besar waktu mereka dengan jalan minum dan berjoget.<sup>65</sup> Di dalam rencana itu beliau seolah-olah mengingatkan umat Islam bencana yang akan dihadapi oleh orang-orang Melayu, sekiranya mereka tidak mengubah sikap malas dan statis mereka itu. Mengenai hal ini dijelaskan:

Patutlah kita sekarang mengambil ibarat dengan barang yang telah jadi atas kaum kita pada masa yang lalu dan pada masa sekarang di dalam negeri kita dan tanahair kita dan watan kita yang dikasihi. Awal dahulu kediaman bangsa Melayu dan Arab di Singapura di dalam masa suku kurun yang lalu sebelah jambatan besi (High Street) dan sebelah Cross Street dan sekelilingnya. Maka apabila naik sahaja sewa rumah kerana menurut kenaikan harga rumah dan tanah, undurlah sekaliannya kesebelah Tanjong Pagar dan Kampung Glam. Maka diturut oleh lumrah negeri kepada kedua tempat itu larilah pula kebanyakan mereka itu ke Gelang dan seumpamanya. Dan jika diturut pula oleh lumrah negeri lagi akhirnya kelak entah terpaksa kita sekalian lari hingga ke Pulau Puah-puah atau tempat segala orang yang bertelanjang. Apa sebabnya kepada kita hal yang demikian itu? Tidak syak lagi daripada sebab malas dan lekas meninggalkan ilmu dan amal serta gemar kita akan tiap-tiap sesuatu itu kulitnya sahaja dan bergantung kita dengan segala angan-angan dan karut-karut dan meninggalkan masuk kepada satu rumah itu daripada pintunya dan meninggalkan menuntut akan tiap-tiap sesuatu itu dengan sebabnya. Sesiapa yang berkehendak akan harta atau sebagainya pergi ke kubur atau pada segala dajal yang buta lagi membisu atau sebagainya daripada pekerjaan yang berlarian dengan suruhan Quran dan Syariat.<sup>66</sup>

RENCANA itu jelas membuktikan ketajaman penulisnya untuk melihat bukan saja masalah yang dihadapi oleh masyarakat, sebaliknya beliau seolah-olah dapat menunjukkan dengan tepat punca yang menyebabkan masalah itu dan juga mencari

penawar kepada menyelesaikan penyakitnya. Pada tahun 1909, disebabkan kesihatannya yang terganggu<sup>67</sup> dan kebetulan pula *Al-Imam* tidak lagi diterbitkan, Syed Syeikh berhijrah ke Johor dan di sini berkhidmat sebagai Peguam Syariah. Beliau menutup pejabatnya pada tahun 1913 setelah diketahui dengan tetap bahawa kerajaan Johor akan menggunakan Undang-undang British bagi menggantikan Undang-undang Islam yang begitu lama digunakan di negeri itu.<sup>68</sup> Dikatakan pada penghujung 1913 beliau kembali ke Melaka dan bersama-sama teman karibnya Haji Abu Bakar mendirikan sebuah sekolah di Banda Kaba, bergelar Madrasah Al-Hadi.<sup>69</sup> Disebabkan fahaman Islahnya, dan juga disebabkan suasana di Melaka yang begitu banyak dipengaruhi oleh ulama-ulama tradisional, beliau akhirnya memilih Pulau Pinang sebagai tapak untuk meneruskan perjuangannya membasmi khurafat dan bidaah dalam Islam. Dedikasinya terhadap ilmu pengetahuan dan pengajaran Islam menarik beliau untuk berkhidmat sebagai Mudir Madrasah al-Masyhur, apabila madrasah itu ditubuhkan pada pertengahan tahun 1914. Semasa menjadi Mudir di madrasah inilah beliau berjaya memanggil ulama-ulama Islah seperti Syeikh Tahir Jalaluddin dan Syeikh Abdullah Maghribi untuk berkhidmat sama. Tidak syak lagi, al-Masyhur dan Pulau Pinang menjadi tempat yang paling selamat dan sesuai bagi beliau mempraktikkan cita-cita Islahnya. Syed Syeikh merasakan bahawa bidang karang-mengarang adalah lebih cocok untuk melahirkan idea-idea progresifnya. Lantaran itu beliau meninggalkan al-Masyhur dan menceburkan diri dalam lapangan penulisan. Dikatakan dalam lapangan inilah beliau lebih berjaya.

SEBAGAI menunaikan cita-citanya untuk meneruskan perjuangan *Al-Imam* pada tahun 1926, Syed Syeikh bersama-sama hartawan Haji Abu Bakar, mula menerbitkan majalah *Al-Ikhwān* di Pulau itu.<sup>70</sup> Media pengucapan yang dimiliki Syed Syeikh waktu itu menyebabkan suara dan ajarannya berkembang jauh. Pendukung-pendukung fahaman Islam yang kolot menyerang beliau melalui berbagai-bagai media dan Syed



Syeikh serta kawan-kawannya dengan berani menghadapi krisis itu. *Al-Ikhwan* dianggap oleh segolongan ulama di Tanah Melayu sebagai majalah yang membawa aliran baru dalam Islam. Bagi Syed Syeikh beliau harus berani menerima risiko dari tindakan dan fikirannya yang bebas itu. Keadaan ini dijelaskan dalam rencana pendek berjudul “Kebebasan Perkataan Itu Alamat Kemajuan Kaum”.

Bermula yang dikehendaki dengan kebebasan perkataan itu ialah bahawa berkata-kata seseorang itu apa-apa jua yang diiktikadkannya di dalam hatinya dengan tidak bermuka-muka atau berkulum-kulum. Ertinya tidak ia berkata yang lain daripada apa yang difikirkannya benar.<sup>71</sup>

BERDASARKAN ilmu pengetahuan dan kebebasan berfikir dengan menggunakan intelek, Syed Syeikh meneruskan jihadnya mencipta, menyadur, dan mendidik masyarakatnya melalui majalah *Al-Ikhwan*. Dengan kekuatan penanya, Syed Syeikh menghasilkan bukunya yang pertama, *Al-Tarikh al-Islami* pada tahun 1922. Antara tahun 1925–1926 beliau menerbitkan novel saduran *Hikayat Setia Ashek Kepada Maashoknya* yang lebih dikenali dengan nama *Hikayat Faridah Hanum*.<sup>72</sup> Kelahiran novel itu menjadikan beliau sebagai tokoh Islah yang paling kontroversial sekali. Orang-orang yang mengkritiknya melihat beliau bukan saja sebagai juara Kaum Muda, malah kemunculan hikayatnya seolah-olah menggalakkan pula percintaan bebas antara teruna dan dara.<sup>73</sup> *Faridah Hanum* dikatakan menjadi buku laris waktu itu sehingga dengan keuntungan itu beliau bisa mendirikan percetakannya sendiri digelar The Jelutong Press.<sup>74</sup>

KEJAYAAN Syed Syeikh Al-Hadi mendirikan Jelutong Press membuka peluang padanya melaksanakan cita-cita untuk menerbitkan akhbar *Saudara*. Melalui akhbar inilah beliau berpeluang memberi kesempatan kepada umat Islam mengemukakan pendapat mereka di dalam ruang akhbar.

Dalam konteks Gerakan Islah Islamiah di Tanah Melayu, kemunculan *Saudara* dikatakan mempercepatkan lagi perselisihan di antara dua golongan yang terkenal waktu itu—kaum muda dan kaum tua. Pada tahun-tahun 30-an konotasi kaum muda bertambah hebat diperkatakan di ruang akhbar-akhbar Melayu, *Saudara* yang terkenal dengan aliran Islahnya dicap oleh golongan yang tidak bersetuju dengan keislahannya sebagai akhbar kaum muda.<sup>75</sup>

KEBERANIAN Syed Syeikh mengemukakan pandangan-pandangan Islah, ini menjadikan seorang eksponen intelek Melayu yang sangat penting dalam tahun-tahun 20-an dan awal 30-an. Kekuatan penanya menunjukkan ketokohnya dalam bidang kewartawanan. Malah hingga peringkat ini tentu tidak keterlaluan jika beliau diklasifikasikan sebagai sasterawan-wartawan<sup>76</sup> yang berjiwa Islah. Sebagai seorang tokoh yang lahir dari keluarga kelas menengah dan juga sebagai seorang Syed yang begitu dihormati oleh masyarakat Melayu waktu itu, maka ketokohnya sebagai ulama radikal dapat dipertahankan. Kedua, sebagai seorang yang hidupnya tidak bergantung kepada kerajaan, beliau bebas mengeluarkan pendapat-pendapatnya. Seperkara lagi yang memberi banyak kemudahan kepada Syed Syeikh ialah kedudukannya sebagai rakyat Negeri Selat iaitu undang-undang dan peraturan tidak tertakluk di bawah perintah Sultan. Dengan demikian kecaman pedas yang dilemparkan terhadap alim ulama kolot serta semangat keislahan yang menjalar dalam *Al-Ikhwan*, *Saudara*, dan buku-bukunya, bisa diterbitkan tanpa tekanan dari kerajaan Negeri Selat.<sup>77</sup> Besar kemungkinan kerajaan Inggeris menganggap bahawa polemik antara kaum muda dan kaum tua merupakan perselisihan faham di kalangan orang-orang Melayu tentang pengajaran agama Islam.

SYED Syeikh meninggal di Pulau Pinang pada malam 20 Februari 1934. Tatkala memperingati kematiannya, seorang penulis menyatakan:

Syed Syeikh . . . seorang sahabat yang dikasihi yang apabila seseorang kita duduk bercakap-cakap dengan dia tidaklah terasa lagi perbezaan di antara tua dan muda. Hanyalah pahlawan yang berani dan perkasa yang telah membantingkan tulangnya dan segala kekuatan tenaganya pada hari-hari yang akhir daripada umurnya ini bagi memperkatakan hak ugama Islam sejati dan menyedarkan orang-orang Melayu daripada kejahilan dan kekolotan. Hanyalah sorang yang sungguhpun ianya bukan jadi Melayu tetapi telah menjadikan dirinya dan hatinya dan segala tujuan-tujuan hidup Melayu seMelayu-Melayunya . . . ia seorang daripada mereka yang tiada ramai di negeri ini yang senantiasa terbakar hatinya oleh hiba dan insaf melihatkan kejatuhan orang-orang Melayu pada segala pihak medan kemajuan—dunia dan akhirat.<sup>78</sup>

PENJELASAN di atas mengenai ketokohan tiga pelopor gerakan Islah Islam sebelum perang membuktikan bahawa wawasan Islah yang terpancar dari buah fikiran mereka telah berjaya menimbulkan kesedaran di kalangan umat Islam khususnya di Tanah Melayu. Kemunculan beberapa buah institusi pendidikan agama di Singapura, Pulau Pinang, dan Perak sebelum dan selepas Perang Dunia Kedua, yang membawa nafas pembaharuan ini dengan sendirinya menunjukkan bahawa kegiatan mereka sudah menampakkan kesan yang positif. Walaupun sebelum perang tidak muncul satu organisasi politik berlandaskan agama tetapi kemunculan beberapa buah organisasi sosial dan syarikat-syarikat kerja sama di kalangan orang Melayu demi untuk meningkatkan kedudukan orang-orang Melayu dalam bidang sosial dan ekonomi dengan sendirinya menunjukkan bahawa telah timbul kesedaran dan keinginan di kalangan mereka untuk mencari jalan bagaimana hendak meninggikan lagi kedudukan masyarakat Melayu yang selama itu begitu jauh ketinggalan ke belakang dibandingkan dengan kemajuan yang telah dicapai oleh bangsa-bangsa lain. Munculnya beberapa orang tokoh Islah yang lain di merata negeri di Tanah Melayu yang turut memperjuangkan konsep Islah Islam selepas ini membuktikan bahawa masyarakat

Melayu sudah mula menerima hakikat bahawa mahu tidak mahu, gerakan Islah Islam yang bertiup waktu itu merupakan satu angin perubahan yang tidak dapat ditahan lagi. Perkembangan selepas perang membawa banyak perubahan dan implikasi yang menakjubkan baik dari sudut sosio-ekonomi dan juga politik.

## Nota

1. Deliar Noer, *The Modernist Muslim Movement in Indonesia 1900–1942* (Singapore: Oxford University Press, 1973), 34. Juga lihat *Al-Imam*, Bil. 5, Jil. 1 (17 November 1906), 160.
2. Hamdan Hassan, *Syeikh Tahir Jalaluddin Pelopor Pemikiran Islam di Malaysia* (Dewan Bahasa, Jil. XVII, Bil. 9, September 1973), 405–419; Deliar Noer, *Modernist*, 33; dan Hamka, *Ajahku* (Jakarta, Djajamurni, 1967), 232.
3. Hamdan, *Syeikh Tahir*, 408. Juga *Syeikh Tahir Papers (SP10) 1900–1958* (STP). Dikatakan beliau menuntut di Mekah selama tiga belas tahun. Di antara mata pelajaran yang dipelajarinya ialah Nahu, Bayan, Maani (ilmu syair), Mantik, Tauhid, Fiqh, Usul Fiqh, Hadith, Hisab, Hisah Hindsah (ilmu kira-kira sukat menyukat), Hai-ah (ilmu bintang), dan ilmu falak (astronomi) [Sebahagian besar bahan mengenai Syeikh Tahir Jalaluddin terkumpul di dalam kumpulan Syeikh Tahir Papers dan disimpan di Arkib Negara Malaysia. Kebanyakan terdiri dari catatan harian yang ditulisnya sendiri, buku-buku, potongan akhbar, surat menyurat, gambar kitab, dan sebagainya. Selanjutnya akan digunakan singkatan (STP)].
4. Untuk keterangan lanjut mengenai Syeikh Ahmad Khatib, lihat Deliar Noer, *Modernist*, 31–33.
5. STP “Catatan Latar Belakang dan Riwayat Hidup,” n.d.
6. Ibid.
7. Lihat C. C. Adams, *Islam and Modernism*, 180.
8. STP. “Catatan Riwayat Hidup”, di dalam catatan mengenai riwayat dan pengalamannya beliau menyatakan tiga orang penuntut iaitu Syeikh Khalifah Ahmad an Nibhani, Syeikh Muhammad Djamil Djambi, dan Haji Saad bin Fakih Abdu Daim dari Permatang Pauh, Seberang Prai, Pulau Pinang (meninggal di Mekah) pernah berguru dengannya.
9. Roff., *Origins*, 60–61.
10. STP, “Catatan Riwayat Hidup.”
11. Ibid.
12. Ibid. Di Kuala Kangsar beliau berkahwin dengan Aisah bt Hj. Mustafa bin Datuk Menteri. Dicatatkan bahawa perkahwinan

itu turut dihadiri oleh Tuan Syeikh Muhammad al-Hiyat dan Haji Kuzin Kelantan.

13. Lihat Surat Perlantikan, Sultan Perak (Sir Sultan Idris Murshidil Aazam Shah K.C.M.G.) kepada Syeikh Tahir Jalaluddin, 3 Oktober 1900, STP. Di dalam surat kuasa yang diberikan kepada Syeikh Tahir, baginda menerangkan Syeikh Tahir sebagai seorang, "Who is learned religious man in every knowledge and Qiblah, and we trust and empower him to go about and examine all mosque and other places of Islamic worship in Perak and correct the Qiblah, wherever it is incorrect."

14. STP.

15. Lihat Surat Duli Yang Maha Mulis Sultan Perak kepada Syeikh Tahir Jalaluddin, Bil. (5) dlm. "Sultan Perak 30/04, 10 Ogos 1904". Beliau juga mencatatkan bahawa persidangan pertama orang-orang Besar dan Ulama Perak diadakan pada Sabtu 12 Ogos 1904, di Istana Iskandariah. Sekali lagi pada tahun 1943, beliau dilantik oleh Sultan Abdul Aziz, Perak untuk menganggotai Jawatankuasa Majlis Orang Besar-besar dan alim ulama Perak, STP.

16. Lihat *Al-Imam*, Bil. 9 Jil. 2, (5 Mac, 1908), 291–293. Beliau dilaporkan oleh majalah itu telah belayar ke Mesir untuk menguruskan perniagaannya.

17. STP. "Diary 1909." Tugas itu dikatakan bermula pada hari Ahmad 11 Julai, 1907 dengan bayaran gaji sebanyak seratus ringgit sebulan. Bagaimanapun tugas penting ini tidak lama dipegangnya kerana pada 3 Julai 1912 beliau menulis surat kepada Engku Abdul Khalid, Engku Omar Ahmad dan Engku Che Ismail, menyatakan niatnya untuk berhenti pada awal Ogos 1912.

18. Roff., *Origins.*, 61–62. Beliau dijemput oleh Sultan Idris Perak ke London untuk menghadiri istiadat kemahkotaan Duli Yang Besar King George, tanggal 22 Jun 1911.

19. Lihat STP, "Catatan."

20. Ahmad Nawawi b. Muhamad Ali, "Al-Sh. Muhammad Tahir Jalaluddin"; *ATTAKWA*, Bil. 10, (Oktober, 1947) Taiping, Al-Ziniyah.

21. STP. "Dairy 1914". Pelantikannya sebagai guru agama dilaporkan bermula pada 25 Jun, 1914.

22. Lihat risalah yang bertajuk Kiyai Sumatra yang keluar pada hari Sabtu tanggal 7 Julai 1928, No. 152. Tuan Sh. Mohamed Taher

akan ke Digoel?, STP. Beliau dilaporkan ditangkap sesampainya di Fort de Koch. Penangkapan itu dikatakan berdasarkan kepada laporan yang menunjukkan ajaran agamanya berhaluan PKI. Risalah itu juga menerangkan penyiasatan dijalankan untuk memastikan sama ada beliau benar-benar terlibat atau tidak.

23. STP, "Catatan".

24. Surat Yunos Abdul Hamid kepada Syeikh Tahir 1 Oktober 1932.

25. Lihat salinan surat Syeikh Tahir Jalaluddin kepada Syed Alwi Al-Hady, pengarang *Saudara*, 1934. Ct. Nik Ahmad Hj. Nik Hassan, "The Malay Press," *JMBRAS* Vol. 36, Pt. 1, No. 201, 51-55.

26. Syeikh Tahir Jalaluddin, "Surat Terbuka Kepada Segala Ulama," *Al-Imam*, Bil. 1, Jil. 1, 23 Julai 1906, dan *Utusan Melayu*, 22 Mei 1941, 5.

27. Dalam sebuah makalah yang ditulis dalam bahasa Arab beliau menegur sikap orang-orang Melayu yang selalu terikut-ikut dengan adat orang Arab. Begitu juga beliau tidak ketinggalan merayu orang Melayu supaya meninggalkan adat-adat yang tidak menguntungkan mereka seperti memandang rendah kepada sesetengah pekerjaan. Lihat Syeikh Tahir Jalaluddin, "Kai Tatagaddama Ummatul-Malayu," bererti Bagaimana caranya orang Melayu hendak maju. Juga lihat sebuah lagi rencananya yang ditulis dalam Bahasa Arab yang turut mengkritik sikap dan kepercayaan orang Melayu yang menganggap hari Rabu akhir Safar itu sebagai hari turun bala, bertajuk, "Rubu ul-Akhiri al-Safar" dalam STP.

28. Lihat karangannya yang menentang mazhab orang-orang Qadiani, Syeikh Tahir Jalaluddin, *Perisai Orang Beriman Pengisi Mazhab Orang Qadiani* (Singapura: Setia Press, 1930). Rencana ini pernah terbit secara bersiri dalam majalah *Semangat Islam* yang terbit di Pulau Pinang. Lihat Syeikh Muhammad Tahir, "Keadaan Melayu Qadiani dan Kenyataan yang benar," *Semangat Islam*, Th. 1, No. 8, (1 Jun 1930), 147-152; Th. 1, No. 9, (1 Julai 1930), 171-176. (passim). Rencana Syeikh Tahir mengenai Qadiani itu mendapat jawapan dari Setiausaha Sulit, Khalifatul Masih Qadian, lihat surat Setiausaha Sulit, "Holines: The Khalifatul Masih Qadian," 3 Disember 1926.

29. *Al-Imam*, Bil. 5, Jil. 1, (17 No. 1906) 150.

30. STP, "Khutbah Jumaat."

31. "Kadza dan Kadar," *Al-Imam*, Bil. 3, Jil. 1, (19 September 1906), 74-76. Rencana ini diterbitkan semula oleh Syed Syeikh Al-Hadi di dalam *Al-Ikhwān*. Lihat "Kadza dan Kadar," *Al-Ikhwān*, Peng. 3, Jil. 1, (16 Nov. 1926), h. 45-47 dan Peng. 4, Jil. 1, (16 Disember 1926), 69-71.

32. Ibid.

33. Ibid.

34. Al-Quran, Suran XIII. 10.

35. "Kadza dan Kadar," *Al-Ikhwān*. Peng. 3, Jil. 1. (16 November 1926), 45-47 dan Peng. 4, Jil. 1, (16 Disember 1926), 69-71.

36. STP. Surat Setiausaha Majlis, Haji Muhammad Said kepada Syeikh Tahir, 4 Februari 1926. Dalam surat itu beliau meminta Syeikh Tahir menulis sebuah rencana bagi menentang pertubuhan Ahmadiyah di Betawi. Sepucuk surat lagi yang ditujukan kepada Syeikh Tahir tanggal 2 Jan 1927 Haji Muhammad Said meminta pandangan beliau mengenai tafsir al-Quran yang dikarang oleh Mohamad Ali, di dalam Bahasa Inggeris. Meneruskan permintaan itu beliau turut memberi pandangannya tentang fahaman agama kebanyakan alim ulama di Kelantan. Beliau mengatakan, "Adapun di Kelantan sebenarnya banyak ada orang-orang yang alim tetapi dikecualikan seorang, nampaknya kesemua mereka itu tidak mahu campur dalam perkara-perkara yang seumpama ini, maktumlah tok-tok alim tua tidak berkenan akan peraturan baharu pada agama bahkan benci nampaknya mereka itu kepada perusahaan orang muda dan tidak alim seperti adinda ini." Lihat surat Haji Muhammad Said kepada Syeikh Tahir Jalaluddin, 2 Januari 1927.

37. Sebagai seorang ulama yang terkenal alimnya beliau banyak menghasilkan buku-buku sama ada yang menyentuh soal agama ataupun ilmu falak. Antara karangannya yang ditulis dalam Bahasa Arab ialah, *Attihafu al-murid fi ahkami al-tajwid* (Muar, Matbaah al-Jamaliyah, 1928) (Buku Tajwid untuk murid darjah satu); *Natijah al-Ummi* (Pendapat kira-kira pada takwin tarikh Hijrah dan Miladi, hala kiblat Mazhab Syafie); *Al-Qiblah* (Taiping: Matba'atul al-Zainniyah, 1951). (Kenyataan segala nas-nas ulama Syafie dalam perkara yang berkenaan dengan menghadap kiblah Syrak, di muka 1 daripada ibu-ibu Kitab Mazhab Shafii); *Tatimmah Irshad al-Haidh, liilmi al-Faraidh* (Singapura: al-Matbaah al-Muhamadiyah, 1952).



(ilmu membahagi pusaka) dan *Tazkiratu Qabla al-Jumaati* (Pulau Pinang: Maktabah Hj. Abdullah Mohd. Nordin Arrawi, 1953) (Kitab yang menyatakan penolakan pendapat atas pendapat-pendapat yang mengatakan sunat sembahyang dua rakaat sebelum sembahyang Jumaat). Karangannya di dalam bahasa Melayu, *Perisai Orang Beriman pengisi Mazhab Orang Qadiani* (Singapura: Setia Press 1930); Ini Huraian Yang membakar Taman Persuratan Haji Bakar, *Pada Menyatakan Hukum Dua Rakaat Kabliyati al-Jumaah* (Kaherah, al-Mutbaah al-Mubawiyah, 1932). *Pati Kiraan Pada Menentukan Waktu Yang Lima dan Hal Kiblat Dengan Logarithma* (Singapura: Al-Ahmadiyah Press, 1938); *Risalah Penebas Bidaah-bidaah di Kepala Batas* (Pulau Pinang: Bersama Press, 1953).

38. *Al-Imam*, Bil. 9, Jil. 1, 16 Mac, 1907, 292 dan Bil. 1, Jil. 2, 12 Julai, 1907, 22.

39. *Neracha* dikatakan terbit dua tahun selepas pemberhentian *Al-Imam*.

40. Lihat *Neracha*, Bil. 65, th. 2, 25 Disember 1912, 1. Majalah ini terbit sebulan sekali dikelolakan oleh sidang pengarang *Neracha*. Lihat, hlm. 147.

41. C. F. Roff., *Origins*, 63 dan Nik Ahmad, *The Malay Press*, 47.

42. *Neracha*, Bil. 51, th. 2 (18 September 1912), 3 dan *Utusan Melayu*, 12 September 1912.

43. Roff., *Origins*, 63-64.

44. Lihat "Kiriman dari Mekah al-Musyarafah," *Neracha*, Bil. 108, th. 3, 22 Oktober 1913, 2.

45. Nik Ahmad, *The Malay Press*, 48.

46. Lihat Haji Abbas Mohd. Taha, *Kitab Sempurna Pelajaran* (Singapura: Matbaah Al-Imam, 1906). Dikatakan buku ini merupakan adaptasi dan terjemahan daripada buku dalam bahasa Arab, dan Syria. C. Roff., *Origins*, 63.

47. Untuk melihat pandangan agama serta kritiknya kepada masyarakat Melayu lihat rencana beliau dalam *Neracha*. "Agama dan Kemajuan," *Neracha*, Bil. 86, th. 3, 21 Mei 1913, 1; Bil. 70, thn. 1, 29 Januari 1913, 1; Seseengah daripada golongan kemajuan, *Neracha*, Bil. 38, thn. 2, 19 Jun 1912, 1; Bil. 39, thn. 2, 26 Jun 1912, 1; "Tingkah Laku Semut," *Neracha*, Bil. 41, thn. 2, 10 Julai,

1912, thn. 1 dan "Rencana Pengarang," *Neracha*, Bil. 43, thn. 2, 24 Julai 1912, 1. Passim.

48. Lihat *Al-Hikmah*, Bil. 92, thn. 3, 18 Jun 1936, 18-19. Mengenai seruan Haji Abbas Taha untuk mengadakan Persekutuan Ulamak Semenanjung, Pengarang majalah *Al-Hikmah*, Kelantan mengatakan, "Seruan hendak mengadakan Persekutuan Ulamak Kaum Semenanjung, ialah sebesar seruan yang amat berguna . . . kita di Semenanjung ini terlalu mustahak memperoleh persekutuan yang boleh memimpin kaum bangsa kita daripada gelap kepada terang dan menolak serbuan dari luar istimewa ketimbulannya itu tersangat kena di dalam hari-hari yang hampirlah kumpulan kita yang sedang leka dengan perjuangan agama dan api godaan Kristian yang mulai nyata bumi Semenanjung ini dan Persekutuan ulamak ini ialah dia yang menanggung hajat yang besar itu." Juga lihat Rencana Pengarang, *Al-Hikmah*, Bil. 95, 3, 9 Julai 1936, 5 dan Haji Abbas Taha, "Majlis Ulamak," *Warta Malaya*, Bil. 226, thn. 7, 26 September 1936.

49. Rancangan Haji Abbas Taha itu ditentang oleh Pengarang *Warta Malaya*, Lihat Rencana Pengarang, *Warta Malaya*, Bil. 226, th. 7, 26 September 1936, 8. Juga lihat akhbar *Majlis*, Bil. 494, thn. 6, 1 Oktober 1936, 10. Polemik mengenai persoalan itu berpanjangan beberapa minggu dalam ruangan pembaca akhbar-akhbar itu. Lihat *Warta Malaya*, Bil. 229, thn. 7, 30 September 1936, 7-8 dan *Majlis*, Bil. 495, thn. 6, 5 Oktober 1936, 5.

50. Mengenai risalah yang ditulis oleh Haji Abbas Taha itu lihat *Risalah Penting pada Masalah Jilatan Anjing Diatas Empat Mazhab* (Singapura: Ahmadiyah, 1937).

51. Lihat Alwi bin Syeikh Al-hady, "Riwayat Hidup Syed Syeikh bin Ahmad bin Hassan Al Hady," dalam *Syed Syeikh al-Hadi 1916* (SP 24.) Arkib Negara Malaysia; S. H. Tan, "The Life and Times of Sayyid Shaikh Al-Hadi," Unpublished B. A. Hons. Excise History Deptment, University of Singapore, 1961; William, R. Roff, *Origins*, 62-63; Yahya Ismail, "Syed Shaikh Ahmad Al-Hadi (Reformis, Ahli Fikir, Novelis Progresif)," *Dewan Sastera*, Jil. 2, Bil. 1, 15 Januari 1972, 3, 49, 53; Li Chuan Siu, *Ikhtisar Sejarah Kesusasteraan Melayu Baru, 1830-1945* (Kuala Lumpur, Pustaka Antara, 1966), 152-160 dan Agus Salim, *Tokoh Yang Kukoh* (Singapura: Pustaka Nasional, 1966), 150-158 dan Zaaba, "Mod-

ern Developments of Malay Literature,” dalam R. O. Winstedt, *JMBRAS*, Vol. XVIII, Pt. II, Januari 1940, 142.

52. Syed Syeikh al-Hady, “Bukan Kejatuhan Kaum Islam kerana Ugamanya,” *Al-Ikhwān*, Peng. 3, Jil. 5, November 1930, 75.

53. Alwi bin Syeikh al Hady, “Riwayat Hidup Syed Syeikh,” 2. Beliau dihantar ke Kuala Terengganu untuk belajar ilmu agama dan Bahasa Arab di salah sebuah sekolah pondok di bandar itu.

54. Pada awal abad kesembilan belas, Pulau Penyengat memang terkenal sebagai pusat dimana banyak berlaku aktiviti pelajaran agama bercorak mistis. Lihat Winstedt, “A History of Malay Literature,” *JMBRAS*, 31 Jun 1958, 126.

55. Alwi, *Riwayat Hidup*, 5.

56. *Ibid.*, 4 dan Roff, *Origins*, 62.

57. Lihat, Syed Alwi bin Syed Sheikh Al-Hady, “Bapa Novel Melayu Syeikh al-Hadi 1916, (SSAH),” Arkib Negara Malaysia. Beliau mengatakan semasa di Pulau Penyengat, dengan titah Yang Dipertuan Besar dan adindanya Raja Ali Kelana, Syed Syeikh telah membawa anak-anak raja Riau berkali-kali pergi ke Mesir dan Mekah kerana melanjutkan persekolahan mereka. Tiap kali beliau melanjutkan persekolahan mereka. Tiap kali beliau terpaksa tinggal bersama-sama anak raja itu hingga beberapa bulan sebelum mereka mesra dengan tempat itu.

58. *Saudara*, Bil. 386, thn. 6, 24 Februari 1934, 4.

59. Beliau dikatakan telah dilantik sebagai pengelola Besar Syarikat itu. Pejabat besar Bantam Bricks Works itu terletak di Jalan Prince Street, Singapura. Lihat Syed Alwi, “Bapa Novel Melayu, (SSAH),” 130, C. F. Roff, *Origins*, 63.

60. Lihat Syed Syeikh al-Hadi, “Pemeliharaan dan Pelajaran,” *Al-Imam* Bil. 3, Jul. 1, 19 September 1906, 48–52 dan Cf. Syed Syeikh al-Hadi, *Pemeliharaan dan Pelajaran* (Singapura: Al-Imam Printing Co. 1908).

61. “Tarikh al-Islam,” *Al-Imam*, Bil. 7, Jil. 2, 5 Januari 1908, 201–205, *passim*.

62. Lihat Syed Syeikh al-Hadi, *Hadih Kebangsaan* (Pulau Pinang: Jelutong Press, 1933), 1–21; 22–47. Di dalam buku ini selain dari karangan yang ditulisnya sendiri serta terjemahan rencana-rencana Muhammad Abduh yang dipetik dari Al-Manar, dimasukkan juga

rencana Zaaba mengenai kemiskinan orang-orang Melayu, yang pernah diterbitkan di dalam *Al-Ikhwan*.

63. Siri cerita detektif ini disiarkan di dalam *Al-Ikhwan* yang diberi nama Cerita Rokambul seperti, "Cerita Rokambul Dalam Jel di Paris"; "Cerita Rokambul Dalam Siberia"; "Cerita Rokambul Dengan Puteri Rusian Yang Ashek"; "Cerita Rokambul Dengan Korban Hindi"; "Cerita Rokambul Dengan Mailinni Kaum Nur"; "Cerita Rokambul Dengan Taman Penglipor Lara", dan "Cerita Rokambul dengan Perbendaharaan Hindi"; Cerita detektif ini diterbitkan di dalam *al-Ikhwan* cuma sebagai hiburan tanpa motif-motif Islah.

64. Lihat rencananya yang bertajuk "Menuntut Ketinggian Bagi Anak-anak Negeri", *Al-Ikhwan*, Bil. 1, Jil. 2, 12 Julai, 1907, 25.

65. Kritiknya terhadap golongan ulama yang telah mempermainkan agama banyak sekali dikemukakan bukan saja di dalam *Al-Ikhwan* dan *Saudara* tetapi juga di dalam sebuah buku yang ditulisnya berjudul *Kitab Ugama Islam dan Akal*. Di dalam buku itu Syed Syeikh dengan beraninya mengkritik para ulama yang menjadikan agama sebagai satu kerjaya untuk mencari nafkah hidup dan kemegahan. Beliau menyatakan, "Guru-guru dengan gelaran alim ulamak yang dipermegahkan oleh mereka itu, pada hal kepandaian mereka itu hanyalah pada menjalankan tipu daya mengumpulkan harta dan kemegahan di hadapan mata orang yang menjadi murid-murid mereka sahaja! Bahkan jahil sama sekali mereka akan hikmat dan tuntutan agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad . . . kerana mereka itu tidak menuntut ilmu yang mereka namakan ilmu ugama Islam ini melainkan hendak menjadikan dia alat perkakas mencari nafkah hidup dan kemegahan mendapat gelaran atau dipanggil alim ulamak sahaja!" Lihat Syed Syeikh Al-Hadi, *Kitab Ugama Islam dan Akal* (Kelantan: Pustaka Dian, 1965).

66. Ibid.

67. Lihat *Utusan Melayu*, Bil. 17, 14 Disember 1907, 1 mengenai rancangan Syed Syeikh untuk berhenti bertugas dari Bantam Bricks Works. Cf. Syed Alwi al-Hadi, "Bapa Novel Melayu, Syed Syeikh al-Hadi," 131.

68. Syed Alwi, "Bapa Novel Melayu," 131.

69. Ibid. Juga Cf. S. H. Tan, *The Life and Times of Sayyid Sheikh Al-Hadi*.

70. *Al-Ikhwān* diterbitkan di Pulau Pinang pada tahun 1926, untuk keterangan selanjutnya mengenai majalah ini lihat hlm. 179 infra. Juga Yahaya Ismail, *Syed Syeikh Al-Hadi*, 49.

71. Syed Syeikh al-Hadi, "Kebebasan Perkataan Itu Alamat Kemajuan Kaum," *Al-Ikhwān*, Peng. 3, Jil. 4, 16 November 1929.

72. Cerita *Hikayat Faridah Hanom* atau *Hikayat Setia Ashek kepada Maashoknya* ini sebelum dibukukan disiarkan secara bersiri di dalam *Al-Ikhwān*. Besar kemungkinan kebagusan ceritanya yang menolong menghidupkan majalah *Al-Ikhwān*. Lihat juga Syed Syeikh al-Hadi *Faridah Hanom* (Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1964).

73. Zaaba di dalam tulisannya berkata bahawa roman tersebut sangat terkenal di kalangan pembaca Melayu hingga ada yang menamakan anak-anak mereka sebagai Hanum dan Hanim untuk mengambil sempena nama dalam roman itu. Lihat Zaaba, *Modern Developments of Malay Literature*, 142.

74. *Ibid.*, Cf. S. H. Tan, *The Life and times of Sayyid Sheikh Al-Hadi*.

75. Sebagai sebuah akhbar yang pandangannya mirip kepada pandangan kaum muda, *Saudara* terlibat secara langsung dalam perdebatan pena yang hangat dengan akhbar kaum tua iaitu *Lidah Benar* yang diterbitkan di Kelang, Selangor. Lihat hlm. 189.

76. Sebagai seorang penulis yang profilik Syed Syeikh banyak menghasilkan karya-karya sama ada bercorak agama mahupun novel. Antaranya ialah *Al-Tarikh al-Islami* (1922), *Hikayat Setia Ashek Kepada Maashoknya* (1925-1926), *Tafsir Juz Amma* (1927), *Taman Cinta Berahi* (1928), *Tafsir Al Fatihah* (1928), *Hikayat Cermin Kehidupan* (1929), *Hikayat Puteri Nur al-Ain* (1929), *Kitab Alam Perempuan* (1930), dan *Kitab Agama Islam dan Akal* (1931)

77. Yahaya Ismail, *Syed Syeikh Al-Hadi*, 49.

78. *Saudara*, Bil. 386, thn. 6, 24 Februari 1934, 4. Kematian beliau disebabkan penyakit otak yang dialami begitu lama. Beliau meninggal tatkala berumur 71 tahun. Juga lihat Rencana Pengarang, *Saudara*, Bil. 381, thn. 6, 7 Februari 1934, 6 dan Bil. 386, thn. 6, 24 Februari 1934, 1.

*Pengaruh  
Indonesia  
Dalam  
Aliran Kiri  
Gerakan  
Kebangsaan  
Melayu*

**7**

---

**AHMAT ADAM**

DALAM karyanya, *Melihat Tanah Air*, Ibrahim Hj. Yaacob, ketika melahirkan rasa prihatinnya terhadap keciciran orang Melayu (yang menurut pandangannya berada dalam keadaan yang cemas lantaran tanah air meskipun ada, serupa tidak keadaannya), menyimpulkan bahawa:

Sebab-sebab yang menjadikan orang-orang saya berkeadaan Tanahair ada serupa tidak ada, ialah kerana kehidupannya terdesak. Mereka yang mendesaknyanya itu ialah: (1) Modal luar, (2) Buruh daripada luar dengan bawaan modal luar, (3) Barang-barang dari luar dengan bawaan modal dan buruh (kaum pekerja) daripada luar, iaitu untuk membuka negeri ini dengan seluas-luasnya dengan tidak menghiraukan hal kehidupan orang-orang saya (Orang Melayu).<sup>1</sup>

IBRAHIM seterusnya berkata:

Orang-orang Melayu menjadi bangsa yang tersingkir di luar bandar tidak ada di daerah perniagaan tanah airnya sendiri. Hal inilah yang menimbulkan kesedihan hati saya melihat tanah air saya dan bangsa saya yang menjadi bangsa yang ditakluk dikuasai oleh orang asing. . . .<sup>2</sup>

KESIMPULAN yang dibuat oleh Ibrahim Yaacob ini menarik, justeru kerana ada persamaannya dengan pandangan seorang pejuang kemerdekaan Indonesia:

Tjlaka soenggoeh tak dapat bangsa Indonesia (baca Malayu) di Semenandjoeng Malaka mempertahankan diri dari kebandjiran bangsa dan Tiongkok jang teroes mengalir kesana. Perniagaan indoestri boleh dikatakan semoeanja ada ditangan asing. Boemipoetera di kota-kota pesisir senantiasa didesak kepinggir kota, dan jang tinggal di darat makin sehari makin dijaoeh menjingkir kepoentjak-peontjak goenoeng. Fabrik<sup>2</sup>, kereta api, kantor<sup>2</sup>, goebnemen dan perniagaan sama sekali ditangan bangsa asing. . . .<sup>3</sup>

PANDANGAN Ibrahim mengenai kemunduran dan tekanan yang dialami oleh orang Melayu itu berdasarkan pemerhatiannya ketika mengelilingi Tanah Melayu yang dimulakannya pada 2 Jun 1940, yang hasilnya dibukukan dalam karya yang tersebut di atas.<sup>4</sup>

Bagi saya, perjalanan Ibrahim mengelilingi Tanah airnya untuk melihat orang-orang Melayu seluruh Semenanjung Tanah Melayu . . . sebagai Yang di Pertua Agung Kesatuan Melayu Muda (K.M.M.) yang ditubuhkan di Kuala Lumpur tahun 1937, . . . (dengan maksud) mengadakan rundingan dengan perkumpulan murid-murid Sekolah Agama, pondok-pondok, Persekutuan Belia-Belia Melayu, yang hendak . . . (di)ajak bersatu padu, supaya dapat mendirikan Melayu Raya. . . .<sup>5</sup> Amatlah menarik kerana dalam sejarah gerakan kebangsaan di Indonesia saya menemukan gejala yang serupa apabila tokoh perintis kebangkitan bangsa

## PENGARUH INDONESIA DALAM ALIRAN KIRI GERAKAN KEBANGSAAN

Jawa, Raden Mas Tirto Adhi Soerjo, melakukan perjalanan mengelilingi tanah Jawa dalam tahun 1906 demi mencari sokongan di kalangan bangsawan priyayi Jawa untuk menubuhkan Sarekat Priyayi. Pertubuhan yang diwujudkan oleh Tirto Adhi Soerjo dalam tahun yang sama itu sebenarnya mendahului penubuhan Budi Utomo yang muncul dalam tahun 1908.

JIKA Tirto Soerjo itu seorang aristokrat Jawa,<sup>6</sup> yang dalam tahun 1909 telah mendirikan Sarekat Dagang Islamiah<sup>7</sup> di Bogor, Ibrahim Yaacob hanyalah seorang Melayu biasa yang dari segi akar sosialnya hanyalah berasal daripada keluarga petani. Dari segi pendidikannya, Ibrahim Yaacob hanya mendapat pendidikan yang sederhana, yakni sekolah aliran Melayu sehingga ke tahap pengajian perguruan selama tiga tahun di Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) di Tanjung Malim. Maktab yang melatih bakal guru yang mengajar di sekolah Melayu.

SEKALIPUN pendidikan yang diterima Ibrahim tidak setinggi Tirto Adhi Soerjo<sup>8</sup> namun Ibrahim berjaya menubuhkan sebuah pertubuhan kebangsaan yang pertama sekali mengungkapkan hasrat menentang penjajah Inggeris dengan dasar politik tidak bekerja sama menuntut Malaya Merdeka.<sup>9</sup> Menurut Ibrahim, dasar tidak bekerja samanya itu diilhamkan oleh gerakan yang didakyahkan oleh Soekarno melalui Partai Nasional Indonesia yang menuntut kemerdekaan Indonesia serta-merta.<sup>10</sup> Bahkan Ibrahim juga mendakwa beliau dan beberapa orang rakannya telah pun menganggotai Partai Nasional Indonesia yang ditubuhkan oleh Soekarno dalam tahun 1927.<sup>11</sup>

PENGAKUAN Ibrahim bahawa peristiwa pemberontakan melawan Belanda di Jawa dan Sumatera tahun 1926<sup>12</sup> menambahkan kesedaran anti-kolonial orang Melayu dan bahawa perasaan kebangsaan cendekiawan Melayu juga dipengaruhi oleh peristiwa Sumpah Pemuda tahun 1928 jelas menampakkan pengaruh Indonesia pada gerakan kebangsaan Melayu sejak akhir tahun 20-an lagi.<sup>13</sup>



BETAPAPUN demikian, oleh kerana pengakuan Ibrahim Yaacob itu hanya diungkapkan dalam tahun 1957, ketika beliau sudah dua belas tahun berada di Jakarta dan justeru itu pandangan kilas baliknya mungkin banyak diwarnai oleh keadaan semasa dan kepentingan peribadi semasanya sebagai warga negara republik Indonesia, dakwaannya itu perlulah disemak, diolah, dan ditimbang lagi.

BAHAWA gerakan kebangsaan Melayu menentang penjajahan telah dipengaruhi oleh peristiwa di Indonesia di samping didorong oleh faktor-faktor dalaman tanah air memang telah banyak diperkatakan dan bahkan diakui oleh ramai orang. Kertas ini pun ingin membicarakan persoalan pengaruh dari Pulau Jawa dan Sumatera yang dewasa ini terangkum dalam negara Republik Indonesia. Tumpuan pembicaraan adalah pada menelusuri unsur keradikalan atau aliran kiri mewarnai gerakan kebangsaan Melayu seperti yang kelihatan dalam Kesatuan Melayu Muda dan Parti Kebangsaan Melayu Malaya. Yang ingin ditanyakan di sini ialah dari manakah unsur kiri itu muncul dan bagaimanakah ia boleh mencirikan gerakan kebangsaan Melayu yang anti-penjajah?

SEPERTI yang dinyatakan oleh Rustam A. Sani, dalam kajiannya mengenai asal-usul gerakan kiri Melayu, pemimpin dan aktivis KMM bukan datang dari satu aliran pendidikan yang tertentu, tetapi sebaliknya terdiri daripada mereka yang berpendidikan Melayu, Inggeris, dan Arab. Tetapi ada sesuatu kesepunyaan yang jelas dari kelompok ini, mereka itu mempunyai akar sosial yang bukan aristokrat atau bangsawan dan tidak membataskan tumpuan kesetiaan mereka pada kesetiaan radisional yakni pada raja atau pada negerinya sahaja seperti yang terdapat pada kelompok elit pemerintah tradisional yang menerajui pertubuhan-pertubuhan yang berasaskan politik kenegerian. Sebaliknya para anggota kelompok elit baru yang muncul daripada lapisan rakyat biasa itu berasa bangga untuk menggolongkan diri dalam kelompok bangsa Melayu yang lebih

luas.<sup>14</sup> Apa yang tidak dijelaskan oleh Rustam ialah mengapa kelompok ini lebih mudah tertarik pada aliran kiri, sedangkan Rustam sendiri merumuskan kesepunyaan ciri-ciri yang ada pada KMM dan Parti Kebangsaan Melayu Malaya iaitu: (1) sikap anti-penjajah yang kuat; (2) sikap pro-Indonesia yang amat ketara; dan (3) kepimpinannya yang bukan dari kalangan aristokrat atau elit bangsawan.<sup>15</sup>

KESIMPULAN yang dibuat oleh Rustam bahawa unsur kiri dalam kedua-dua badan pergerakan tersebut tidak boleh dibuat dari sudut ideologi sosialis seperti yang ditanggap oleh Barat barangkali boleh diterima tetapi, sayangnya, Rustam terhenti di situ dalam perbahasannya tanpa cuba menjernihkan argumennya. Sebaliknya dia mengelak membincangkan asal usul ideologi itu dengan menyatakan bahawa dia hanya membicarakan gejala kiri dan makna kiri yang dimaksudkan.<sup>16</sup> Bahkan dia menolak sama sekali kemungkinan akar umbi orientasi ideologi kiri KMM dan PKMM dapat ditelusuri pada kemasukan orang-orang komunis dari Indonesia yang berhijrah ke Tanah Melayu. Rustam juga meremehkan peranan para lulusan MPSI dalam mengembangkan ideologi KMM. Namun, anggapannya bahawa KMM dan PKMM, masih terikat dengan nasionalisme penyelamatan Melayu memang ada asasnya. Tetapi dengan hanya mengatakan bahawa kemunculan KMM adalah justeru kerana kelahiran elit Melayu bukan bangsawan tradisional yang merasa dipinggirkan dalam arus politik yang sekian lama dibolot oleh kaum elit politik aristokrat tidak dapat meyakinkan kita faktor luaran yang nampaknya sangat jelas memainkan peranan penubuhan kedua-kedua pertubuhan jika laporan-laporan perisik British diselidiki. Dan di sini ingin ditanyakan: apakah faktor luaran itu?

APAKAH yang tidak ditekankan dalam kajian Rustam ialah bahawa yang konsekwen dalam perjuangan nasionalis aliran kiri Melayu ialah cita-cita menentang penjajah dan merealisasikan pewujudan Melayu Raya. Bagi nasionalis kiri

Melayu itu, Melayu Raya itu adalah sama dengan Indonesia Raya yang diperjuangkan oleh nasionalis Indonesia seperti Muhammad Yamin.<sup>17</sup> Dalam tahun 20-an, ketika konsep negara bangsa Indonesia itu semakin diungkapkan oleh perhimpunan Indonesia, di Netherlands, dan semakin meluas pula penggunaan nama Indonesia itu di Jawa dan pulau-pulau seperti Sumatera dan Sulawesi, dan kalangan tertentu yang telah cuba mempopularkan nama Indonesia Raya. Ungkapan terakhir ini disebar dengan maksud untuk menekankan betapa perlunya para nasionalis mencapai kebulatan membuang dasar kepulauan, kedaerahan, dan kenegerian. Hanyalah dengan cara itu dikira dapat diwujudkan suatu Indonesia Raya yang bersatu.

### *Bilakah Istilah “Indonesia Raya” Digunakan?*

JIKA nama Indonesia dicipta oleh orang Eropah<sup>18</sup> dipopularkan penggunaannya oleh kaum Theosophist dan Indo-Peranakan yang bergiat cergas dalam National Indische Partij (Parti Kebangsaan Hindia) sekitar tahun 1919 melalui surat khabarnya, *Persatoean Hindia*,<sup>19</sup> maka nama Indonesia Raya pula mulai diperkenalkan pada akhir tahun 1925 dan dengan cepat menjadi popular sejak awal tahun 1926 apabila persatuan-persatuan pemuda di Betawi menghebahkan rancangannya untuk mengadakan kongres pertama para pemuda yang dihadiri oleh persatuan-persatuan pemuda dari pelbagai daerah, pulau, dan jajahan. Indonesia Raya diterjemahkan sebagai *Groot Indonesia* (Gerat Indonesia). Bahkan kegigihan para pemimpin persatuan pemuda itu menyebarkan idea Indonesia Raya itu dianggap oleh setengah-setengah pihak sebagai reinkarnasi dari gerakan *Nationaal Indische Partij* yang telah mati.<sup>20</sup>

PADA mulanya memang nama Indonesia Raya itu dipakai dengan maksud menanamkan rasa persatuan atau seperti kata

pengarang Soeling Hindia, makna Indonesia Raya ialah Indonesia menjadi satu.<sup>21</sup> Tetapi bagi para pemikir politik dewasa itu Indonesia Raya membawa erti Indonesia yang merangkumi seluruh wilayah gugusan Kepulauan Melayu termasuk kepulauan Filipina dan Tanah Semenanjung Melayu.

BARANGKALI tiada tokoh yang lebih jelas mengungkapkan pengertian Indonesia Raya itu selain Tan Malaka. Ketika berada di Singapura pada tahun 1926, Tan Malaka telah menerbitkan sebuah risalah yang berjudul *Massa Actie*. Risalah yang membuat analisis mengenai pergerakan kebangsaan di Indonesia dan menghuraikan punca kegagalan parti-parti politik menentang Belanda (termasuk Partai Komunis Indonesia) merumuskan peri mustahilnya Indonesia menyingkirkan kolonialisme dan imperialisme Belanda secara perlementer selagi kaum modal tuan tanah bumiputera dan kaum intelektualnya yang bersuara di parlimen lemah. Melalui risalah ini Tan Malaka menekankan bahawa satu-satunya jalan menuju kemerdekaan itu ialah jalan revolusioner dengan menggembelng seluruh kekuatan rakyat atau *massa actie*. Menurut Tan Malaka, masalah ketiadaan faktor-faktor ekonomi, sosial, dan intelektual yang menggagalkan ini juga dihadapi oleh semua bangsa kulit berwarna yang dikuasai Barat di seluruh benua Timur. Dan jalan mencapai kemerdekaan itu hanyalah melalui revolusi.

DALAM huraianya Tan Malaka juga mengungkapkan betapa perlunya Indonesia tidak membataskan perjuangannya hanya pada menentang imperialisme Belanda sahaja kerana:

Kekoeasaan atas Semenandjoeng Tanah Malajoe dengan poesat armada Singapoera didalam tangan Imperialisme Inggeris, bagi kita (baca Indonesia) sebagai satoe strategisch Umfassung (pengepungan strategik) senantiasa memaksa kita (Indonesia) mendjaoehi medan perdjoengan. Umfassung (pengepungan) ini dilengkapi dengan Australia poetih, anti koelit berwarna disebelah Selatan.

Dalam arti ekonomi, Semenandjoeng bagi kita (Indonesia) sangat penting sebab negeri itoe soedah mendjadi pasar terbesar bagi berbagai-matjam hasil boemi Indonesia; tambahan poela banjak perhoeboegannja dengan seloeroeh doenia. Kedoedoekan kita (Indonesia) diantara Malaya dengan Australia, dan kapital Inggeris yang sangat besar di Indonesia, membesarkan dan mengekalkan perhatian politik imperialisme Inggeris atas sekalian kejadian di Indonesia.

Kita (bangsa Indonesia) tak akan dapat merampas kemerdekaan Indonesia dengan tidak riboet, dan bila riboet soldadoe Inggeris tentoelah akan siap dengan senapanja.<sup>22</sup>

SETERUSNYA, Tan Malaka menyatakan:

... Semenandjoeng dan Philipina dengan tak oesah dibitjarakan doeloe kepoelauan Oceania dan Madagaskar jang djoemlahnja boekkan sedikit adalah sine qua non sjarat oentoek merampas dan mendjaga kebebasan kita.<sup>23</sup>

MENGULAS tentang desakan kehidupan ekonomi, sosial, dan politik dan negeri oleh bangsa Benua Asia terhadap orang Melayu di Semenanjung,<sup>24</sup> Tan Malaka mengalu-alukan kelahiran Kesatuan Melayu<sup>25</sup> yang katanya perlu diberi perhatian. Katanya:

Meskipun masih soeram dalam perkataan dan ragoe-ragoe dalam aksi, satoe badan politik seperti itoe haroeslah dianggap sebagai kedjadian mengoentoengkan dan mesti kita perhatikan dengan perhatian jang sepenoeh-penoehnja. Sekalian daja-oepaja ngembang-ngembangkan (sic) dan mentjiptakan satoe persatoean Indonesia Raya diseleroeh kepoelauan Indonesia, mesti dan perloe ada dan didirikan. Tambahan lagi boleh diharapkan, bahwa besok atau loesa bangsa Indonesia (baca *Melayu*) Semenandjoeng akan berichtiar melahirkan satoe pergerakan, jang maksoednja akan memindahkan bangsa Indonesia Selatan kesana. Dengan djalan seroepa itoe dapatlah dibatasinja proses pendesakan itoe<sup>26</sup> dan ditjiptakannya satoe dasar, tempat Indonesia Merdeka bersandar dan achirnja akan mewoedjoedkan Kemerdekaan Semesta Indonesia.<sup>27</sup>

DALAM khayalan Tan Malaka sebuah persatuan seluruh bangsa Indonesia yang merangkumi Filipina, Semenanjung Tanah Melayu (termasuk Singapura) tidaklah mustahil. Tujuannya mewujudkan Indonesia Raya itu adalah demi kepentingan strategik negaranya apabila merdeka. Tan Malaka menggunakan istilah Indonesia Selatan untuk merujuk kepada wilayah Hindia Timur Belanda, dan Indonesia Utara untuk kepulauan Filipina. Dalam pemikiran Tan Malaka, bagi menyelamatkan orang Melayu di Semenanjung (yang juga dinamakannya Indonesia) orang perantauan dari Jawa, Sumatera, Borneo, dan Sulawesi<sup>28</sup> yang disebutnya bangsa Indonesia Selatan haruslah dipindahkan ke Semenanjung. Saranan itu juga dibuatnya untuk Filipina. Katanya, walaupun bangsa Filipina menentang imigrasi kaoem boeroeh dari benua Timur tetapi mereka setuju dengan imigrasi dari Indonesia Selatan, biarpun besar jumlahnya.<sup>29</sup> Bahkan dia menganjurkan agar semua pihak berusaha dari saat itu untuk merealisasikan penubuhan apa yang disebutnya Federasi Republik Indonesia. Katanya:

F.R.I. didalam arti sebenarnja persatoean dari djoemlah 100,000,000 jang tergentjet lagi mendiami poesat strategi dan perhoeboengan seloeroeh benoea Asia dan Samoedera . . . dan bersamaan dengan itoe pembangoenan keboedajaan baroe, jakni kebangoenan satoe bangsa dari kekoekaan baroe di Timoer . . .<sup>30</sup>

FIKIRAN Tan Malaka mengenai konsep Indonesia Raya dan penggunaan istilah Indonesia sebagai kata generik untuk pada bangsa-bangsa rumpun Melayu amatlah menarik. Sebagai seorang putera Minangkabau, Tan Malaka sendiri adalah seorang Melayu. Berasal daripada Suliki, Sumatera Barat, Tan Malaka yang lahir dalam tahun 1897 dengan Ibrahim dan setelah dewasa memakai nama bergelarnya (seperti kebiasaannya pada orang Minangkabau), iaitu Ibrahim gelar Datuk Tan Malaka, adalah seorang tokoh yang sangat kontroversial. Hamka menyebutnya sebagai seorang pemimpin besar yang setaraf dengan Soekarno dan Hatta dari segi

sumbangannya kepada perjuangan meraih kemerdekaan untuk Indonesia.<sup>31</sup>

PENDIDIKAN awalnya diterima di Bukit Tinggi dan kemudiannya dalam usia mentah 13 tahun dia dihantar ke Belanda untuk melanjutkan pelajarannya sehingga lulus pengajian di maktab perguruan di Belanda. Sekembalinya ke Indonesia dalam bulan November, tahun 1919, Tan Malaka menjadi guru pada anak-anak kuli yang bekerja di ladang tembakau Belanda di Sumatera Timur. Pendedahan kepada idea-idea komunis ketika menuntut di Holland telah menjadikannya seorang yang sangat radikal dan pada tahun 1920 dia terlibat dalam permogokan kaum buruh kereta api di Deli. Mulai tahun itu dia pun menganggotai Partai Komunis Indonesia. Tulisan-tulisannya mendapat tempat di dalam surat khabar komunis, *Het Vrije Woord (Suara Merdeka)* dan *Soeara Ra'jat*.

PADA awal tahun 1921 dia berangkat ke Jawa dan mulai bergiat dalam PKI sebagai penggubal sistem pendidikan ala-komunis dengan mendirikan Sekolah Rakyat. Tidak lama selepas itu dia pun dilantik sebagai Pengerusi Serikat (persatuan), Pegawai Percetakan, dan menerajui beberapa kesatuan sekerja yang lain sehingga akhirnya berjaya merangkul jawatan Pengerusi Partai Komunis Indonesia pada penghujung tahun 1921, bagi menggantikan Semaun yang telah dibuang negeri oleh pemerintah Belanda. Akibat kegiatannya menganjur pemogokan para pekerja pajak gadai dalam bulan Februari 1922, Tan Malaka pun diusir keluar dari Hindia Timur Belanda atas perintah Gabenor Jeneral Belanda. Dan dari ketika itulah, selama 20 tahun, Tan Malaka berkelana sebagai tokoh revolusioner yang memperjuangkan konsep Indonesia Merdekanya dengan wadah fahaman komunisnya yang tidak selalunya disetujui atau disokong oleh para komunis yang lain.

DALAM persidangan Komunis Antarabangsa (Kuomintang) yang ke-4 di Moscow, pada akhir tahun 1922, Tan Malaka

telah menempa nama apabila dia menekankan dalam pidatonya tentang pentingnya komunis menyokong pergerakan nasionalis dan pan-Islam yang pada pandangannya adalah bersifat progresif dan anti-kapitalis. Pada tahun 1923 dia dihantar ke Canton bilamana dia ditugaskan menjalankan kegiatannya sebagai ejen Kuomintang di Asia Tenggara. Pengembaraannya itu yang melalui detik-detik cemas dan gangguan kesihatan akhirnya membawanya ke Filipina, Singapura dan Tanah Melayu dan Thailand, dan secara menyamar beberapa kali memasuki Manila, Singapura, Pulau Pinang, Bangkok, dan Kuala Lumpur dalam tahun antara 1925 dan 1942. Dalam perkelanaannya sebagai Lang-Lang Buana inilah salah satu karyanya yang penting telah dihasilkan dan diterbitkan di Singapura dalam tahun 1926 iaitu *Massa Actie*.

BAHAWA Tan Malaka memang memberikan perhatian kepada persoalan kebangkitan orang Melayu dapat dilihat pada kenyataannya yang diluuhkannya sekali lagi dalam autobiografinya, *Dari Penjara ke Penjara* yang dihasilkannya dalam tahun 1948. Dia merumuskan bahawa ada tiga faktor yang menyebabkan orang Melayu terdesak ke dalam kancah kemiskinan dan kedaifan bangsa, yakni:

1. Pembanjiran kaum Cina dan India ke Malaya.
2. Mudahnya modal asing mendapatkan tanah yang subur untuk pembukaan ladang dan tanah yang mengandungi bijih timah, besi, dan arang batu untuk dijadikan lombong.
3. Wujudnya polis dan pegawai yang rasuah yang ditugaskan untuk melindungi orang Melayu.<sup>32</sup>

TAN Malaka juga melahirkan rasa kesalnya melihat keadaan di Singapura. Katanya, ketika dia singgah di kota itu dalam perjalanan pulangnyanya dari Belanda dalam tahun 1919, dia masih menemui kedai-kedai milik orang Indonesia (Melayu) di High Street. Bahkan terdapat pula beberapa rumah yang besar yang didiami mereka. Di Kampung Gelam, yang juga



dikenali sebagai Kampung Jawa, katanya, boleh dikatakan semua rumah dan kedai di situ adalah milik orang Melayu dan mereka masih lagi menjalankan perniagaan emas, tembaga, dan perak. Mereka juga memiliki kedai tekstil, dan kilang, kedai yang menjual barang perkakas rumah, dan kedai makan (restoran), malahan gedung yang besar juga. Di Kampung Geylang pun penduduknya terdiri daripada bangsa Melayu. Tetapi, menjelang 1927, semua ini telah berubah, kata Tan Malaka. Di High Street tidak kelihatan lagi rumah dan kedai Melayu. Separuh daripada Kampung Gelam telah diisi oleh orang Cina, Hindu, dan Tamil.<sup>33</sup>

KEPRIHATINAN Tan Malaka mengenai nasib orang Melayu itu membuatnya mengungkapkan di dalam biografinya kata-kata berikut:

Pemusnahan orang Melayu Indonesia, atau pun tenggelamnya mereka itu di tengah-tengah bangsa Asia Timur yang masih lagi menganggap negara leluhur mereka sebagai tanah ibunda mereka, adalah persoalan yang akan secara langsung mahupun tidak langsung memberi kesan kepada hidup matinya republik (Indonesia).<sup>34</sup>

KEPRIHATINAN ini diungkapkan lagi oleh Tan Malaka dalam Kongres Persatuan Perjuangan yang diadakan di Madiun pada 17 Mac 1946. Dalam usul yang diluluskan mengenai urusan luar negara, kongres itu antara lain bersetuju bahawa:

Negara Republik Indonesia hendaklah merangkumi Malaya, Borneo Utara, dan pulau Timor dan daerah papua.<sup>35</sup>

BAHKAN Tan Malaka yang menjadi penggerak kongres itu berpendirian bahawa ikatan antara rakyat Indonesia (baca rumpun Melayu) di Indonesia dan Malaya adalah suatu perkara yang penting.<sup>36</sup>

MELIHAT tulisan-tulisan Tan Malaka yang menyentuh masalah orang Melayu, penulis merasa amat berat sekali untuk bersetuju

dengan pendapat penulis dan pengkaji sejarah gerakan kebangsaan kiri Melayu yang menolak faktor pengaruh gerakan kiri Indonesia dalam gerakan kiri yang dirintis oleh Kesatuan Melayu Muda dan yang kemudiannya dilanjutkan oleh Partai Kebangsaan Melayu Malaya.

PENGAKUAN Tan Malaka bahawa dia pernah menghubungi seorang pemimpin pergerakan di Semenanjung (yang nama dan tempat kediamannya dirahsiakan oleh Tan Malaka demi mengelakkan hiduan Cawangan Khas British), kira-kira dalam tahun 1937 menunjukkan percubaan untuk mempengaruhi orang Melayu memang ada di kalangan orang-orang komunis, terutama selepas peristiwa pemberontakan komunis 1927 yang berlaku di Silungkang, Sumatera Barat.<sup>37</sup>

PEMBERONTAKAN 1926/27 anjuran Partai Komunis Indonesia itu, anehnya, selain berlaku di Betawi, juga meledak di daerah-daerah yang kuat keislaman penduduknya. Di Jawa, pemberontakan yang meletus pada 12 November 1926 itu mendapat sokongan kuat di Jawa Barat, daerah yang penduduknya terkenal kuat keislamannya. Selain itu, kawasan-kawasan di pesisir Utara Jawa, yang juga merupakan daerah Islam, seperti Pekalongan, Tegal, Ceribon, dan kawasan Surakarta di Jawa Tengah juga menyaksikan pemberontakan. Di antara tempat-tempat ini di Bantenlah, iaitu di Jawa Barat, pemberontakan itu mengambil bentuk yang paling ganas dan berlandaskan agama. Para pemberontak melihatnya sebagai perang sabillillah.<sup>38</sup>

PEMBERONTAKAN hanya merebak di Sumatera pada awal Januari 1927. Kawasan yang terlibat ialah daerah Sumatera Barat, khususnya kawasan Padang Panjang, Silungkang, dan Sawah Lunto. Tetapi dalam masa beberapa hari sahaja pemberontakan itu dapat dipatahkan. Penangkapan secara besar-besaran dilakukan terhadap semua anggota Partai Komunis Indonesia dan Sarekat Rakyat, pertubuhan yang

menampung mereka yang belum diterima sepenuhnya sebagai anggota PKI tetapi bukan sahaja orang komunis yang ditangkap; mereka yang dianggap kiri dan aktif dalam kegiatan kesatuan buruh yang anti pemerintah juga ditangkap. Menjelang pertengahan 1928 ribuan telah dibuang ke daerah Boven Digul di Irian Barat. Mana-mana anasir komunis atau nasionalis kiri yang terlepas oleh jaringan polis Belanda telah melarikan diri ke Singapura dan Semenanjung Tanah Melayu.

SINGAPURA sejak awal tahun 20-an memang telah menjadi tempat bertemu orang komunis Indonesia. Biro perisikan British memang telah mengikuti perkembangan gerakan menentang penjajahan di Hindia Timur Belanda dan mengekori pergerakan orang Indonesia, baik komunis mahupun nasionalis, yang bergerak di Singapura dan Semenanjung. Pada awal 1926 perisik British misalnya melaporkan kehadiran Boedisoejtiro<sup>39</sup> (dari Jawa) dan Hamid bergelar Sutan Perpatih,<sup>40</sup> (dari Sumatera Barat), dua orang komunis yang beberapa waktu berada di Pulau Pinang dan Singapura.

BAHAWA orang-orang komunis Indonesia memang ada menghubungi individu Melayu tempatan jelas kelihatan jika kita meneliti laporan perisik British.<sup>41</sup> Tetapi bukan tujuan pokok kertas ini untuk membincangkan khusus tentang kegiatan komunis Melayu/Indonesia di Singapura dan Semenanjung. Sebaliknya persoalan yang ingin dikupas ialah: setakat manakah kegiatan orang-orang kiri dari Indonesia ini telah membentuk pandangan kiri di kalangan nasionalis Melayu yang bergerak di dalam KMM dan PKMM?

SEKITAR tahun 1934 perisik British mengekori kegiatan seorang tokoh komunis Indonesia yang memainkan peranan penting dalam mengilhamkan penubuhan parti politik kiri Melayu yang pertama. Tokoh itu ialah Sutan Jenain. Sutan Jenain yang juga dikenali oleh perisik British dengan nama Ma(t) atau Amat, dikatakan telah berhijrah ke Tanah Melayu

pada tahun 1910. Tetapi tidak berapa lama kemudian dia kembali ke Jawa dan di sana dia bergerak aktif dalam Sarekat (kesatuan) Postal dan Kereta Api di Bandung sehinggalah kesatuan itu diharamkan pada tahun 1924. Antara tahun 1926 dan 1928 Sutan Jenain datang semula ke Tanah Melayu selepas berlakunya pemberontakan PKI dan kali ini dia datang sebagai pelarian. Menurut laporan Inggeris pada tahun 1948 Sutan Jenain adalah anggota Jawatankuasa Pusat Parti Komunis Malaya dan pernah menganggotai Liga Pembebasan Bangsa Melayu iaitu sebuah organisasi yang berada di bawah pengaruh Parti Komunis Malaya yang bertujuan untuk mendakyahkan fahaman komunis di kalangan orang Melayu dan India. Sutan Jenain juga dipertanggungjawabkan tugas menubuhkan barisan Tani.

WALAUPUN surat pembuangan negeri pernah dikeluarkan kepada Sutan Jenain dalam tahun 1936, dia berjaya mengelakkan dirinya daripada diusir. Menjelang pertengahan tahun 1937, dia muncul dalam perjumpaan menubuhkan Kesatuan Melayu Muda di Kuala Lumpur.<sup>42</sup> Mengenai peranannya dalam penubuhan KMM, Mustapha Hussain, bekas Naib Yang Dipertua penubuhan itu menulis: "Perlu juga disebutkan di sini Pak Sutan Jenain yang telah lama menasihati kami menubuhkan satu badan politik Melayu untuk tujuan mencapai kemerdekaan telah turut hadir pada hari penubuhan itu."<sup>43</sup>

KEMUNCULAN Partai Kebangsaan Melayu Malaya pada 17 Oktober 1945 sekali lagi menampilkan peranan seorang penganut fahaman kiri yang juga menganggotai partai Komunis Malaya. Orang itu ialah Mokhtaruddin Laso yang, dengan dibiayai oleh partinya, telah memprakarsai penubuhan PKMM bersama-sama dengan Arshad Ashaari, Ahmad Boestaman, dan Dahari Ali. Mokhtaruddin sendiri telah dipilih sebagai Yang Dipertua ketika diadakan kongres PKMM yang pertama pada 30 November; manakala Dr. Burhanuddin al-Helmy dan Dahari Ali, masing-masing dipilih sebagai Naib Yang Dipertua dan Setiausaha Agung. Seperti KMM, Partai Kebangsaan Melayu

Malaya juga berpendirian anti-kolonialisme dan emperialisme dan bercita-cita untuk memasukkan Malaya ke dalam Indonesia Raya. Seperti Tan Malaka, Mokhtaruddin, yang juga diberi gelar Lang-lang Buana adalah seorang nasionalis Indonesia.

JIKA diteliti kegiatan para anggota komunis dari Indonesia yang bergerak di Singapura dan Semenanjung, amatlah jelas pendirian serampang dua mata mereka itu, iaitu memperjuangkan komunisme dan kemerdekaan Indonesia sambil cuba menyebarkan fahaman kiri mereka di kalangan nasionalis Melayu. Di kalangan mereka yang berketurunan Minangkabau, baik yang berjiwa nasionalis kiri mahupun yang tulen komunis, yang bilangannya jauh lebih besar daripada mereka yang berketurunan Jawa, matlamat perjuangan mereka di Semenanjung dan Singapura adalah juga untuk merealisasikan sebuah Indonesia Raya seperti yang diimpikan oleh Tan Malaka. Justeru itu tidak menghairankan apabila nama-nama Minangkabau seperti Jamaluddin Tamin, Sutan Jenain, Jamil Sutan Mangkuto, Arif Sutan Pamuntjak, Taharuddin Ahmad, Anwar Muiin, dan Khatijah Sidek, yang kesemuanya mempunyai jaringan kerja sama di Singapura dan Pulau Pinang dalam pembelian senjata api untuk dikirimkan ke Indonesia, diekori oleh pegawai perisik British dalam gerak-geri mereka pada tahun sekitar 1947-1948.<sup>44</sup> Sayugia diingat, dalam pergerakan kiri nasionalisme Melayu, para pemimpinnya juga kebanyakannya terdiri daripada mereka yang berketurunan Minangkabau.

OLEH itu jika makna kiri dalam pergerakan kebangsaan Melayu hendak diberikan penjelasan maka ciri yang menonjolkan ke-kirian pendirian para anggota pergerakan itu harus ditekankan:

1. Kegigihan semangat untuk membebaskan tanah air daripada belunggu Inggeris.
2. Lantaran perasaan anti-penjajahan begitu kuat, mereka sanggup melakukan apa sahaja, termasuk bersekongkol dengan anggota Parti Komunis Malaya.

3. Cita-cita mewujudkan persatuan Melayu Raya (yang di pihak Indonesia disebut Indonesia Raya).
4. Memperjuangkan kedaulatan rakyat, yakni mencabar pegangan politik tradisional orang Melayu yang meletakkan kedaulatan raja sebagai sesuatu yang tidak boleh digugat.
5. Mempertahankan simbol bangsa Melayu seperti yang terdapat dalam tuntutan memberikan kedudukan martabat yang tinggi pada bahasa Melayu dan menggunakan nama Melayu untuk rupa bangsa warga negara Malaya merdeka.

KELIMA-LIMA ciri ini, walaupun secara keseluruhannya belum begitu jelas diungkapkan dalam perjuangan Kesatuan Melayu Muda, tetapi telah terangkum dalam garis besar haluan perjuangan Partai Kebangsaan Melayu Malaya. Ciri pertama hingga empat itu jelas membayangkan pengertian kiri yang dihayati oleh semua badan perjuangan kebangsaan Indonesia sejak dilafazkan Sumpah Pemuda pada 28 Oktober 1928 dan kemudian mempengaruhi anggota pergerakan kebangsaan Melayu sebelum berdirinya UMNO. Ciri kedua pula sangat jelas terpancar dalam gerakan Angkatan Pemuda Insaf, Angkatan Wanita Sedar, Pusat Tenaga Rakyat, dan badan-badan radikal yang dipayunginya. Manakala ciri terakhir itu membayangkan *manoeuvre* atau muslihat pemimpin Parti Kebangsaan seperti Dr. Burhanuddin al-Helmy, Ahmad Boestamam, dan Ishak Haji Muhammad dalam menghadapi politik pergerakan kiri kaum bukan Melayu seperti yang diwakili oleh All Malaya Council of Joint Action.

## *Kesimpulan*

SEBAGAI rumusan kertas ini, saya ingin menyimpulkan bahawa pertumbuhan dan perkembangan gerakan kiri orang Melayu di Semenanjung tidaklah boleh dipisahkan daripada jalur pemikiran yang bersifat kiri yang sudah pun mewarnai pergerakan pertubuhan nasionalis yang utama di Indonesia,

seperti Sarekat Rakyat, Sarekat Islam, National Indische Partij, Perhimpunan Indonesia, Partai Nasional Indonesia, Partai Indonesia Raya, dan lain-lainnya sejak bertapaknya fahaman sosialisme di Indonesia selepas tahun 1914.

DALAM konteks perjuangan orang-orang seperti Tan Malaka, Sutan Jenain, dan Mokhtaruddin Laso, fahaman komunisme yang mereka anuti tampaknya berbaur dengan ideologi nasionalisme dan justeru itu timbul pertanyaan: apakah mungkin mereka digolongkan sebagai komunis nasional? Pertanyaan ini timbul apabila kita melihat jolokan yang serupa diberikan kepada Tan Malaka oleh seorang yang telah mengkaji secara mendalam mengenai tokoh ini:

If on the other hand national communist is taken to mean an ideology that embraces both nationalism and communism, and that implies a locally oriented approach without question from above, then one can unquestionably assign Tan Malaka to this category.<sup>45</sup>

## Nota

1. Ibrahim Haji Yaacob, *Melihat Tanah Air* (Kuantan: Percetakan Timur, edisi 1975), 16.

2. *Ibid.*, 30.

3. Lihat Tan Malaka, *Massa Actie* (Djakarta-Raya: Poestaka Moerba), 66. Naskah ini adalah cetak ulang daripada karya yang terbit dalam tahun 1926 di Singapura.

4. Tarikh lawatan Ibrahim itu diperolehi daripada suratnya kepada Mustapha Hussain (setebal 14 halaman), bertarikh 20 Mei 1975. Mengikuti Cheah Boon Kheng, "The Japanese Occupation of Malaka, 1941-45: Ibrahim Yaacob and the Struggle for Indonesia Raya dalam Indonesia," No. 28, Oktober 1979, hlm. 89, edisi pertama *Melihat Tanah Air*, yang menggunakan tulisan Jawi, diterbitkan oleh (Kota Bharu: Al-Asmaliyah Press, 1941).

5. Ibrahim Yaacob, *Melihat Tanah Air*, 13-14.

6. Raden Mas Tirto Adhi Soerjo adalah anggota kerabat Bupati Bojonegoro, iaitu satu daripada keluarga raja-raja Jawa yang terkenal dalam zaman kolonial. Lahir dalam tahun 1878 di Blora, Jawa Timur, Tirto adalah bumiputera yang merintis kegiatan persuratkhabaran Melayu di Jawa. Untuk maklumat lanjut mengenai Tirto, lihat Ahmat Adam, "The Vernacular Press and the Emergence of Modern Indonesian Consciousness" (Ithaca: Southeast Asia Program, Cornell University), (dalam percetakan), terutamanya bab 5. Untuk gambaran watak Tirto yang diromantiskan, lihat karya-karya Pramoedya Ananta Toer yang terkenal, *Bumi Manusia*, *Anak Semua Bangsa*, *Jejak Langkah dan Rumah Kaca*, semuanya diterbitkan oleh Hasta Mitra (Jakarta) dan Wira Karya (Melaka) dalam tahun-tahun 80-an. Lihat juga karya Pramoedya, *Sang Pemula* (Jakarta: Hasta Mitra, 1985).

7. Sarekat Dagang Islamiah yang didirikan oleh Tirto dengan sokongan dan keanggotaan beberapa orang hartawan Arab di Bogor telah dilarang oleh pemerintah Belanda sebaik sahaja ia ditubuhkan, dengan alasan bahawa undang-undang yang menyangkut orang Arab berbeza dengan yang berkaitan dengan bangsa bumiputera Indonesia. Walau bagaimanapun, badan yang bernama Sarekat Dagang



Islam kemudiannya didirikan di Solo dalam tahun 1911 atas inisiatif Haji Samanhudi yang meminta bantuan R. M. Tirto Adhi Soerjo untuk menubuhkannya. Badan inilah yang kemudiannya bertukar nama menjadi Sarekat Islam pada tahun 1912 di bawah pimpinan Oemar Said Tjokroaminoto.

8. Tirto belajar di sekolah Dokter Jawa (School tot Opleiding van Inlandsce Artsen) selama enam tahun tetapi gagal mendapatkan ijazah.

9. Ibrahim Yaacob, *Sekitar Malaya Merdeka* (Jakarta: Kesatuan Malaya Merdeka Bhg. Penerangan, 1957), 25.

10. *Ibid.*, 20.

11. Dakwaan Ibrahim ini amat sukar dipercayai jika diingat bahawa bukan mudah bagi seorang pelajar berusia sekitar 17 tahun yang belajar di sebuah maktab yang disiplinnya sangat ketat berhubung surat dengan ibu pejabat PNI di Jakarta. Sementelahnya pula tidak mudah bagi Ibrahim untuk melakukannya tanpa pengetahuan penguasa maktab dan pegawai Inggeris. Keraguan ini juga diungkapkan oleh Mustapha Hussain, yang menjadi Naib Yang Dipertua KMM. Lihat Mustapha Hussain, "Riwayat Hidup dan Perjuanganku," manuskrip yang tidak diterbitkan, 1976, bab 17.

12. *Ibid.* Agak aneh apabila Ibrahim tidak menjelaskan tentang pemberontak yang dianjurkan oleh Partai Komunis Indonesia dan meletus di Jawa pada akhir 1926 dan di Sumatera Barat pada bulan Januari 1927. Tentang pemberontakan ini lihat Ruth T. McVey, *The Rise of Indonesian Communism* (Ithaca: Cornell University Press, 1965).

13. Lihat teks ceramah Ibrahim Yaacob yang dijadualkan untuk disampaikan (tetapi tidak disampaikan sendiri olehnya) di seminar Sejarah Perintis Kemerdekaan Malaysia di Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, pada 28 Ogos 1973, Passim.

14. Lihat Rustam A. Sani, "The Origin of the Malay Left: An Analysis of the Social Roots," tesis M.A., University of Kent at Canterbury, 66-70.

15. *Ibid.*, 41-42.

16. *Ibid.*, 43.

17. Muhammad Yamin semasa hayatnya yakin bahawa Indonesia Raya yang merangkumi semua pulau dan wilayah, di dalam gugusan Kepulauan Melayu, termasuk Semenanjung Tanah Melayu, akan

menjadi kenyataan. Indonesia Raya tanpa Malaya adalah suatu chajal, kata Yamin dalam tahun 1955. Lihat Muhammad Yamin, *Sumpah Indonesia Raja iaitu Uraian tentang Rumusan dan Wujud Sumpah Pemuda tanggal 28 Oktober 1928 Untuk Membentuk Indonesia Merdeka* (Bukit Tinggi-Djakarta-Medan: N. V. Nusantara, 1955), 32-38.

18. Kata Indonesia mula dipakai dalam pengertian geografi oleh J. R. Logan dalam tahun 1850 dalam pengertian etnologi oleh Adolf Bastiaan dalam tahun 1884.

19. Tentang penggunaan kata Indonesia secara politik, lihat Ahmat Adam, "The Origins of the Name 'Indonesia' and the Idea of Self-Government: Sources from the Indonesia Press," kertas kerja yang dibentangkan pada International Workshop on Historiography and National History, 18-22 September 1994, di Universiti Brunei Darussalam, Brunei.

20. Lihat Keng Po, no. 727, 13 Januari 1926. Menurut akhbar ini juga, Persatuan Jong Java (Jawa Muda), dalam kongresnya pada penghujung tahun 1925 di Bandung telah meluluskan usul memasukkan di dalam perlembagaannya cita-cita untuk menyebarkan perasaan Indonesia Raya di kalangan para anggotanya.

21. Soeling Hindia no. 1, 28 Februari 1926.

22. Tan Malaka, *Massa Actie* (Jakarta: Poestaka Moerba, cetakan 1947), 66.

23. Ibid., 66.

24. Lihat kutipan pada halaman 1 dan 2 di atas.

25. Mungkin kesatuan yang dimaksudkan ialah Kesatuan Melayu Singapura yang ditubuhkan oleh Mohammad Eunus Abdullah, seorang yang berketurunan Minangkabau, pada 14 Mei 1926. Keanggotaan dalam persatuan ini terbatas pada orang dari rumpun melayu yang bertaraf peribumi baik di Semenanjung mahupun di gugusan kepulauan Melayu. Tentang KMS, lihat W. R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism* (Kuala Lumpur dan Singapore: University of Malaya Press, 1967), 190-195.

26. Yakni proses menghalangi pемbanjiran bangsa bukan Melayu yang mendesak orang Melayu terutamanya dari segi ekonomi.

27. Tan Malaka, *Massa Actie*, 67. Garisan bawah dibuat oleh penulis makalah ini untuk maksud penekanan.

28. Ibid.

29. Ibid., 68.

30. Ibid., 68.

31. Lihat pengantar pada risalah berjudul "Islam dalam Madilog," tulisan Tan Malaka mengenai Islam yang dicabut daripada karya besarnya, *Madilog* [akronim untuk *Materialisme, Dialectica dan Logica*] dan diterbitkan semula oleh Toko Buku dan Percetakan Nusantara, Bukit Tinggi, 1948. Di dalam pengantarnya itu, Hamka menyatakan rasa kagumnya terhadap fikiran Tan Malaka yang menyanjungi Nabi Muhammad sebagai nabi yang terbesar antara semua nabi. Kata Hamka, Jang mula-mula sekali menjadi perhatian saja ialah pengakuan terus terang daripada Tan Malaka, bahwa sumber Islam itulah jang terutama hidup dalam hati beliau . . .

32. Lihat Tan Malaka, *From Jail to Jail* (terjemahan bahasa Inggeris dalam tiga jilid oleh Helen Jarvis), vol. 2 (Athens: Ohio University Center for International Studies, 1991), 96.

33. Ibid., 105.

34. Ibid., 107.

35. Lihat nota kaki no. 54 oleh Helen Jarvis dalam *ibid.*, 243.

36. Ibid., 106.

37. Ibid., 107–108.

38. Ruth T. McVey, *The Rise of Indonesian Communism*, 323–246. Untuk pandangan seorang peserta dalam pemberontakan tersebut, lihat, A. Muluk Nasution, *Pemberontak Sarikat Rakyat Silungkang Sumatera Barat 1926–1927* (Jakarta: Mutiara, 1981).

39. Boedisoejtiro pernah memegang jawatan editor surat khabar *Api*, di Semarang. Dia melarikan diri ke Singapura untuk mengelakkan daripada dihukum pemerintah Belanda kerana bersalah melanggar undang-undang percetakan di Hindia Timur Belanda. Lihat CO. 273/534/C 13350, *Malayan Bulletin of Political Intelligence* No. 38, April 1926. Untuk seterusnya hanya singkatan MBPIJ digunakan.

40. Hamid pernah terlibat dengan surat khabar komunis di Padang Panjang, *Djago-Djago*.

41. Dokumen mengenai ini telah pun dihimpun sebagai suatu koleksi Dr. Cheah Boon Kheng (ed.), *From PKI to the Comintern, 1924–1941: the Apprenticeship of the Malayan Communist Party* (Ithaca: Southeast Asia Program, Cornell University, 1992).

42. Menurut Ibrahim Yaacob, para pemuda dari Persatuan Belia Melayu, Kuala Lumpur, telah mengundang Ibrahim dalam bulan Mac 1937 bermesyuarat di Asrama Kampung Bahru, bersama-sama Yusuf Ahmad (adik Zaaba), Hassan Manan, dan A. Karim Rashid. Ibrahim diangkat sebagai Yang Dipertua persatuan itu. Setelah bertambah ahli jawatankuasanya, pertubuhan itu telah mengadakan mesyuarat di Sekolah Melayu Gombak Lane dalam bulan Mei 1937 dan nama Belia Melayu pun diubah menjadi Kesatuan Melayu Muda. Kata Ibrahim lagi Sama Ismail menyetujui nama itu lantaran mencontohi nama pergerakan Young Turk di Turki, manakala bagi Ibrahim pula, nama itu seperti yang dinyatakan oleh Sutan Jenain, amat sesuai bagi mencontohi gerakan Indonesia Moeda di Indonesia.

43. Mustapha Hussain, *Riwayat Hidup dan Perjuanganku*, 2, Bab 16.

44. Lihat laporan perisikan politik dalam CO 537/3751, Political Intelligence Journal, khasnya bahagian Pertubuhan-pertubuhan Melayu dan Indonesia.

45. Lihat pengantar oleh Helen Jarvis dalam Tan Malaka, *From Jail to Jail* (diperkenalkan dan diterjemahkan oleh Helen Jarvis), dalam tiga volum), vol. 1 (Athens: Ohio University Center for International Studies, 1991), cv.

*Gerakan  
Pertubuhan  
Kebangsaan  
Dalam  
Memperjuangkan  
Kemerdekaan*

8

---

**ABDUL AZIZ MAT TON**

MALAYSIA kini merupakan sebahagian daripada sebuah negara yang dahulunya terkenal dengan nama Melaka yang melingkungi wilayah politiknya beberapa petempatan di Pantai Timur Sumatera, Kepulauan Riau termasuk Singapura, Sabah, dan Sarawak yang dahulunya adalah tanah jajahan Brunei, mempunyai ikatan yang rapat dengan negara Melaka melalui hubungan Brunei dengan Melaka. Bagaimanapun, oleh kerana tumpuan artikel ini pada tahun-tahun sebelum kemasukan kedua-dua wilayah itu ke dalam Malaysia, maka perhatian diberikan kepada Semenanjung Malaysia sahaja.

GERAKAN kemerdekaan di sini (dengan tumpuan kepada jangka waktu sekitar 1900–1957), dirujuk kepada kegiatan politik moden yang sering juga disebut sebagai gerakan kebangsaan Tanah Melayu. Istilah gerakan

kebangsaan merujuk apa yang secara popularnya sebagai gerakan nasionalisme. Penjelasan penggunaan istilah dengan lebih tegas ditekankan bagi mengelakkan debat istilah yang mungkin timbul. Begitu juga mesti ditegaskan bahawa lazimnya secara longgar gerakan kemerdekaan itu sama-sama diertikan dengan gerakan nasionalisme. Hal ini berlaku kerana hanya melalui kemerdekaan barulah sesebuah negara itu mendapat semula kedaulatan politiknya, berikutnya lahirlah sebuah negara yang diiktiraf sebagai sebuah negara moden.

MELALUI pengertian itu, kita perlu melihat kelahiran suatu perasaan kesengsaraan penduduk Semenanjung bagi membentuk gerakan politik yang memperjuangkan kemerdekaan dalam mendapatkan kedaulatan negara ini untuk rakyatnya dengan memberi pengalaman atau peranan Melaka dalam perjuangan kemerdekaan Malaysia.

## *Pengalaman Terjajah: Melaka Dan Tanah Melayu*

PADA umumnya, ramai yang mengetahui bahawa negeri Melaka menjadi wilayah terasing milik kerajaan Melayu dan yang terawal dijajah oleh kuasa asing di Nusantara. Sejak 511 Melaka dijajah silih berganti oleh kuasa-kuasa Eropah mulai Portugis, kemudian Belanda (1641–1795), Inggeris (1795–1814), Belanda (1815–1824), dan akhirnya Inggeris (1824–1957).

KEBANYAKAN sarjana sejarah terawal menganggap kejatuhan Melaka itu sebagai ketaklukan negara Melaka dahulu itu kepada kuasa kolonial. Nyatalah hal ini tidak benar dalam sejarahnya. Untuk beberapa abad, apa yang tegas berlaku ialah hanya kawasan bandar-pelabuhan Melaka yang dikuasai sepenuhnya oleh kuasa-kuasa penjajah. Hanya selepas tahun

1824 barulah negeri Melaka dan seterusnya Pulau Pinang dan Singapura secara menyeluruh dapat dikuasai oleh British.

PADA kurun ke-19 itu secara beransur-ansur kemerdekaan pemerintah-pemerintah tempatan mulai digugat oleh Inggeris, sebuah kuasa kolonial dan imperialis teragung di dunia pada masa itu. Bersama-sama bendera Union Jack, Inggeris juga membawa perutusan sucinya yang biasa disebut sebagai *the white-man burden* atau "tanggungjawab orang kulit putih". Secara kasarnya, perutusan itu adalah untuk mentamadunkan orang kulit bewarna yang menurut mereka, orang yang masih "biadab". Penjajahan mereka bersifat politik, mereka menguasai pemerintah untuk mengaut kepentingan ekonomi. Pemerasan ekonomi tidak dapat berjalan dengan terbaik tanpa prasarananya. Prasarana terpenting untuk itu ialah sistem pendidikan melalui sekolah-sekolah. Maka dengan itu tertubuhlah sistem pendidikan kolonial. Selewat-lewatnya sehingga dekad kedua abad 20, seluruh Semenanjung mengalami kesamaan perkembangan prasarana pemerintahan kolonial dan dengan itu, membentuk kesamaan pengalaman sejarah masyarakatnya.

## *Perang Kemerdekaan*

PERJUANGAN kemerdekaan masyarakat Semenanjung bukanlah suatu gejala politik baru yang muncul dalam kurun ke-20. Sebelum itu, peperangan-peperangan menentang penjajahan berlaku sejak tahun 1511. Usaha menentang British berlaku sepanjang kurun ke-19 seperti yang berlaku di Naning (1831–1932), Perak (1875), Pahang (1885), Kelantan (1914), dan Terengganu (1928).

SEPERKARA yang penting dicatatkan tentang peperangan itu ialah keadaan keterasingan perjuangan itu. Dalam keadaan sedemikian, pihak kolonial tidak mengalami masalah untuk mengatasi kuasa-kuasa tempatan. Kebijaksanaan diplomasi

British dan perpecahan pemerintah-pemerintah tempatan menyebabkan peperangan itu sebagai peristiwa kecil dalam sejarah tempatan. Kuasa kolonial pula dapat menumpaskan kuasa tempatan dalam masa yang pendek sahaja.

## *Parti Politik: Perjuangan Baru*

MENJELANG suku akhir kurun ke-19, kumpulan intelektual Islam tempatan yang masih belum terkejut kepercayaannya terhadap warisan budaya meneruskan budaya ilmunya ke Asia Barat. Di Asia Barat sendiri pada masa itu, negara-negara Islam baru terlibat dalam perjuangan mempertahankan kemerdekaan mereka daripada penjajahan kuasa-kuasa Eropah. Dalam pergelutan dengan kuasa-kuasa kolonial Eropah itulah munculnya tokoh-tokoh Jamaluddin al-Afghani, Muhammad Abduh, dan Rashid Redza. Mereka dikenali kemudiannya sebagai golongan al-Manar.

JAMALUDDIN sebagai mujaddid dan mujtahid kumpulan ini telah merencanakan kerangka perjuangan berhadapan dengan kemaraan penjajah dan imperialis Barat pada masa itu. Muhammad Abduh kemudiannya, setelah menjadi "bayangan" Jamaluddin, melakukan semacam imbalan baru kepada perjuangan Islam masa itu dengan menekankan pendidikan. Melalui pendidikan golongan ini cuba mengislahkan (memulihkan tanggapan keislaman) masyarakat Islam (untuk kepentingan dunia dan akhiratnya) untuk berhadapan dengan kuasa-kuasa kolonial. Al-Manar di bawah bimbingan Muhammad Abduh dan kemudiannya melalui penyuntingan, Muhammad Rashid Redza menjadi sumber-sumber hujah perjuangan mereka.

PADA 23 Julai 1906, sekumpulan golongan yang terpengaruh dengan gerakan al-Manar itu melancarkan perjuangan yang selaras dengan matlamatnya dengan menerbitkan majalah *al-*



*Imam* di Singapura. Mereka kemudiannya bergelar kaum muda. *Al-Imam* merupakan majalah bulanan yang memperingatkan khususnya pemimpin Nusantara terutama raja-raja, orang besar, orang kaya, dan ulama tentang tugas mereka dalam memperjuangkan kemerdekaan bangsa, tanah air, dan agama Islam. Golongan yang disebutkan itu sebenarnya sangat berpengaruh.

WALAUPUN golongan sasaran *al-Imam* beberapa kali disebut tetapi sasaran Islah itu lebih bersifat merata. Saluran utama yang ditekankan oleh kaum muda ini untuk pengislahan masyarakatnya adalah melalui persekolahan atau madrasah. Ajaran lain yang ditegaskan oleh *al-Imam* dalam pendidikan politiknya ialah mengadakan persatuan atau persekutuan atau pertubuhan.

## *Kepimpinan Baru*

SECARA umumnya, pendidikan merupakan alat perubahan kemasyarakatan. Perubahan kemasyarakatan bergantung kepada kepimpinan. Pemimpin pula biasanya ialah orang yang terdidik. Dalam masyarakat Melaka warisan tradisional, nampaknya kehampiran kedudukan status seseorang dalam hubungannya dengan pemerintah merupakan faktor penting. Dalam keadaan yang sebegitu, peranan pemerintah British seharusnya diperhatikan bagi mengenali kepimpinan yang baru dalam masyarakat setempat.

USAHA British memperkenalkan sistem pendidikan Barat, sama ada Sekolah Melayu atau Inggeris telah berjalan sejak awal abad ke-19 melalui kegiatan para pengembang agama Kristian yang mula-mula menubuhkan Anglo-Chinese School (1815) dan Malacca Free School (1826) dan seterusnya sekolah-sekolah Melayu pada pertengahan tahun 1850-an menyebabkan pendidikan masyarakat Melayu menjadi rencam.

MENJELANG kurun ke-20, perkembangan pendidikan Cina pula tumbuh dan berkembang sejajar dengan perkembangan revolusi China. Walau bagaimanapun, pemerintah kolonial memainkan peranan minimum. Di kalangan masyarakat India pula, walaupun tidak begitu berjaya dalam usaha pengembang agama Kristian tetapi dalam jangka panjang ia menyediakan kepimpinan golongan tersebut.

OLEH kerana tidak terdapat pernyataan perjuangan kemerdekaan untuk Tanah Melayu di kalangan orang bukan Melayu sebelum tahun 1946, maka tumpuan perbincangan ini diberi kepada masyarakat Melayu sahaja. Percubaan meningkatkan pandangan hidup masyarakat Melayu/Islam serantau ke arah bangsa yang merdeka dimulai dengan menubuhkan madrasah. Madrasah kaum muda menyediakan pelajaran agama Islam dan cabang-cabangnya termasuk bahasa Arab, bahasa Inggeris, Melayu, dan pelajaran ilmu duniawi. Konsep pendidikan ini mungkin lebih tepat disebut sebagai pendidikan dunia dan akhirat. Inilah yang cuba diperkenalkan oleh Syed Sheikh Ahmad Al-Hadi pada tahun 1917 melalui Sekolah atau Madrasah Al-Hadi di Jalan Chan Koon Cheng Banda Kaba, Melaka. Pada tahun 1934, anak beliau, Syed Alwi pula mengusahakan persekolahan swasta di Bandar Hilir, Melaka. Amat malang, di sebalik minat orang Melayu Melaka terhadap karya-karya Al-Hadi, kedua-dua usaha pendidikan keturunan Al-Hadi ini gagal di Melaka.

USAHA golongan kaum muda nampaknya lebih berjaya untuk melahirkan sistem pendidikan khusus mengenai agama Islam. Ini terbukti melalui kegiatan Madrasah Ittiba Ussunnah dan Madrasatul Diniyah di Terentang, Jasin yang kemudiannya diubah menjadi Madrasah Ansar ul-Sunnah. Sistem pendidikan Islam di Melaka secara umum kemudiannya merupakan *syncretism* (adunan meniru model madrasah kaum muda walaupun ajaran kaum tua dijalankan dalam institusi madrasah. Namun begitu, tradisi pondok masih tetap wujud walaupun bersifat asing.

PENDIDIKAN Sekolah Melayu di Melaka merupakan sistem persekolahan masyarakat Melayu yang paling berjaya dan utama. Sistem ini menghasilkan masyarakat umum Melayu di kampung-kampung sebagaimana yang dirancang oleh British. Mereka terdiri daripada kaum petani dan nelayan. Sekelompok kecil terdiri daripada guru-guru sekolah Melayu yang biasanya terdiri daripada pelajar-pelajar cemerlang lulusan pendidikan tersebut. Sejarah awal pemodenan masyarakat Melayu Melaka bagaimanapun memperlihatkan betapa pentingnya elit ini yang berfungsi sebagai pemimpin peringkat kampung.

KEADAAN pendidikan yang pelbagai menyebabkan keadaan kepimpinan masyarakat Melayu ditafsirkan secara agak aneh oleh sarjana—khususnya yang kurang faham tentang masyarakat Melayu. Menurut mereka, terdapat tiga aliran yang seolah-olah begitu tegas terasing yang memisahkan perjuangan masyarakat Melayu. Di katakan bahawa aliran-aliran itu sebagai aliran agama (Islam), aliran Inggeris, dan aliran pendidikan Melayu yang masing-masing ada parti tersendiri. Ini sukar dipertahankan kebenarannya sama ada di peringkat nasional atau tempatan. Kemungkinan kesilapan analisis ini akan dihuraikan dalam perbincangan tentang kelahiran parti-parti politik.

PERKARA yang diperjuangkan dalam politik masyarakat Melayu di peringkat nasional boleh dikelompokkan ke dalam dua aliran utama. Pertama, anti kolonial yang diusahakan oleh mereka yang menyedari kesan kolonialisme terhadap masyarakat Melayu seperti yang diasaskan oleh *al-Imam*. Kedua, golongan pro kolonial yang mendapat kedudukan dalam pemerintahan kolonial.

KUMPULAN elit yang terpengaruh dengan ajaran kaum muda tidak semestinya terdiri daripada mereka yang berpendidikan aliran agama. Mereka datang daripada pelbagai latar belakang memilih wadah yang memperjuangkan kemerdekaan dan benci pada kolonialisme Barat. Dengan sentimen ini mereka

menatarkan konsep kesatuan yang dicanangkan oleh *al-Imam* berlandaskan bahasa, agama, dan keturunan yang satu. Golongan intelek ini dalam pernyataan umum tradisi perjuangan yang disampaikan melalui bahasa Melayu, mereka memperkenalkan kemelayuan itu. Konsep sebegini mungkin melahirkan apa yang kemudiannya disebut sebagai Melayu Raya.

KELAHIRAN Jepun sebagai kuasa Asia, sebelum kelahiran *al-Imam* begitu mengagumkan bangsa-bangsa Asia yang telah terjajah. Ilham daripada perkembangan politik Asia Barat membuatkan *al-Imam* menyanjung Jepun dan meletakkan harapan sebagai kuasa pengimbang Barat. Kelahiran sentimen pro-Jepun yang muncul kemudian, mungkin bermula di sini. Sebahagian yang lain pula menaruh harapan terhadap perlindungan yang lebih baik daripada British. Dengan itu, sentimen pro-Jepun terus dikembangkan walaupun secara berbisik-bisik atau rahsia di sebalik suara puji-pujian terhadap Inggeris.

DI samping harapan kepada Jepun, kesedaran politik masyarakat Melayu telah melewati batas-batas negeri. Nusantara, khususnya ikatan Malaysia dan Indonesia bertambah subur perkembangannya. Selain pertubuhan-pertubuhan sosio-ekonomi seperti syarikat-syarikat kerja sama dan Jamiyah Islamiah, kegiatan pertubuhan berunsur politik turut berkembang di Melaka seperti Kesatuan Melayu Cawangan Melaka (1937) dan Kesatuan Melayu Muda (1941).

MUNGKIN kerana pengetahuannya tentang perkembangan kesedaran politik sebegini di Semenanjung, Inggeris telah membenarkan penubuhan "parti-parti politik" kenegerian seperti Persatuan Melayu Selangor, Pahang, Perak dan kesatuan-kesatuan Melayu Singapura, Melaka dan Pulau Pinang. Persatuan ini kemudiannya dibenarkan mengadakan kongres nasionalnya; yang pertama sekali diadakan di Singapura pada bulan Ogos 1939 dan yang kedua di Kuala Lumpur pada tahun

1940. Keseluruhannya, kongres ini merupakan kempen untuk meningkatkan imej keagungan empayar British dan pernyataan taat setia anak-anak jajahannya yang terdiri daripada berbagai-bagai bangsa. Berikutan daripada kongres itu lahirlah kempen-kempen memungut derma bagi menyelamatkan empayar dan maruah British.

DALAM kerangka pemikiran kolonial sebegini, bagaimanapun, masih ada rahmat yang tersembunyi seperti kemunculan kesedaran orang Melayu untuk membincangkan masalah kebangsaan dan masalah politik, ekonomi, serta sosial orang Melayu dari Perlis hingga ke Brunei dan Sarawak. Mereka mengambil keputusan untuk merayakan tarikh 6 Ogos setiap tahun sebagai Hari Kebangsaan Melayu. Hal ini membuktikan bahawa sehingga tahun 1941, sifat-sifat kenegerian pertubuhan Melayu sebahagiannya dapat diketepikan. Ia juga bermakna apa yang dikatakan sebagai nasionalisme Tanah Melayu sebelum tertubuhnya Perlembagaan Rakyat (1947) atau Perikatan UMNO-MCA (1952) merupakan kesilapan dalam tanggapan sejarah nasionalisme Tanah Melayu.

## *Perjuangan Kemerdekaan Pada Zaman Jepun*

ALIRAN politik dunia yang ditunjangi oleh kegiatan imperialisme yang diterokai oleh kuasa-kuasa Eropah akhirnya melahirkan Perang Pasifik. Keghairahan politik kolonialisme dan imperialisme akhirnya berjangkit ke Asia. Jepun di luar jangkaan negara-negara Asia, menjadi jaguh imperialisme di Asia dengan Negara Persekemakmuran Asia Timur Raya (NPATR) atau Asia Co-Prosperity Sphere. Tulang belakang NPATR ini ialah Doktrin Monroe Jepun yang melingkungi kawasan Asia Selatan hingga ke pesisiran Pasifik Barat. Negara induk NPATR ini ialah Jepun, China, dan Korea.

PEREBUTAN tanah-tanah jajahan dan kawasan lingkungan pengaruh politik menyebabkan Jepun mengambil kesempatan daripada peperangan di Eropah yang telah meletus sejak tahun 1939. Peperangan di Pasifik dimulakan oleh Jepun dengan bedilan pertamanya di Tanah Melayu dan beberapa minit kemudian Pearl Harbour dihujani bom-bom Jepun. Kelumpuhan tentera Eropah di Pearl Harbour menyebabkan kehancuran pertahanan British yang dijangka mampu bertahan kira-kira enam bulan tetapi jatuh dalam masa sembilan minggu sahaja. Oleh itu untuk selama tiga tahun lapan bulan berikutnya, Malaysia diperintah oleh Jepun.

PEMERINTAHAN zaman Jepun dilakukan secara ketenteraan. Kebebasan masyarakat amat terhad. Jika adapun, untuk memenuhi keperluan perjuangan. Dalam pemerintahan serupa ini, tidak ada parti politik yang memperjuangkan kemerdekaan Malaysia yang boleh hidup; tidak juga KMM yang banyak berjasa kepada tentera Jepun. Ini kerana polisi Jepun yang menanggap bahawa Semenanjung (termasuk Singapura) akan dijadikan tanah jajahan yang kekal untuk Jepun. Kalau ada pun gerakan pertubuhan yang memperjuangkan kemerdekaan ialah Gerakan Mara ke Delhi (Chalo Delhi) yang ditaja oleh Jepun di bawah pimpinan Subhas Chandra Bose.

SEMASA pendudukan Jepun, masyarakat tempatan menyedari betapa nasib mereka hidup sebagai bangsa terjajah. Jepun memanglah mempunyai polisi yang melebihkan kepentingan bumiputera daripada kepentingan bangsa-bangsa asing tetapi pada amalannya mereka tidak berbeza dengan penjajah Barat. Kesatuan Rakyat Istimewa (KRIS) yang biasa dikaitkan dengan perjuangan kemerdekaan itu tidak lebih sebagai helah politik Jepun semasa ia diambang kehancuran. Jepun terpaksa memikirkan cara pengunduran yang terhormat iaitu untuk mengelakkan diri daripada menyerah kalah tanpa syarat. Apa yang lebih penting difikirkan oleh Jepun ialah bagaimana KRIS akan digunakan jika takdirnya mereka terpaksa berperang

dengan Inggeris yang akan merampas kembali Semenanjung. Daripada kenyataan-kenyataan di atas, dapat dipersoalkan apakah kebenarannya bahawa Jepun telah memberi sumbangan mengajar atau menanamkan semangat atau menggalakkan kemerdekaan kepada orang Melayu secara khususnya dalam masyarakat Tanah Melayu. Persoalan yang lebih penting ialah apakah wujud pertubuhan pergerakan kemerdekaan? Ini tidak bermakna orang Melayu belum inginkan merdeka; hanya belum kukuh kemampuan mereka berpersatuan. KRIS yang dikatakan akan merundingkan "kemerdekaan" itu belum pun tertubuh. Mesyuarat penubuhannya, jika sebenarnya akan berlaku, hanya pada 17 Ogos 1945. Tarikh ini di luar dugaan para pengasasnya iaitu dua hari terlewat daripada tarikh Jepun menyerah kalah. Dengan itu, kemerdekaan dan KRIS telah menjadi debu menjelang 15 Ogos 1945 bersama-sama leburnya impian Jepun mencipta NPATR dengan hancurnya bandar Hiroshima dan Nagasaki.

## *Pertubuhan-pertubuhan Politik Selepas Perang Dunia Kedua*

APABILA perang tamat dengan penyerahan Jepun tanpa syarat, tentera British belum sempat kembali ke Malaysia. Kembalinya British disambut oleh sebahagian masyarakat setempat dengan linangan air mata kegembiraan. British pula untuk menunjukkan keprihatinannya telah menyampaikan rasa simpati kerajaan mereka terhadap penderitaan masyarakat tempatan. Oleh itu mereka merayu masyarakat tempatan memberi kerja sama untuk memulihkan keadaan. Sebagai menunjukkan kewibawaan, mereka mengadakan demonstrasi persenjataan tentera di beberapa bandar Semenanjung.

APABILA tentera British mendarat semula, Semenanjung Tanah Melayu dalam keadaan kacau-bilau dilanda masalah. Tragedi politik yang amat mencabar ialah rusuhan kaum antara Melayu

dengan Cina yang menggugat kewibawaan hak politik orang Melayu. Inilah kebangkitan pertama orang Melayu daripada igauan politik kolonialisme.

DI peringkat kebangsaan, lahirilah pernyataan kesedaran politik yang merata tentang bagaimana bencana yang menimpa orang Melayu itu dapat diselamatkan. Secara keseluruhannya, masyarakat Melayu mungkin sependapat bahawa mereka seharusnya mempunyai kuasa politik dan bebas menentukan corak pemerintahan negara mereka. Tetapi, persoalannya bagaimana dan bila ia boleh mendapat kuasa itu? Hal-hal inilah yang membezakan peri laku pertubuhan Pekemam (PKMM) serta Pekembar dan badan-badan yang berkembar dengannya pada satu pihak. Pada pihak lain ialah pertubuhan seperti Malayan Demokratik Union, MIC, MCA, PEMAS, PAS, dan sebagainya.

## *Melaka Dalam Pertubuhan Politik Kemerdekaan*

PKMM ditubuhkan melalui daya utama Parti Komunis Malaya sebagai persediaan berjuang secara berperlembagaan. Aktivis awalnya terdiri daripada beberapa tokoh dari Perak. Melalui akhbar *Suara Rakyat* dan *Voice of the People* yang menjadi sumber petikan akhbar-akhbar lain maka berita penubuhannya merebak ke seluruh Semenanjung. Nama Dr. Burhanuddin al-Helmy dan Ishak Haji Muhammad digunakan dalam gerakan untuk mempopularkan gerakan PKMM pada peringkat awal penubuhannya.

WAKIL PKMM yang tidak dikenali juga datang ke Melaka untuk menubuhkan cawangannya, tetapi ia lambat mendapat tempat kecuali beberapa orang yang memandang usaha itu sebagai amat berharga. Perjuangannya adalah kemerdekaan



dalam lingkungan Indonesia Raya atau Melayu Raya. Namun, istilah popular baginya kemudian disebut sebagai Malaya-Indonesia Satu. Dalam kempen awal bagi menubuhkan cawangan perjuangannya disebutkan juga untuk membela mereka yang dituduh sebagai tali barut Jepun. Pertubuhan PKMM tidak mempunyai cawangan di Melaka kecuali selepas seorang pesuruhjaya PKMM, M. Mustaza dilantik sebagai wakilnya. M. Mustaza adalah orang yang tidak terkenal bahkan di Melaka pada masa ini. Beliau terpaksa dilantik kerana perwakilan Melaka (ahli Kesatuan Melayu Melaka) ke kongres pertama PKMM yang diadakan di Ipoh pada tahun 1945 tidak mahu dilantik sebagai anggota pusat PKMM.

BAGAIMANAPUN, menjelang pertengahan 1946, PKMM bersama-sama sayap pemudanya telah menyaingi Kesatuan Melayu Melaka dan Pergerakan Melayu Semenanjung Melaka. Kawasan yang menjadi semacam kubu PKMM Melaka ialah Alor Gajah khususnya di sekitar Naning dan Melaka Tengah. Kemudian cawangan-cawangannya merebak ke Jasin seperti sekitar pekan Jasin, Kesang, dan Merlimau.

TOKOH-TOKOH yang memainkan peranan penting ialah mereka yang pernah terlibat dalam gerakan KMM Melaka sebelum itu. Dari sekitar Naning di bawah pimpinan Karim Bakar, Jaafar Tan; di Sungai Baru seperti Othman Shawal, Abdul Ghani Ishak, Haji Muid Kassim; di Bandar Melaka seperti Ahmad Abdul Rahman, Haji Yusuf Sulung, Syarif Sukkar; di Cheng pula terdapat tokoh-tokoh seperti Ahmad Daud, Abdul Hai dan Hasnul Hadi; di Air Molek seperti Kiyai Haji Hashim, Haji Muluk, Abu Samah Aziz, Yahya Hashim, Ahmad Jantan; di Jasin Ibrahim dan Othman Ma'anas; di Merlimau terdapat tokoh seperti Said Kemat, Jamaat Idris, Md. Jahi Sahabudin, dan Abdul Hamid Abdul.

PADA bulan Januari 1946, Pergerakan Melayu Semenanjung Johor (PMS Johor) ditubuhkan di Batu Pahat. Pergerakan ini

mendapat tempat di Johor dan ketokohan Onn Jaafar menjadi lebih terserlah. Tokoh yang menjadi lebih popular selepas perang melalui krisis Melayu-Cina ini segera menjadi lambang politik nasional orang Melayu. Mungkin pengaruh segeranya yang terpenting ialah kelahiran PMS Melaka, cawangan dari PMS Johor. Bagaimanapun, pertubuhan politik kenegerian yang telah dihidupkan kembali tidak meleburkan pertubuhan masing-masing. Dalam keadaan begini, sehingga UMNO muncul sebagai parti politik melalui keahlian terus, PKMM Melaka bergerak berasingan dengan PMS Melaka dan Kesatuan Melayu Melaka.

DALAM kes Melaka, pengaruh PKMM sebenarnya tidak boleh diperkecilkan. Organisasinya lebih tersusun sejak awal penubuhannya. Badan induk PKMM mempunyai anak-anak parti seperti API (Pemuda) dan AWAS (Wanita). Badan ekonominya ialah Barisan Tani, Badan Perniagaan, dan Perusahaan Kampung. Apabila Majlis Islam tertinggi (MATA) ditubuhkan, cawangannya juga terdapat di Melaka. UMNO yang ditubuhkan agak lewat daripada PKMM kemudian menyaingi gerakan PKMM ini melalui badan-badan pergerakannya yang mencontohi badan pergerakan PKMM. Dengan menyatukan PMS Melaka dengan Kesatuan Melayu Melaka ke dalam UMNO selepas Mac 1948, UMNO Melaka menjadi lebih kuat untuk bersaing dengan PKMM. Masing-masing mempunyai kubu-kubu tersendiri.

PKMM nampaknya berkubu di Alor Gajah dan Melaka Tengah walau tidak kurang pentingnya, beberapa tempat di Jasin. Kekuatan PKMM Melaka mengilhamkannya untuk mengadakan kongres keduanya di Melaka. Keupayaan Melaka mengendalikan kongres ini melahirkan pula pusat latihan ketenteraan API untuk seluruh Malaya. Laporan perisikan dan tindakan British menunjukkan bahawa PKMM ialah parti yang akan menjadi musuh politiknya. Dengan itu, sebagai pengamal dan penatar demokrasi, tindakan secara tertib dilakukan untuk

menjatuhkan pengaruh PKMM. Larangan kegiatan PKMM dikenakan. API diharamkan kemudian kerana Inggeris menganggap ia pertubuhan yang berbahaya kepada ketenteraman awam.

BRITISH sebaliknya memberikan sokongan kepada UMNO. Pemimpin UMNO dipujuk supaya memberi jalan kepada nasionalisme terbuka kepada seluruh penduduk Tanah Melayu yang sedia taat setia kepada negara ini. Hal ini sesuai dengan polisi Malayan Union. Bagaimanapun, UMNO sehingga beberapa ketika kemudiannya masih tidak berganjak dengan prinsip nasionalisme tertutupnya (kenegaraan untuk Melayu sahaja), dengan slogan Malaya untuk Melayu. British bersabar dengan keadaan itu; ia sedia berunding dengan UMNO untuk menggantikan Malayan Union dengan perlembagaan baru. Akhirnya lahirlah Persekutuan Tanah Melayu pada Februari 1948. Dalam perubahan ini pemimpinan pusat PKMM menggambarkan persekutuan dan Malayan Union tidak banyak berbeza. Maksudnya jelas iaitu kekayaan perjuangan UMNO setakat itu amat terhad sekali.

CARA British melayan kerenah politik Semenanjung sebegini menimbulkan kemarahan golongan radikal, khususnya Parti Komunis Malaya dan Putera-AMCJA. Kegiatan mereka ditingkatkan untuk melumpuhkan kekuatan British bagi mencapai kemerdekaan. Masing-masing dengan cita-cita politik tersendiri walaupun pada dasarnya mereka ingin menuntut kemerdekaan segera mengikut lunas-lunas perkembangan politik. Misalnya dengan mengadakan perlembagaan secara demokrasi dan melangkah ke arah pilihan raya. Untuk menunjukkan betapa serius perjuangan mereka, mereka mengadakan demonstrasi seperti rapat umum untuk menjelaskan perlembagaan rakyat yang dilancarkan. Bermula di Melaka pada Oktober pada tahun 1947. Kempen yang dilakukan oleh parti-parti yang anti-Persekutuan semakin menyemarakkan semangat anti kolonial.

GOLONGAN komunis mengambil kesempatan bertindak lebih jauh mengikut taktik perjuangannya dengan mengadakan pemogokan bagi melemahkan ekonomi kolonial. Sehingga Jun 1948, kegelisahan buruh menyebabkan berlaku rusuhan yang membabitkan kematian pegawai estet berbangsa Eropah dan tiga orang Cina. Lantaran itu pemerintah mengisytiharkan keadaan darurat yang diikuti oleh kelahiran Undang-undang Darurat. Undang-undang ini memberi pemerintah kolonial kuasa yang luas sehingga boleh membuat penggeledahan serta penangkapan tanpa bicara terhadap orang yang disyaki menyokong komunis. Dengan itu PKM dan AMCJA menjadi parti yang diharamkan. Melalui kekuasaan pemerintahan serupa itu, pemerintah dapat mengendurkan ketegangan politik Semenanjung. Dato' Onn merupakan tokoh penting sebagai pemimpin anti-komunis dan politik radikal.

SELEPAS penahanan tokoh-tokoh politik kerana keadaan darurat Dato' Onn telah diberi "hadiah" lawatan sambil belajar ke England. Apabila beliau kembali Malcolm MacDonald mengambil daya usaha untuk mengadakan pertemuan pemimpin-pemimpin kaum di tempat kediaman Dato' Onn di Johor Bahru pada penghujung Disember 1949. Dari sinilah lahirnya satu idea baru yang wadahnya kemudian dikenali sebagai Jawatankuasa Perhubungan Kaum. Usaha British ini boleh dianggap sebagai percubaan bagi UMNO ke arah perubahan kepada politik perpaduan pelbagai kaum. Ia juga sebagai pilihan lain bagi pengikut parti-parti politik yang telah dilumpuhkan.

KEKUATAN semangat perjuangan kemerdekaan masa ini tidak mudah dipadam. Bahkan PKM pun sudah menjadi parti untuk orang Melayu walaupun jumlahnya masih kecil. Simpati mereka mungkin berdasarkan bertambah sengitnya kempen-kempen pemerintah untuk menumpaskan gerakan ini. Tambahan pula, berikutan Undang-undang Darurat, ribuan tahanan Melayu terpaksa merengkok di kem-kem tahanan. Sehingga tahun 1950, berlaku peristiwa yang lebih membuka mata pemerintah

kolonial dengan kematian Sir Henry Gurney yang ditembak dalam serangan hendap oleh segerombolan komunis di Bukit Fraser. Akibatnya, apabila British bertindak lebih keras, PKM terpaksa membuat pujukan dan layanan yang lebih meyakinkan kepada perjuangan kemerdekaan.

SEJAK tahun 1950, Sistem Ahli iaitu pemerintahan melalui kabinet diperkenalkan. Kedua-dua kabinet yang bertaraf menteri dilantik oleh pemerintah daripada tokoh-tokoh tempatan. Dato' Onn diberi jawatan Menteri Dalam Negeri iaitu portfolio yang paling kanan dan berpengaruh di sisi pemerintahan kolonial. Secara beransur-ansur, imbuan politik khususnya kerakyatan diberi kepada orang bukan Melayu. Tan Cheng Lock yang mulanya terlibat dengan gerakan radikal bersama-sama dengan Putera-AMCJA dan kemudiannya menjadi tokoh penting CLC, pada Februari 1949 mula memimpin MCA. Perkembangan politik yang terdekat setakat ini kelihatan dinamik menuju ke arah kemajuan berpolitik, ke arah berpekerjaan sendiri di bawah pimpinan Dato' Onn.

UMNO telah hampir dibawa kepada perjuangan CLC yang dipimpin oleh Dato' Onn. Sejak Mac 1951, elemen politik radikal sudah mula menyerapi pergerakan pemudanya dengan mengubah slogan perjuangan dari hidup Melayu kepada merdeka. Dato' Onn terus menyarankan kepada UMNO supaya mengubah konsep UMNO daripada United Malays kepada United Malayan National Organization yang bererti UMNO akan membuka ahlinya kepada bukan Melayu. Saranan itu ditolak oleh Majlis Tertinggi UMNO pada Ogos 1951. Dato' Onn meninggalkan UMNO untuk selama-lamanya. Tiga minggu kemudian, pada 19 September 1951, Dato' Onn melahirkan Independence Malayan Party (IMP) dengan ahli-ahli jawatankuasa tertinggi terdiri daripada tokoh-tokoh CLC.

PADA dasarnya IMP seperti kebanyakan parti politik yang lain pada masa itu bergerak ke arah kemerdekaan secara setapak

demis setapak. Ia menular menerusi perubahan-perubahan melalui rancangan secara beransur-ansur di dalam organisasi pentadbiran seperti "memalayankan" pentadbir, mengadakan rancangan pembaikan sosio-ekonomi, dan rancangan ke arah berkerajaan sendiri. UMNO pula mula diserapi oleh golongan radikal khususnya daripada PKMM yang diharamkan. Perjuangan yang berslogankan Merdeka dengan itu nampaknya lebih dinamik.

KEPEMIMPINAN Tunku Abdul Rahman lebih tegas dengan ancaman terhadap British supaya memerdekakan negara ini dan menyeru pengikutnya supaya sedia berkorban nyawa. Saranan ini sama seperti slogan API (Merdeka dengan darah) yang menyebabkan Ahmad Boestamam ditahan oleh British pada tahun 1947 di bawah Akta Hasutan. Di samping kenyataan-kenyataan Tunku yang radikal, UMNO juga membela tahanan-tahanan Darurat yang sedikit sebanyak meraih simpati awam.

PERUBAHAN yang ditunjukkan dalam kegiatan politik perjuangan kemerdekaan boleh dikatakan menempuh tahap baru sejak tahun 1950. Ia ditandai dengan peristiwa kematian Gabenor Sarawak dan pengharaman PKMM yang dikatakan berkaitan dengan peristiwa itu. Pengharaman PKMM menyebabkan anli-ahlinya kehilangan wadah perjuangan. Ini menyegerakan pengikut-pengikutnya yang masih tidak tertangkap. Peristiwa seterusnya ialah kematian Pesuruhjaya Tinggi British ke Semenanjung. Ini semua menunjukkan betapa seriusnya perjuangan politik tempatan dan menggoncangkan keyakinan British untuk meneruskan kolonialismenya. Bagi mengelakkan keadaan berterusan, British terpaksa berlembut dan mengubah taktik dalam mengekalkan kepentingannya di rantau ini. Bukanlah sesuatu yang mustahil dalam suasana begini untuk Oliver Lyttleton mengunjungi Semenanjung pada tahun 1951 untuk meninjau suasana sebenar Darurat. Apabila menyedari akan kesungguhan pejuang-pejuang politik

tempat, Lyttleton bertindak segera untuk mengadakan pilihan raya Majlis Bandaran di seluruh Semenanjung.

## *Politik Pilihan Raya*

PILIHAN raya ini bermula di Pulau Pinang pada bulan Disember 1951 dan di Kuala Lumpur pada bulan Febuari 1951. Pilihan Raya Majlis Bandaran Kuala Lumpur melahirkan gejala politik yang unik tetapi ternyata berkekalan sebagai satu kenyataan politik yang berkesan dan berkekalan hingga hari ini.

SEHINGGA peristiwa Kuala Lumpur ini, dua model pernah dicuba ke arah politik perpaduan Tanah Melayu. Yang pertama seperti yang dicontohkan oleh Putera-CJA dalam merencanakan Perlembagaan Rakyat 1947. Berbagai-bagai parti mewakili kaum masing-masing untuk bekerja sama dalam satu pertubuhan induk membincangkan atau memperjuangkan nasib kaum masing-masing. Model kedua, seperti yang direncanakan oleh pegawai tinggi kolonial, pemimpin pelbagai kaum duduk dalam sebuah parti membincangkan masalah mereka secara langsung.

IMP secara umumnya dipimpin oleh tokoh-tokoh Jawatankuasa Perhubungan Antara Kaum yang terdiri daripada tokoh-tokoh terkenal seperti Dato' Onn, Tan Cheng Lock, E. E. C. Thuraisinggam dan R. Ramani di peringkat nasional dan Menteri-menteri Besar di peringkat negeri. Cawangan MCA di Melaka belum sempat menubuhkan IMP Melaka apabila pilihan raya Majlis Bandaran Kuala Lumpur dilangsungkan. Dengan itu, Tan Cheng Lock masih belum bersedia untuk terlibat dalam pilihan raya. Sementara itu, Dato' Onn dengan sikap terburu-burunya tidak mengambil perhatian berat terhadap kepimpinan MCA Selangor lalu berlaku salah faham. Ini menyebabkan MCA Selangor berkecil hati dan membuat pakatan dengan UMNO Selangor. Keadaan ini menyebabkan gambaran parti IMP agak rapuh dalam proses politik.

Menjelang pilihan raya Bandaran Kuala Lumpur pada Februari 1952 membuktikannya; Perikatan UMNO-MCA yang dilakukan secara tergesa-gesa telah memenangi sembilan daripada dua belas kerusi. Kemenangan besar ini mengilhamkan kemunculan bentuk perpaduan seperti yang diteruskan oleh Barisan Nasional hari ini.

BERIKUTAN itu perikatan ini dikekalkan dalam perjuangan untuk mencapai kemerdekaan mengikut syarat British iaitu kemerdekaan hanya akan diberikan setelah masyarakat bersatu padu. Perikatan menjadi bertambah kukuh sehingga mereka memenangi keseluruhan pilihan raya Majlis Perbandaran yang diadakan di seluruh Tanah Melayu. Dengan itu perjuangan mereka semakin berkesan dan dihormati British. Parti-parti lain patah dan tumbuh. Yang penting antaranya ialah Parti Negara pimpinan Dato' Onn.

SETELAH menempuhi kekalahan demi kekalahan, pemimpin IMP menyedari mereka mempunyai masalah dalam meraih kepercayaan rakyat. Keadaan ini cuba dibetulkan oleh mereka. Persoalan penting ialah faktor Melayu. Mereka menjadi penting kerana warisan sejarah dan jumlah undi yang dimiliki. IMP telah memberi perhatian terhadap faktor ini. Dengan itu, usaha meningkatkan imej memperjuangkan kemerdekaannya, satu organisasi iaitu Nasional Conference telah diusulkan oleh Menteri-menteri Besar untuk menggembeng tenaga pejuang kemerdekaan. semua parti politik dijemput menganggotainya di bawah tajaan IMP. Sebagai penentang kuat IMP, Perikatan UMNO-MCA memanggil pertemuan untuk melahirkan Konvensyen Nasional. Taktik UMNO-MCA jelas tidak membiarkan parti-parti kecil mengikut pimpinan IMP dalam menuju kemerdekaan. Isu yang dijadikan percaturan ialah Pilihan Raya Persekutuan. UMNO-MCA mendesak pilihan raya diadakan secepat mungkin dan anggota Majlis Perundangan Persekutuan berjumlah tidak kurang daripada tiga perlima diwakili oleh anggota yang dipilih. Menyedari kedudukan



politik mereka kukuh, mereka mendesak British dan Raja-raja Melayu serta kemudiannya bertindak menghantar perundingnya ke London untuk menekan Setiausaha Tanah Jajahan agar menerima cadangan mereka.

DALAM perkembangan ini, Melaka seolah-olah dijadikan pusat gerakan politik kemerdekaan Semenanjung. Ini mungkin kerana sejarah negeri itu sendiri. Selain itu, pemimpin tertinggi MCA, Tan Cheng Lock berasal dari Melaka. Ibu pejabat UMNO pula terletak di Johor Bahru. Dengan itu, beberapa siri rundingan politik UMNO-MCA dalam Konvensyen Nasional dijalankan di bangunan Chinese Chamber of Commerce di Meng Seng Club, Melaka khususnya dalam menyediakan memorandum pilihan raya yang akan dihantar kepada pihak British dan Raja-raja Melayu. British sebagai pemerintah melakukan imbalan antara tuntutan UMNO-MCA dengan tuntutan IMP tentang pilihan raya. Akhirnya UMNO-MCA terpaksa berpuas hati dengan tolak ansur yang diberikan oleh British terhadap tarikh dan jumlah anggota Dewan Perundangan Persekutuan. Dalam percaturan ini, mungkin MIC melihat dinamisme Perikatan berbanding IMP (parti gabungan MIC selama ini). Dengan ini, pada Oktober 1954, Perikatan menjadi gabungan tiga kaum terbesar di Semenanjung.

IMP yang tidak menunjukkan kemajuan dalam siri pilihan raya yang dipertandingkan di peringkat Majlis Perbandaran dan Majlis Mesyuarat Negeri lalu menukar strateginya dengan menubuhkan parti baru yang dinamakan Parti Negara. Ia lahir melalui usaha penyokong-penyokong Dato' Onn, istimewanya Dato' Hamzah Abdullah, Menteri Besar Selangor. Tidak disangsikan juga bahawa penubuhan itu pada Februari 1954 sebagai persediaan untuk bertanding dalam Pilihan Raya Persekutuan yang dicadangkan oleh mereka pada tahun 1955. Parti Negara dengan itu adalah di bawah kepimpinan golongan pembesar-pembesar negeri yang rapat dengan Dato' Onn.

Penekanan isu-isu politiknya pula kembali kepada isu yang dipegang oleh UMNO pada peringkat awal perjuangannya.

DI Melaka, suasana politik menjelang pilihan raya tidak kurang hebat dan meriahnya. Perikatan di bawah pimpinan Abdul Ghafar Baba dan Parti Negara dipimpin oleh Dato' Naning. Bagaimanapun, pertandingan hebat berlaku di kawasan Jasir. Wakil Perikatan iaitu Abdul Ghafar menggunakan lambang kapal layar dan Parti Negara diwakili oleh Jaafar Tan menggunakan lambang Segumal Padi. Telah disebutkan bahawa Perikatan telah menakluki Melaka dan Semenanjung dengan memenangi 51 daripada 52 kerusi. Satu kerusi dimenangi oleh Parti Islam Se-Tanah Melayu di Perak. Kegemilangan ini memberi mereka hak mencorakkan politik Semenanjung dan seterusnya kemerdekaan negara ini.

WALAUPIUN pada asasnya perjuangan kemerdekaan sudah hampir dicapai melalui mandat yang diberi namun ia belum lagi diisytiharkan. Sementara itu, rombongan menuntut kemerdekaan telah dihantar ke London dan akhirnya perisytiharan kemerdekaan dibuat pada 31 Ogos 1957.

## *Penutup*

MELAKA hari ini muncul sebagai negeri bersejarah yang mungkin menggantikan ibu kota kerajaan Melayu Srivijaya dalam pergeseran politik serantau. Kegemilangan Melaka semasa keagungannya membayangkan masyarakat Melayu tidak mahu dikuasai oleh bangsa lain. Pemodenan sistem politik dunia melanda juga dunia Melayu. Bangsa Melayu yang mempunyai sendi-sendi kebudayaan yang dinamik telah berjaya menyesuaikan diri dengan perkembangan itu. Menjelang kurun ke-20, arus penyesuaian diri menjadi tegas dalam arus perjuangan kemerdekaan negara ini.

APABILA perjuangan kemerdekaan meniti perjalanan nasionalnya, Melaka telah digambarkan dengan kegemilangan silamnya. Perwira-perwira dijadikan lambang kekuatan Melayu. Dengan itu, beberapa detik bersejarah dalam perjuangan kemerdekaan, Melaka sering dijadikan rujukan. Hal ini boleh dilihat seperti dalam cadangan mengadakan Kongres Penubuhan UMNO (1946), Kongres PKMM/API (1946) dan sebagai tempat pelancaran Perlembagaan Rakyat, tempat bertolaknya rombongan kemerdekaan, dan tempat perisytiharan tarikh kemerdekaan dan sebagainya. Bahkan Dato' Onn pada zaman kegemilangan politiknya pernah digelar sebagai "Hang Tuah Moden".

SEJARAH perjuangan kemerdekaan yang dicincangkan di atas walaupun dalam skop dan ruang yang amat terbatas merupakan aliran umum dalam sejarah kebangsaan Semenanjung. Di sanasini walau bagaimanapun, mungkin terdapat variasi sejarah tempatan; suatu yang lumrah dalam perkembangan nasionalisme. Dan ilham sejarah tentang Melaka pula mungkin juga tidak berupa sebagai suatu kegemilangan palsu. Sejarah perjuangan politik ke arah kemerdekaan negeri Melaka juga menampilkan tokoh-tokoh pejuang yang berketerampilan.

SEBAHAGIAN daripada kita dan pejuang-pejuang kemerdekaan telah mengecapi rahmat kemerdekaan. Sebahagian yang lain pula gugur dalam perjuangan. Bakti mereka tidak harus dilupakan kerana keringat, air mata, dan darah mereka membolehkan kita menemui dunia yang kita kecapai hari ini.

*Gerakan  
Kebangsaan  
Dan  
Proses  
Pembentukan  
Negara: Bangsa  
Malaysia*

9

---

**MAHADZIR MOHD. KHIR**

HARI ini kita sedang menyaksikan keruntuhan sebuah negara komunis iaitu Rusia apabila hampir semua negeri kecil di bawah pengaruhnya telah mengisytiharkan kemerdekaan masing-masing. Dengan itu, negeri-negeri naungan itu kini muncul sebagai negara-negara baru yang mempunyai kawasan yang tersendiri. Kita juga sedang menyaksikan peperangan antara puak Serb dengan Bosnia sedangkan pada masa dahulu kedua-duanya adalah sebahagian daripada Yugoslavia yang berideologikan komunis.

PERSOALAN yang timbul di sini apakah yang mendorong pertentangan itu berlaku? Adakah untuk mewujudkan sebuah negara baru atau kerana perbezaan ideologi? Atau kedua-duanya sekali? Adakah soal etnik atau agama turut menjadi puncanya? Pelbagai soalan dapat

diajukan tetapi jawapan hanya satu iaitu desakan untuk membebaskan diri. Manusia sanggup bertentangan dan berbunuhan sesama sendiri atas perasaan untuk menegakkan kedaulatan bangsa dan negara. Sebagai contoh dapatkah Bosnia Herzegovina sebagai satu kumpulan manusia yang memerlukan kebebasan bagi menentukan masa depan mereka mencapai cita-cita mereka. Mereka ingin mewujudkan sebuah pemerintahan dan menjadi pengurus organisasi negara baru iaitu Bosnia tetapi ditentang dan ditekan oleh pihak Serb. Seluruh komuniti antarabangsa cuba menyelesaikan perbalahan yang mengorbankan jiwa yang tidak berdosa. Namun penyelesaian masih menemui jalan buntu. Komuniti antarabangsa bukan sahaja gagal di Bosnia tetapi kegagalannya dapat juga dilihat daripada keadaan di Palestin iaitu kebebasan hanya sekadar memulihkan keadaan autonomi sedangkan hakikatnya ia masih terikat kepada Israel. Adakah Palestin sebenar masih tidak berjaya untuk mendaulatkan sebuah negara Palestin yang bebas dan boleh menentukan nasib masa depan mereka sendiri. Buat suatu ketika, Palestin mempunyai penduduk yang bergelar Palestin tetapi kemudian kawasannya dikuasai oleh pihak Israel sejak tahun 1984. Beberapa siri peperangan telah diatur untuk mengembalikan negara Palestin tetapi hingga kini masih belum dapat dikatakan sudah berjaya dalam erti kata seperti yang dimahukan oleh rakyat Palestin sendiri walaupun sudah ada kemajuan dalam usaha mereka.

RINGKASNYA kita melihat di sekeliling kita bagaimana pergolakan dan proses yang mewujudkan sesebuah negara sedang berlaku dan bagaimana semangat nasionalisme di kalangan orang-orang yang tertekan ini menjadikan mereka tidak pernah jemu dan putus asa untuk berjuang demi kebebasan dan membentuk negara sendiri.

DALAM kes Malaysia yang sudah bebas daripada kolonial British, apakah nasionalisme atau semangat kebangsaan yang menjadi pendorong kepada kebebasan itu masih berperanan.

Apakah peranan nasionalisme dalam pembentukan negara atau *nation-building* yang sering disebut-sebut. Ada yang beranggapan dengan tercapainya pelbagai kemajuan, peranan nasionalisme sudah dianggap lapuk atau *out-dated* dari segi pemakaian untuk menyatakan pembangunan negara Malaysia. Dari sudut itu, nasionalisme dilihat sebagai unsur yang bersifat *fashionable* sahaja dan hanya popular apabila negara Malaysia sedang menghadapi kolonial British. Selepas kemerdekaan dicapai dan Persekutuan Tanah Melayu dan Malaysia dibentuk, nasionalisme dianggap tidak lagi sesuai. Begitu juga dengan beberapa gerakan lain yang turut sama dalam usaha untuk membina negara sehingga tercapainya kemerdekaan, turut terhenti setakat itu sahaja. Peranan gerakan tersebut diambil alih oleh gerakan-gerakan lain yang tidak berasaskan semangat nasionalisme. Misalnya sebelum dan ketika baru mengecapi taraf kemerdekaan, terdapat parti-parti politik yang merupakan organisasi politik waktu itu tetapi kini tidak lagi berperanan.

DALAM menghuraikan gerakan kebangsaan dalam pembinaan negara bangsa Malaysia ia perlu diteliti dari beberapa aspek. Antaranya aspek sejarah bangsa Malaysia itu sendiri, masalah konsep, dan cabaran pada masa akan datang. Oleh itu perbincangan ini akan menjurus kepada tiga bahagian. Pertama, aspek konsep dalam pembentukan negara bangsa. Kedua, masyarakat Melayu sejak pertembungan dengan kuasa Eropah hingga lahirnya masyarakat majmuk. Ketiga, tentang cabaran masa akan datang dalam pembentukan negara.

## *Permasalahan Konsep*

### *Bangsa Dan Kebangsaan*

KONSEP kebangsaan sering dikaitkan dengan perkataan nasionalisme. Dalam sesetengah pemakaian istilah nasionalisme,

lebih kerap digunakan daripada istilah kebangsaan yang memperlihatkan seolah-olah kedua-duanya menyatakan maksud yang sama. Nasionalisme yang digunakan ialah istilah yang dipinjam dari Barat iaitu perkataan nasionalisme berasal daripada bahasa Latin iaitu *natio* yang bermaksud kelahiran. Jelasnya ia membawa maksud tempat kelahiran seseorang individu dan kaitan individu dengan tempat kelahirannya dalam bentuk rasa kecintaan terhadap tempat kelahirannya itu. Dengan perkataan lain, terdapat satu bentuk hubungan emosi dengannya. Di situlah seseorang individu itu dibesarkan dan mendapat didikan dalam kelompok masyarakat yang kemudiannya membudayakan dirinya. Oleh itu, pertalian dengan tempat lahirnya juga mengaitkannya dengan budaya malah ikatannya juga terpaut kepada kaum keluarga yang mempunyai pertalian darah dan seterusnya dengan anggota masyarakat yang lebih luas. Ikatan itu seterusnya akan berkembang kepada satu-satu kawasan tertentu atau kawasan geografinya termasuk ilkim.

ISTILAH *natio* telah bertukar menjadi *nation* dan apabila diterjemah, ia membawa maksud bangsa. Oleh yang demikian, apabila kita menyebut bangsa dengan maksud *nation*, pengertiannya ialah sekelompok orang yang lahir dan mempunyai pertalian emosi khususnya kecintaan terhadap tempat kelahirannya itu. Ini selari dengan konsep “tanah tumpahnya darahku” yang merujuk negeri tempat kelahiran yang sudah dirangkul dengan emosi cinta dan kewajiban memelihara kedaulatannya. Dengan nasionalisme, ia boleh dimaksudkan sebagai kebangsaan yang membawa maksud puncak kepada emosi cinta itu tadi. Walau bagaimanapun, terdapat juga penggunaan *nation* dengan maksud lain tetapi diterjemah sebagai “Bangsa-bangsa Bersatu”, walaupun maksud yang sebenar ialah Negara-negara Bersatu.

JIKA berdasarkan ketetapan terjemahan bangsa dan negara, nasionalisme juga boleh dimaksudkan dengan kenegaraan dan

bukan kebangsaan. Namun, pemilihan istilah “bangsa” bukan negara sudah diterima dengan maksud yang kita terima seperti yang dinyatakan. Pengertian ini khusus kerana ia mempunyai unsur-unsur budaya yang maksudnya dilihat dari kaca mata Melayu itu sendiri yang sudah diubah suai dengan budaya Melayu.

## *Nationality Atau Kewarganegaraan*

SEHUBUNGAN dengan konsep bangsa itu juga ia boleh membawa maksud *nationality*. Berpunca daripada istilah *nation* (tempat kelahiran), ia juga boleh bermaksud ras dan etnik—terdapat ciri kesamaan seperti budaya, bahasa, dan agama. Tetapi, istilah *nationality* lebih dikaitkan dengan pembentukan negara-negara yang bercirikan politik dan perundangan, yang melahirkan konsep warganegara atau *citizenship*. Konsep ini bermaksud seseorang itu diterima sebagai ahli kepada sesebuah negara berasaskan prinsip undang-undang atau perlembagaan. Dalam hal ini, seseorang itu walaupun bukan dari kaum negara asal, tetapi berasaskan perkembangan negara tertentu, ia boleh mempunyai hak seperti rakyat asas negara itu. Sebagai contoh, di Malaysia, seseorang yang berketurunan Cina atau India dapat diterima sebagai warganegara dengan syarat yang diperuntukkan dalam perlembagaan Malaysia. Ia juga mempunyai hak yang sama sebagai warganegara Malaysia walaupun mereka bukan warga asal negara ini.

PERSOALAN selanjutnya, apakah istilah nasionalisme itu dipinjam kerana disesuaikan dengan perkembangan seiring dengan pembentukan negara yang juga diertikan sebagai *state*. Istilah *state* juga bermaksud sebagai pemerintah yang dikaitkan dengan *government*. Manakala terjemahan kepada *government* ialah kerajaan dalam bahasa Melayu. Jika perkataan itu diterjemah semula ke dalam bahasa Inggeris ia bermaksud *kingdom*. Oleh itu untuk mencari ketepatan dalam terjemahan,



dari bahasa Malaysia ke bahasa Inggeris dan sebaliknya amatlah sukar. Walau bagaimanapun, apa yang penting ialah konsep itu sendiri. Pemakaian istilah kerajaan adalah dengan maksud konsep *government*, bukan *kingdom*. Oleh itu, pengertian konsep dalam pemakaian adalah penting untuk memahami keadaan. Ia tidak boleh diterjemah semula tanpa merujuk maksudnya.

DARIPADA apa yang dinyatakan di atas, jelas bahawa konsep-konsep seperti nasionalisme, *nation*, *nationality*, dan *government* perlu diperjelas terlebih dahulu. Sekiranya penterjemahan berlaku ia hendaklah disesuaikan dengan maksud masyarakat setempat yang mempunyai ciri-ciri budaya yang berbeza. Di samping itu juga, istilah tersebut juga berkembang dan maksudnya juga mencerminkan budaya masyarakat Malaysia.

## *Pembentukan Negara Bangsa*

### *Pengertian*

KEDUA-DUA perkataan tersebut mempunyai pengertian yang tertentu. *Nation-state* dikatakan sebagai negara bangsa. Penggunaan konsep tersebut seiring dengan istilah *nation-building* dan *state-building*. Pengertian *nation-building* dan *state-building* agak berbeza. *State-building* bermaksud pembentukan pemerintahan atau kerajaan. Proses ini melibatkan bagaimana organisasi pemerintahan dapat dibentuk sehingga ia diperlihatkan sebagai jentera yang dapat menguasai anggota masyarakat di dalam satu-satu kawasan yang tertentu. Ia juga berjaya mengawal susunan serta perjalanan sistem organisasi di mana ia dapat mengawal semua anggota masyarakat di samping mengekalkan kawasan-kawasannya di dalam satu unit.

MANAKALA *nation-building* pula boleh dilihat dari golongan yang diperintah. Golongan ini dapat menzahirkan ketaatan

kepada pemerintah yang dapat hidup atas semangat kekitaan. Masyarakat dapat mempraktikkan budaya sepunya serta dapat mewujudkan satu identiti dalam satu-satu kawasan yang dipanggil negara. Oleh itu *state-building* dan *nation-building* dapat dilihat sebagai saling berkaitan. Dengan yang demikian, apabila kita membicarakan *nation-building* atau pembentukan negara, kita tidak terpisah untuk menjelaskan sistem pemerintahan.

## *Proses: Daripada Negeri Kepada Negara*

MALAYSIA yang sedia wujud hari ini telah melalui beberapa fasa pembentukan dan proses pemasyarakatan. Ini dapat dilihat dari perkembangan masyarakat kita sendiri. Sebagai gambaran umum, proses yang dilalui dapat diletakkan dalam tiga peringkat. Pertama, di peringkat zaman sebelum kolonial, kedua zaman kolonial dan ketiga, selepas kemerdekaan.

PENULISAN sejarah awal Malaysia lebih tertumpu kepada Kesultanan Melayu Melaka. Kesultanan tersebut digambarkan dengan pembentukan kerajaan Melayu Melaka dalam tahun 1400, diikuti oleh sistem dan susun lapis pemerintahan yang berasaskan undang-undang yang dipanggil hukum kaum.

JIKA kesultanan di Tanah Melayu dikatakan bermula pada tahun 1400, tidakkah kita melakukan satu ketidakadilan kepada sejarah? Apakah sebelum Kesultanan Melayu Melaka (KMM) tidak wujud sebarang Kerajaan Melayu? Apakah sejarah Malaysia kita hari ini hanya bermula dari tahun 1400? Keadaan ini telah menimbulkan pelbagai persoalan dan perbincangan di kalangan ahli-ahli sejarah tentang bilakah bermula kerajaan Melayu dan juga sejarah masyarakat Melayu. Tidak ada jalan mudah untuk menyelesaikan isu yang berbangkit kerana ahli-ahli sejarah tidak sepakat dalam mengelaskan kerajaan yang wujud sebelum ini; ada yang menganggap kerajaan-kerajaan tersebut tidak dapat dianggap

sebagai kerajaan Melayu. Tidakkah kerajaan seperti Srivijaya, Majapahit, Langkasuka, dan Funan yang bertapak di Alam Melayu ini dianggap kerajaan Melayu?

PADA tahun 1511 Melaka ditakluk oleh Portugis. Dari itu bermula pula pertembungan antara masyarakat Melayu dan Eropah. Walaupun Portugis dan kemudian Belanda hanya menguasai Melaka, pada sesetengah ahli sejarah ia digambarkan seolah-olah seluruh kawasan kerajaan Melayu sudah dikuasai oleh kedua-dua kuasa Barat tersebut. Bagaimana kerajaan Melayu menghadapi unsur baru iaitu kolonialisme bentuk Portugis dan Belanda juga turut dihuraikan. Ekoran itu, kerajaan Melayu yang lain seperti Johor, Kelantan, Perak, dan sebagainya turut tumbuh selepas itu. Di sini, persoalannya adakah pertumbuhan negeri Melayu tersebut sebagai satu penyelesaian dalam menghadapi Portugis dan Belanda.

BERIKUTNYA, selepas Perjanjian Inggeris-Belanda 1824 bermula pula satu perkembangan baru dan pembahagian "sphere of influence" antara British dan Belanda. Pembahagian itu sebagai *fait accompli* yang dianggap sangat tragis kepada dunia Melayu dan ia berlaku tanpa disedari oleh penduduk kawasan ini. Dengan perkataan lain, ia dapat digambarkan sebagai satu *historical accident* iaitu masyarakat dibahagi-bahagi mengikut kehendak hati kedua-dua kuasa tersebut. Dalam hal ini, kita sekali lagi diasuh sedemikian untuk terus menjuruskan perhatian kepada wilayah yang kecil sahaja iaitu di Semenanjung. Adakah tindakan ini bertujuan untuk memberi orientasi bahawa Melayu wujud dalam satu kawasan yang kecil sahaja.

LIMA puluh tahun selepas tahun 1874, termeterai Perjanjian Pangkor dan bermula satu era kolonialisme yang jauh berbeza daripada kolonialisme Portugis terdahulu. Walaupun diperintah secara tidak langsung, sebenarnya British berjaya untuk menjadikan Semenanjung dan Singapura sebagai koloninya. Pada dasarnya ia diperlihatkan sebagai *protected states* atau

negeri-negeri naungan British. Dalam banyak tulisan sejarah oleh penulis-penulis British Semenanjung Malaysia dikenali sebagai British Malaya. Ini memperlihatkan pada konsepnya, British Malaya sebagai kepunyaan British dan dengan itu British mempunyai kuasa sebagai harta miliknya.

DALAM zaman kolonial British pihaknya telah berjaya mewujudkan dan mengembangkan sistem pentadbiran yang dianggap berkesan untuk tujuan perkembangan ekonomi kolonial. Sistem yang diperkenalkan hampir sama dengan sistem yang dilakukan di British India. Daripada sistem residen, pihak British telah berjaya kemudiannya mewujudkan tiga jenis sistem pentadbiran iaitu Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu, Negeri-negeri Melayu Bersekutu, dan Negeri-negeri Selat. Di samping itu juga pengenalan kepada sistem perundangan yang dikenali sebagai Kanun Jenayah India. Tetapi hal yang berkaitan dengan adat istiadat Melayu dan agama Islam diletakkan di bawah Raja-raja Melayu yang terikat kepada undang-undang kolonial. Ini menyebabkan wujudnya dualisme dalam sistem perundangan Malaya yang masih terus diamalkan sehingga hari ini.

BAGI menjayakan kegiatan ekonomi kolonial, dasar buka pintu kepada pendatang-pendatang asing telah diperkenalkan. Dengan itu lahir pula masyarakat bersifat majmuk di Tanah Melayu. Masyarakat itu menjadi aset kepada kolonial British untuk menentukan dan mengekalkan kuasa mereka. Dalam banyak tulisan sejarah Malaysia, zaman ini sering digambarkan sebagai zaman “pembangunan”. Untuk mengendalikan pendatang-pendatang tersebut, dua jabatan turut diperkenalkan iaitu Jabatan Buruh untuk mengendalikan hal-ehwal buruh India dan Jabatan Hal-Ehwal Orang Cina untuk mengendalikan hal-ehwal kaum Cina.

BAGI sistem pendidikan diwujudkan pula sistem dualisme iaitu pendidikan Inggeris dan Melayu. Sekolah-sekolah agama orang

Melayu memang telah lama wujud sebelum itu. Tetapi pihak Inggeris tidak berminat untuk mengembangkannya dan dengan itu keadaannya sangat daif kerana tidak mendapat sokongan pihak kolonial. Begitu juga dengan pendidikan Cina yang dianggap sebagai perkara kaum Cina dan sekolah-sekolah India terletak di bawah bantuan syarikat ladang-ladang getah kepunyaan syarikat-syarikat British.

PADA umumnya sistem kolonial British telah mendatangkan kesan kepada masyarakat Melayu. Rata-rata masyarakat Melayu jauh tersisih daripada arus pembangunan kolonial British jika dibandingkan dengan kaum pendatang yang lain khususnya orang Cina. Tetapi ada pula pandangan umum yang menganggapnya dasar British lebih bersifat pro-Melayu dengan wujudnya pelbagai keistimewaan seperti Rizab Tanah Melayu, Kelas Melayu Khas, Kolej Melayu, *Malay Administrative Service*, Maktab Latihan Perguruan Melayu, dan sebagainya.

ZAMAN kolonial British adalah pengalaman unik kepada masyarakat Melayu. Mereka berhadapan dengan dua perkara. Pertama, berhadapan dengan sistem pentadbiran dan pembangunan ekonomi British dengan syarikat gergasi British dengan modal dan sistem perbankan yang dianggap asing kepada masyarakat Melayu. Kedua, masyarakat Melayu berhadapan dengan masyarakat pendatang dengan budaya asing yang dibawa bersama.

FENOMENA baru ini melahirkan pelbagai reaksi. Secara psikologi ia telah mencetuskan perasaan bimbang terhadap orang asing. Kebimbangan ini bukan sebagai perasaan takut kepada sesuatu yang lebih gagah tetapi takut kerana tidak ada kuasa yang dapat menahan keadaan yang terus menguasai kedudukan masyarakat Melayu. Atas kesedaran daripada pengalaman yang dinyatakan itu, usaha mula berkembang untuk menimbulkan kesedaran politik dalam masyarakat. Pada tahap ini, gerakan hanya terbatas di peringkat menyedarkan

sahaja dan tidak sampai kepada peringkat politik yang aktif seperti berlaku kemudian.

PADA waktu itu, secara kasar masyarakat Melayu dapat digolongkan kepada dua kelompok. Pertama, golongan aristokrat dan birokrat yang rata-rata mendapat pendidikan Inggeris dan kedua golongan orang kampung yang rata-rata mendapat pendidikan Melayu dan agama. Keadaan mereka dianggap daif dari segi ekonomi.

Di samping itu, kita juga harus menyedari bahawa pada masa itu sifat kenegerian masih begitu menebal di kalangan orang Melayu yang datang dari berbagai-bagai daerah. Mereka merasakan sebagai rakyat sesebuah negeri dan taat setia mereka dicurahkan kepada negeri-negeri tertentu sahaja. Pada waktu itu, belum ada satu organisasi yang boleh mencerminkan atau mewakili seluruh bangsa Melayu di Semenanjung. Jika ada pun hanyalah menjelang Perang Pasifik melalui Kesatuan Melayu Muda (KMM) di bawah pimpinan Ibrahim Yaacob.

SELEPAS perang, satu kesedaran baru telah wujud apabila pihak kolonial British mahu menjadikan British Malaya benar-benar sebagai British Malaya dengan rancangan Malayan Unionnya. MacMichael yang pernah bertugas sebagai Setiausaha British di Palestin, dihantar ke Semenanjung untuk mendapat tanda tangan daripada Raja-raja Melayu sebagai tanda penerimaan mereka kepada pembentukan Malayan Union. Walaupun kemudiannya terdapat protes, tetapi hanya dengan menghantar telegram dan "titisan air mata" sahaja. Secara *de facto* dan *de jure* kuasa Melayu telah diserahkan bulat-bulat kepada British untuk dijadikan seluruh Semenanjung sebagai koloni British.

EPISOD Malayan Union merupakan satu perkara yang dianggap titik tolak dalam sejarah pembentukan negara Malaysia. Beberapa perkara penting menyusul kemudiannya

sebagai reaksi kepada Malayan Union. Antaranya pembentukan UMNO, Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, Pilihan Raya Pertama 1955, dan seterusnya kemerdekaan 1957.

PEMBENTUKAN UMNO itu sendiri dapat digarap sebagai satu organisasi yang pertama berbentuk dan bersifat kebangsaan. Seperti yang disebut, sebelum ini tidak terdapat sebarang organisasi yang benar-benar mencerminkan kebangsaan. Di samping itu buat pertama kalinya perkataan kebangsaan diperkenalkan kepada organisasi Melayu. Perkataan tersebut sebenarnya telah dicadangkan oleh Za'ba. (Apa yang anehnya sehingga hari ini namanya tidak terdapat di mana-mana bangunan UMNO—sebenarnya Za'ba juga merupakan pengerusi serta orang terpenting untuk menjayakan pertemuan Kongres Melayu Ketiga di kelab Sultan Sulaiman yang kemudian melalui UMNO di Johor Bahru pada 11 Mei 1946).

UMNO bukan sahaja berbicara tentang Malayan Union dan kuasa Melayu tetapi turut mengatur beberapa kedudukan ekonominya. Oleh kerana bangsa Melayu pada ketika itu sebagai kumpulan yang paling daif dari segi ekonomi dibandingkan dengan kaum-kaum pendatang yang lain. Dengan itu UMNO bukan sahaja bertindak dalam hal-hal politik semasa, malah ia juga sebagai organisasi yang berperanan mem-bela nasib orang Melayu.

JUSTERU itu UMNO dianggap sebagai jurucakap kepada orang Melayu Semenanjung. Selain itu terdapat beberapa organisasi Melayu yang lain seperti PKMM, Saberkas, Persatuan-persatuan Negeri seperti Kelantan, Terengganu, Selangor, dan sebagainya yang bergabung dengan organisasi UMNO, tetapi ekoran timbul perasaan tidak puas hati seperti di kalangan pemimpin PKMM yang keluar dari UMNO, termasuk Dato' Onn sendiri yang telah keluar dalam tahun 1951 dan kemudian menubuhkan IMP dan Parti Negara. Begitu juga dengan sayap ulama UMNO yang keluar dan telah

menubuhkan Persatuan Ulama Se-Malaya yang akhirnya bertukar menjadi Parti Islam Se-Malaya (PAS). Kesemua parti tersebut kecuali PKMM yang telah diharamkan pada tahun 1948 memberi tentangan hebat kepada UMNO dalam pilihan raya kemudiannya.

PADA tahun 1948, termeterai perjanjian Persekutuan Tanah Melayu sebagai hasil persetujuan antara Raja-raja Melayu, UMNO dan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 yang terbentuk pada tahun yang sama dengan perisytiharan darurat kerana keganasan Parti Komunis Malaya merupakan asas utama dalam pembentukan negara bangsa Tanah Melayu. Antara perkembangan penting yang berlaku selanjutnya selepas kelahiran Persekutuan Tanah Melayu ialah seperti bermulanya konsep Federalisme iaitu wujudnya kerajaan pusat dan pembahagian kuasa antara negeri dan pusat. Hal ini memperlihatkan bahawa negeri-negeri telah menyerahkan sebahagian besar kedaulatannya kepada pusat iaitu Kuala Lumpur. Di samping itu pula, bermulanya Majlis Perundangan Persekutuan dan garis pemisahan antara kehakiman, eksekutif, dan perundangan diperkenalkan.

SEHUBUNGAN itu, proses pemilihan juga diperkenalkan dengan bermulanya pilihan raya di peringkat bandaran Pulau Pinang pada tahun 1951 dan pada tahun 1952 di Kuala Lumpur. Dengan terdapatnya pilihan raya bandaran Kuala Lumpur pada Febuari 1952, UMNO memulakan pendekatan baru untuk mendapat sokongan dengan mewujudkan pakatan elektoral. Menjelang pilihan raya 1955, pakatan tersebut menjadi satu *coalition* yang bersifat satu parti tetapi mengekalkan identiti "perkauman". Parti tersebut ialah Perikatan atau *Alliance* yang bersimbolkan kapal layar dan terdiri daripada tiga komponen iaitu UMNO, MCA, dan MIC.

DUA tahun berikutnya iaitu antara tahun 1955 hingga 1957, Perikatan memulakan perundingan dengan pihak British sebagai



usaha memenuhi janji mereka seperti yang terkandung dalam manifesto pilihan raya 1955 untuk mendapatkan kemerdekaan bagi Semenanjung Tanah Melayu. Persekutuan Tanah Melayu akhirnya diisytiharkan sebagai sebuah negara moden. Dengan perisytiharan itu sebuah negara yang merdeka telah wujud. Negara baru ini tegak atas prinsip yang memenuhi syarat sebagai sebuah negara—seperti mempunyai kawasan atau wilayahnya yang jelas, warganegara, kedaulatan, dan pemerintahan. Apa yang penting dalam hal ini ialah adanya perlembagaan bertulis yang memaktubkan beberapa perkara penting seperti pembahagian kuasa antara negeri dan pembahagian kuasa antara negeri dan persekutuan, warganegara, bahasa, agama, raja, sistem pemilihan, kerajaan, perundangan, dan sebagainya. Perlembagaan ini merupakan undang-undang tertinggi bagi negara dan dianggap sebagai persetujuan oleh semua anggota masyarakat sebagai satu persetujuan sakral antara kaum.

KONSEP warganegara ialah sesuatu yang baru bagi masyarakat Melayu. Dalam konteks kerajaan Melayu orang ramai yang diperintah oleh raja dalam sesebuah negeri dianggap sebagai rakyat. Dengan perkataan lain, rakyat dihubungkan dengan raja, tetapi warganegara memperlihatkan pertalian dengan negara yang dilindungi oleh undang-undang. Warganegara juga turut mengubah kedudukan rakyat Melayu dalam erti kata menyamakan kedudukan mereka dengan orang asing yang turut diterima sebagai warganegara yang menjadi syarat kemerdekaan yang ditentukan oleh pihak British. Sekaligus kemerdekaan telah mengubah corak penduduk Tanah Melayu.

CORAK kuasa juga turut berubah begitu pantas sekali. Hampir semua kuasa pemerintahan berpindah daripada raja kepada rakyat melalui sistem pemerintahan berparlimen dan rakyat berhak memilih wakil yang dikehendaki untuk mentadbirkan dan menerajui negara. Walau bagaimanapun, kedudukan raja terus dikekalkan, malah diperkukuhkan lagi di bawah naungan perlembagaan. Dari satu sudut taraf kemerdekaan telah

membawa perubahan-perubahan drastik kepada masyarakat Melayu.

## *Dari Persekutuan Tanah Melayu Ke Malaysia*

PEMBENTUKAN Malaysia berlaku dalam keadaan ketika dunia sedang menghadapi “perang dingin” di antara “blok dunia bebas” dan “blok komunis”. Sementara itu Asia Tenggara menjadi medan peperangan serta proksi kepada dua blok tersebut; Vietnam terbahagi dua dan begitu juga dengan Korea. Indonesia juga tidak terlepas daripada kancah politik peperangan tersebut iaitu PKI dan pihak militer bersaing untuk menentukan kuasa di Indonesia. Dengan itu, konsep Malaysia yang menghasilkan Malaysia sebagai sebuah negara telah mendapat tentangan hebat daripada Indonesia dengan melancarkan dasar konfrontasi terhadap Malaysia yang dianggap sebagai neo-kolonialis.

CABARAN pembentukan Malaysia bukan dari konfrontasi Indonesia sahaja malah Filipina pula cuba membuat tuntutan ke atas wilayah Malaysia iaitu Sabah. Sehubungan itu, Malaysia menjadi perhatian antarabangsa, khususnya PBB yang telah mengisytiharkan supaya satu referendum perlu diwujudkan dengan membuat satu tinjauan ke atas Sabah dan Sarawak untuk memastikan penyertaan mereka ke dalam Malaysia tanpa paksaan. Walaupun Indonesia memprotes dan Filipina terus bersikap negatif, Malaysia tetap ditubuhkan sebagai sebuah negara yang berdaulat.

PERLEMBAGAANNYA dibentuk seperti yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu tetapi ia diluaskan dengan memberi beberapa peruntukan khas untuk Sabah, Sarawak, dan Singapura. Singapura tidak kekal dalam Malaysia dan pada tahun 1965 ia dikeluarkan daripada Persekutuan.

## *Permasalahan*

SEJAK tertubuhnya Persekutuan Tanah Melayu dan kemudiannya Malaysia, perkara yang membawa masalah ialah konflik antara kuasa pusat dengan kuasa negeri. Memang menjadi kebiasaan dalam sistem federalisme, walaupun terdapat batasan-batasan tertentu dalam pembahagian kuasa antara pusat dengan negeri, terdapat beberapa litar pintas yang mengeruhkan suasana hubungan akibat politik kepartian dan pemimpin.

DALAM hal tersebut, beberapa kes dapat dijadikan contoh. Antaranya Kelantan dalam tahun antara 1959 sehingga 1969. Hal ini disebabkan kerana PAS membentuk kerajaan negeri sementara kerajaan Pusat dikuasai oleh Perikatan. Soal-soal pembangunan telah menjadi isu kerana Kelantan menuduh Pusat tidak memberi peruntukan yang cukup kepada pembangunan infrastruktur. Menurut Kelantan, negeri-negeri lain mendapat keistimewaan di samping pemberian geran. Kes Singapura juga dikatakan berpunca daripada dasar Memalaysia-kan Malaysia, PAP diperlihatkan tidak serasi dengan sikap tegas pusat yang berpegang kepada perlembagaan Malaysia. Begitu juga dengan Sarawak dalam kes Kalong Ningkan yang berbangkit daripada soal pelantikan Ketua Menteri yang tidak dipersetujui oleh Pusat kerana Pusat mahukan calon lain sebagai pengganti. Seterusnya di Sabah terdapat kes Fuad Stephen iaitu pusat tidak berpuas hati dengan dasar pembangunannya dan memihak kepada calon lain.

MASALAH-MASALAH tersebut berpunca daripada ketidak-samaan antara Pusat dan negeri. Ini dapat dilihat dalam perspektif *centrifugal* dan *centripetal* dalam erti kata bahawa ada pihak yang hendak mengekalkan kuasa kepada pihak Pusat dan di satu pihak pula ada cita-cita membebaskan diri dari Pusat dengan mewujudkan sedikit autonomi. tetapi dalam hal tersebut, Pusat sentiasa berjaya mengatasi keadaan. Pihak Pusat sedapat mungkin cuba menekan pihak negeri agar sentiasa

seia sekata dan memastikan dasar negeri selari dengan dasar Pusat. Perlembagaan sentiasa memberi peruntukan yang membolehkan Pusat mengatasi negeri.

BERIKUTNYA kes Kelantan sekali lagi timbul dalam tahun 1977/1978 apabila Kelantan diisytiharkan darurat kerana kes pelantikan Menteri Besar dan permasalahan antara parti dalam parti semasa PAS masih berada dalam BN menemui jalan buntu. Akibatnya, PAS telah keluar dari BN dan diikuti dengan kekalahan PAS sebagai kerajaan negeri. Demikian juga dengan kes Sabah dalam tahun 1990 sehingga 1994 yang berpunca daripada sikap tidak sehaluan antara dasar PBS dengan BN di Pusat yang mengakibatkan PBS keluar dari BN. Walaupun PBS menang dalam pilihan raya berikutnya tetapi kemudian BN berjaya mengambil alih kerajaan negeri akibat perpecahan dalam PBS yang mengakibatkan tertubuhnya parti-parti baru yang kemudiannya menyertai BN.

DALAM hal tersebut, dapat disimpulkan bahawa politik antara parti juga boleh mengakibatkan permasalahan antara parti dan kerajaan. Ini dapat dilihat dalam tiga peringkat iaitu parti, pimpinan, dan kerajaan. Demikian juga dengan hubungan antara kaum yang turut menimbulkan masalah. Sejak Persekutuan Tanah Melayu sehingga Malaysia perkara-perkara seperti perhubungan kaum dan integrasi merupakan antara perkara atau agenda yang masih belum diselesaikan. Ini berpunca daripada masyarakat berbilang kaum atau etnik. Puncanya dapat dikesan daripada warisan kolonial kerana dasar pentadbiran dan ekonomi kolonial telah melahirkan masyarakat yang bercorak majmuk. Tidak ada galakan untuk kaum-kaum beroperasi dalam satu sistem sama ada dalam bentuk identiti mahupun dalam proses sosialisasi peringkat formal seperti sistem persekolahan dan bahasa. Sifat majmuk iaitu hidup berdampingan tetapi berasingan terus-menerus diamalkan sehingga kemudiannya menimbulkan masalah. Satu bentuk kewarganegaraan tidak pernah wujud sehingga tahun 1948

apabila kewarganegaraan diperkenalkan. Begitu juga dengan sistem pendidikan, hanya selepas merdeka satu bentuk pendidikan kebangsaan diperkenalkan apabila Laporan Razak dan Rahman Talib yang mendasari sistem pendidikan kemudiannya dibentuk. Bahasa juga turut berperanan apabila bahasa Melayu diperkenalkan dan dijadikan bahasa kebangsaan.

SELANJUTNYA proses integrasi nasional juga berperanan dalam pembentukan negara bagi melahirkan bangsa Malaysia. Integrasi bukan sahaja dari segi pembangunan masyarakat Malaysia malah integrasi supaya semua wilayah dalam Persekutuan Malaysia dapat dikekalkan. Segala perancangan dan dasar pembentukan bangsa Malaysia hendak diasaskan kepada sejarah bangsa Melayu walaupun transformasi daripada Melayu kepada Malaysia tidak dapat dinafikan. Dalam dunia hari ini, sistem perhubungan dan teknologi canggih merupakan elemen yang boleh mencabar bangsa Malaysia.

## *Bangsa Melayu Atau Bangsa Malaysia*

PADA umumnya, segala perbincangan dan huraian tentang negara bangsa Malaysia hendaklah berasaskan proses sejarah. Sejarah dalam hal ini bukanlah membawa maksud pembentukan negara (*state*) atau golongan pemerintahan sahaja. Ia hendaklah dilihat sebagai proses perkembangan masyarakat itu sendiri. Dengan yang demikian pembentukan negara dilihat dari kedua-dua aspek iaitu pembentukan bangsa (*nation-building*) dan pembentukan pemerintahan (*state-building*). Ada beberapa implikasi terhadap perkembangan bangsa yang dapat dibuat daripada perbincangan di atas.

PERTAMA, tentang konsep asing yang dipinjam ke dalam masyarakat Malaysia hari ini seperti *nation* yang bermaksud bangsa dan *nationalism* yang bermaksud kebangsaan. Dan kebangsaan pula membawa maksud budaya setempat iaitu

Melayu yang tidak membawa pengertian kepada ras. Begitu juga dengan pengertian *nationality* yang boleh membawa maksud keturunan dan bukan ras. Di samping itu, dalam proses tersebut konsep warganegara yang bermaksud sebagai ahli dan anggota masyarakat yang berasaskan perlembagaan Malaysia.

KEDUA, bagaimana perkembangan masyarakat Melayu menghadapi perubahan dan respon mereka kepada kolonialisme. Kita melihat perubahan yang telah mengubah sikap serta tindakan yang diambil untuk mencari satu penyelesaian bagi mewujudkan sebuah negara yang merdeka serta dapat merencanakan masa depannya sendiri. Perubahan ini juga dapat dilihat berlaku dalam pertembungan antara feudalisme dan kolonialisme yang kemudian melahirkan konsep demokrasi. Ini beroperasi dalam proses pemilihan dalam bentuk pemerintahan yang berasaskan undian popular dan sokongan diperoleh melalui sistem kepartian. Selanjutnya sistem politik kepartian merupakan wahana bagi menjamin masyarakat berpeluang dalam organisasi yang dapat merealisasikan program, kerja sama, dasar, serta tindakan kolektif.

KETIGA, sejauh mana parti politik dapat menjamin sistem negara dalam erti kata kepentingan negara dipertahankan sama ada dalam negara mahupun dalam persaingan di arena antara-bangsa. Ini bermakna sejauh mana pembentukan pemerintahan dapat menjamin kedaulatannya dari segi keabsahan dalam proses menjamin kedaulatan rakyatnya.

KEEMPAT, perubahan dramatik yang sedang berlaku di seluruh dunia iaitu banyak negara baru muncul selepas pasca perang dingin antara blok bebas dengan blok komunis. Zaman ideologi khususnya komunisme hampir berlaku. Di samping itu juga, fenomena baru muncul dengan sistem komunikasi yang berteknologi tinggi yang melahirkan dunia dalam bentuk tanpa batasan (*borderless*). Perimbangan kuasa politik antarabangsa juga turut berubah dengan perpecahan yang berlaku di Rusia.

Sehubungan itu pula pola migrasi atas sebab ekonomi dan sektor perburuhan berubah, seperti orang Asia ke Eropah dan kemasukan buruh asing ke Malaysia. Adakah ini semua akan mengubah pola masyarakat Malaysia kemudiannya?

*Ketahanan  
Bangsa Dan  
Kelangsungan  
Negara:  
Malaysia  
Dalam Era  
Globalisasi*

10

---

**MOHAMAD ABU BAKAR**

ERA globalisasi yang akhir-akhir ini menjadi rujukan meluas sesungguhnya menandakan mercu kepada proses pensejagatan yang telah berkembang semenjak bermulanya sejarah hubungan antara-bangsa. Malah “pertentangan tamadun” yang diheboh-hebohkan oleh Samuel Huntington<sup>1</sup> bukanlah sesuatu yang baru; cuma ia berkemungkinan menjadi realiti yang membesar dalam dunia yang semakin tidak bersempadan ini. Negara bangsa sebagai unit terpenting dalam politik internasional akan terdedah kepada situasi dan suasana yang semakin mencabar dalam konfigurasi kuasa yang tidak lagi ditentukan oleh Perang Dingin.

NEGARA merdeka Malaya yang muncul pada tahun 1957 sebenarnya bukan sekadar berkedudukan sebagai pelaku internasional yang telah



“internalized” banyak nilai luar, khususnya yang bersumberkan Barat, tetapi telah juga diantarabangsakan oleh pihak tersebut untuk tujuan antarabangsanya. Proses globalisasi yang menguasai negara ini pada periode satu dekad pertama selepas kemerdekaan telah menempatkannya dalam orbit Dunia Bebas dan sekaligus meletakkannya berkonfrontasi dengan blok Komunis.<sup>2</sup> Pensejagatan yang ditentukan oleh konflik ideologi ini telah mencorakkan politik domestik dan dasar luar, dan keadaan ini berpanjangan hingga ke tahun-tahun akhir 80-an. Dengan tamatnya Perang Dingin, Malaysia turut sama terlepas daripada belunggu lama tetapi pembebasan ini menghumbangkannya ke dalam pelukan globalisasi yang lebih menyeluruh.

### *Ciri-ciri Globalisasi Mutakhir*

GLOBALISASI pasca Perang Dingin serentak mengandungi ciri-ciri lama dan baru dan kedua-dua aspek ini ternyata telah dan sedang berinteraksi dengan Malaysia selaku pelaku internasional semasa. Ciri lama termasuklah nilai-nilai politik, ekonomi, dan saintifik yang tersebar akibat daripada penjajahan, perkembangan pengangkutan dan perhubungan, penyebaran ilmu dan pemindahan teknologi, dan kebanyakannya berasal daripada Barat. Budaya politik asing terutama sekali telah mewujudkan *saliency* tersendiri dalam bentuk amalan demokrasi, manakala impak proses ekonomi luar menghasilkan sistem ekonomi bebas atau *laissez faire* di samping merangkaikan negara kepada *multi-national corporation* yang berpusat di metropolis-metropolis luar. Pertalian transnasional yang berkembang pada dekad 70-an, yang mewujudkan keadaan bergantung antara negara, diperkukuhkan lagi oleh komitmen bersama dan kerja sama untuk mengawasi pergerakan modal, hak asasi, dan alam sekitar pada dekad 80-an. Perhubungan ekonomi dan perdagangan antarabangsa terutama sekali telah memberi kesan besar dan meluas, dan ini dipercayai bertanggungjawab membawa kepada penaklukan berbentuk baru

negara-negara sedang membangun di samping melumpuhkan budaya tradisional. Kritikan-kritikan terhadap apa yang digembar-gemburkan sebagai neo-kolonialisme dan neo-imperialisme menjelaskan betapa merebaknya pengaruh politik dan ekonomi asing itu.<sup>3</sup>

DENGAN berakhirnya Perang Dingin, dunia komunis lama umumnya telah terserap sama dalam pergerakan globalisasi Barat. Kehancuran sistem sosialis itu membuka jalan kepada penyertaan negara-negara bekas Soviet di Eropah Timur dan Asia Tengah khususnya untuk mengambil bahagian dalam perkembangan demokrasi dan kapitalisme dan serentak mengukuhkan arus pensejagatan nilai yang ditaja oleh Amerika Syarikat dan negara-negara seangkatan dengannya. Idea “The End of History” yang diutarakan oleh Francis Fukuyama sebenarnya merujuk kepada pencapaian ini.<sup>4</sup> Dengan kejayaan ideologi Barat ini, maka dunia keseluruhannya menjadi semakin terdedah kepada mainan dan manipulasi Washington, London, Paris, dan Bonn. Perkampungan antarabangsa ini bukan sahaja merapatkan manusia untuk bekerja sama dengan lebih berkesan, tetapi juga membolehkan yang kuat, yang kaya, dan yang berpengetahuan menggunakan kelebihan mereka untuk memeras, memperdaya, dan paling tidak meminggirkan yang lemah, yang miskin dan yang jahil. Seiring dengan persyarikatan ekonomi serantau, umpamanya, ialah konflik antarabangsa serantau yang membabitkan kuasa utama dari luar dan kuasa pertengahan tempatan, sebagaimana yang berlaku ketika Perang Teluk.<sup>5</sup>

GLOBALISASI semasa bertindak dalam pelbagai dimensi, sambil mengaut ciri lama dan baru. Pensejagatan demokrasi yang diusahakan oleh Amerika Syarikat dan sahabat-sahabatnya di Barat,<sup>6</sup> dan penjajaan idea hak asasi manusia oleh pihak yang sama, telah bertukar menjadi satu bentuk penjajahan. Negara-negara lain semacam dipaksa menganut falsafah demokrasi dan mematuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh

Washington, London, dan Paris. Nilai-nilai tradisi yang bertunjang pada sejarah dan fahaman politik tempatan cuba dikoyak dan diubah suai agar selari dengan ideal demokrasi Barat. Dunia yang semakin mengecil dipercayai lebih mudah diurus dan ditangani, dan inilah yang sedang dilakukan oleh Amerika Syarikat dan sekutunya dalam usaha pemasaran demokrasinya.

BARAT juga tidak ketinggalan memperkenalkan atau merancang idea *morality*, seolah-olah itulah sahaja nilai kehidupan yang baik untuk mencapai kehidupan yang sempurna. Perkampungan antarabangsa menjadi sasaran, kerana medan itu bukan sahaja semakin mengecil tetapi juga semakin terbuka dengan ketiadaan sosialisme sebagai pencabar dan ketiadaan Soviet Union sebagai kuasa utama dan kuasa saingan. Di antara ciri-ciri lama yang terus-menerus menjadi aspek menonjol dalam perkampungan antarabangsa ini ialah penjajahan budaya yang diakibatkan oleh penularan nilai-nilai Barat khususnya, yang kini dipermudahkan lagi oleh pengenalan media elektronik yang pelbagai jenis. Penyeragaman sikap dan fahaman yang terhasil daripada pendedahan kepada anasir-anasir asing mengikat anggota masyarakat dari pelbagai negara, dan menjalinkan hubungan emosi dan sentimen antara mereka; tetapi pada masa yang sama ia telah melumpuhkan budaya tempatan. Ketahanan bangsa turut terhakis akibat proses ini.

DIMENSI penting globalisasi semasa ialah peranan membesar blok ekonomi, atau daerah ekonomi, yang merangkumi kawasan-kawasan yang tidak semestinya sama dengan negara-bangsa. Kalau dahulunya syarikat multinasional begitu mencabar kedudukan negara sebagai unit antarabangsa, maka kemunculan *region state*<sup>7</sup> sebagai zon ekonomi dengan kegiatan *cross-border* dan rangkaian internasionalnya juga mampu menggugat kestabilan politik dan kehidupan sosio-ekonomi, khususnya apabila kehadirannya menjadi *transnational foci of loyalty* atau seumpamanya. Agenda ekonomi boleh menguasai

dan mengatasi kesedaran bangsa, agama, dan sejarah yang selama ini bertindak sebagai fundamental dalam kehidupan negara-negara.<sup>8</sup> Keadaan menjadi parah apabila blok ekonomi atau daerah ekonomi tadi beroperasi di bawah naungan pihak, bangsa atau puak tertentu sebagaimana EC yang kuat ditentukan oleh kepentingan politik dan ketenteraan Barat.

DUNIA ketiga yang semenjak dahulu lagi menjadi objek globalisasi luar kini sesungguhnya berada dalam keadaan yang semakin terhimpit. Negara-negara yang sebelumnya berpihak kepada Barat, sama ada sebagai anggota pakatan tentera atau sebagai penyokong biasa dalam konflik blok, telah kehilangan nilai strategis apabila musuh tradisi demokrasi dan kapitalis berada dalam kehancuran. Dahulunya Barat tidak begitu menghiraukan sama ada negara sahabatnya itu sebuah negara demokrasi, atau sebuah negara autoritarian atau sebagainya, selama ia menguntungkan. Oleh itu ia sanggup bersekongkol dengan regim tentera di Mesir, kerajaan beraja Arab Saudi dan pemerintahan diktator di Filipina. Objektif pembendungan komunisme atau *containment policy* menjadi perkara utama dalam skim politik dunia Barat. SEATO, CENTO, dan OAS bertindak sejajar dengan NATO dan ANZUS kerana kesemuanya bermatlamatkan penyelamatan "dunia bebas". Dunia dua-pusatan (*bi-polar*) yang berkembang semenjak Perang Dunia Kedua kini semakin bertukar menjadi dunia satu-pusatan (*uni-polar*) dengan Amerika Syarikat muncul sebagai kuasa tunggal atau penentu konfigurasi kuasa dalam politik antarabangsa.

SETERUSNYA, negara-negara yang bersyarikat dalam bentuk kerja sama serantau lebih mudah mengurus pakatan dan persahabatan mereka ketika berdepan dengan ancaman komunisme. Perpaduan dalaman umumnya lebih senang diwujudkan dalam keadaan negara ahli sama-sama merasa tertekan oleh kehadiran musuh luar. Dialog politik dan komitmen pertahanan menjadi saluran penting dalam pemupukan regionalisme. Tetapi dengan ketiadaan komunisme

sebagai bahaya utama, perpaduan lama turut terjejas. Apatah lagi sebagai negara pengeluar komoditi utama, mereka kadangkala terpaksa bersaing sesama sendiri. Konflik lama dalam bentuk perbalahan sempadan, perebutan kawasan, dan sebagainya semakin menonjol sebagai isu-isu internasional di peringkat serantau. Konflik dalam rantau (*intra-regional conflict*) ini mungkin berlaku dalam banyak bahagian dunia termasuk di Asia Tenggara.<sup>9</sup>

DALAM suasana ini jugalah negara-negara Asia Tenggara mengorak langkah menuju abad ke-21. Lantaran Asia Tenggara adalah sebahagian daripada dunia yang semakin mengecil, maka realiti-realiti sama yang kedapatan di daerah lain, turut juga dihadapi oleh negara-negara rantau ini. Dari satu segi, ruang dan peluang untuk bekerja sama antara negara di Asia Tenggara telah bertambah, dengan meningkatnya jumlah negara sahabat dan yang berpotensi menjadi sahabat seperti Kemboja dan Vietnam. Tetapi kepentingan ekonomi nasional berkemungkinan mendesak negara-negara berkepentingan bertelagah untuk mendapat habuan sebesar yang dapat dalam perebutan ini. Perebutan Kepulauan Spratlys yang dipercayai kaya dengan minyak dan gas, dan berkedudukan strategik itu telah mempertemukan China, Filipina, Malaysia, Indonesia, dan Vietnam dalam keadaan yang boleh bertukar menjadi episod konflik yang berpanjangan. Kemunculan pemimpin yang bercita-cita besar, yang cenderung membina empayar, di kalangan negara-negara ASEAN juga bukanlah sesuatu yang mustahil. Itu akan menambahkan lagi kepentingan keadaan. Sementara keperluan bekerja sama menentang komunis yang semakin berkurangan dan kekosongan kuasa (*power-vacuum*) akibat pengunduran British dan Amerika akan merencanakan pertelingkahan antara mereka. Dalam situasi ini, negara-negara ASEAN boleh menjadi negara anggota yang lebih banyak menumpukan perhatian pada konflik dan penyelesaian konflik sesama mereka dan ASEAN menjadi organisasi serantau yang lemah dan tidak stabil lagi.

## *Ketahanan Bangsa Dan Kelangsungan Negara*

SEJARAH moden memerihalkan kejayaan beberapa buah negara bertahan dan mengekalkan kedudukan setelah menghadapi situasi krisis yang mampu menghancurkannya. Ketahanan atau *resilience* bangsa yang terlibat membolehkan negara membangun kembali dan seterusnya berkembang maju. Paling tidak, negara tersebut berupaya mengembalikan status asalnya dengan cepat setelah perang berlangsung. Jerman yang terlibat secara besar-besaran dalam dua perang dunia telah bangkit semula apabila tamatnya konflik dan menjadi negara yang gagah dalam politik dan ekonomi antarabangsa. Keutuhan dan kekuatan birokrasi negara berkenaan menjadi faktor terpenting dalam kebangkitan ini, di samping kualiti bangsa Jerman yang menjanjikan kejayaan itu.

SEBELUM Perang Dunia Kedua lagi, Jepun muncul sebagai negara moden yang mencabar negara jirannya terutama China dan Korea dan keupayaan ini sering dihubungkan dengan disiplin dan kemajuan sains dan teknologi bangsa terbabit. Kehebatan Jepun dalam Perang Pasifik sebagaimana terbukti daripada pencapaiannya menawan sebahagian besar Asia Tenggara dan memusnahkan angkatan laut Amerika di Pearl Harbour dan kebolehan Jepun membangun kembali selepas perang berkenaan sehingga menjadikannya gergasi ekonomi dunia, mempunyai kaitan dengan tradisi hidup dan kualiti bangsa tersebut. Sementara ketahanan yang diperlihatkan oleh Cuba di bawah Fidel Castro selama lebih tiga dekad dan ketahanan yang ditunjukkan oleh Vietnam di sepanjang beberapa perang Indo-China, dipercayai mempunyai hubungan dengan ideologi yang menjadi anutan pemimpin dan massa.

GAMBARAN-GAMBARAN di atas mungkin bersifat simplistik kerana persoalan yang terlibat dalam perjuangan sesuatu bangsa adalah lebih kompleks dan tidak terhad kepada faktor-faktor

kualiti ras dan ideologi semata-mata. Benar sekali bahawa demokrasi berfungsi dalam kebangkitan dan kekuatan Amerika Syarikat sebagai sebuah kuasa utama, sebagaimana komunisme berperanan dalam pendekatan dan pelakuan internasional Soviet Union sebagai kuasa utama, tetapi tiap-tiap negara juga ditunjang oleh kedudukan geografi, kemajuan ekonomi, dan kekuatan ketenteraan. Beberapa nukilan berikut menjelaskan kepelbagaian sebab atau sebab-sebab yang berbeza, bergantung pada keadaan yang telah bertanggungjawab memberi ketahanan kepada sesuatu bangsa dan seterusnya kelangsungan kepada negara mereka.

KEBANGKITAN Jepun menjelang Perang Dunia Kedua pernah diperkecilkan. Antara lain, orang Jepun yang bermata sepet dianggap tidak berkemampuan menembak dengan tepat. Dengan berlakunya konflik meluas di rantau Pasifik sehingga membawa kehancuran pangkalan laut Amerika di Pearl Harbour, stereotaip tentang ketidakupayaan askar Jepun menembak musnah.

KETIKA perang Dunia ke II, Switzerland begitu terdedah kepada kemaraan bala tentera Jerman, dan ini membuat pimpinan Nazi, Herman Goering bertanya kepada seorang pegawai Swiss tentang keupayaan bangsanya bertahan. "How many men can you put into the field?" Maka jawab pegawai berkenaan, "Five hundred thousand, sir." Ini membuat Goering bertanya, "What will you do if I send an army of one million across your borders?" Pegawai Swis menjawab, "Each of us will have to shoot twice, sir."

DALAM pertentangan berdarah antara bangsa Kurdis dengan rejim Baghdad yang memakan masa berpuluh-puluh tahun dan korban ribuan manusia, ternyata puak Kurdis yang berjuang mendapat pembebasan itu masih mampu bertahan hatta dalam keadaan mereka tidak mempunyai kelengkapan senjata yang baik. Apabila perkara ini dibangkitkan, maka satu

jawapan yang pernah diberikan oleh askar Kurdis ialah bahawa "only God and the mountains are on our side."

NAMUN begitu, aspek-aspek ideologi dan kualiti bangsa sesungguhnya amat ketara dalam pencapaian pelbagai bangsa yang digambarkan di atas, dan ini amat sukar dipisahkan begitu sahaja dalam pemerihalan ketahanan bangsa dan kelangsungan negara. Faktor-faktor lain sememangnya berinteraksi pada masa-masa tertentu atau dalam keadaan-keadaan tertentu. Geografi, kekuatan ketenteraan dan perpaduan rakyat umpamanya memang berfungsi dan telah turut sama menyumbang kepada pertahanan nasional tetapi ia bukan merupakan ciri-ciri mutlak yang mampu memberi kekuatan berpanjangan dan berterusan. Kekuatan dan kecanggihan senjata Amerika tidak berupaya memenangkan kuasa utama itu ketika ia berdepan dengan bangsa Vietnam yang begitu berpengalaman dalam perang gerila, begitu berkesedaran tentang sejarah dan begitu kuat diresapi komitmen komunisme. Perpaduan rakyat India yang turut dilindungi oleh pergunungan Himalaya gagal membenteng negara demokrasi terbesar dunia itu daripada kemaraan Tentera Merah China yang kuat dirangsang oleh cita-cita ideologi dalam peperangan awal enam puluhan. Soviet Union yang berkelengkapan senjata termoden dan dibantu oleh askar pelbagai kaum akhirnya mengaku kalah dan mengundurkan diri dari bumi Afghanistan setelah bertahun-tahun berdepan dengan realiti tindak balas penganut Islam di negara jirannya itu yang memang terkenal sebagai askar yang tahan lasak, berinspirasi sejarah, dan dirangsang oleh idea Islam.

KESIMPULAN yang boleh dibuat ialah ideologi atau sistem kepercayaan memainkan peranan besar dan definitif dalam ketahanan bangsa dan kelangsungan negara. Dalam konteks Islam, ini bermakna akidah Islamiah yang mewujudkan kesatuan berfikir dan bertindak, dan dengan berbekalkan semangat Islam, penganut agama tersebut semestinya mempunyai daya tahan, daya juang, dan daya saing iaitu



kualiti-kualiti penting dalam politik dunia. Islam sebagai ideologi mampu memberi misi, visi, dan identiti. Ciri-ciri ini Sehubungan ini, Islam membentuk keperibadian anggotanya sebegitu rupa sehingga mereka terjelma dengan akhlak tersendiri dalam bentuk jiwa istiqamah dalam perjuangan dan sebagainya. Nazisme, Shintoisme, Demokrasi, dan Komunisme, masing-masing memberi kesan serupa kepada bangsa-bangsa yang menganutnya walaupun cara dan keadaan yang berlainan. Ertinya kualiti bangsa adalah sebahagian kesan akibat keterlibatan ideologi sebagai kuasa penggerak dan pengurus dalam masyarakat negara.

TETAPI ketahanan mental dan intelektual yang diwujudkan dengan keterlibatan atau persekitaran ideologi ini akan pudar seandainya ia tidak diperkukuh atau dilengkapi oleh kekuatan material. Soviet Union yang berkedudukan sebegitu hebat ketika mercu Perang Dingin akhirnya terpaksa mengalami kelumpuhan berikutan kemerosotan ekonomi dalam negeri dan terpaksa bergantung kepada Barat untuk mendapat pembelaan. Begitu juga nasib yang menimpa Vietnam yang suatu masa dahulu pernah mengalahkan Perancis dan Amerika Syarikat; oleh kerana kedudukan ekonominya yang lemah, Vietnam terpaksa melutut untuk mendapatkan bantuan luar bagi tujuan pembangunan sosio-ekonominya. Ini berbeza sekali dengan Amerika Syarikat. Ia mempunyai peralatan perang yang canggih dengan disokong oleh ekonomi yang agak kukuh serta penduduk yang ramai dan ini membolehkannya untuk campur tangan dan kadangkala mengawal kawasan-kawasan yang jauh dari sempadannya.

BAGI kebanyakan negara Islam, pembebasan dan kemerdekaan yang diperoleh tidak membawa kejayaan besar dalam kehidupan bernegara dan bermasyarakat. Ketiadaan Islam sebagai ideologi penggerak dan pengurus dan keadaan ekonomi yang berada dalam porak-peranda, sehingga menyebabkan wujudnya situasi pergantungan kepada kuasa luar, meletakkannya dalam keadaan

yang lemah. Jumlah umat Islam yang besar menyerupai “buih” yang pernah digambarkan oleh Rasulullah, iaitu ia berkeadaan rapuh dan begitu mudah dibawa arus. Akibatnya orang Islam sebagaimana yang juga ternukil dalam sebuah Hadith yang lain adalah seperti “hidangan” kepada manusia lain. “Akan datang waktunya nanti bahawa nasib kamu ibarat makanan yang dihidang untukmu di meja makan, tetapi telah direbut oleh orang lain.”

### *Malaysia: Menangani Perubahan*

GLOBALISASI mutakhir begitu mencabar dan ia mampu ditangani menerusi pembabitan ideologi yang diiringi oleh kekuatan fizikal, mental, intelektual yang sekaligus bererti kekuatan peribadi, masyarakat, dan negara dari segi politik, ekonomi, sosial, dan ketenteraan. Ketika berlangsungnya Perang Dingin, Malaysia semacam dibentangi oleh suatu *counter-ideology*, apabila ia bertentangan dengan komunisme yang berpusat di Moscow dan Peking dan yang berkembang di merata daerah di Dunia Ketiga; kemelayuan, keislaman, kebangsaan, demokrasi, kapitalisme telah berinteraksi menjadi suatu keseluruhan yang agak berpadu ketika bangsa dan negara Malaysia tertekan oleh ancaman komunis. Seiring dengan itu ialah perpaduan nasional yang berjaya diwujudkan dan yang kemudiannya diperkukuh oleh kestabilan politik, kemajuan ekonomi, dan keberkesanan polisi sosial. Ini pula dipermantap dan dipertingkatkan oleh sistem pertahanan negara yang berangkaian dengan kuasa-kuasa luar menerusi AMDA terutama sekali dan secara tidak langsung dengan pergerakan tentera Amerika di Asia Tenggara. Kesemua ini berperanan serentak sehingga membolehkan Malaysia bertahan dalam keadaan ia terhimpit oleh konflik blok.

SEBAHAGIAN daripada aspek-aspek dalam pertahanan bangsa dan negara lama ini boleh dikatakan sudah tidak wujud lagi

atau tidak beroperasi dengan berkesan lagi. Ketiadaan komunisme sebagai ancaman internasional mengurangkan kekuatan *counter-ideology* yang dimaksudkan, kerana paduannya lebih banyak ditentukan oleh tekanan luar bukannya dinamisme dalaman. Rangkaian pertahanan yang pernah menjalinkan Malaysia dengan Britain suatu masa dahulu, dan yang mengikatkan Malaysia secara tidak langsung kepada Amerika Syarikat, juga tidak kedapatan dalam bentuk yang lama lagi. Ketahanan bangsa dan kelangsungan negara yang ditentukan oleh tradisi dan campur tangan luar ini telah membuahkan keadaan baru yang mengandungi elemen-elemen yang menjamin *survival* Malaysia dalam dekad-dekad terakhir. Tradisi yang berasaskan sejarah dan disuburi dengan pencapaian dalam pembinaan negara selepas merdeka dipupuk dengan pelbagai cara sehingga ia dipatuhi seperti sebuah ideologi, apatah lagi setelah ia berkemampuan memberi identiti kepada bangsa dan negara Malaysia. Kecintaan kepada tanah air, kesayangan kepada kejayaan material dan ketiadaan tempat lain sebagai negara pilihan yang lebih baik, turut merangsang *Malaysian nationalism* ini, jika itulah deskripsi yang masih boleh digunakan. Sungguhpun campur tangan begitu terhad akhir-akhir ini terutama berikutan pengunduran British dari rantau timur Suez dan kekalahan Amerika Syarikat di Vietnam, ancaman komunis juga turut berkurangan. Regionalisme yang terpupuk dalam acuan ASEAN membolehkan Malaysia hidup bergantung dengan negara-negara jiran dalam aspek pertahanan, ekonomi, dan sosial. Ini sedikit-sebanyak membantu proses peningkatan ketahanan bangsa dan kelangsungan negara.

PADA masa yang sama, suatu macam ideologi Malaysia telah muncul dalam persekitaran yang terbentuk oleh keadaan-keadaan lama dan baru yang berinspirasikan sejarah tempatan, kebangsaan Melayu, dan politik pemerintah, dan bersumberkan Islam. Sungguhpun intisarinya tidak begitu jelas sebagaimana ideologi-ideologi lain, ideologi Malaysia ini sebenarnya beroperasi dan mempunyai dinamisme tersendiri. Ciri-ciri

utamanya termasuklah kesedaran tentang kegemilangan sejarah Melaka, perjuangan anti-kolonial, kebangkitan menentang Malayan Union kemerdekaan tanahair, dan sumbangan Islam dalam proses pembinaan negara yang mengalami pengembangan yang nyata, dalam bentuk Dasar Ekonomi Baru, Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Rukun Negara dan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam. Pemupukan berlaku agak perlahan tetapi kehadirannya mampu mengawas dan mengurus pengaruh luar, sama ada demokrasi ala Barat, kapitalisme atau budaya *sensate* yang kini semakin mencabar institusi keluarga, kehidupan berk komuniti, malah seluruh tradisi.

DARI segi perkembangan ideologi, ternyata Malaysia belum menempa kejayaan serupa seperti di Indonesia dengan Pancasila yang pada umumnya menguasai pemikiran bangsa dan mendari perjalanan sejarah. Kejayaan material lebih berperanan mengikat sentimen rakyat daripada kesetiaan kepada sesuatu ideologi, walaupun pencapaian material juga mampu membantu atau memantapkan ideologi yang berkembang.

ISLAM yang pernah dicanangkan sebagai suatu cara hidup pernah dibentangkan sebagai ideologi bukan sahaja untuk orang Melayu yang beragama Islam tetapi juga untuk keseluruhan rakyat Malaysia kerana ia mampu memayungi semua kaum dan agama. Setakat ini penyebaran idea Islam sebagai penyelesaian kepada persoalan ketahanan bangsa dan kelangsungan negara hanya berlaku di kalangan orang Melayu sahaja, sedangkan bangsa lain masih mencurigai terhadap penularan agama itu. Dalam keadaan sedemikian, komitmen kepada kejayaan kebendaan masih berada pada tahap tertinggi dalam pembinaan nasional.

SEHUBUNGAN ini, perkembangan ekonomi yang dahulunya lebih berpusat pada kehidupan bukan-Melayu, semakin dirasai oleh orang Melayu. Bangsa Malaysia yang terbentuk oleh persekitaran kejayaan material pada akhir-akhir ini kelihatan

gagah menghadapi dunia luar, dan sebahagian daripadanya telah meneroka masyarakat antarabangsa sebagai pelabur dan peniaga. Kestabilan ekonomi negara membolehkannya memainkan peranan besar, bukan saja dari segi penyediaan bantuan kepada pihak-pihak yang memerlukan tetapi juga dari segi penyediaan diri dalam bidang pertahanan.

PEROLEHAN ekonomi ini juga seharusnya menghalakan kita kepada rancangan penyelidikan<sup>10</sup> agar negara meneroka jauh dalam pelbagai bidang dan tidak hanya bergantung kepada pakar-pakar dan perolehan luar untuk mendapatkan sesuatu maklumat teknologi atau apa sahaja rahsia berhubung kemajuan dan ketahanan bangsa. Wang yang banyak perlu dicurahkan untuk melatih ilmuan dan penyelidik kerana ternyata dalam sejarah bahawa penyelidikan biasanya mendahului segala perancangan lain sama ada ekspedisi biasa, penjajahan, peperangan, atau perkembangan perdagangan. Ringkasnya, pengetahuan adalah kuasa dan pengumpulannya bererti penguasaan ke atas peralatan kuasa seperti kekuatan tentera, teori ekonomi, dan latar belakang sejarah. Dalam keadaan-keadaan genting, terbukti penyelidikan yang berterusan merupakan jawapan segera kepada persoalan berbangkit dan ini adalah faedah yang tidak diperoleh oleh negara-negara yang ketiadaan penyelidikan di sebalik komitmen internasionalnya.

PEMBABITAN Malaysia yang semakin meluas, sehingga melangkaui ke Amerika Latin dan pembabitan negara yang mendalam sehingga membawa keterlibatan yang pelbagai di negara-negara seperti Kemboja menuntut dijalankan penyelidikan intensif. Kejayaan Malaysia hari ini tidak dapat bertahan lama tanpa penyelidikan tentang negara jiran dan negara jauh. Sedang kita asyik meneroka ke dalam, memungkah khazanah lama untuk membongkar warisan dan mengukuhkan tradisi, kita juga seharusnya mempergiat dan mempertingkatkan penerokaan keluar.

## *Penutup*

REKOD pencapaian Malaysia selama ini umumnya membanggakan: penglibatan antarabangsa di Somalia, Bosnia, dan Kemboja membuktikan keupayaan sebagai pelaku internasional, di samping menjelaskan kekuatan dalaman dari segi politik dan ekonomi. Kedudukan terbaru Kuala Lumpur dalam konteks hubungan internasional semasa juga mengangkat imejnya; ini penting kerana ia membolehkannya memainkan peranan yang lebih definitif. Retorik dan realiti berkembang bergandingan.

PERDANA Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir pernah menganjurkan supaya Malaysia menjadi kuasa besar untuk mempertahankan agama dan umat Islam di seluruh dunia.<sup>11</sup> Mengikut beliau, kedudukan itu akan membuat negara lain menghormati pendapat dan desakannya. Menteri Luar pula dalam satu kenyataannya menjelaskan bahawa "sebagai satu bangsa yang ingin menjadi agung, kita harus bercita-cita besar." Sorotan kita menunjukkan betapa pentingnya ideologi dan kekuatan lain dalam menjayakan rancangan ini. Malaysia tidak boleh mengharapakan mekanisme dan proses rundingan selama-lamanya untuk mendapat penyelesaian internasional. Rantau Asia Tenggara belum tentu merupakan sebuah komuniti negara walaupun ia tidak lagi berupa sebuah belantara yang mengamalkan hukum rimba (*law of the jungle*).

## Nota

1. Samuel P. Huntington, "The Clash of Civilization," *Foreign Affairs*, Summer 1993.
2. Untuk perbincangan berkaitan, lihat Mohamad Abu Bakar, "Pengaruh Luar dan Proses Sejarah: Pembentukan Negara Merdeka Malaysia dalam Konteks Perkembangan Hubungan Antarabangsa, 1957-1967," kertas kerja Konvensyen Kebangsaan Sejarah Malaysia, Melaka, 16-18 Ogos 1994. Pensejagatan nilai-nilai luar juga turut membantutkan aliran politik dunia Islam sehingga ia membawa kepada pengukuhan trend pro-Barat dan anti-Komunis dalam dasar luar Malaysia. Lihat juga Mohamad Abu Bakar, "Malaysia dalam Politik Dunia Islam: Aliran Masa Lalu, Arus Masa Kini dan Agenda Masa Depan," kertas kerja, Wacana Minda, Kuala Lumpur, 2 Disember 1994, *passim*.
3. Aspek ini dibahaskan dengan mendalam dalam karya-karya politik seperti Kwame Nkrumah, *Neo-Colonialism: The Highest Form of Imperialism* (International Publishers Co., 1966).
4. Francis Fukuyama, *The End of History and the Last Man* (Penguin Book, 1992).
5. Aspek ini telah diperkatakan dengan kadar yang agak menyeluruh dalam Mohamad Abu Bakar, "Perkampungan Antarabangsa: Realiti dan Ritorik Dalam Kehidupan Semasa," kertas kerja, Seminar Keselamatan, Johor Bharu, 21-24 November 1993.
6. Untuk keterangan lanjut, lihat Mohamad Abu Bakar, "Pensejagatan Demokrasi: Orde Baru Dunia dan Haluan Politik Antarabangsa," kertas kerja, Seminar Sehari Senario Antarabangsa, Universiti Malaya, 23 Oktober 1993.
7. Lihat Kenichi Ohmae, "The Rise of the Region State," *Foreign Affairs*, Spring 1993.
8. Lihat C. B. Rau, "Managing Global Change-A Vision," *The Round Table*, 330, 1994, 158-161.
9. Kuala Lumpur pernah menerajui kerja sama banyak hala seperti ASAS dan ASA yang bertujuan untuk membentengi wilayah ini daripada bahaya komunisme. Persyarikatan dengan Thailand dan

Filipina dalam pakatan-pakatan tersebut memastikan komitmen kerjasama mengatasi perkiraan lain sekalipun ASA kemudiannya terkubur akibat tuntutan Manila ke atas Sabah. Penubuhan ASEAN dalam tahun 1967 sebenarnya mengembangkan lagi tema “hidup bersama” ini serta membabitkan jumlah negara Asia Tenggara yang bertambah. Pendirian anti-Komunis dan kecenderungan pro-Barat anggota persatuan itu menjadi tali pengikat utama yang membolehkan kerja sama antara mereka kekal untuk satu jangka waktu yang agak panjang.

10. Perkara ini telah diulas dalam Mohamad Abu Bakar, “Penyelidikan dan Survival Negara,” *Berita Harian*, 24 November 1994.

11. *Utusan Malaysia*, 18 Julai 1992.



# *Kepimpinan Melayu 1945-1957*

# II

---

**RAMLAH ADAM**

KETIGA-TIGA tokoh ini, Dato' Onn Jaafar, Dr. Burhanuddin Al-Helmy, dan Ahmad Boestamam adalah nama yang tidak asing lagi kepada kita, terutama dalam kegiatan nasionalisme tempatan sebelum merdeka dan beberapa tempoh selepas merdeka. Mereka telah mencorakkan sejarah politik negara ini dengan kegiatan-kegiatan politik yang menggemparkan dan sangat menarik. Dengan itu tidak hairanlah nama mereka menjadi sebutan; sentiasa menghiasi di dada-dada buku sejarah dan menjadi kajian akademik yang sentiasa mencabar. Semakin banyak sumber yang menceritakan tentang kejayaan mereka, semakin kompleks interpretasi dan perdebatan mengenai keperwiraan mereka. Namun, paling tidak usaha menganalisis ketokohan mereka dikira cara terbaik untuk terus menghidupkan ketokohan mereka iaitu melalui bidang kajian akademik.

KEPIMPINAN mengikut seorang penulis adalah satu keadaan yang menunjukkan "the influence of one, who is voluntarily accepted by the group, and two, is himself influenced by the norms, sentiments, and aspirations of the other members of the group". Kepentingan kepimpinan ini sentiasa dilihat dalam bentuk satu hubungan nyata di antara pemimpin dan mereka yang dipimpin.

Leadership has been in relation to group activities in specific situations. It does not reside in individual having specific traits, but rather in the acts which help to (a) achieve its objectives, and (b) maintain its existence, i.e. a group remains a unit in which the members continue to interact and to derive satisfaction from doing so.<sup>1</sup>

DALAM erti kata lain, kepimpinan itu adalah satu keadaan yang membolehkan sesuatu kumpulan orang ramai menerima ketokohan seorang yang dianggapnya ketua tanpa ada paksaan ataupun peraturan-peraturan atau undang-undang yang mereka memaksa mereka berbuat begitu. Penerimaan mereka kepada kepimpinan ketua mereka itu berdasarkan kepada kepercayaan mereka terhadap kebolehan ketua itu membawa perubahan baru atau idea-idea baru yang akan meningkatkan lagi martabat dan kedudukan mereka. Penerimaan ini juga kadang-kadang berdasarkan kepada latar belakang keluarga, pendidikan, dan karisma pemimpin tersebut. Bagaimanapun, penerimaan itu kadang-kadang boleh berlaku autoriti tokoh itu dalam pentadbiran dan pemerintahan kawasan atau kumpulan masyarakat tersebut. Kepimpinan seperti ini tidaklah asli dan lebih bersifat terpaksa. Ia lebih sesuai ditakrifkan sebagai pihak berkuasa, yang kadang-kadang ditolak apabila ditawarkan dalam kegiatan politik mereka.

KONSEP kepimpinan secara sukarela dalam politik Semenanjung Tanah Melayu terdapat dalam ketiga-tiga tokoh ini. Bagaimanapun, sebagai permulaan, kerana ia mem-

pengaruhi gaya kepimpinan, ideologi, dan pencapaian mereka dalam sejarah politik negara ini, masyarakat yang dipimpin oleh mereka mempunyai reaksi yang berbeza terhadap mereka, akibat latar belakang tokoh-tokoh tersebut.

JIKA dibandingkan di antara ketiga tokoh tersebut, ternyata mereka datang dari status quo sosial dan pendidikan yang berbeza. Dato' Onn Jaafar yang lahir pada tahun 1895 di Johor Bahru, adalah berketurunan bangsawan. Keturunan beliau berasal daripada jurai Bendahara Melaka, Bendahara Tepok. Keturunan bendahara ini kemudian terus mengembara mengikut Sultan Melaka dan keturunannya untuk mendirikan kerajaan-kerajaan di Sumatera, Johor, dan Riau Lingga sebelum kembali mengikut Temenggong Abdul Rahman ke Singapura pada tahun 1816. Haji Mohamad bin Dato' Abdul Jabar tinggal di Telok Belanga sebagai orang Temenggong dan membuka kedai jahit, manakala abangnya Ahmad dilantik sebagai Menteri Temenggong Ibrahim. Jaafar, anak Haji Mohamad kemudian menjadi kerani di pejabat bapa saudaranya, sebelum Maharaja Abu Bakar, pemerintah Johor, melantiknya sebagai Menteri Besar pada tahun 70-an. Oleh kerana bapanya yang sering menjadi Pemangku Sultan Johor dan pemegang amanah harta beberapa orang isteri Sultan Johor, Dato' Onn mendapat pendidikan yang baik bersama-sama anak Sultan Ibrahim di England. Kedudukan bapanya juga membolehkan beliau memasuki Maktab Melayu Kuala Kangsar untuk mempelajari tulisan Jawi dan bahasa Melayu. Didikan adat resam Melayu juga diberikan kepadanya oleh Dato' Jaafar, yang memegang secara tegas adat istiadat dan kesusilaan Melayu Melaka-Johor-Riau-Lingga.

DR. Burhanuddin dan Ahmad Boestamam (AB) pula datang dari kelas bawahan Melayu dari Sumatera-Minangkabau. Mereka merupakan generasi pertama yang lahir di Semenanjung Tanah Melayu. Mereka lahir dari kegigihan kaum pendatang Indonesia membuka tanah perkampungan baru jauh dari

kawasan istana dan kebangsawanan Melayu. Dengan itu mereka tidak termasuk dalam lingkungan elit tradisional Melayu yang memegang kuasa pentadbiran dan penyokong sistem beraja masyarakat dan kebudayaan Melayu. Penghijrahan keluarga mereka adalah kerana kesempitan hidup dan penolakan kepada penindasan Belanda di Indonesia. Sebagai petani, kehidupan mereka adalah sederhana sekali. Mereka bersekolah dengan berjalan kaki, meredah denai dan sungai; persekitaran mereka adalah kampung dan bukannya istana seperti Dato' Onn Jaafar. Mereka bersekolah Melayu bersama-sama dengan rakyat bawahan lain. Walaupun Ahmad Boestamam bersekolah Inggeris, tetapi ia hanyalah untuk rakyat biasa dan bangsa-bangsa lain. Kehidupan mereka tidak bersifat bangsawan seperti Dato' Onn Jaafar.

DARI latar belakang seperti ini, tentulah hasil yang dilahirkan berbeza. Di satu pihak, Dato' Onn Jaafar terdidik dengan cara hidup kaum bangsawan yang penuh dengan adat istiadat, adat resam dan peraturan-peraturan dan sifat-sifat dunia kebangsawanan itu sendiri. Beliau dididik untuk menerima kuasa dan kedaulatan raja sebagai orang yang dihormati dan sebagai ketua politik dan masyarakat Melayu. Dari penerimaannya terhadap status quo itu, keluarganya mendapat kedudukan yang baik dan menjadi penting dalam negeri dan masyarakat Melayu Johor. Ini adalah asas kepada sikap konservatifnya dalam memimpin UMNO nanti.

DR. Burhanuddin dan Ahmad Boestamam pula, sebagai rakyat bawahan, hidup dengan cara yang amat sederhana. Keluarga Ahmad Boestamam terpaksa bersusah payah membuka hutan untuk dijadikan tanah bendang dan kebun getah dan mengusahakan untuk mendapatkan hasilnya. Keluarga Dr. Burhanuddin juga sangat sederhana: ayahnya menjalankan usaha-usaha pertanian dan mengajar agama Islam secara kecil-kecilan. Kerana kesederhanaan hidupnya, Dr. Burhanuddin menerima biasiswa daripada saudagar India Pulau Pinang,

untuk melanjutkan pelajaran ke India. Ahmad Boestamam pula ditanggung oleh abang iparnya, seorang guru lepasan Maktab Perguruan Sultan Idris, untuk belajar di Sekolah Anderson, Ipoh. Kesederhanaan dan kadang-kadang kesusahan hidup mereka mempengaruhi perspektif mereka terhadap kegiatan politik mereka yang menegakkan kedaulatan rakyat dan menentang penguasaan kaum bangsawan, seperti Dato' Onn, dalam politik orang Melayu.

KETIGA-TIGA tokoh ini mempunyai budaya kehidupan yang sangat berbeza di antara satu sama lain. Dato' Onn Jaafar telah dididik sebagai elit tradisional, yang mempunyai unsur-unsur moden iaitu pelajaran Inggeris, tetapi dalam masa yang sama, menguasai terus kepimpinan masyarakat Melayu secara keturunan, yang sebenarnya menjadi asas kepada penguasaan kepimpinan tradisional masyarakat Melayu. Dalam erti kata lain, Dato' Onn dengan mudah mendapat tempat dan kedudukan yang baik, kerana status quo tradisional yang dimiliki oleh keluarganya. Kedudukan ayahnya sebagai Menteri Besar, telah menjadi tiket yang memudahkan beliau mendapat jawatan sebagai kerani dan kemudian menjadi Penolong Pemungut hasil Tanah Muar dan Batu Pahat dalam tahun 20-an. Kedudukan sosial tradisionalnya telah memberi keselesaan dan semangat kehidupan yang positif kepada ideologi konservatisme, yang dipegangnya.<sup>2</sup>

AHMAD Boestamam pula dari kalangan orang kebanyakan, yang mendapati sangat sukar untuk mereka mendapat kerja dalam perkhidmatan awam British atau negeri Perak. Ahmad Boestamam, kerana gagal dalam peperiksaan Junior Cambridge, tidak dapat menjadi kerani. Beliau sedar, oleh kerana keluarganya bukan orang Melayu tempatan, sokongan penghulu adalah sukar didapatinya.<sup>3</sup> Penghulu, yang selalunya dilantik dari kalangan orang berada dan ternama di satu-satu mukim, juga dianggap sebagai pihak berkuasa tradisional Melayu, kerana pelantikan itu juga selalunya berdasarkan keturunan.

SEBENARNYA ini adalah dasar pecah dan perintah British. Bagaimanapun, ini bukanlah sesuatu yang dicipta sepenuhnya oleh British. Pada dasarnya, masyarakat Melayu sebelum kedatangan British memang telah mempunyai kelas yang memerintah dan yang diperintah. British, sebagai penjajah, mendapati keadaan ini sangat sesuai untuk dijadikan polisi imperialismenya. Pembahagian itu diteruskan sehingga ia menjadi sesuatu yang semakin mendalam. Keutamaan terus diberikan kepada golongan pemerintah tradisional Melayu (raja dan pembesar Melayu); Raja-raja Melayu dan kaum bangsawan Melayu pula terus mempertahankan dan mendesak kedudukan tradisional mereka, terutama semasa Desentralisasi dijalankan pada tahun 20-an dan 30-an. Maktab Melayu Kuala Kangsar telah dikhaskan untuk anak-anak kerabat raja dan pembesar-pembesar Melayu. Ini dianggap sebagai satu ganti rugi kepada mereka; ini kerana dalam pentadbiran British di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, kuasa mentadbir pembesar-pembesar Melayu yang wujud di zaman kerajaan Melayu, telah diambil oleh pegawai-pegawai British yang didatangkan dari England. Ini mengecewakan Raja-raja Melayu dan para pembesar itu sendiri; Sultan Idris, Sultan Iskandar Shah, Perak, Raja Chulan dan Dato' Abdullah Dahan telah membangkitkan hal ini. *Malay Administrative Service* (MAS) dibentuk oleh British untuk keturunan raja dan pembesar Melayu, sebelum membuka MCS (*Malayan Civil Service*) yang dikuasai oleh pegawai-pegawai British kepada orang Melayu pada tahun 1928.

DR. Burhanuddin pula hanya menjadi seorang guru agama bahasa Arab di Madrasah Al-Junid, Singapura, sesuai dengan pendidikan Islam yang diterimanya dari Sumatera, Pulau Pinang, dan India sendiri. Beliau tidak dapat memasuki perkhidmatan awam British, bukan sahaja kerana sekatan di atas tetapi juga, dasar British yang tidak mementingkan pendidikan Islam dalam dasar imperialismenya. Ini kerana Islam, boleh menjadi satu alat politik untuk membangkitkan kesedaran kebangsaan tempatan, akibat dari gerakan Pan-

Islamisme yang berlaku sejak akhir abad ke-19. Penjajahan British di negara-negara Islam di Asia dan Afrika telah melahirkan kesedaran kebangsaan yang bukan sedikit kepada mereka yang mendapat pendidikan Islam seperti Dr. Burhanuddin. Penolakan British kepada golongan ini, menjadikan mereka hanya sebagai satu unsur pinggiran dalam arus utama kepimpinan tradisional masyarakat Melayu, yang dilindungi dan disuburi terus oleh British.

TINDAK balas Dr. Burhanuddin dan Ahmad Boestamam menentang golongan konservatif seperti Dato' Onn adalah sesuatu yang memang sesuai dengan latar belakang dan pendidikan mereka. Mereka terpengaruh dengan idea revolusi yang menjadi pegangan Revolusi Indonesia, tempat tanah tumpah darah mereka. Sebuah ideologi revolusi sering kali mempersoalkan legitimasi institusi-institusi tradisional, yang tidak memberi peluang kepada kedaulatan rakyat iaitu kuasa rakyat untuk beroperasi. Kedaulatan rakyat, yang telah ditegakkan oleh Revolusi Perancis pada tahun 1779, dan kemudian munculnya ideologi liberalisme dan kemudiannya demokrasi, memang merupakan titik tolak dalam sejarah ideologi politik. Ia menjadi garis pemisah zaman tradisional dan zaman baru.

DR. Burhanuddin dan Ahmad Boestamam, dalam kegiatan-kegiatan mereka melalui Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) pada tahun 1945, mempersoalkan hak dan kuasa golongan tradisional Melayu itu sebagai pemerintah mereka dan menentang British kerana meneruskan dan menyokong penguasaan golongan tersebut. Mereka menolak Raja-raja Melayu sebagai pelindung mereka. Akibat daripada penentangan mereka kepada golongan ini mereka digolongkan sebagai golongan radikal dan *anti-establishment*, atau kadang-kadang dirujuk juga sebagai golongan kiri. Ini bermakna, mereka tidak menerima sifat tradisional masyarakat Melayu sebagai pegangan mereka.

DATO' Onn di satu pihak lain, menerima dan menyokong sepenuhnya unsur-unsur dan kerangka tradisional masyarakat Melayu. Dengan melalui UMNO (United Malay National Organization), yang ditubuhkan pada 11 Mei 1946, Dato' Onn mengumpulkan Raja-raja Melayu dan orang Melayu dari seluruh negeri-negeri Melayu, untuk menentang penjajahan British secara mutlak ke atas Tanah Melayu melalui pengenalan Malayan Union. Kongres 1946, yang dipengerusikannya telah menggabungkan golongan kiri dan kanan dalam masyarakat Melayu bagi menentang Malayan Union pada tahun 1946.

KEHADIRAN Dr. Burhanuddin dan Ahmad Boestamam dalam Kongres 1946 sebagai pemimpin-pemimpin utama PKMM mencatitkan konsep liberalisme dan kedaulatan rakyatnya. Penentangannya kepada penguasaan golongan konservatif Melayu, yang menyokong dan mendesak British supaya mengembalikan semula kuasa dan kedaulatan Raja-raja Melayu, pada tahun 1945 dan awal 1946 menjadi sesuatu yang tidak bersesuaian dengan pegangan politiknya. Malah, apabila mereka menegakkan semula institusi Raja-raja Melayu sebagai raja berperlembagaan dalam Perlembagaan Rakyat 1947, ternyata, mereka tidak tetap pendirian politiknya. Walaupun, itu satu strategi untuk mengekalkan kebangsaan Melayu, yang menjadi cara untuk mereka menguasai orang bukan Melayu, namun, penerimaan institusi raja dalam perlembagaan telah memperlihatkan mereka tidak sepenuhnya menegakkan konsep liberalisme dan kedaulatan rakyat. Akibatnya, mereka gagal mengubah secara tegas struktur dan hierarki tradisional masyarakat Melayu.

SEBAGAI pemimpin seharusnya mempunyai wawasan atau cadangan-cadangan idea yang diajukan kepada pengikutnya dan dapat diterima oleh mereka. Seorang pemimpin juga patut bertindak sebagai penyelamat kepada masyarakatnya dengan membawa idea-idea baru yang boleh mengubah kedudukan masyarakatnya, dari satu tahap yang kurang elok kepada suatu



kemajuan yang memberi manfaat kepada mereka. Dalam erti kata lain, pemimpin harus boleh membina sejarah masyarakat yang dipimpinnya.<sup>4</sup>

DEFINISI ini juga boleh dilihat dengan jelas dalam kegiatan politik ketiga-tiga tokoh ini di antara tahun 1927 sehingga 1957. Walaupun permulaan mereka bergiat dalam nasionalisme dan politik Semenanjung Tanah Melayu tidak sama kerana perbezaan umur, namun, ketiga-tiganya telah melalui zaman-zaman yang penting dalam sejarah negara ini, sebelum merdeka. Antaranya termasuklah dekad-dekad pentadbiran British di awal kurun ke-20. Kebangkitan nasionalisme Melayu, pendudukan Jepun, pemerintahan British selepas perang dunia kedua, kemerdekaan dan pasca merdeka. Tentunya persepsi mereka terhadap tempoh-tempoh itu adalah berbeza; persepsi yang berbeza ini melahirkan ideologi dan tindakan-tindakan yang berbeza juga dari mereka.

KETIGA-TIGA mereka adalah wartawan-wartawan akhbar, yang telah menjadi pengkritik dan reformis masyarakat Melayu sebelum 1945. Memang telah menjadi satu fenomena yang jelas, bahawa dalam dunia ketiga, golongan wartawan telah memainkan peranan yang penting sebagai pembangkit gerakan kebangsaan masyarakat bangsanya. Mereka menjadi penggerak kerana tahap intelektualnya yang tinggi dan kebebasan bersuara yang diberikan oleh pihak penjajah,<sup>5</sup> terutama British. Mereka membidas apa sahaja yang tidak menguntungkan peribumi, terutama saingan daripada orang dagang dan tekanan penjajahan Barat.

DATO' Onn ternyata telah memulakan satu tradisi menggunakan akhbar sebagai alat untuk membidas pihak berkuasa, iaitu British dan Raja Melayu (Sultan Johor) itu sendiri, sejak tahun 1926 lagi. Bidang beliau adalah bersifat sekular; beliau menggunakan idea liberalisme dan keadilan kepada rakyat sebagai satu cara membela rakyat Melayu dan negeri Melayu.

Sebagai wartawan akhbar bagi *Warta Malaya*, *Lembaga*, *Lembaga Malaya*, dan *Warta Ahad*, beliau menjadi seorang reformis dengan membincangkan segala hal yang berkaitan dengan masalah sosio-politik dan ekonomi bangsanya. Misalnya, beliau membangkitkan isu kuasa minoriti Raja-raja Melayu di bawah sistem Residen dan Desentralisasi. Beliau juga merasa tertekan dengan keadaan orang Melayu yang masih berpecah-belah kerana tidak ada persatuan kebangsaan dan pemimpin yang benar-benar cekap untuk menyatukan mereka. Beliau juga mengingatkan orang Melayu supaya memajukan diri dalam bidang ekonomi untuk menyaingi penguasaan ekonomi orang dagang di negara ini.

DR. Burhanuddin dan Ahmad Boestamam lebih lambat memasuki dunia kewartawanan, iaitu hanya pada tahun 1937, disebabkan faktor umur yang masih muda. Justeru itu pandangan mereka sebagai pembela bangsa tidak begitu menyengat dan menonjol. Terlebih pula adanya tokoh-tokoh wartawan yang lebih kanan seperti Abdul Rahim Kajai, Ibrahim Haji Yaakob, dan Dato' Onn Jaafar. Mereka adalah pengarang-pengarang utama, dibandingkan dengan Dr. Burhanuddin dan Ahmad Boestamam, yang hanya menjadi penulis sambilan dan pemberita pelatih. Bagaimanapun, setelah menerima banyak pendedahan, kedua-duanya berjaya mengasah pena mereka dalam mengetengahkan gerakan kesedaran kebangsaan orang Melayu dan isu-isu negara melalui akhbar-akhbar seperti *Utusan Melayu*, *Majlis*, *Warta Malaya*, *Suara Kinta*, dan *Saudara*. Akhbar-akhbar ini sering menerima tulisan-tulisan mereka, terutama Ahmad Boestamam.

LATAR belakang ini sangat penting untuk muncul dalam kegiatan nasionalisme Melayu pada tahun 1945 dan selepasnya. Walaupun mereka nampaknya bersatu dalam tempoh pemerintahan Jepun, kecuali Ahmad Boestamam yang membina tapaknya di Perak,<sup>6</sup> tetapi akhirnya mencari jalan sendiri dalam persepsi politik mereka.

PADA tahun 1945 dan seterusnya, ketiga-tiga tokoh ini bergerak dalam arah berbeza. Dato' Onn Jaafar telah memimpin UMNO dengan ideologi yang sangat berbeza dengan Dr. Burhanuddin dan Ahmad Boestamam, yang bergiat cergas dalam PKMM dan Angkatan Pemuda Insaf (API). Ketiga-tiga mereka sebenarnya berusaha untuk mendapatkan kuasa dan kepimpinan orang Melayu, yang benar-benar tercabar dengan pengenalan *Malayan Union* oleh British pada tahun 1946.

DALAM memimpin UMNO, Dato' Onn telah menggunakan konsep *Ketuanan Melayu Semenanjung* sebagai satu ideologi politiknya. Beliau menggunakan perkataan *Semenanjung* dalam partinya yang mendasari UMNO iaitu *Pergerakan Melayu Semenanjung, Johor*, (ditubuhkan pada Januari 1946) sebagai satu cara memintas pengaruh PKMM, yang ditubuhkan lebih awal (17 Oktober 1945). Dato' Onn sedar, PKMM menggunakan simpati rakyat Indonesia yang lari ke Tanah Melayu, dengan memungut wang bagi menyokong Revolusi Indonesia menentang Belanda, di samping menggunakan bendera *Sang Saka Merah Putih* dan lagu *Indonesia Raya* sebagai bendera lagu kebangsaannya. Dato' Onn juga ingin menjadikan persatuannya itu sebagai satu persatuan kebangsaan, dengan mempunyai cawangan-cawangan seperti di Melaka.<sup>7</sup>

KETUANAN Melayu Semenanjung sebagai satu ideologi politiknya juga diterjemahkannya dalam menolak konsep *Indonesia Raya/Melayu Raya* yang dikemukakan oleh PKMM dan API. Dalam kongres-kongresnya, sama ada di Ipoh, Kuala Lumpur, Melaka, dan Singapura, PKMM dan API membuat resolusi untuk merdeka bersama Indonesia dan Malaya dan Indonesia adalah satu, di samping terus menyokong revolusi kemerdekaan Indonesia.<sup>8</sup> Hal ini juga dicatatkan dalam perlembagaan PKMM.<sup>9</sup>

DATO' Onn menolak kehendak Dr. Burhanuddin dan Ahmad Boestamam ini secara halus. Baginya, perpaduan dan kerja

sama orang Melayu di Semenanjung adalah sangat mustahak untuk menentang rancangan Malayan Union. Kedua, bagi Dato' Onn, soal penjajahan British ke atas Tanah Melayu adalah lebih utama dari gabungan dengan Indonesia. Ketiga, beliau mahu satu-satu hal diselesaikan supaya yang dikendong jangan tercicir dan yang dikejar tak dapat. Keempat, soal darah dan baka itu tidak perlu dirisaukan, kerana beliau percaya pada satu masa nanti ia akan berguna bagi perpaduan yang besar. Kelima, Dato' Onn bimbang ada pihak-pihak tertentu yang akan mengambil kesempatan dari perpecahan orang Melayu itu. Keenam, orang Melayu patut mempunyai persediaan yang cukup sebelum memikirkan gabungan dengan Indonesia Raya.<sup>10</sup>

DR. Burhanuddin dan Ahmad Boestamam pula melihat Indonesia Raya atau Melayu Raya itu sebagai satu ideologi politik golongan radikal yang penting. Ini adalah satu cara untuk mengembalikan semula keagungan bangsa Melayu sebagai sebuah kuasa penting di Kepulauan Melayu, seperti sebelum kedatangan penjajahan Barat. Dr. Burhanuddin, dalam bukunya, *Perjuangan Kita dan Falsafah Kebangsaan Melayu* dengan tegas memperkatakan hal ini. Konsep bidok lalu kiambang bertaut dilihat sangat sesuai untuk dilaksanakan dalam gerakan menyatukan Semenanjung Tanah Melayu dengan Indonesia Raya. Kepentingan Srivijaya, Majapahit, dan Melaka adalah dasar sejarah dan kebudayaan serta politik yang patut menjadi dasar kepada Melayu Raya/Indonesia Raya sebagai satu inspirasi beliau untuk berpolitik.

AHMAD Boestamam melihat kehebatan karisma Sukarno pula sebagai pemimpin revolusi dan pembebas Indonesia dari cengkaman penjajah Belanda, sebagai satu panduan untuk terus gigih mempertahankan keyakinan politiknya. Kehebatan pemuda-pemuda Indonesia seperti Bong Sutomo menentang Belanda dijadikan dasar semangat API. Latihan-latihan ketenteraan yang dijalankan di pusat-pusat latihan API di Melaka dan tentera semut yang didakwanya beroperasi di

kalangan anak-anak sekolah juga mengambil contoh dari Indonesia. API juga meniru harapan-harapan pertubuhan Pemuda Indonesia seperti Young Java, Young Sumatera, dan PETA, untuk menjadi pembela tanah airnya dari dijajah, di samping memajukan pendidikan di kalangan para anggotanya. API memakai semboyan merdeka dengan darah, yang jelas mempamerkan satu unsur revolusi dalam perjuangannya. Revolusi Indonesia adalah yang paling dekat dengannya. Lagu Indonesia Raya dan bendera Indonesia, Sang Saka Merah Putih menjadi benderanya. Bukunya yang terkenal *Merintis Jalan Kepuncak*, menjelaskan harapannya untuk bergabung dengan Indonesia; ini kerana di kemuncak gunung yang didaki oleh ramai orang, terdapat bendera Sang Saka Merah Putih, bendera Republik Indonesia. Malah, sehingga beliau ditahan pada tahun 1963, beliau mengatakan, "Saya orang Indonesia, walaupun saya lahir di sini."<sup>11</sup>

KEGAGALAN mereka mengatasi UMNO dan Dato' Onn, berpunca dari ketidakfahaman mereka terhadap selera politik konservatif masyarakat Melayu itu sendiri. Kerja sama mereka dengan Pati Komunis Malaya (PKM) adalah sesuatu yang tidak disukai oleh orang Melayu. Penguasaan Bintang Tiga, anak PKM terhadap pentadbiran Tanah Melayu dan hukuman sewenang-wenang oleh PKM terhadap orang Melayu yang dianggap bekerja sama dengan Jepun, sehingga meletusnya pertempuran di antara orang Melayu dan Cina hampir di seluruh Semenanjung Tanah Melayu pada akhir tahun 1945,<sup>12</sup> menjadikan mereka sangat sensitif dengan PKM. Oleh itu persahabatan PKMM dengan PKM, dengan sendirinya menolak PKMM dari minat orang Melayu yang konservatif dan patriotik kepada Semenanjung Tanah Melayu.

KERJA sama ini berlaku dalam keadaan yang begitu intim sekali; terutama apabila PKM bertanggungjawab menggalakkan penubuhan PKMM itu sendiri melalui Mokhtaruddin Lasso, Ketua Rejimen 10 PKM. Akhbar-akhbar PKMM juga dibiayai

oleh PKM seperti *Suara Rakyat*, *Voice of the People*, dan *Pelita Malaya*. PKM juga, dalam menjalankan dasar *Malayan United Front*nya untuk menyebarkan idea komunisme dan mendapat sokongan dari orang ramai dari semua bangsa, telah memasukkan orang-orangnya seperti Arshaad Ashaari, Rasyid Maidin, Musa Ahmad, Abdullah C. D., dan beberapa orang lain dalam jawatankuasa PKMM. Dengan cara itu, mereka boleh mempengaruhi dasar dan pendekatan politik PKMM. Pemimpin-pemimpin PKMM seperti Ahmad Boestamam, Ishak Haji Mohamad, dan Aishah Gahani sendiri, mendapat latihan-latihan ideologi dari penganjur-penganjur PKM seperti Pak Santos dan Sutan Djenain di beberapa tempat pusat kegiatan PKM seperti di Ampang, Selangor dan Kuala Lipis, Pahang. Mereka juga, mengikut pengakuan pemimpin-pemimpinnya bersedia untuk mengadakan sebuah revolusi bersenjata apabila keadaannya tiba dengan dipimpin oleh PKM.<sup>13</sup>

IDEOLOGI ketuanan Melayu Semenanjung yang diperjuangkan oleh Dato' Onn, telah meletakkan institusi raja sebagai salah satu agenda perjuangannya. Institusi raja yang menjadi tunggak kepada kebudayaan dan kerajaan Melayu itu<sup>14</sup> diteruskan sebagai satu sistem politik dan institusi politik dalam Perjanjian Persekutuan 1948. Malah, jika ditinjau dengan teliti perjanjian itu, ternyata Raja-raja Melayu telah mendapat semula segala kuasa eksekutif dan perundangan yang telah diambil oleh British dalam pentadbirannya dari tahun 1874 sehingga 1941. Raja-raja Melayu telah diakui oleh British melalui Perjanjian ini secara bertulis dan dilembagakan sebagai ketua pemerintah dan berdaulat di negeri Melayu.<sup>15</sup> Ini adalah satu peningkatan yang sangat berguna yang telah menaikkan semula martabat institusi Raja-raja Melayu sebagai raja mutlak dan raja berperlembagaan<sup>16</sup> dalam pemerintahan mereka di Negeri-negeri Melayu. Ini memudahkan mereka mendapatkan kedudukan yang tegas dalam Perlembagaan Merdeka 1956. Malah, dalam banyak hal, hal ini diteruskan sahaja.<sup>17</sup> Pelantikan Yang di-Pertuan Agong dengan kuasa perundangan dan

eksekutif yang tegas juga berpunca dari pembelaan Dato' Onn dan UMNO terhadap institusi ini dalam Perjanjian Persekutuan 1948.

PANDANGAN Dr. Burhanuddin dan Ahmad Boestamam agak berbeza dengan Dato' Onn dalam soal menegakkan institusi raja dalam budaya politik Melayu. Oleh kerana sejak penubuhan Kesatuan Melayu Muda (KMM), dasar menentang kaum bangsawan, termasuk Raja-raja Melayu, telah menjadi dasar mereka, maka apabila PKMM dipimpin oleh kedua-dua tokoh di atas, dasar yang sama juga telah dipegang. Mereka menyokong idea republik seperti Indonesia dan melihat kuasa rakyat sebagai tunggak budaya politik Melayu itu sendiri. Mereka menolak institusi Raja Melayu dikekalkan kerana institusi itu tidak dapat memajukan rakyat Melayu dan memberi kepimpinan yang sewajarnya. Namun, semangat seorang rakyat Melayu itu tetap kuat apabila berdepan dengan orang dagang yang cuba menghapuskan institusi itu. Dalam Perlembagaan Rakyat 1947, kedua-dua tokoh tersebut menyokong Ishak Haji Mohamad bagi mempertahankan institusi raja dan mencadangkan sebagai raja berperlembagaan, demi untuk mengekalkan prinsip politik ketuanan Melayu di Persekutuan Tanah Melayu. Di sinilah, Dato' Onn dan mereka bertemu sebagai pejuang nasionalisme Melayu.

IDEOLOGI ketuanan Melayu Dato' Onn terus kuat dengan usahanya mempertahankan hak kerakyatan secara jus soli hanya kepada orang Melayu dan orang asli dalam konsep Tanah Melayu untuk Melayu. Dalam penentangannya kepada Malayan Union, cadangan Communities Liaison Committee (CLC) yang menghasilkan State Nationality 1952, melaksanakan Parti Kemerdekaan Malaya dan menentang liberalisme kerakyatan merdeka 1956. Dato' Onn melihat, bahawa politik bangsa Melayu di Semenanjung Tanah Melayu, yang terdiri daripada Negeri-negeri Melayu adalah jelas dan asli, sebagai bangsa yang telah mengadakan satu kebudayaan yang tegas di Negeri-negeri,

Melayu dengan sistem politik, pentadbiran, sosial, dan adat istiadat serta ekonomi sebelum kedatangan British dan orang dagang, Dato' Onn cukup yakin pemilikan orang Melayu ke atas bumi ini. Tanda pemilikan mereka ialah dengan menjadi Rakyat Raja Melayu bagi tiap-tiap negeri Melayu yang sebenarnya merdeka di antara satu sama lain. British kemudian mengiktiraf ketuanan itu dengan membuat perjanjian dengan Rajaraja Melayu sebagai ketua kerajaan dan pentadbiran Negeri Melayu.<sup>18</sup>

INILAH teras kepercayaan dan tindakan politik Dato' Onn apabila menentang Malayan Union, British dan kehendak orang dagang. Dalam Malayan Union, British ingin menjajah Tanah Melayu dengan menghapuskan status quo Negeri-negeri Melayu sebagai negeri yang dilindungi yang diamalkannya sebelum 1941. Dari segi pemilikan hak politik pula, kerakyatannya dibuka kepada semua bangsa yang ingin menjadikan Malayan Union sebagai tanah airnya. Kerakyatan berganda (*dual nationality*) dibenarkan. Nama Semenanjung Tanah Melayu, yang menggambarkan pemilikan bangsa Melayu ke atasnya, kini ditukarkan menjadi Malayan Union; satu nama yang asing dan tidak membayangkan ketuanan Melayu yang pernah wujud di dalamnya. Bangsa dagang, yang selama ini bersifat penduduk sementara, menyokong Malayan Union, yang memang diperjuangkan oleh mereka sejak tahun 20-an lagi. Desakan mereka melalui suara-suara di Singapura Straits Council dan Majlis Persekutuan, akhbar-akhbar, dan badan-badan perdagangan mereka, akhirnya diterima oleh British. Dengan membentuk Malayan Union, satu asas pembinaan negara-bangsa Malayan, yang membuang terus kerangka politik tradisional Melayu dan ketuanan Melayu, telah diterima sebagai dasar pembentukan politik negara ini. Institusi raja, yang menjadi dasar kerajaan Negeri Melayu diketepikan, mereka hanya boleh membincangkan soal agama Islam, tetapi pemutusannya adalah Gabenor Malayan Union, yang dilantik oleh Raja England. Kesemua ini ditentang oleh Dato' Onn



dan UMNO, demi untuk menegakkan terus ketuanan Melayu di Semenanjung Tanah Melayu.

DATO' Onn, sebagai pemimpin UMNO, dapat semula memaksa British mengiktiraf semula ketuanan Melayu dalam politik dan pentadbiran Tanah Melayu. Perjanjian Persekutuan 1948 berjaya memperkukuhkan semula ketuanan Melayu, dengan memulangkan semula taraf Negeri-negeri Melayu Yang Dilindungi kepada Negeri-negeri Melayu, mengiktiraf semula institusi raja sebagai ketua negeri Melayu dan dilembagakan sebagai satu institusi pentadbiran dan perundangan Negeri-negeri Melayu, Bahasa Melayu sebagai bahasa pentadbiran di peringkat negeri Melayu, menerima orang Melayu sebagai peribumi dengan tarafnya sebagai rakyat raja, dan undang-undang tubuh Negeri-negeri Melayu telah diadakan. Kedudukan istimewa Melayu dicatatkan sebagai tanggungjawab Pesuruhjaya Tinggi British, agama Islam dan adat istiadat, tanah, dan pelajaran tempatan dibawah raja Melayu, manakala ketua eksekutif Melayu, Menteri Besar, menggantikan Residen British yang kini hanya digelar sebagai Residen Kaunselor sahaja. Ini adalah satu perubahan yang besar kerana ia melambangkan penguasaan orang tempatan dalam hal-ehwal pentadbiran Negeri Melayu, seperti zaman tradisional.

DR. Burhanuddin dan Ahmad Boestamam pula mempunyai ideologi yang berbeza dari Dato' Onn dalam soal kerakyatan jus soli ini. Oleh kerana mereka bekerja sama dengan Parti Komunis Malaya dan orang bukan Melayu dalam gabungan PUTERA-AMCJA, maka, soal menguntukkan kerakyatan jus soli kepada orang Melayu dan orang asli seperti tuntutan Dato' Onn dan UMNO, tidak menjadi pegangan mereka. Kedua-dua tokoh di atas, bersetuju dengan kehendak AMCJA, pimpinan Tan Cheng Lock, untuk memberikan kerakyatan jus soli sama rata di antara orang Melayu dan orang dagang. Dr. Burhanuddin dan Ahmad Boestamam sebagai pemimpin PKMM, telah pun menyokong kerakyatan jus soli Malayan

Union lebih awal lagi sebelum kerja sama itu dibuat. Rombongan PKMM telah menemui Edward Gent pada bulan Januari 1946, sebaik sahaja rancangan Malayan Union diisytiharkan oleh British. Perlembagaan Rakyat 1947 yang terhasil daripada kerja sama PUTERA-AMCJA itu juga menyaksikan kesediaan Dr. Burhanuddin dan Ahmad Boestamam melepaskan kerakyatan jus soli kepada AMCJA.

TERNYATA sekali Dr. Burhanuddin dan Ahmad Boestamam, tidak melihat pemilikan kuasa politik orang Melayu melalui pengawalan kerakyatan semula jadi itu sebagai dasar kepada ketuanan Melayu di Semenanjung Tanah Melayu sahaja. Ini kerana mereka mencadangkan kerakyatan jus soli itu dibuka bagi keseluruhan Kepulauan Melayu; ini bertujuan untuk menambahkan kekuatan bangsa Melayu yang berjumlah 65 juta di Nusantara. Namun, dalam masa yang sama, dasar pintu terbuka British itu juga boleh membawa lebih banyak orang dagang ke Malayan Union, dan ini akan menjadikan jumlah bangsa Melayu akan menjadi kecil. Ini cuba diatasinya dengan memaksa AMCJA menerima “kebangsaan Melayu” sebagai nama bangsa Malayan yang dibentuk oleh Malayan Union. Ini terkandung sebagai satu prinsip Perlembagaan Rakyat 1947.<sup>19</sup>

DENGAN pembukaan kerakyatan jus soli begitu luas, Dr. Burhanuddin telah menghilangkan konsep bumiputera/peribumi Melayu dan teras kebangsaan Melayu serta konsep negeri-negeri Melayu yang wujud di Semenanjung Tanah Melayu sebelum kedatangan British dan bangsa dagang. Ada pendapat yang mengatakan mereka berjuang untuk satu konsep Tanah Melayu untuk Melayu. Ini sangat diragukan kerana tindakan-tindakan mereka tidak menuju ke arah tersebut, kecuali mereka mendakwa berbuat begitu.<sup>20</sup>

ANTARA tindakan mereka yang diragui ialah sokongan mereka kepada rakyat jus soli, yang diperkenalkan oleh British dalam Malayan Union. Malah, mereka secara sedar menyokong

kerakyatan jus soli Malayan Union. Serombongan pemimpin PKMM, telah menemui gabenor Malayan Union untuk menyatakan sokongannya itu. Malah, kenyataan rasmi juga dikeluarkan bagi tujuan tersebut.<sup>21</sup> Bagi Dr. Burhanuddin, misalnya, yang penting bagi beliau ialah semangat dan kesediaan seseorang itu menerima alam persekitarannya dan mencurahkan taat setianya kepada negara itu. Dengan itu baka Melayu itu tidak lagi penting sebagai dasar kebangsaan Melayunya dalam kerja samanya dengan AMCJA. Kebangsaan Melayu yang hanya mementingkan bangsa Melayu seperti yang diutarakannya sebelum ini, terutama konsepnya, Melayu Raya,<sup>22</sup> telah di perluaskan lagi. Katanya, "Kebangsaan Melayu itu bukan dibina semata-mata kerana seseorang itu bangsa Melayu atau bapanya bangsa Melayu, datuknya Melayu. . . . Kita hendak mendirikan kebangsaan Melayu diatas dasar kebangsaan, menurut keadilan, dan kemanusiaan yang luas sama berhak dan adil, bukan sekali-kali kebangsaan yang sempit, jauh dari berbau perkauman dan perasaan yang kolot dan kuno."<sup>23</sup>

INTERPRETASI Dato' Onn sebagai pemimpin UMNO dan sebahagian besar orang Melayu dalam UMNO pula sangat berbeza terhadap soal ini. Orang Melayu, melalui persatuan-persatuan negeri dan Raja-raja Melayu sendiri menentang hal itu semasa MacMichael mendapatkan tandatangan mereka pada bulan Oktober 1945. Sultan Selangor, Perak, Terengganu dan Kelantan serta Kedah, telah membangkitkan hal ini. Mereka bimbang orang Melayu akan menjadi kecil dan bertambah daif kerana kemiskinan ekonomi dan pendidikan. Persatuan-persatuan Melayu yang menghantar telegram ke Pejabat Tanah Jajahan dalam tempoh tersebut juga, menentang dan menolak Malayan Union di atas dasar yang sama, di samping hal-hal lain seperti cara tandatangan Raja-raja Melayu diambil.<sup>24</sup>

AHMAD Boestamam pula menerima kerakyatan jus soli di atas dasar mengambil anak angkat dari kecil adalah lebih baik

setelah mereka dewasa. Nadanya, tidak lari dari Parti Komunis Malaya yang menggalakkan Malayan United Front, iaitu kerja sama semua bangsa bagi melahirkan satu pemerintahan sendiri melalui pilihan raya. Malah, Ahmad Boestamam, sebenarnya boleh dianggap telah menerima konsep jus soli itu sesuai dengan kehendak no. 1. Perlembagaan PKMM 1946 yang mengatakan bahawa: Menyatupadukan bangsa Malaya dan tujuan no. 7, yang mengatakan: "Parti kebangsaan Melayu hendak bekerja sama dengan bangsa-bangsa lain . . . bekerja untuk perpaduan penduduk Malaya (Malayan United Front) bagi menjadikan Malayan Merdeka makmor dan bahagia". (UMNO/SG 96/146).

KEMERDEKAAN juga satu isu yang menarik untuk dibincangkan dalam menilai tokoh-tokoh ini. Terdapat perbezaan yang sangat nyata diantara Dato' Onn di satu pihak dan Dr. Burhanuddin serta Ahmad Boestamam di pihak yang lain dalam menangani dan menginterpretasi soal kemerdekaan negara ini. Dr. Burhanuddin dan Ahmad Boestamam melihat kemerdekaan adalah satu perkara yang mesti dilaksanakan dengan seberapa segera. Untuk itu bergabung dengan Indonesia dan mendapatkan kemerdekaan bersama dengan Indonesia Raya atau Melayu Raya, adalah jalan yang mudah dan memberi faedah yang langsung kepada Semenanjung Tanah Melayu. Kematangan politik dan kegigihan bangsa Indonesia memperjuangkan revolusi dan mempertahankan kemerdekaan ciptaan mereka sendiri sangat mengagumkan tokoh-tokoh di atas dan pengikut-pengikut mereka sejak dari penubuhan Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS) pada tahun 1945. Malah, ia menjadi resolusi yang sangat konsisten dalam PKMM setiap kali kongresnya diadakan di Ipoh, K. Lumpur, Melaka, dan Singapura. Merdeka, yang menjadi semboyan PKMM kemudian telah diperhebatkan lagi oleh API, pimpinan Ahmad Boestamam, dengan menggunakan slogan "Merdeka dengan Darah" dan buluh runcing sebagai senjata revolusi yang bakal diadakan oleh API. Ketaksuban Ahmad Boestamam kepada Sukarno, pemimpin revolusi Indonesia, tidak dapat disembunyikan dalam

*Wasiat Politik API*, yang dikarangnya. Malah dalam setiap tindakannya, lagu Indonesia Raya dan Bendera Indonesia, Sang Saka Merah Putih tetap menjadi buah hatinya.<sup>25</sup>

KONSEP merdeka bersama Indonesia itu merupakan usaha tegas dari Dr. Burhanuddin dan Ahmad Boestamam untuk melahirkan hubungan darah yang mengalir dalam tubuh mereka dengan tanah asalnya. Kedua-dua mereka berasal dari Minangkabau, Sumatera. Kecintaan mereka kepada tanah asal mereka, telah disuburkan dengan ingatan dan perhatian bapa masing-masing kepada keturunan mereka, kaum pendatang di Semenanjung Tanah Melayu. Dr. Burhanuddin, misalnya telah dibawa kembali oleh ayahnya, Haji Mohd. Noor, untuk melawat kaum keluarganya di samping mendapat pendidikan agama daripada gurunya dan sahabatnya sendiri di Bukit Tinggi. Seorang lagi anaknya, Halim, adik Dr. Burhanuddin mendapat pendidikan agama sehingga ke peringkat maktab di kampung asalnya. Malah, ayahnya kemudian telah berkahwin dengan seorang wanita di kampungnya sebagai tanda ikatannya dengan tanah tumpah darahnya. Beliau meninggal di Bukit Tinggi, tanpa disaksikan oleh anak-anak dan isterinya di Semenanjung.

DR. Burhanuddin menjadi pengganti ayahnya di kalangan kaum keluarganya di kampung asalnya. Beliau kerap kembali ke Sumatera, untuk menziarahi kubur ayahnya dan adiknya, Hayati, hasil dari perkahwinan ayahnya dengan wanita tersebut. Di kalangan kaum keluarga ayahnya di Bukit Tinggi, Dr. Burhanuddin dianggap paling berjaya dan sentiasa dipandang tinggi. Malah, Dr. Burhanuddin, untuk menyatakan perasaan kasih sayangnya kepada kampung asalnya, telah menamakan seorang anak saudara perempuan, hasil perkahwinan adiknya dengan anak murid dan sahabatnya dalam perubatan homeopati, Dr. Mohd. Dali, dengan nama Melasutra, iaitu gabungan dari Malaya dan Sumatera. Wanita ini boleh dianggap sebagai bukti hidup kepada ikatan darah dan kecintaan Dr. Burhanuddin kepada Sumatera, tempat asal keturunan bapanya

dan Malaya, tempat kegiatan politiknya, yang ingin digabungkannya dalam Indonesia Raya.

SIKAP politik Dr. Burhanuddin dan Ahmad Boestamam ini juga menunjukkan adanya satu ikatan dan pola politik yang berkait rapat di antara Semenanjung dan Sumatera dan Indonesia umumnya. Pembinaan konsep negara-negara Nusantara tajaan tokoh komunis Indonesia yang terkenal iaitu Tan Malaka, yang berasal dari Tanah Minangkabau memang disedari oleh Dr. Burhanuddin dan Ahmad Boestamam yang selalu melalui pembacaan mereka terhadap buku-buku terbitan Indonesia, seperti kebiasaan cerdik pandai sekolah Melayu pada masa itu. Pelarian-pelarian politik Indonesia yang berfahaman komunis seperti Sutan Djenain, Mokhtaruddin Lasso, Pak Santos, Zainoen dan Abdul Salim Harahap telah menjadikan Semenanjung Tanah Melayu sebagai pusat kegiatan mereka. Mereka menjadi mentor ideologi kepada pemimpin-pemimpin PKMM dan API, termasuk tokoh-tokoh di atas. Kerja sama bekas-bekas anggota Parti Komunis Indonesia dengan Parti Komunis Malaya adalah kuat kerana mereka terletak di bawah arahan Kuomintang Rusia. Kesemuanya ini boleh memberi satu kerja sama yang erat di antara pihak nasionalis radikal Semenanjung, yang berasal dari Sumatera/Indonesia, untuk bekerja sama bagi merealisasikan konsep negara-bangsa Melayu/Nusantara atau Dunia Melayu atau Alam Melayu seperti yang garap diperkatakan oleh Dr. Burhanuddin dalam buku-bukunya.<sup>26</sup>

KONSEP merdeka bersama Indonesia, atau bergabung dengan Indonesia Raya, yang dipegang oleh Ahmad Boestamam dan Dr. Burhanuddin ini, dilihat oleh Dato' Onn dan UMNO sebagai satu penjajahan ke atas Semenanjung oleh Indonesia. Dato' Onn, dalam usahanya untuk memikat British bekerja sama atau menerima UMNO sebagai jurucakap orang Melayu semasa menentang Malayan Union dalam perebutan kuasa politiknya dengan PKMM, telah menakut-nakutkan British dengan unsur-unsur revolusi Indonesia yang boleh mengguna-

kan rasa tidak puas hati orang Melayu terhadap Malayan Union; dengan itu akan merumitkan British untuk menyelesaikan masalah itu. Gerakan komunis di kalangan orang Melayu radikal yang juga dikuasai dan didalangi oleh pelarian politik Indonesia dan persatuan-persatuannya yang berpusat di Singapura dan kerja sama mereka dengan Parti Komunis Malaya juga diutarakan oleh Dato' Onn. Ini diakui oleh ejen perisik British, yang begitu cekap mengikuti perkembangan ejen-ejen politik Indonesia di Singapura dan Semenanjung.<sup>27</sup>

DATO' Onn, juga dalam mengatasi konsep merdeka bersama Indonesia Dr. Burhanuddin dan Ahmad Boestamam ini, telah menggunakan pendekatan psikologi untuk memenangi perasaan pendatang-pendatang Indonesia, yang menjadi tumpuan tokoh-tokoh di atas dan parti-parti mereka. Dalam ucapannya memujuk dan menggalakkan perpaduan di kalangan orang Melayu dalam menentang Malayan Union, beliau memberi satu definisi yang tegas terhadap makna bangsa Melayu sendiri. Bagi beliau "pergerakan Melayu Semenanjung adalah menunjukkan menepati yang duduk dalam Tanah Melayu. . . . Saya minta sekalian orang Melayu, yang menamakan dirinya Melayu, hendaklah membantu pergerakan kebangsaan Melayu." Tambahnya lagi:

. . . Samada Melayu disini berasal dari Bugis, dari Borean, atau dari mana sekalipun tetapi apabila ia sudah duduk tinggal disini, akulah dia Melayu dan ia mempunyai kebiasaan dan hak seperti anak-anak Johor (Semenanjung) juga. . . . Semua orang Melayu, samada Melayu Semenanjung, Melayu Indonesia, Melayu Negeri China semua sekali Melayu dan hendaklah bersatu padu serta berpadu fikiran. . . .<sup>28</sup>

INI bermakna, Dato' Onn mengiktiraf kedudukan orang mendatang Indonesia sebagai orang Melayu Semenanjung. Bagi beliau dari mana asal kedatangan mereka tidaklah penting, tetapi baka Melayu yang dimiliki oleh mereka sudah cukup untuk menjadikan mereka bertanggungjawab menegakkan

kebangsaan Melayu Semenanjung yang sangat-sangat diperlukan pada masa menentang Malayan Union. Strategi ini dapat menjadikan orang Indonesia, yang cuba dipikat oleh Dr. Burhanuddin dan Ahmad Boestamam, merasa tidak terasing dari kegiatan kebangsaan Melayu Semenanjung, terutamanya UMNO, dalam menentang British dan Malayan Union.

KONSEP kemerdekaan yang dibawa oleh Dato' Onn dalam UMNO adalah satu konsep kemerdekaan yang total tetapi agak lambat; iaitu beliau mahu kemerdekaan yang akan dicapai itu patut mengambil kira kemerdekaan ekonomi dan pendidikan. Dalam menentang konsep merdeka bersama Indonesia Dr. Burhanuddin dalam pertemuan Pemuda KRIS di Kuala Lumpur pada 17 Ogos 1945, Dato' Onn menegaskan bahawa kemerdekaan ekonomi orang Melayu dalam pertanian, pembangunan koperasi dan pembangunan tanah orang Melayu, patutlah diutamakan.<sup>29</sup> Dalam ucapan-ucapannya kepada orang Melayu dalam tahun 1946 juga Dato Onn menolak kemerdekaan yang terlalu cepat tanpa persediaan yang cukup. Baginya, kemerdekaan bukanlah sesuatu yang hanya patut dijert-jeritkan, tetapi sesuatu yang mesti diisi dengan usaha-usaha yang konkrit. Baginya orang Melayu belum layak untuk menuntut kemerdekaan politik kerana, "dirinya sendiri tiada berupaya menggerakkan anggotanya—cakup tinggal cakap sahaja, pergerakan ini bukan mengikut perintah orang sahaja melainkan muafakat ramai" dan "semua orang mahu menjadi menteri dan raja, tetapi itu boleh dapat di atas pentas wayang sahaja; kedua-duanya berkuasa pada malam itu sahaja tanpa mengira roboh pada esok pagi."<sup>30</sup>

KEPENTINGAN Islam juga menjadi isu politik bagi kaum nasionalis Melayu ini. Dato' Onn bukan seorang yang berpendidikan Islam seperti Dr. Burhanuddin. Namun, sebagai pemimpin UMNO, perhatiannya kepada Islam sebagai satu sistem kepercayaan dan sosio-budaya masyarakat Melayu tetap jelas. Jabatan Islam merupakan salah satu jabatan yang paling



awal ditubuhkan dalam UMNO. Sokongan para ulama Islam dari seluruh negeri Melayu melalui persatuan-persatuan ulama dan negeri yang bergabung dengan UMNO, adalah jelas sekali. Persidangan alim ulama UMNO telah dibuat di Muar dan Kuala Lumpur pada tahun 1950 dan 1951. Dalam persidangan-persidangan ini, resolusi-resolusi dibuat bagi keseragaman pentadbiran Islam, peraturan-peraturan naik haji, puasa, dan Hari Raya, penubuhan pusat pendidikan Islam tertinggi di Semenanjung dan pembentukan sebuah persatuan ulama Malaya bagi menjadi badan gerakan dakwah dan fatwa Islam Semenanjung. Persatuan ini kemudian menjadi sebuah parti politik, Persatuan Islam Se-Malaya (PAS), apabila golongan ulama UMNO ini menarik diri dari UMNO pimpinan Tunku Abdul Rahman pada akhir tahun 1951. Haji Ahmad Fuad, kawan karib Dato' Onn telah menjadi perergusinya.

DR. Burhanuddin pula melihat Islam sebagai satu alat politik Melayu demi untuk melahirkan perasaan cinta kepada negara dan bangsanya. Bukunya, *Falsafah Kebangsaan Melayu dan Perjuangan Kita*, jelas menggunakan hadith dan ayat-ayat Quran untuk meyakinkan pengikut-pengikutnya terhadap Islam sebagai satu alat kebangkitan politik Melayu. Beliau telah memulakan hal itu sejak dari tahun 1936 apabila beliau mengeluarkan majalah *Taman Bahagia*, yang membincangkan nasib orang Palestin yang ditekan oleh British, sehingga beliau dipenjarakan untuk beberapa bulan.

PEMBELAANNYA kepada masalah Pattani, Thailand juga satu manifestasi kepada keprihatinannya kepada Islam. Penglibatannya dalam penubuhan parti Hizbul Muslimin pada tahun 1948 dan badan-badan ekonomi dan pendidikan Islam juga adalah satu komitmennya kepada Islam sebagai satu ideologi politik. Kepimpinannya dalam PAS, yang cuba menegakkan konsep Darul Islam di celah-celah perjuangan kebangsaan Melayunya pada tahun-tahun 1956-1969, juga adalah salah satu dari kegiatannya yang mencerminkan ideologi Islamnya.

ISU ekonomi juga merupakan satu unsur penting dalam kepimpinan Dato' Onn dan Dr. Burhanuddin. Manakala Ahmad Boestamam pula di peringkat ini tidak begitu jelas dasar ekonominya terhadap orang Melayu. Perhatian beliau lebih banyak tertumpu kepada soal politik sahaja. Pencapaian mereka tentulah berbeza, tetapi sumbangan mereka tetap jelas secara langsung dan tidak langsung kepada sejarah pembangunan ekonomi orang Melayu. Sebagai pemimpin UMNO, Dato' Onn dan partinya bertanggungjawab mewujudkan satu badan bantuan ekonomi kepada orang Melayu. Rural Industrial Development Authority (RIDA) yang ditubuhkan pada tahun 1950 adalah desakan Dato' Onn kepada British sebagai tukar ganti kepada kelonggaran kerakyatan perjanjian Persekutuan 1948. Penubuhan RIDA adalah pengiktirafan secara perlembagaan oleh British dan orang bukan Melayu terhadap bantuan ekonomi, pendidikan dan kebajikan orang Melayu dan penduduk luar bandar.<sup>31</sup> Dr. Burhanuddin pula, telah memberi idea-idea dalam penubuhan LEPES dan PERPEMAS, iaitu badan-badan ekonomi dan pendidikan Islam oleh golongan Melayu-Islam, yang kemudian membawa penubuhan Hizbul Muslimin, sebagai sebuah parti Islam.<sup>32</sup>

PADA kesimpulannya, bolehlah dikatakan, ketiga-tiga tokoh ini mempunyai daya kepimpinan yang agak berbeza, kerana pengertian mereka terhadap isu-isu yang berbangkit dan pendekatan mereka untuk menanganinya juga adalah berbeza. Namun, mereka bertemu dalam konflik politik yang jelas, ketiga-tiganya berusaha untuk mendapatkan pucuk pimpinan politik Melayu itu dan kadang-kadang Malayan dengan mengutarakan pendapat-pendapat yang berbeza yang diharapkan dapat menarik seberapa ramai pengikut yang boleh. Di antara ketiganya, manipulasi politik yang telah dilakukan, seperti yang telah dibincangkan di atas, ternyata telah melahirkan seorang jaguh yang berjaya mendapatkan kepimpinan itu dan mengalahkan lawannya; namun begitu,

kepentingan jaguh dan pencabarnya sebenarnya adalah satu mangkin yang sangat penting dalam mewarnai kepemimpinan dan pencapaian politik Melayu itu sendiri.

## Nota

1. Gehan Wijeyewardene (ed.), *Leadership and Authority: A Symposium* (UMP, 1968), 83–101.

2. Mengikut satu pendapat, konservatisme adalah satu ideologi politik yang, "To a very large extent, the conservative response to liberalisme was not to develop new ideas but to cling to old and long familiar ways of thought. Against the new ideology many conservatives were simply concern to reassert the values of the old older. The duty of obedience to magistrates, clergymen and other traditional authorities had been inculcated for generations by the combines force of church and states. To be content with your appointment place in the social hierarchy, to do your duty in the station of life to which God has chosen to call you, had long been the prime requirements of political and social virtue. To abide by these old habits of thought and action was the natural response of those who rejected the liberal revolution". Frederick M. Watkins, *The Age of Ideology-Political Thought, 1750 to the Present*, 30.

3. Lihat pengakuan Ahmad Boestamam dalam Abdul Rahman Md. Yusuf, "Rahmad Boestamam: Ahli Politik, Wartawan dan Sasterawan," Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1977.

4. E. E. Jennings, berpendapat: "Leaders exists so that they may be better organization, better adaption. They are viewed as assential in that they formulate theories, policies and ideals that give direction, and character to an age anf their presence and character help to define the character of society. The quality of their contribution is such history is substantially of changed." *Anatomy of Leadership, Princes, Heroes and Superman* (New York: McGraw Hill Book Company, 1972), 6–7.

5. Edward Skills, "The Intellectuals in the Political Development of the New States," dalam Jason L. Rinkle dan Richard W. Gables (ed.), *Political Development and Social Change* Second Version, New York, 263.

6. Ahmad Boestamam telah dihantar pulang ke kampungnya oleh pucuk pimpinan KMM; oleh kerana beliau terlalu marah dengan

Ibrahim Haji Yaakob, beliau cuba memintas pengaruh Ibrahim dan Dr. Burhanuddin, dengan menubuhkan Kita (Gerakan Kiri Tanah Air) dan Barisan Pemuda Melayu (BPM) pada tahun 1942 dan 1944 sebagai pusat kegiatannya. Dengan asas inilah beliau berjaya mengumpul pengikut-pengikutnya, yang memudahkan pula beliau bekerja sama dengan ahli-ahli Parti Komunis Malaya, untuk menubuhkan PKMM, pada 17 Oktober 1945. Namun, kepimpinan PKMM terserah kepada Dr. Burhanuddin, setelah Mokhtaruddin Lasso meninggalkan Tanah Melayu.

7. *Utusan Melayu*, 6 April 1946.

8. *Malaya Tribune*, Kuala Lumpur, 18 Oktober 1946.

9. Salinan perlembagaan PKMM terdapat dalam UMNO/SG 19/46; PKMM sebagai ahli bergabung UMNO dikehendaki, seperti persatuan-persatuan Negeri Melayu yang lain, menghantar perlembagaannya ke Pejabat Setiausaha Agung UMNO di Ipoh Perak, di bawah pimpinan Dato' Panglima Bukit Gantang, Haji Abdul Wahab bin Dato' Muda.

10. *Utusan Melayu* pada peringkat awalnya memang menyokong Dato' Onn sebagai pemimpin kebangsaan Melayu pada tahun 1946; maka ucapan-ucapan Dato' Onn diturunkan dengan agak mendalam di dalam akhbar tersebut di antara bulan Mac sehingga Jun 1946, sebelum PKMM menarik diri dari UMNO. Namun, selepas itu Haji Dahlan Masaoud, ketua pengarang akhbar itu dengan terang-terang menarik sokongannya kepada Dato' Onn dan UMNO atas beberapa alasan, yang tidak berbeza dengan pendirian politik PKMM dan golongan radikal Melayu yang menentang Dato' Onn. Mengikut Haji Dahlan sebab-sebab itu adalah: (a) Keluarnya PKMM, bererti UMNO tidak lagi boleh mengaku sebagai wakil orang Melayu; (b) Working Comitee British-UMNO yang, mendraf Perjanjian Persekutuan 1948 tidak melaksanakan konsep demokratik dan UMNO tidak berhak bercakap untuk semua orang Melayu; (c) Dato' Onn mengatakan orang Melayu belum layak merdeka, lantas menolak jemputan Hatta ke Sambutan Hari Kemerdekaan Indonesia dan menolak jemputan Pan-Asian Inter-Relations Conference di New Delhi. *Utusan Melayu*, 24 Januari 1947 dan *Malayan Tribune*, Singapura, 25 Januari 1947. PKMM juga menolak perkara-perkara yang dibangkitkan oleh *Utusan Melayu* dengan begitu hebat sekali. Antaranya, ia telah dimuatkan di dalam *Sunday Tribune*, Singapura pada 29 Disember 1946.

11. Pengakuan Ahmad Boestamam dalam *Indonesian Intentions Towards Malaysia* (Kuala Lumpur: Percetakan Kerajaan, 1964). Ia diterjemahkan oleh *Berita Harian*, pada 14 Februari 1963.

12. Untuk keterangan lanjut mengenai hal ini, lihat Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya*, 148–240.

13. Lihat pengakuan dan cerita Aishah Ghani, sebagai pemimpin pertama AWAS, anak buah PKMM, dalam *Memoir Seorang Pejuang* (Kuala Lumpur: DBP, 1992), 18–36.

14. Empayar Kerajaan Melayu Melaka (1405–1511) adalah contoh bagaimana institusi raja telah membentuk kekuatan kerajaan Melayu dengan konsep daulat dan pantang derhaka yang mengikat rakyat Melayu mencurahkan taat setia mereka yang bilat kepada raja. Dengan kekuatan daulat itu, tradisi kesusasteraan, bahasa, sistem perundangan, politik, perdagangan antarabangsa, sistem kepimpinan tradisional, dan sistem kekeluargaan Melayu telah dapat dibentuk dan kukuh untuk tempoh yang panjang dan kemudian menjadi asas kebudayaan Melayu bagi negeri-negeri yang baru muncul atau yang terpengaruh dengan Melaka di Semenanjung Tanah Melayu. Dato' Onn memang bangga dengan tradisi ini kerana beliau adalah produk langsung dari sistem kesultanan dan kebudayaan Melaka itu sendiri.

15. Bahagian IX, Perjanjian Persekutuan 1948, Negeri-negeri Melayu, Kuasa Memerintah, mengatakan: (87) Kuasa memerintah dalam tiap-tiap negeri Melayu itu hendaklah dijalankan oleh Yang Maha Mulia Raja Negeri itu samada dengan sendirinya atau menerusi pegawai-pegawai kerajaan negeri itu: (91) . . . maka tiada boleh seorang ahli itu duduk atau ia mengangkat dan menandatangani dihadapan Duli Yang Maha Rajanegeri itu atau sesiapa yang dikuasakan oleh Yang Maha Mulia . . . : (92) Maka tiada boleh dipanggil sesuatu Majlis Mesyuarat Kerajaan melainkan dengan titiah Yang Maha Mulia Raja Negeri itu: (93) Hendaklah Yang Maha Mulia itu hadir dan mengetuai persidangan-persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan dan jika baginda tidak hadir hendaklah mana-mana ahli yang dilantik olehnya dengan surat mengetuai Majlis tersebut. *The Federation Of Malaya Agreement 1948*, 58–59. Banyak lagi fasal-fasal yang boleh didapati dalam Perjanjian ini yang memberi kuasa kepada Raja Melayu mentadbir negerinya dengan bantuan pegawai-pegawai yang dilantiknya. Untuk keterangan lanjut lihat,

*Persekutuan Tanah Melayu, Federation of Malaya Agreement 1948, Government Gazette 1949.*

16. Konsep Raja Berperlembagaan memang diasaskan oleh Perjanjian Persekutuan 1948, bukannya Perlembagaan Merdeka 1956. Ini kerana konsep menasihah raja telah dicatatkan dengan tegas dalam Perjanjian 1948, yang kemudiannya diikuti oleh Perjanjian Merdeka 1956 dalam bahagian IX seperti di atas disebutkan bahawa: (94) Yang Maha Mulia Raja tiap-tiap Negeri hendaklah berunding dengan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dalam menjalankan segala kuasa-kuasanya dan perintah-perintahnya, kecuali dalam perkara-perkara: (a) yang berkaitan dengan perkhidmatan Yang Maha Mulia; (b) perkara yang sangat kecil; (c) perkara yang sangat segera sehingga tiada sempat mengambil nasihat Majlis, *Federation of Malaya Agreement 1948*, 61. Walaupun konsep raja berperlembagaan telah diperkenalkan, namun dilihat dari peruntukan Perjanjian Perlembagaan 1948, dalam Bahagian IX juga yang mengatakan bahawa: (96) Yang Maha Mulia Raja bagi tiap-tiap Negeri Melayu tiada wajib mengikut nasihat yang diberi kepadanya oleh ahli-ahli majlis Mesyuarat Kerajaan jika dalam mana-mana perkara nampak pada pertimbangannya layak dijadikan begitu. (hlm. 61).

17. Lihat Jadual 8, Perlembagaan Merdeka 1957. Di sini, konsep raja berperlembagaan itu ditegaskan dengan Raja mentadbir mengikut nasihat Majlis Mesyuarat Negeri, di samping baginda juga diberi peluang boleh mengetepikan nasihat itu jika baginda ingin berbuat begitu dalam hal-hal tertentu. Segala pelantikan ahli Majlis Mesyuarat Negeri masih lagi dilantik oleh Raja dan ketua eksekutif yang diwakilkan oleh Raja masih lagi Menteri Besar. Jawatan ini telah diwujudkan serentak dan seragam di kesemua Negeri Melayu di bawah Perjanjian Persekutuan 1948.

18. Kebanyakan orang tidak menyedari perjuangan Dato' Onn dalam hal ini. Untuk mendapat keterangan lanjut mengenai hal ini lihat Ramlah Adam, *Dato' Onn Jaafar: Pengasas Kemerdekaan* (Kuala Lumpur: DBP, 1992). Kegagalan Dato' Onn dalam melaksanakan IMP adalah kerana ketegasannya mempertahankan kerakyatan jus soli bersyarat. Orang bukan Melayu dalam CLC dan IMP mendesak Dato' Onn supaya menerima jus soli terbuka bagi sesiapa sahaja yang berminat untuk menjadikan Tanah Melayu sebagai negerinya

dan dalam masa yang sama mengekalkan kerakyatan berganda (*dual nationality*) mereka. Ketegasan Dato' Onn telah menyebabkan ia ditentang oleh MCA dan MIC, yang menjadi ahli IMP. Kedua-dua pertubuhan ini kemudian menyokong UMNO, pimpinan Tunku Abdul Rahman, yang bersetuju dengan kerakyatan jus soli terbuka. Pada tahun 1962, Tun Abdul Razak terpaksa meminda perlembagaan dan mengetatkan kerakyatan Tanah Melayu dengan menamatkan kerakyatan bagi 1.4 juta penduduk dagang di Tanah Melayu.

19. Hal ini telah banyak diperkatakan orang; tetapi sehingga kini interpretasi penulis-penulis mengenai Perlembagaan Rakyat adalah sangat positif. Mereka melihat ia satu kemajuan politik Malaya dan permulaan kerjasama Melayu dan bukan Melayu yang pertama. Namun, mereka harus ingat bahawa Perjanjian Persekutuan 1948 telah menjadikan semula ini sebagai negeri Melayu dengan raja dan rakyat Melayunya sebagai penguasa politik Tanah Melayu. Dasar politik ini sangat penting kerana Malayan Union telah mencabut dasar pra-1941 British yang mengiktiraf Semenanjung Tanah Melayu sebagai Negeri Melayu. Pengiktirafan semula British ke atas dasar pra-1941 itu membolehkan kemerdekaan 1957 memberi keutamaan kepimpinan politik dan pentadbiran negara ini kepada orang Melayu. Oleh kerana itu penentang kepada Malayan Union adalah lebih penting dari kemerdekaan 1957, yang telah menjadikan bangsa Melayu sebagai satu etnik sahaja.

20. Ahmad Boestamam, *Merintis Jalan Kepuncak* (Pustaka Kejora, 1972), menjadikan konsep itu sebagai tema tulisannya, sehingga sesiapa sahaja yang membacanya tanpa merujuk kepada dokumen-dokumen lain, terutama yang bersifat rasmi dan sezaman dengannya, akan menjadi begitu terpengaruh sekali. Malah, para ahli akademik juga turut terpesona dan menerima bulat-bulat dakwaan Ahmad Boestamam. Saya gembira kerana akhirnya ada seorang sarjana yang turut mengingatkan kita terhadap hal itu dengan mengatakan: walaupun memang diakui beberapa karya yang ditulis oleh tokoh-tokoh yang terlibat dalam pergerakan kiri Melayu sedikit sebanyak telah menambahkan lagi perbendaharaan maklumat mengenai PKMM, namun pada umumnya tulisan mereka itu banyak berdasarkan ingatan semata-mata dan seorang penyelidik sejarah yang giat membaca dokumen kolonial yang tersimpan di Public Record Office di London pasti akan mendapati betapa tidak tepatnya



maklumat yang diberikan . . . Ahmat Adam, *Partai Kebangsaan Melayu Malaya: Satu Mimpi Nusantara*, 1.

21. *Utusan Melayu*, 2 Mei 1946.

22. Sikapnya menentang orang dagang menuntut kuasa (politik dan usaha jelas dalam bukunya *Perjuangan Kita*, yang diterbitkan pada tahun 1946 di Singapura, konsep seperti Tak kan Melayu Hilang di Dunia dipegangnya. Keseluruhan buku itu menceritakan keagungan bangsa Melayu dengan empayar-empayar Melayu di Kepulauan Melayu. Beliau juga memberi 21 persoalan yang menitik-beratkan penguasaan politik bangsa Melayu di Semenanjung Tanah Melayu. Tegasnya, dengan membaca buku ini, nada beliau adalah tegas mempertahankan kebangsaan Melayu yang berdasarkan baka, kebudayaan, sejarah, adat istiadat, tabii, dan hak mempertahankan Semenanjung Tanah Melayu dari dikuasai oleh penjajah dan dicerobohi oleh bangsa dagang. Untuk keterangan lanjut lihat *Ibid*, hlm. 23-60.

23. Dr. Burhanuddin Al-Helmy, "Falsafah Kebangsaan Melayu," dalam Kamaruddin Jaffar, Dr. Burhanuddin, *Politik Melayu dan Islam* (Kuala Lumpur: Penerbitan Yayasan Anda, 1980), 111.

24. Lihat fail-fail CO 537/1529-1550, yang memberi bukti-bukti yang begitu banyak terhadap perkara itu. Untuk keterangan sebahagian besar daripadanya, lihat Ramlah Adam, *Dato' Onn Jaafar: Pengasas Kemerdekaan*, 81-111.

25. Ahmad Boestamam, dalam tulisannya yang bertajuk "Merintis Jalan Kepuncak," memperlihatkan hal ini dengan jelas sekali. Akhbar Pelita Malaya, Suara rasmi PKMM dan API yang diterbitkan pada tahun 1946 di Kuala Lumpur, juga sentiasa memperlihatkan hal ini. Malah, pada zaman pendudukan Jepun pada 1942-1945, beberapa akhbar yang dipegang oleh golongan radikal Melayu seperti Ibrahim dan Ishak Haji Mohamad, telah memperlihatkan sokongan total mereka kepada Indonesia. Tulisan-tulisan beberapa orang tokoh seperti Abdul Rahim Kajai, Sheikh Tahir Jalaluddin, Hamka, Sukarno, Sanusi Pane, dan Zaaba juga menyokong ke arah konsep Melayu Raya yang berpusat ke Indonesia. Untuk keterangan lanjut lihat, Ramlah Adam, "Semangat Asia dan Fajar Asia: A Study of local Magazines During the Japanese Occupation in the Malay Peninsula, 1942-1945," Kertas kerja yang dibentangkan di IAHA Conference, University of Sophia, Tokyo, pada 5-9 September 1994.

26. Lihat fail BMA/ADM 9/16-Intelligence Reports Malaya Command and Formation Under Command. Lihat juga Ahmat Adam, "Partai Kebangsaan Melayu Malaya: Sebuah Mimpi Nusantara," kertas kerja dalam Seminar Kebangsaan Nasionalisme dan Pembangunan di Malaysia, pada 15 November 1994 di UKM Bangi.

27. Lihat fail-fail CO 537/4792, 7297, 1548, 1531, 1528, 2141, dan banyak lagi yang terdapat dalam koleksi CO 537-Supplementary Correspondence Straits Settlement, Federated Malay States and Singapore 1946-1953. Lihat juga fail-fail di bawah koleksi BMA/ADM 9/16-Intelligence Reports Malaya Command and Informations Under Command.

28. *Utusan Melayu*, 4 Mei dan 26 November 1946.

29. Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya* (Singapura: SUP, 1983), 121.

30. *Utusan Melayu* 2 November 1946.

31. Ramlah Adam, "Communities and RIDA: A Political Bargaining in Malaya." Kertas kerja yang dibentangkan di 34th ICANAS Conference, University of Hong Kong, pada 22-28 Ogos 1993.

32. Untuk keterangan lanjut lihat Nabir Haji Abdullah, "Maahad Ilihya Assyariff Gunung Semanggol 1934-1959," Jabatan Sejarah, UKM, Bangi, 1976.

# **LATAR BELAKANG PENULIS**

**DATUK ABDUL LATIFF ABU BAKAR** bertugas sebagai Profesor Madya di Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya.

**DATUK DR. MOHD. YUSOFF HASHIM** bertugas sebagai Profesor dan Ketua Jabatan Sejarah Universiti Malaya.

**YAHAYA ABU BAKAR** bertugas sebagai Pensyarah di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.

**DR. ABDULLAH ZAKARIA GHAZALI** bertugas sebagai Profesor Madya Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.

**ZAINAL ABIDIN BORHAN** bertugas sebagai Pensyarah di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

**DR. MOHD. SARIM HAJI MUSTAJAB** bertugas sebagai Profesor Madya di Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

**DR. AHMAT ADAM** bertugas sebagai Profesor di Universiti Malaya Sabah.

**ABDUL AZIZ MAT TON** bekas Pensyarah di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.

**MAHADZIR MOHD. KHIR** bertugas sebagai Profesor Madya di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.

**MOHAMAD ABU BAKAR** bertugas sebagai Profesor Madya di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.

**DR. RAMLAH ADAM** bertugas sebagai Profesor Madya di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.

# MELAKA

## DAN ARUS GERAKAN KEBANGSAAN MALAYSIA

Telah acap kali percakapan ini bergemeretak di mana-mana hingga ke peringkat nasional, sedikit cuma coretan yang dapat didokumentasikan mahupun dibukukan untuk tatapan generasi kini, kisah semangat juang wira-wira bangsa yang meniti zaman sebelum dan selepas merdeka.

Sebagai menambah bahan bacaan yang ada, senaskhah lagi buku dipersembahkan dengan membawa pembaca kepada persoalan patriotisme dan nasionalisme, peranan serta faham politik pejuang-pejuang kebangsaan, serta memaparkan Melaka sebagai negeri yang suatu waktu dahulu menjadi rebutan penjajah-penjajah Barat telah menjadi inspirasi kepada para nasionalis Malaysia untuk berjuang menentang penjajah dan juga peranan penting yang dimainkan oleh Melaka dalam mencetuskan gerakan kebangsaan itu.

Walau apa pun faham politik yang didukung, visi mereka tetap satu, "memerdekakan negara". Inilah realisme di sebalik perjuangan mereka yang patut direnungi dan dihayati bersama, demi mempertahankan maruah bangsa dan negara nyawa menjadi taruhan hingga mengatasi segala.

Keduabelasan artikel yang mengisi ruang di dalam buku ini adalah himpunan daripada seminar yang bertemakan "Melaka Dalam Arus Gerakan Kebangsaan Malaysia". Penulis/pembentangannya terdiri daripada tokoh-tokoh akademik yang arif dalam bidang nasionalisme Malaysia.

Buku ini sesuai dibaca dan disandarkan sebagai bahan rujukan pemimpin-pemimpin persatuan, masyarakat, politik, kerajaan, dan amat berguna kepada penuntut Sekolah Menengah Atas dan Pusat Pengajian Tinggi serta warga yang mencintai ilmu dan menghormati perjuangan wira bangsanya.

ISBN 967-9940-93-4



Institut Kajian Sejarah dan  
Patriotisme Malaysia

Penerbit Universiti Malaya